
**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Datuk Haji Nawi bin Mohamad, PMW.,SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN.,AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
YBM Tengku Seri Bijaya Raja, PSD., DPMT., SMZ., DNS., KAT., BCM., PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
YB Dato' Haji Shahidan bin Embok, DPMT., PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

PUKUL 9.30 PAGI

Setiausaha Dewan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

**TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN TERENGGANU**

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu tidak dapat mengampuni perkenan berangkat ke Majlis Perasmian pada hari ini dan baginda telah mengampuni perkenan Perutusan Titah Ucapan Baginda dibaca oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Dipersilakan Setiausaha menyerahkan Perutusan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

[Setiausaha Menyerahkan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu Kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar membaca Perutusan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu tidak dapat berangkat ke Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini dan dengan ini saya telah diwakilkan untuk membaca Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu,
Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu

Setinggi-tinggi kesyukuran diucapkan ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala*. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad *Sollallahu 'Alaihi Wasallam* serta sekalian ahli keluarga, para sahabat dan seluruh umat Baginda.

Alhamdulillah, di pagi yang mulia ini, kita semua diberikan kesihatan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* untuk menyempurnakan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Terengganu yang Keempat Belas.

Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Ali-Imran, ayat 190 yang bermaksud:

"Sesungguhnya pada kejadian Langit dan Bumi, dan pada pertukaran Malam dan Siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal."

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Ucapan Beta pada pagi ini akan menyentuh tiga perkara:

1. Unjuran ekonomi dunia (*world economic outlook*) dan persediaan kita di peringkat negeri.
2. Demokrasi dan partisipasi tadbir urus.
3. Ketiga, penghargaan dan saranan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Bank Dunia dalam satu laporannya pada bulan Januari 2022 telah membuat unjuran bahawa ekonomi dunia dijangka masih berkembang secara positif

untuk tahun 2022. Walau bagaimanapun, perkembangan ekonomi dunia ini dijangka menunjukkan trend atau arah aliran yang menurun iaitu pada kadar lima perpuuluh lima peratus (5.5%) pada tahun 2021, empat perpuuluh satu peratus (4.1%) pada tahun 2022 dan tiga perpuuluh dua peratus (3.2%) pada tahun 2023.

Trend penurunan dijangka berlaku ekoran ketidaktentuan ekonomi dunia yang bakal menyebabkan banyak negara terkesan khasnya negara-negara membangun seperti Malaysia. Perbelanjaan Kerajaan dan penggubalan dasar kewangan di negara-negara ini memerlukan pemikiran yang segar dan pendekatan yang berbeza kerana kita kini berada dalam satu keadaan yang belum pernah kita hadapi sebelum ini (*uncharted territory*).

Namun keadaan dijangka menjadi lebih mencabar. Peperangan yang berlaku berikutan serangan tentera Rusia ke atas negara Ukraine akan mendatangkan impak yang sangat teruk kepada ekonomi dunia. Sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas negara Rusia turut menyebabkan harga komoditi di pasaran dunia seperti bahan api, dan bahan makanan seperti gandum dan jagung, meningkat.

Misalnya, harga minyak mentah Brent melonjak kepada seratus dua puluh sembilan Dolar Amerika (USD 129) pada 6 Mac, 2022 dan dijangka terus meningkat. Pendapatan negara pengeluar minyak akan meningkat tetapi harga minyak yang tinggi akan mendatangkan kesan rantaian terhadap ekonomi khasnya ekonomi isi rumah. Kos pembuatan dan pengeluaran akan meningkat dan pengguna akan menanggung akibat.

Peningkatan harga bahan mentah makanan seperti gandum dan bijirin lain seperti jagung turut akan mendatangkan kesan langsung kepada harga bahan makanan tempatan dan hal ini perlu ditangani.

Justeru, Beta ingin mengesyorkan supaya Kerajaan Beta melaksanakan satu kajian impak (*impact assessment*) untuk Negeri Terengganu dengan mengambilkira persekitaran global sepertimana yang disebutkan tadi. Ini termasuklah kesan langsung terhadap sektor-sektor penting ekonomi negeri seperti perkhidmatan dan pelancongan, apabila sempadan negara dibuka semula nanti.

Kajian impak ini perlu mengenalpasti bukan sahaja kesan ke atas pembangunan Negeri Terengganu malah menghasilkan cadangan-cadangan khusus bagi mengurangkan impak langsung ke atas isi rumah yang berpendapatan rendah B40 dan berpendapatan sederhana M40.

Kedua-dua golongan ini sudahpun terkesan dan terbeban dengan harga barangan khususnya makanan, yang meningkat dan kesan sampingan ke atas punca pendapatan, ekoran penularan wabak Covid-19. Misalnya, data terkini merekodkan terdapat 985 orang golongan miskin tegar dan 26,526 orang golongan miskin di Negeri Terengganu yang memerlukan perhatian daripada semua pihak.

Bak kata pepatah, yang condong ditumpil, yang lemah dianduh. Beta yakin Kerajaan Beta akan meneruskan usaha-usaha membantu golongan yang lemah dan terkesan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Perkara kedua yang Beta ingin sentuh ialah berkenaan Demokrasi dan partisipasi tadbir urus.

Indeks Demokrasi yang dikeluarkan oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU) memberikan gambaran terhadap tahap demokrasi di 167 buah negara. Bagi tahun 2021, Indeks Demokrasi di peringkat global telah menurun daripada skor purata lima persepuluh tiga tujuh (5.37) kepada lima persepuluh dua lapan (5.28), daripada skor penuh sepuluh (10). Penurunan skor purata ini disebabkan halangan-halangan yang terpaksa diwujudkan oleh semua negara di dunia, bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

Walau bagaimanapun, Negara Malaysia mendapat skor 7.24, iaitu lebih tinggi daripada skor purata global, dan berada di kedudukan ke-39 daripada 167 buah negara. Skor dan kedudukan ini adalah yang terbaik berbanding semua negara jiran di rantau ASEAN.

Sebagai sebuah negara demokrasi yang menjunjung prinsip Raja Berperlembagaan, Malaysia tidak pernah gagal mengadakan pilihan raya, baik apabila tiba tempoh yang ditetapkan menurut peruntukan

perlembagaan ataupun apabila sesuatu Dewan Undangan Negeri dibubarkan dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja atau Yang di-Pertua Negeri masing-masing.

Ini memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk memilih dengan menyertai proses demokrasi secara luhur dan terhormat.

Namun, partisipasi rakyat dalam demokrasi tidak semestinya dihadkan kepada peluang untuk memilih dalam pilihan raya yang berlakunya mungkin dalam tempoh lima tahun sekali.

Rakyat harus mengambil bahagian secara aktif dalam membantu Kerajaan yang dipilih, sama-sama memberi input dalam aspek tadbir urus, merangka dan melaksanakan dasar-dasar yang baik untuk rakyat.

Walaupun mereka telah melantik wakil-wakil mereka untuk berbincang dan membahaskan enakmen-enakmen negeri di dalam Dewan Undangan Negeri, namun dengan adanya prinsip langit terbuka, akses digital, pendedahan kepada pelbagai bentuk dan saluran maklumat, serta tahap pengetahuan rakyat itu sendiri yang tinggi tentang sesuatu isu berbangkit, maka partisipasi rakyat dalam menentukan hala tuju negeri dan negara harus ditagih. Dalam suasana muhibah, terhormat dan bertamadun, proses membuat dasar sudah menjadi semakin demokratik.

Ibarat kata pepatah, seliang bagai tebu, serumpun bagai serai. Sekiranya kita saling bekerjasama dan berperanan dengan baik, *insya-Allah*, kejayaan juga yang bakal menanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Perkara ketiga yang ingin Beta sentuh ialah penghargaan dan saranan.

Situasi penularan Covid-19 telah mula beralih kepada fasa pemulihan yang memerlukan kita semua menjalani kehidupan secara norma baharu. Beta mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas pengorbanan semua pihak dalam membendung penularan wabak ini.

Namun begitu, Beta masih menaruh kebimbangan terhadap perkembangan terkini Covid-19 yang terus menunjukkan trend peningkatan sejak penularan varian Omicron. Oleh itu, Beta menyeru pihak Kerajaan dan rakyat di negeri ini untuk terus meningkatkan amalan penjagaan kebersihan dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Beta mengambil maklum usaha Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu pengangguran di Negeri Terengganu. Berdasarkan rekod semasa, jumlah pencari kerja yang telah ditawarkan pekerjaan bagi tahun 2021 adalah seramai 8,500 orang.

Inisiatif anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu TDM Plantation Sdn Bhd dengan menawarkan 800 peluang pekerjaan merupakan usaha yang harus dicontohi oleh pemain industri yang lain. Justeru, program seumpama ini perlu diteruskan dan dipertingkatkan supaya isu pengangguran dapat diatasi dan kebergantungan kepada pekerja asing dapat dikurangkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta berbesar hati kerana Negeri Terengganu telah diletakkan sebagai salah sebuah negeri yang diberi keutamaan dalam perancangan pembangunan menurut Rancangan Malaysia Ke-12. Beta mengambil kesempatan di sini untuk menyeru semua pihak terutamanya agensi Negeri dan Persekutuan agar meningkatkan kerjasama secara strategik dalam memastikan pelaksanaan rancangan Kerajaan berjalan dengan baik demi faedah rakyat. Perancangan dasar yang baik harus disusuli dengan pelaksanaan yang baik juga.

Beta turut dimaklumkan tentang status pelaksanaan terkini projek ECRL bagi Negeri Terengganu iaitu pada tahap 25.76 peratus. Negeri Terengganu juga bakal menerima limpahan ekonomi hasil daripada cadangan pembangunan Transit Oriented Development (TOD) di enam stesen yang bakal dibangunkan kelak. Model pembangunan TOD yang merangkumi komponen perumahan, komersial dan industri perlu direncanakan sebaik mungkin dan bersegera. Ianya sudah lama tertangguh dan ini bukan sahaja akan merugikan rakyat malah mendedahkan kemungkinan meningkatnya kos projek berikutan kos bahan pembuatan yang meningkat di pasaran dunia. Selain itu, pembangunan berorientasikan

kargo (COD) turut dilihat berpotensi untuk dibangunkan memandangkan industri minyak dan gas masih menjadi industri penting di Negeri Terengganu.

Dalam menuju tahap pembangunan ekonomi yang maju, maka Kerajaan Negeri akan menjadikan Revolusi Perindustrian Keempat (*Industrial Revolution Four Point Zero* (4.0) sebagai pemacu. Ini merangkumi penemuan pelbagai teknologi baharu yang kompleks seperti automasi, *Internet of Things* (IoT), *bigdata*, *advance analytics* dan penggunaan robotik yang dilihat sebagai revolusi baharu dalam aktiviti perniagaan.

Ianya selaras dengan pembangunan Pelan Induk Kerajaan Digital Pintar Terengganu, Pelan Strategik Taman A.I. dan Pelan Strategik Pendigitalan (PSUK) 2021-2025 yang baharu sahaja ditandatangani bersama pihak MAMPU. Ini satu langkah yang tepat dalam hasrat untuk mewujudkan Kerajaan Pintar Negeri Terengganu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Segmentasi pelancongan berasaskan "*Community-Based Tourism* (CBT)" yang telah dilaksanakan di beberapa lokasi di negeri ini dilihat sebagai produk pelancongan yang mempunyai kekuatan berasaskan sumber alam semulajadi.

Konsep yang diterapkan memberi fokus kepada pelancong domestik yang merupakan penyumbang utama kepada bilangan kemasukan pelancong bagi tahun 2021.

Beta juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah di atas pencapaian pelaksanaan Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021. Seramai 13,702 orang golongan sasar telah menerima manfaat secara langsung sepanjang pelaksanaan program ini.

Peranan sektor swasta terutama *anchor player* untuk Projek Penanaman Lada Hitam di kawasan Setiu perlu dijadikan contoh untuk pembangunan pertaniandi kawasan-kawasan lain. Peranan agensi Negeri dan Persekutuan seperti TADC dan ECERDC perlu diperkasakan supaya sektor pertanian dapat menjadi antara penyumbang utama KDNK negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Negeri Terengganu baharu sahaja dilanda bencana banjir yang luar biasa terutamanya di Daerah Hulu Terengganu dan Kemaman. Beta menzahirkan rasa dukacita di atas musibah yang telah melanda mangsa-mangsa banjir ini sehingga mengakibatkan kepayahan dan kerugian harta benda. Di masa yang sama Beta ingin menzahirkan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) yang telah bertungkus lumus menyelamatkan, membantu dan meringankan beban mangsa-mangsa banjir tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para penjawat awam yang menjadi benteng dan memainkan watak utama dalam merealisasikan dasar-dasar yang telah ditetapkan Kerajaan.

Pengamalan sistem tadbir urus yang menjadi penanda aras, budaya kerja kelas pertama dan tahap integriti yang tinggi adalah prasyarat dalam menentukan kejayaan sesebuah pentadbiran.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan para penjawat awam perlulah sama-sama menggembleng tenaga bagi memastikan pembangunan Negeri Terengganu terus berada di landasan yang tepat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Akhirnya, Beta berdoa agar rakyat dan negeri ini akan terus dilindungi oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* dan sentiasa dilimpahi rahmatNya. Semoga Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini dapat berjalan dengan teratur dan sempurna serta penuh rasa hormat-menghormati antara satu sama lain.

Dengan lafaz yang mulia, *Bismillahirrahmanirrahim*, Beta dengan sukacitanya merasmikan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Keempat Belas, tahun 2022.

Selamat Bersidang. Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sekianlah sahaja Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah disempurnakan bacaan oleh saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 10.25 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 9.55 PAGI

PUKUL 10.25 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰی وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ الْاَنْبِیَاءِ وَالْمُرْسَلِیْنَ وَعَلٰی اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰی وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan Negeri dan Persekutuan, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang telah mengizinkan kita untuk bersama-sama hadir ke persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini iaitu Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Keempatbelas sebagaimana yang dijadualkan.

Saya ingin merafak sembah dan menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah DYMM al-Wathiqu Billah, Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni al-Marhum Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah mengampuni perkenan YAB Menteri Besar bagi membaca teks Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebentar tadi. Saya optimis bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat telah membuat persediaan yang sebaiknya dalam membahaskan titah ucapan ini selaras dengan visi untuk merealisasikan Dewan Undangan Negeri kita sebagai 'DUN Yang Terunggul' dan bagi mencapai hala tuju pembangunan negeri kita.

Kita masih lagi belum menang menghadapi cabaran Covid 19. Saya ingin mengingatkan semua pihak untuk sentiasa bersedia secara proaktif bagi mengambil peluang dalam fasa endemik covid 19 kerana mulai April 2022, Kerajaan Persekutuan telah mengisytiharkan pembukaan sempadan negara kita kepada negara luar bagi membolehkan semua sektor dapat beroperasi sepenuhnya.

Bagi mewakili Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, saya ingin menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah DYMM Tuanku al-Sultan mencemar Duli berangkat bagi menyempurnakan majlis pelancaran buku 'Sejarah Dan Perkembangan Dewan Undangan Negeri Terengganu' pada tanggal 14 Mac yang lepas. Buku yang dimaksudkan itu berada di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk makluman, oleh kerana cetakan buku ini adalah terhad, maka edaran buku ini diberi keutamaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan ketua-ketua jabatan yang terpilih. Buku ini juga boleh diakses secara digital melalui *QR Code* yang telah disediakan. Sebagaimana ucapan saya dalam majlis tersebut iaitu sebagai ahli badan legislatif, kita menggalas tanggungjawab yang cukup berat untuk menjadikan Dewan Undangan Negeri kita lebih islamik dan demokratik dalam menyuarakan kepentingan orang ramai bagi membangunkan negeri ini.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) yang telah bekerjasama dengan pejabat DUN sehingga termeterai satu memorandum persefahaman (MoU) bagi penambahbaikan perpustakaan digital dengan meluaskan akses maklumat rujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Selepas ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bukan sahaja hanya dapat mengakses bahan-bahan bacaan berkaitan legislatif semata-mata bahkan turut mendapat akses penuh segala bahan informasi yang dimiliki oleh PPAT sebagai rujukan Ahli-ahli Yang Berhormat. Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memanfaatkan kemudahan ini dengan sebaiknya bagi membantu tugas sebagai seorang ahli badan perundangan yang profesional.

Dalam masa yang sama saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS) yang telah melaksanakan kerjasama dengan penyelidik-penyelidik daripada UniSZA bagi menghasilkan sistem 'Terengganu Lawnet'. Sistem digital ini merupakan satu platform capaian digital bagi mendapatkan sumber mengenai enakmen-enakmen dan undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Justeru itu, dengan peluang yang ada ini, kita turut berhasrat untuk memasukkan capaian akses dan kerjasama antara Terengganu Lawnet dan juga Perpustakaan Digital Pejabat Dewan Undangan Negeri pada masa akan datang. Dengan kejayaan hasil usaha ini, semua maklumat undang-undang negeri boleh dicapai di hujung jari sahaja, *insya-Allah*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*) yang kita tubuhkan dalam sidang DUN yang lepas iaitu Jawatankuasa Terpilih Semakan Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan telah bergerak selangkah ke hadapan dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*) yang terdiri dari mereka yang pakar dalam bidang perundangan dan pentadbiran Dewan khususnya. *Insya-Allah*, jawatankuasa ini akan mengemukakan laporan kepada pihak Dewan apabila tiba masanya nanti.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak SPR dan semua Ahli Yang Berhormat yang telah dijemput untuk mendengar taklimat dan perbincangan berhubung dengan pengundi baru 18 tahun yang didaftarkan secara automatic baru-baru ini. Kajian dan usaha perlu dibuat bagi memastikan mereka keluar mengundi sebagaimana pengalaman pilihan raya

negeri Johor baru-baru ini. Saya yakin walaupun masih muda, mereka akan menjadi pengundi yang matang untuk menggunakan hak mereka dengan bijaksana.

Sebagaimana biasa saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat sekalian supaya sentiasa mematuhi *standing orders* supaya persidangan kita dapat berjalan dengan lancar tanpa aksi-aksi yang berlebihan. Adakalanya dalam keghairahan kita bersoal jawab dan berbahas, kita lupa adat-adat dan nilai perpaduan yang sepatutnya dijadikan contoh kepada rakyat yang sentiasa memerhatikan kita.

Akhirnya, saya mohon kerjasama mana-mana Ahli Yang Berhormat yang berhasrat untuk mengadakan sidang media boleh berbuat demikian di tempat khas yang telah disediakan di perkarangan Dewan Undangan Negeri bukan di ruang legar atau lobi Dewan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Sekian, selamat bersidang.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Penyata Kewangan Tahun 2020
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
(D.U.N. Bil.1/2022)
2. Penyata Kewangan Tahun 2020
Majlis Daerah Besut
(D.U.N. Bil.2/2022)

3. Penyata Kewangan Tahun 2020
Majlis Daerah Hulu Terengganu.
(D.U.N. Bil.3/2022)
4. Penyata Kewangan Tahun 2020
Majlis Daerah Marang
(D.U.N. Bil.4/2022)
5. Penyata Kewangan Tahun 2020
Majlis Daerah Setiu
(D.U.N. Bil. 5/2022)
6. Penyata Kewangan Tahun 2020
Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu
(D.U.N. Bil. 6/2022)
7. Penyata Kewangan Tahun 2020
Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu
(D.U.N. Bil. 7/2022)
8. Penyata Kewangan Tahun 2020
Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu
(D.U.N. Bil. 8/2022)
9. Laporan Audit Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu
(D.U.N. Bil. 9/2022)
10. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2020
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu
(D.U.N. Bil. 10/2022)
11. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2020
Lembaga Muzium Negeri Terengganu
(D.U.N. Bil. 11/2022)

12. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri
serta Pengauditan Pematuhan Jabatan dan Agensi
Negeri Terengganu
(D.U.N. Bil. 12/2022)

13. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2020
Yayasan Terengganu
(D.U.N. Bil. 13/2022)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Berhormat meneliti Perutusan Titah DiRaja untuk membuat perbahasan, saya tangguhkan persidangan Dewan sehingga ke hari esok, Selasa 22 Mac 2022 jam 9.30 pagi dan untuk itu marilah sama-sama kita membaca tasbih kaffarah dan surah al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.50 PAGI

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Datuk Haji Nawi bin Mohamad, PMW.,SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN.,AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
YB Dato' Haji Shahidan bin Embok, DPMT., PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
YBM Tengku Seri Bijaya Raja, PSD., DPMT., SMZ., DNS., KAT., BCM., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan pada pagi ini, untuk dapat barakah, marilah sama-sama kita membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

- (1) Soalan-soalan Bertulis.
- (2) Soalan-soalan Lisan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Yang Berhormat Wakil Tepoh
2. Yang Berhormat Wakil Batu Buruk
3. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
4. Yang Berhormat Wakil Sura
5. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
6. Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
7. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
8. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
9. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
10. Yang Berhormat Wakil Bandar
11. Yang Berhormat Wakil Air Putih
12. Yang Berhormat Wakil Kemasik
13. Yang Berhormat Wakil Wanita

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini, 22 Mac 2022 iaitu dari:

1. Yang Berhormat Wakil Tepoh
2. Yang Berhormat Wakil Batu Buruk
3. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
4. Yang Berhormat Wakil Sura
5. Yang Berhormat Wakil Telemong
6. Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
7. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
8. Yang Berhormat Wakil Manir
9. Yang Berhormat Wakil Jertih

10. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
11. Yang Berhormat Wakil Langkap
12. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
13. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
14. Yang Berhormat Wakil Bandar
15. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
16. Yang Berhormat Wakil Air Putih
17. Yang Berhormat Wakil Ajil
18. Yang Berhormat Wakil Kemasik
19. Yang Berhormat Wakil Wanita

Sebelum kita teruskan sesi Soal Jawab Soalan Lisan pada pagi ini, saya nak berikan sedikit peringatan berdasarkan pada pengalaman yang lepas, peruntukan masa satu jam ini sebenarnya tidak dapat kita nak sempurnakan kepada setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Oleh sebab itu, untuk meraikan lebih ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan Soalan Lisan, saya memberi peluang kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan untuk satu soalan tambahan dan kalau difikirkan betul-betul perlu, baru saya buat keputusan untuk tambah sama ada daripada tuan asal soalan ataupun boleh ditambah oleh Yang Berhormat lain.

Selain daripada itu, saya juga ingin menarik perhatian berhubung dengan perkara asas dalam kita mengemukakan soalan sebab kadang-kadang berlaku salah faham. Soalan-soalan dalam sesi Soalan Lisan ini dijadikan sebagai perbincangan. Sebab itu dalam perkara 26 (1) disebutkan dengan jelas maksud yang sebenar membuat soalan ialah untuk mendapatkan penerangan dan tidak boleh dijadikan helah bagi sesuatu perbincangan. Sebab itu kita harap perkara seumpama ini boleh diambil perhatian oleh semua Ahli Yang Berhormat. Kalau ada perkara-perkara yang Ahli Yang Berhormat merasa perlu ataupun tidak puas hati berhubung dengan peluang untuk bertanya ataupun untuk dapat penjelasan lebih lanjut, boleh disebutkan dalam Sesi Perbincangan Menjunjung Kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak mulakan sesi Soalan Lisan pada pagi ini dengan sebuah pantun.

Keropok lekor dicicah kari
Dimakan enak bersama teman
ADUN Tepoh dijemput berdiri
Tanyakan soalan dengan senyuman

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, *dok* rajin makan lagi keropok lekor cicah kari ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ketawa...

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Soalan saya nombor 1-

Mohon dimaklumkan bilangan projek perumahan yang siap dibina, dalam pembinaan dan dalam perancangan bagi tempoh 2018 sehingga 2023

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, para pemerhati sekalian. Wakil Tepoh ingin dapatkan maklumat tentang bilangan Projek Perumahan yang siap dibina, dalam pembinaan dan dalam perancangan bagi tempoh 2018 hingga 2023.

Untuk makluman Dato' Yang di-Pertua dan Ahli Dewan sekalian, bagi tempoh 2018 sehingga 2023, bilangan Projek Perumahan yang telah siap dibina adalah 10 buah projek, yang sedang dalam pembinaan ada 38 buah projek dan dalam perancangan ada 18 projek. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya: Boleh dinyatakan perumahan-perumahan yang telah siap dan akan diagihkan dalam tempoh yang terdekat?

YANG BERHORMAT Dr. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Untuk makluman Dato' Yang di-Pertua dan Ahli Dewan sekalian, projek yang dijangka siap dalam masa yang terdekat iaitu dalam tahun 2022 ini ada 4 projek dan *insya-Allah* kita rasa boleh siap. Antaranya ialah, ini projek yang dah

lama ni, Rumah Perumahan Mampu Milik Pulau Redang 160 unit, Bukit Nenas 500 unit, Tajin 250 unit dan Tok Jembal 160 unit. Kita sedang berusaha *insya-Allah*, Tempinis juga akan dapat kita siapkan dalam tahun ini, *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Batu Buruk.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Boleh soalan tambahan satu...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Cukup dah cukup. Sila.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu-

Sepanjang tempoh penularan COVID-19 sehingga sekarang, ramai peniaga kecil dan peniaga pasar malam terjejas. Apakah bantuan Kerajaan yang akan disalurkan kepada golongan ini terutamanya kepada peniaga Bazar Ramadan nanti?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, dan pemerhati yang dirahmati Allah sekalian. Batu Buruk ingin bertanya berkenaan dengan bantuan Kerajaan kepada peniaga peniaga kecil dan pasar malam khususnya menjelang Bazar Ramadan yang akan berlangsung tidak berapa lama lagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Buruk. Antara bantuan Kerajaan yang disalurkan kepada golongan ini adalah, ada dua iaitu yang pertama Dana Usahawan Industri Kecil Terengganu (DUIT). Dana ini adalah khusus kepada peniaga mikro dan kecil serta penjaja dengan syarat mempunyai SSM dan berdaftar

dengan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia Negeri Terengganu. Had maksimum sebanyak RM5000.00. Skim yang kedua ataupun dana yang kedua adalah Skim Pinjaman Khas Bazar Ramadan. Bantuan Kerajaan yang disalurkan kepada peniaga Bazar Ramadan adalah melalui Skim Pinjaman Bazar Ramadan yang telah bermula sejak 2019 sehingga 2021. Dan pada tahun 2022 ini, skim ini diteruskan dengan nilai pinjaman sehingga RM3000.00. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Soalan tambahan, saya difahamkan pinjaman ini telah bermula sejak daripada tahun 2019. Apakah status rekod pencapaian jumlah peruntukan dan jumlah peniaga yang terlibat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Batu Buruk. Mengikut rekod yang kita ada, daripada tahun 2019, kita menyediakan jumlah pengeluaran ataupun jumlah dana yang disediakan sebanyak RM200,000.00 dan telah dipohon pada tahun 2019, dana digunakan sebanyak RM160,500.00 dengan bilangan penerima sebanyak 141 peniaga. Pada tahun 2020, tidak ada kerana tiada Bazar Ramadan pada tahun tersebut. Pada tahun 2021 dana disediakan juga RM200,000.00 dan yang telah digunakan sebanyak RM155,000.00 yang melibatkan 77 usahawan dan pada tahun 2022 ini, dana itu kita naikan kerana permintaan yang dilaporkan tinggi. Kita naikkan sebanyak RM250,000.00 dan kita masih lagi dalam proses untuk pemberian/ah. Tiada lagi jumlah pada tahun ini.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Sura untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu-

Apakah status Taman Ilmu di Tembila, Besut?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dia pakai langkah ke,

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua? Nak tanya sikit sebab soalan saya ada lagi...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Pasal, pakai langkah ke? Sebab Seberang Takir tinggal...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan Yang Berhormat ditolak.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya ada tiga soalan *tu*..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Soalan pertama ditolak

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi ada dua dan tiga lagi...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Pun* ditolak.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Oh, tolak belaka?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sebab saya terima, soalan lisan soalan satu saja ditolak ni. Soalan satu sahaja. Apakah Kerajaan Negeri sedar. Soalan dua dan tiga tidak ditolak, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya, mengikut urus setia di sini, soalan Yang Berhormat ditolak. Ya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, kenapa, pasal apa saya terima satu *je* ni? Satu notis *je*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mungkin, saya minta maaf kalau kata ada kelemahan daripada pihak urus setia.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Oh, sampai tolak tiga ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak. Asas kepada penolakan Yang Berhormat soalan Yang Berhormat kena semak semula.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Okey. Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Bukan tidak ada, bukan baseless, mesti ada asas dia.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tapi *ya/ah*. Terutama sekali pasal notis ini diterima pagi ini hanya satu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi saya buat andaian, dua dan tiga maknanya tak ditolak *lah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya. Ya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya jemput Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura):

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan saya yang pertama-

Apakah status Taman Ilmu di Tembila, Besut?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN Mamat (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan satu berbunyi apakah status Taman Ilmu di Tembila, Besut? Yang Berhormat Yang di-Pertua. Antara manifesto PAS pada PRU yang lalu adalah untuk mewujudkan sebuah kolej universiti milik Kerajaan Negeri, menggantikan KUSZA dan antara hasratnya adalah untuk menjadikan Taman Ilmu di Tembila Besut ini sebagai pusat tersebut. Tetapi, setelah kita dapati bahawa isu yang melibatkan Taman Ilmu ini berpanjangan, antaranya adalah ianya masih lagi melibatkan tentang isu mahkamah di mana sedia maklum apabila pihak Kerajaan Negeri telah menghantar notis penamatan pada 30 Jun 2015 akibat kegagalan Syarikat Bio Premium. Jadual 5A menyebabkan Syarikat POSC TI ketika itu menghantar writ saman di Mahkamah Tinggi Malaya. Dan pihak Kerajaan Negeri pada 2016, telah bersetuju di luar mahkamah sebagai penyelesaian di luar mahkamah pada Disember 2016 untuk membayar gantirugi POSC TI sebanyak RM45 juta dan juga mengeluarkan Surat Niat untuk 17 kontraktor yang dilantikkan oleh POSC TI tersebut. Jadi, pihak Kerajaan Negeri telah membayar POSC TI sebanyak RM45 juta dan apabila pihak Kerajaan Negeri mengeluarkan tawaran kepada 17 syarikat kontraktor tersebut, sebahagian kontraktor tersebut tidak bersetuju dan adanya kes saman baru yang melibatkan syarikat-syarikat yang dilantik oleh POSC TI setelah Syarikat POSC TI digulung, jadi masih ada lagi perbincangan yang melibatkan mahkamah dan begitu juga, ada syarikat lain pula yang kemudiannya menghantar saman kepada pihak saman Kerajaan Negeri yang melibatkan Taman Ilmu ini yang akan dibicarakan pada 22 Mac 2022 dan juga satu lagi pada bulan April, 4 April 2022. Jadi, begitu juga satu lawatan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sendiri bersama dengan JKR dan sebagainya membuat penilaian tentang Taman Ilmu di Tembila, Besut dan hasil taklimat yang diberikan untuk membaiki Taman Ilmu ini melibatkan kos yang tinggi hampir RM400 juta. Jadi projek ini bernilai RM300 juta, baiki RM400 juta, istilahnya makna *mahal tali pada beruk dohlah*. Jadi pihak Kerajaan Negeri mengambil keputusan hasil daripada perbincangan dan sebagainya untuk kita mewujudkan di tempat lain dan kos dia lebih rendah daripada kos pembaikan Taman Ilmu itu sendiri. Iaitu Pihak Kerajaan Negeri

telah meluluskan sebidang tanah 300 ekar di Durian Mentangau dan akan dibina bangunan baru untuk menggantikan Taman Ilmu ini dan selepas daripada selesai kes mahkamah dan sebagainya *insya-Allah*, pihak Kerajaan Negeri juga dalam membuat kajian untuk melihat potensi Taman Ilmu ini ke arah pembangunan yang bersesuaian *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang di-Pertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekejap-sekejap, saya bagi pada, nanti saya bagi pada Yang Berhormat Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang pertama ialah: Oleh kerana projek ini menelan kos yang ratusan juta yang melibatkan duit Kerajaan Negeri, duit rakyat, maka bilakah agaknya proses ini dapat diselesaikan dan seterusnya apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk mengisi tempat itu dengan apa-apa program yang dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Kerajaan Negeri dalam membuat tawaran kepada kontraktor tersebut menawarkan sebanyak RM24 juta untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan parcel S6 iaitu bangunan kediaman pelajar di kawasan pembangunan Taman Ilmu. Sekarang ini diguna pakai oleh pihak UniSZA untuk kampus dia/*ah*. Baki lagi iaitu yang melibatkan pembangunan lain agak tinggi kos dialah tinggal lagi yang boleh diguna pakai adalah masjid yang telah beroperasi sehingga kini. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita pihak Kerajaan Negeri cuba untuk memanfaatkan projek-projek pembangunan yang agak terbiar dan kebanyakannya kita gunai pakai untuk pendidikanlah khususnya untuk SRIDI, SMIDI. Contohnya SMIDI yang sekarang kita baik pulih bangunan KIST, Kolej Islam Sains Terengganu yang juga terbengkalai melibatkan kos yang tinggi dahulu, jadi kita cuba baik pulih untuk menggunakan sebagai SMIDI, Sekolah Menengah Islam Darul Iman dan banyak sekolah-sekolah SRIDI itu menggunakan bangunan-bangunan milik Kerajaan Negeri yang terbiar termasuk juga yang terbaru iaitu bekas Kompleks Kastam yang kita gunakan sebagai bangunan sementara kepada KQT, Kolej Al-Quran Terengganu yang akan menjadi *feeder* kepada Kolej Universiti milik Kerajaan

Negeri ini. Jadi rasa Yang Berhormat Sura boleh *kot* lepas pada ini usha-usaha, bincang-bincang masa minum air. Saya rasa maklumat ADUN Kijal dengan ADUN Seberang Takir banyak maklumatlah saya rasa, terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya nak dapatkan penjelasan, saya dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah meluluskan untuk pembayaran Taman Ilmu sebanyak RM70 juta, tetapi disebut tadi oleh Wakil EXCO, Wakil Paka RM45 juta. Saya ingin dapatkan penjelasan ke mana perginya RM25 juta lagi yang telah disalurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi ketika itu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Memandangkan perkara ini berlaku 2016 itu, saya *tak dok maklumanlah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Soalan saya yang pertama Dato' Yang di-Pertua –

Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam membantu taraf ekonomi penduduk melalui sektor pertanian?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Telemong. Langkah Kerajaan Negeri memajukan ekonomi rakyat melalui sektor pertanian. Dato' Yang di-Pertua, sepanjang pelaksanaan Tahun Pertanian Terengganu 2021, Kerajaan Negeri telah berjaya melaksanakan sebanyak 93 program dan menyiapkan 45 projek demi untuk mencapai matlamat besar mempertingkatkan ekonomi penduduk melalui sektor pertanian. Untuk rekod, sektor pertanian ialah sumber ekonomi kepada kira-kira 70% daripada rakyat Negeri Terengganu dan sebagaimana Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, seramai 13,702 orang golongan sasar telah menerima manfaat langsung daripada program-program ini. Panjang untuk saya senaraikan kesemua sekali, sekadar saya petik beberapa intipati penting.

Yang pertama, isu besar yang dihadapi oleh rakyat untuk nak memajukan ekonomi melalui sektor pertanian ialah masalah tapak, nak bertani, nak menternak dan juga mengusahakan industri akuakultur perlukan tapak. Kerana itu, Kerajaan telah buka ruang kepada rakyat untuk memanfaatkan tanah-tanah Kerajaan yang masih kosong dan Kerajaan sendiri tiada sebarang perancangan pembangunan bagi digunakan oleh rakyat secara LMS.

Yang kedua kita ada lebih daripada 1000 hektar tanah yang telah diwartakan di bawah Seksyen 62 KTN sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Sebelum daripada ini, banyak lot-lot yang terbiar sama ada lot tersebut memang kosong ataupun dipajak oleh peserta-peserta yang tidak produktif. Maka, Kerajaan Negeri telah mengambil satu langkah tegas untuk proses pemutihan agar peserta-peserta yang *tak* produktif ini diganti dan juga lot-lot kosong dapat diisi.

Yang ketiga, rakyat kita banyak terlibat dalam penerokaan tanah-tanah Kerajaan secara haram. Dengan ruang-ruang peraturan yang ada, kita mengambil langkah untuk menghalalkan apatah lagi kalau sekiranya tanah-tanah yang diteroka tersebut adalah tanah-tanah yang tiada sebarang perancangan pembangunan oleh pihak Kerajaan. Bila dihalalkan dengan sendirinya rakyat kita berhak untuk berdaftar dengan jabatan-jabatan yang berkenaan memohon bantuan-bantuan yang selayaknya mereka dapat, boleh mohon untuk dapat pensijilan MyGAP dan sebagainya.

Seterusnya, kita bangunkan tanah rizab padang ragut untuk dijadikan padang ragut rakyat dan juga kita bangunkan sebagai hub pembangunan lembu sado.

Tahun 2021, sebanyak tujuh padang ragut rakyat dengan keluasan 10 ekar setiap satu telah dibangunkan dengan kos kira-kira RM400,000.00. Dalam masa yang sama, ada tanah-tanah milik rakyat atau milik syarikat dan agensi yang masih terbiar yang kita istilahkan sebagai tanah terbiar dengan keluasan lebih daripada 8,000 hektar di seluruh negeri Terengganu dan *pilot project* hasil daripada *task force* pembangunan tanah terbiar telah dimulakan dengan dijadikan RTB Pengkalan Aman di Setiu dan RTB Kampung Rahmat di Langkap, dibangunkan dengan tanaman musang king dan juga mempelam harum manis.

Yang kedua, rakyat kita yang nak menceburi sektor pertanian berhadapan dengan masalah dana. Kerana itu, Kerajaan Negeri sejak daripada 2019 lagi telah menyediakan dana melalui Skim Bantuan Modal Tani yang terbukti berjaya menyelesaikan isu-isu kekangan dana yang dihadapi rakyat kita. Kemahiran juga adalah isu, sebab itu jabatan-jabatan yang berada di bawah MAFI Negeri Terengganu mempunyai program-program pengembangan dan khidmat nasihat yang tersendiri sama ada dalam bentuk kursus-kursus jangka pendek atau kursus-kursus jangka sederhana dan kita ada sebanyak 18 program yang sedang dan telah dilaksanakan di bawah Program Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu dengan melibatkan kos dan pelaburan kira-kira RM700 juta, suatu jumlah pelaburan yang besar dan program-program yang berada di bawah Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu memang kita sasarkan supaya rakyat dan peserta terlibat mampu memperolehi pendapatan yang mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan. Dalam masa yang sama, kita tidak mampu bergantung kepada sektor tempatan sahaja kerana itu usaha untuk menarik pelabur asing bagi melabur di Negeri Terengganu, adalah usaha yang kita fokus dan *alhamdulillah* untuk tahun 2021, kita telah berjaya menyelesaikan isu-isu pelaburan yang melibatkan Syarikat McCormick yang berpangkalan di US untuk mengusahakan penanaman lada hitam secara komersial di Lembah Bidong di Setiu dengan pelaburan kira-kira RM360 juta kita sasarkan mampu menjana kira-kira 2,000 peluang pekerjaan dalam masa yang sama berlaku teknologi *transfer* dan juga pembinaan kilang pemprosesan.

Dato' Yang di-Pertua, sektor pertanian ini sektor yang berada di lapangan terbuka, terdedah kepada bencana sama ada bencana alam, bencana penyakit, bencana wabak, serangan hidupan liar dan sebagainya. Tahun 2021 Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak lebih RM197,000.00 kepada 363 rakyat yang terkesan kerana bencana dan yang terbaru, Kerajaan telah menyelesaikan

urusan Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Pertanian Negeri dan kita telah luluskan untuk penyaluran kira-kira RM750,000.00 kepada rakyat kita yang terkesan bencana banjir luar biasa yang berlaku pada awal Februari lepas dan bantuan ini akan disalurkan seberapa segera, *insya-Allah*. Negeri kita juga mempunyai projek-projek sakit, projek-projek terbengkalai dan projek yang tidak mencapai objektif dari segi pelaksanaannya. Di antara yang telah dipulihkan ialah Projek Rimbunan Kasih di Rantau Abang, Dungun, Projek Kelapa Matag di Kubang Puyu di Setiu dan juga reban ayam di Bukit Lawang di Setiu dengan ternakan ayam kampung.

Yang kelapan kita juga bangunkan infrastruktur. Di antara yang dibangunkan dengan dana Kerajaan Negeri ialah jana ladang, sistem pengairan, jeti pendaratan, rumah sejuk atau *cool room* dengan izin, *slipway* tempat baiki bot, rumah tarik bot, benteng penahan ombak, empangan dan lain-lain lagi. Yang kesembilan Dato' Yang di-Pertua, banyak bantuan-bantuan *one-off* yang kita salurkan kepada warga tani, penternak dan nelayan kita, di antaranya bantuan makanan ikan kepada penternak akuakultur yang terjejas kerana PKP, bantuan *one-off* kepada warga tani yang positif COVID-19, bantuan *one-off* dalam bentuk input pertanian kepada 227 orang penanam cili yang terkesan kerana kejatuhan mendadak harga cili di pasaran, bantuan *one-off* sebanyak RM300,000.00 dalam bentuk mekanisasi ladang kepada 52 petani yang ada di seluruh Negeri Terengganu dan juga pelbagai bantuan input di antaranya macam baja, racun, *folier*, benih, plastik UV, pam air, GPS, kawat bubu, pukot tangsi, kit memancing dan lain-lain lagi.

Yang kesepuluh, kita mempunyai program memperkayakan sumber perikanan. Tahun 2021 kita telah labuhkan sebanyak 340 unit unjam, tukun sebanyak 58 unit, dan kita telah lepaskan 1.36 juta benih ikan ke perairan umum sama ada sungai, tasik, kolam dan sebagainya dan akhir sekali *alhamdulillah* untuk tahun 2021 Kerajaan Negeri telah berjaya memperolehi suntikan dana laksana di Bawah Pakej Jaminan Keselamatan Makanan, Kementerian Kewangan Malaysia dan daripada dana RM30.44 juta telah dan sedang dibangunkan. Yang pertamanya Pusat Pengumpulan Hasil Tani di Telaga Papan di Setiu, Pusat Pengeluaran Benih Ikan Kerapu Hibrid di Limau Nipis, Pusat Semaian Anak-anak Pokok di Kampung Pak Kancil, Program Penanaman Napier, Program Penggandaan Kambing Tenusu, dan juga penternakan lembu secara semi fidlot yang akan diadakan di Kampung Pak Kancil, Setiu. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Sebagaimana yang telah diterang dan dijelaskan oleh Yang Berhormat EXCO Pertanian dan saya ucap terima kasih banyak atas usaha yang dilakukan tersebut. Walau bagaimanapun apa yang dimaklum itu adalah program-program dan juga projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam bentuk skala yang besar dan juga jangka masa panjang. Sekarang ni Yang Berhormat, saya nak tahu dalam keadaan Pandemik COVID-19 ini dan juga dalam keadaan harga barang naik terlampau tinggi dan akan menjejaskan banyak antara isi rumah dari peringkat kampung-kampung dan juga di peringkat desa-desa. Jadi saya nak tahu apa langkah program jangka masa pendek yang dilaksanakan oleh Pertanian Negeri Terengganu melalui EXCO Kerajaan Negeri untuk membantu suri-suri rumah kita menaikkan sedikit taraf pendapatan mereka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Telemong. Untuk makluman di antara fokus besar dalam bantuan bencana banjir yang berlaku awal Februari baru ni sebahagian besar daripada rakyat terlibat adalah daripada DUN Yang Berhormat Telemong. Kita bantu suri-suri rumah kita, ada program khusus di bawah pertanian yang kita namakan sebagai Program Kebuniti ataupun Kebun Komuniti dengan makna suri-suri rumah kita boleh terlibat dalam sektor pertanian walaupun mereka berada di rumah dengan memanfaatkan peralatan-peralatan kelengkapan-kelengkapan yang diberikan bantuan oleh kerajaan untuk mereka bertani di sekitar kawasan rumah, kalau pun tidak mampu dijual sekurang-kurangnya boleh menampung untuk keperluan keluarga dan boleh mengurangkan sebahagian daripada kos seharian mereka. Program-program lain yang saya sebutkan tadi dalam bentuk bantuan-bantuan *one-off* itu adalah program-program yang kita sasarkan sebagai bantuan segera atau bantuan jangka pendek bagi menyantuni rakyat kita berhadapan dengan situasi sukar yang sama-sama kita lalui sekarang ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Wakil Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan nombor-1

Berikutan Malaysia memasuki fasa endemik, Kerajaan telah membuka semula aktiviti ekonomi bagi membolehkan rakyat kembali kepada aktiviti normal. Apakah perancangan T-HRDC bagi tahun 2022 dalam memastikan peluang-peluang pekerjaan yang ada sekarang dapat disampaikan kepada rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Buluh Gading. Antara inti persoalan yang bertanya adalah apakah perancangan T-HRDC bagi tahun 2022 dalam memastikan peluang-peluang pekerjaan yang ada sampai kepada rakyat. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman T-HRDC adalah satu mekanisma baru yang di bawah Portfolio Sumber Manusia yang ditubuhkan dan bertepatan dengan Pandemik yang kita lalui, COVID-19. Mekanisma ini kita kemukakan adalah menjadi penghubung kepada rakyat yang mencari kerja, *job hunter* dengan izin dan juga majikan yang mencari pekerja yang memerlukan tenaga kerja. Jadi, di sinilah tertubuhnya mekanisma ini untuk dipenuhi oleh kedua-dua belah pihak dan *alhamdulillah* sepanjang Pandemik walaupun kita tidak dapat bergerak, tapi kita dapat memasyhurkan T-HRDC ini dan menjawab kepada persoalan untuk tahun 2022, apakah langkah-langkah untuk diketengahkan kepada rakyat. Jadi, T-HRDC memastikan peluang-peluang pekerjaan yang ada sekarang dapat disampaikan kepada rakyat melalui pelaksanaan program yang kita namakan *Outreach* Kesejahteraan Pekerjaan Rakyat secara berkala yang kita turun ke daerah-daerah. Jadi tahun 2021 sudah kita mulakan, tapi untuk tahun 2022 ini, kita telah menyenaraikan perancangan kita yang pertamanya Daerah Marang yang telah pun berlangsung pada 27 dan 28 Februari yang lepas dan daerah yang terakhir, yang terkini yang kita baharu sahaja selesai adalah di daerah Setiu yang pada 16 dan 17 Mac yang lepas. Selain daripada itu, daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus kita cadang untuk adakan pada bulan Julai 2022 Dungun dan Kemaman pada bulan Ogos 2022, Besut pada Oktober 2022 dan Hulu Terengganu pada November 2022. Program ini adalah kolaborasi di bawah Urus Setia Pekerjaan Negeri Terengganu yang melibatkan jabatan ataupun agensi peringkat Persekutuan dan Negeri dan

daerah termasuk sektor swasta, majikan dan pemain industri yang memerlukan tenaga kerja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya nak ambil kesempatan di sini untuk ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri khususnya YB EXCO atas usaha yang bersungguh dalam membantu rakyat mendapatkan pekerjaan sehingga Tuanku al-Sultan sendiri telah menzahirkan rasa sukacita terhadap usaha Kerajaan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat sebagaimana Titah Ucapan Tuanku yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pagi kelmarin, tahniah saya ucapkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah: Tadi ada disebut bahawa program-program ini juga telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021, boleh Kerajaan nyatakan berapa kali Program Kerjaya Pekerjaan ini telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2021 dan daripada program-program tersebut berapa jumlah rakyat Terengganu yang telah berjaya mendapat peluang pekerjaan hasil daripada program yang telah dilaksanakan dan kalau boleh minta Kerajaan nyatakan juga jumlah terkini syarikat yang telah berdaftar dengan T-HRDC ini dengan memperincikan nama-nama syarikat tersebut sama ada dalam Negeri atau luar Negeri Terengganu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Buluh Gading, berkenaan dengan program yang telah dilaksanakan pada tahun 2022, walaupun kita dalam keadaan pandemik, PKP dan seumpama dengannya. *Alhamdulillah* sebaik sahaja negeri kita berubah pada fasa tiga, kita telah menjalankan aktiviti kerana kita tahu ramai rakyat kita yang terkesan kerana PKP yang kita lalui. Jadi untuk makluman, persoalan yang ditanyakan berapa kalikah kita ada, yang pertamanya adalah kita buat semasa kelonggaran sekejap MCO pada bulan April, kita buat Karnival Penjana Kerjaya 2021, yang ini adalah anjuran bersama dengan PERKESO, yang dia *round* seluruh Malaysia dan *alhamdulillah* dalam karnival kita itu mencatat rekod kebangsaan apabila dalam Karnival Negeri Terengganu dapat menghasilkan 942 peluang pekerjaan yang telah kita *award*, telah kita berikan kepada rakyat negeri kita. Selepas daripada itu, kita turun ke daerah-daerah seperti mana saya sebutkan tadi, kita turun yang pertamanya kita turun ke daerah Besut, pada waktu itu kita mencari satu mekanisma macam mana kita

nak bagitahu rakyat. Pada program itu walaupun kita sediakan peluang dan jumlah peluang pekerjaan yang banyak tetapi maklumat yang tidak sampai kepada rakyat. Kita hanya berjaya dapat 81 sahaja, 81 orang kemudian kita turun ke Kuala Terengganu, pun dengan masalah yang sama apabila kita belum dapat mekanisma yang sebenarnya macam mana kita nak sampaikan untuk rakyat datang mengetahui peluang-peluang pekerjaan yang kita tawarkan. Kita turun ke daerah Kuala Terengganu kita dapat 38 dan kemudian kita turun ke daerah Dungun, kita dapat 48. Selepas daripada...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pencerahan boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar dia teruskan dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Dato' saya habiskan sekejap, selepas daripada itu kita buat satu *post-mortem*, macam mana kita nak memberikan maklumat yang lebih jelas kepada rakyat, kita bekerjasama melalui Pejabat Daerah melalui JPKK kampung-kampung yang ada dan kita buat *first trial* yang kedua, percubaan yang kedua, kita buat sekali lagi di Besut dan *alhamdulillah* Program Outreach Kesejahteraan Pekerjaan Rakyat Negeri Terengganu di daerah Besut 2.0, kita berjaya menempatkan 394 peluang pekerjaan kepada mereka dan yang dua terakhir pada tahun 2022 ini, kita buat di Marang pada 27 dan 28 Februari yang lepas, kita mendapat masa itu masa hujan masa kita banjir kita dapat menempatkan 119 orang dan di Setiu baru-baru ini kita dapat menempatkan sebanyak 235 orang maknanya dengan jumlah sekarang ini hampir 2000 yang telah kita tempatkan dalam, daripada 2021 sehingga 2022 Mac. Okey, berkenaan dengan soalan yang kedua yang disebut yang bertanya berapakah syarikat yang telah berdaftar dengan T-HRDC untuk mencari, memaklumkan mencari peluang-peluang pekerjaan ini iaitu ada lapan daripada dalam Terengganu dan 17 daripada luar Terengganu. Dalam Terengganu yang melibatkan kekosongan sebanyak 2,720 orang dan di luar Terengganu yang 17 tadi itu yang melibatkan kekosongan sebanyak 9,380 orang. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Wakil Jertih okey ye? Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Saya nak dapatkan pencerahan daripada pihak Kerajaan yang mana kempen yang dibuat untuk menarik rakyat Terengganu memberi peluang kerja ini, adakah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk membawa rakyat Terengganu bekerja di luar daripada Negeri Terengganu kerana apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO tadi daripada syarikat yang berdaftar lapan daripada Terengganu, 17 daripada luar Terengganu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Jertih, Dato' Yang di-Pertua, bukanlah satu dasar Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan peluang-peluang pekerjaan ini kepada Luar Negeri Terengganu tetapi kita seperti mana saya sebutkan tadi kita T-HRDC kita menyediakan satu platform untuk kesejahteraan rakyat kita mencari peluang pekerjaan. Jadi di sini kita terbuka kepada syarikat-syarikat yang dalam Terengganu dan luar Terengganu, yang pentingnya kita menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat kita yang sekarang hari ini rata-rata menyatakan susah untuk mendapatkan pekerjaan dan di dalam *outreach* kita, kita membawa syarikat-syarikat ini dan untuk *diinterview* oleh pekerja-pekerja ataupun rakyat-rakyat kita. Jadi di sini rakyat kita boleh memilih sama ada untuk memilih syarikat di dalam negeri Terengganu atau di luar Terengganu.

والله أعلم

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Wakil Bukit Besi. Bukit besi *dok mari*. Ada makluman. *Takpe*. Saya terus kepada Wakil Manir. Cuma saya nak beri peringatanlah sebab saya ada dimaklum oleh pihak urus setia ada di kalangan Ahli Yang Berhormat yang baik sangkanya ialah dia tak dapat hadir kerana uzur syarie. Jadi tolong maklumkan kepada pihak urus setia. Sila wakil Manir.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu –

Segmentasi pelancongan berasaskan makanan merupakan salah satu tarikan utama untuk pelancong hadir ke negeri ini.

Persoalannya; Apakah inisiatif Kerajaan Negeri di dalam mempertingkatkan usaha dan galakan di kalangan penggiat yang terlibat dalam segmentasi ini?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Manir, soalan pertama berkenaan dengan segmentasi pelancongan berasaskan makanan *gastronomi tourism* merupakan salah satu tarikan utama untuk pelancong hadir ke Negeri Terengganu. Memang sebenarnya Negeri Terengganu ni, Terengganu terkenal dengan pelbagai produk yang menarik. Salah satunya adalah pelancongan berasaskan makanan. Persoalannya, apakah inisiatif Kerajaan Negeri di dalam mempertingkatkan usaha dan galakan di kalangan penggiat yang terlibat dalam segmentasi ini? Di antara inisiatif Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan usaha dan galakan di kalangan penggiat iaitu antaranya;

1. Mengadakan kerjasama antara agensi seperti YPU dan Kraftangan melalui pinjaman pengurusan perniagaan dan kursus pemasaran. Antaranya secara atas talian.
2. Mengenalpasti produk-produk atau makanan unik yang terdapat di seluruh daerah di Negeri Terengganu yang mampu dijadikan dengan izin *uniq selling point* dengan membawa bersama produk di setiap program promosi Jabatan seperti program jelajah *Beautiful Terengganu*. Ini juga dapat mengetengahkan *gastronomy tourism* sebagai segmentasi pelancongan terkini yang juga menjadi sebahagian elemen-elemen tarikan dalam produk pelancongan berasaskan komuniti iaitulah CBT.
3. Memperkenalkan produk makanan di ekspo-ekspo sama ada dalam dan luar negeri.
4. Mempromosikan produk makanan melalui program-program CBT.
5. Promosi di platform media sosial. Terengganu sememangnya terkenal antaranya saya nak sebut sikit sebab kita lapor perut pagi ini dok makan lagi ni. Nasik dagang semakin masyhur, keropok lekor yang telah lama masyhurnya. Tupak sutong, laksam Terengganu, sata, lopat tikam ni sikit lah saya sebut. Jala mas, rojok kateh, bronok sagu dan orang Besut terkenal yang ramai yang kita tak tahu, tonyoh. Tahu dok mende tonyoh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Apa dia Yang Berhormat...

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tonyoh. Tonyoh ini ubi kayu tu dia tonyohlah. Tonyoh. Tu dia panggil tonyoh. Jadi sedang masyhurlah sekarang ni kalau program-program promosi memang kita bowoklah produk-produk yang seumpama ni. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan: Apakah pihak kerajaan mempunyai data yang boleh dikongsikan bersama berkaitan dengan usahawan-usahawan di Terengganu yang terlibat dengan program-program. Terima Kasih

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ada orang tanya ubi gadong boleh makan dok (ketawa). Mitok maaf (ketawa). Usahawan khususnya dalam sektor pelancongan yang berdaftar dengan Yayasan Pembangunan Keluarga seramai 126 orang lah usahawan dan mereka ni telah mengikuti pelbagai program latihan dan kursus pemantapan usahawan yang ditawarkan secara berkala. Jadi saya ucap terima kasih kepada EXCO Usahawan yang sememangnya kerjasama yang sangat baiklah diberikan untuk memajukan usahawan dalam sektor pelancongan. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Jertih.

YB DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (WAKIL JERTIH):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Soalan saya soalan pertama:

Berapakah jumlah pelaburan atau peruntukan dalam sektor pertanian yang disumbangkan dan dibantu oleh Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bagi tahun 2020 dan 2021?

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Wakil Jertih. Jumlah pelaburan dalam sektor Pertanian yang dibantu oleh ECERDC bagi tahun 2020 dan 2021 ialah sebanyak RM3.64 juta dan tiada sebarang peruntukan bagi projek pembangunan dari ECERDC dalam tempoh tersebut. Pelaburan dalam sektor Pertanian yang dibantu oleh ECERDC ialah untuk Projek Pusat Penanaman dan Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Kelapa di Dungun oleh Syarikat Prima Agroternak Sdn. Bhd. Dalam masa yang sama, pihak ECERDC telah menghantar permohonan dalam RP3 RMKe-12 melibatkan pembangunan infrastruktur asas bagi Projek Penanaman Kelapa seluas 492 hektar yang akan dilaksanakan oleh TADC dan juga Ladang Rakyat Sdn. Bhd., kemudahan infrastruktur melibatkan kos kira-kira RM16 juta. Tambahan daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju dengan pelaksanaan projek *Terengganu Dairy Valley* di atas tanah seluas kira-kira 630 hektar di Kawasan Sungai Siput, Mukim Hulu Nerus di Setiu. Pihak ECERDC telah menghantar permohonan dalam RP3 RMKe-12 yang melibatkan pembangunan infrastruktur asas bagi projek ini bernilai kira-kira RM70 juta. Terima Kasih.

YB DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (WAKIL JERTIH): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya: Sejak daripada wujudnya ECERDC ini Wilayah Ekonomi Pantai Timur ini, daripada dulu sampai sekarang, ada dok projek-projek yang gagal daripada dulu hingga sekarang berapa projek yang gagal. Kalau ada apakah langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk pemulihan projek tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita perlu jujur dalam hal ini dan jujur saya nyatakan projek-projek pertanian di bawah ECERDC gagal. Di antara yang gagal ialah Projek Herba Bersepadu di Pasir Raja dengan tanah lebih daripada 1000 ekar yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada ECERDC hanya kira-kira 100 ekar sahaja yang mampu dibangunkan, itupun tidak dapat dibangunkan sepenuhnya dan Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan bagaimana baki tanah lagi boleh dimanfaatkan. Yang kedua Projek Besut Setiu Agropolitan juga akhirnya terpaksa diserahkan kepada pihak swasta dan Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah terbaik bagaimana untuk kita menyantuni kira-kira 85 keluarga yang berada dalam Projek Besut Setiu Agropolitan agar mereka tidak menjadi mangsa apabila projek ini terpaksa diserahkan kepada pihak swasta dan kita bimbang berulang kembali Rimbunan Kaseh yang kedua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Wakil Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya ialah soalan nombor satu-

Apakah nasib pemajak telur penyu setelah penguatkuasaan Enakmen Penyu 1951 (Pindaan) 2021? Adakah pelaksanaan ini akan mengembalikan era kegemilangan Terengganu sebagai lokasi utama pendaratan penyu?

YANG BERTHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kekanda Rantau Abang, nasib pemajak-pemajak telur penyu apabila penguatkuasaan Enakmen Pemuliharaan Penyu Terengganu 1951 Pindaan 2021.

Dato' Yang di-Pertua, Enakmen ini akan mula dikuatkuasakan bermula daripada Jun 2022 dan pemajak telur penyu sebenarnya masih boleh mendapatkan hasil daripada kawasan pajakan cuma dengan beberapa pindaan. Yang pertama semua telur penyu yang dikutip perlu dijual sepenuhnya kepada Jabatan Perikanan sebagai jabatan bertanggungjawab atau mana-mana pihak yang diberikan kebenaran bagi tujuan penetasan sahaja. Maknanya tidak ada lagi telur penyu yang dijual di kawasan Pasar Payang selepas daripada Jun 2022. Yang kedua kadar belian telur penyu akan dikurangkan supaya dia tidak membebankan kewangan Kerajaan, tidak membebankan Jabatan Perikanan dan juga pihak-pihak yang terlibat.

Dato' Yang di-Pertua, pelaksanaan pindaan enakmen ini sama ada mampu mengembalikan semula kegemilangan Terengganu sebagai lokasi utama pendaratan penyu adalah satu penilaian yang sangat subjektif. Sehingga kini, Terengganu masih lagi merupakan negeri tertinggi yang menerima pendaratan penyu di semenanjung Malaysia. Tapi dalam masa yang sama kita juga dikenali sebagai satu-satunya negeri yang membenarkan penjualan telur penyu dalam Malaysia dan dengan pindaan enakmen ini serta kuatkuasa pada Jun 2022 imej Terengganu sebagai hub penjualan telur penyu kita akan dapat padamkan. Melalui pelaksanaan ini juga dia bakal menjadi satu usaha bersama di antara Kerajaan Negeri dan Jabatan Perikanan untuk kita mempertingkatkan imej

Terengganu sebagai pusat rujukan pengurusan penyu di Malaysia. *Insyallah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Dato Yang di-Pertua, terima kasih kepada EXCO Pertanian. Soalan tambahan saya ialah kita melihat bahawa penyu belimbing makin sehari makin pupus dan kemungkinan tidak dapat diadakan lagi. Oleh sebab-sebab itu, apakah usaha Kerajaan Negeri bagi pemuliharaan penyu dan berapa bilangan pemajak dalam kawasan yang disediakan dari tahun 2018 sehingga 2021. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, kali terakhir penyu spesies belimbing dikesan mendarat dan bersarang di Terengganu ialah pada tahun 2017. Ada 124 biji telur tapi semua telur tu tak menetas. Selepas daripada tahun 2017 tiada lagi spesies penyu belimbing yang dikesan mendarat di pantai-pantai di Terengganu. Pelaksanaan program-program berterusan bagi pengurusan penyu seperti penetasan telur penyu, pelepasan anak-anak penyu, pemantauan pantai, pembelian telur penyu daripada pemajak dan pelbagai lagi program berada dalam senarai program pemuliharaan penyu di bawah Kerajaan Negeri Terengganu. Pada tahun 2021, sebanyak 7,378 sarang penyu telah direkodkan dan sebanyak 582,096 biji telur penyu telah dieramkan dan daripada itu sebanyak 432,321 anak penyu telah berjaya dilepaskan. Kalau mengikut statistik umum, daripada 1000 ekor anak penyu yang dilepaskan, hanya seekor sahaja yang akan kekal hidup sehingga dewasa dan kembali ke tempat di mana dia menetas. Jadi kalau kita lepaskan pada tahun 2021 sebanyak kira-kira 432,000 ekor anak penyu, harap-harapnya 432 ekor akan berjaya untuk kembali semula ke pantai Terengganu. Dari segi kawasan pajakan tahun 2018, kita ada sebanyak 20 kawasan pajakan, 2019 berkurangan sikit kepada 18 kawasan pajakan, 2020 naik kepada 23 kawasan pajakan, dan 2021 turun sikit kepada 21 kawasan pajakan dengan bilangan pemajak yang lebih kurang menyamai dengan jumlah kawasan pajakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cadang untuk menangguhkan sementara persidangan ini. Cuma sebelum kita naik balik selepas rehat nanti, saya ingin memberikan penekanan dalam soal menjaga masa sebab semalam kelmarin, dalam persidangan kita pun saya nampak kita terpaksa tunggu lama untuk memulakan persidangan seterusnya.

Jadi kita juga selalu menyebut Dewan kita, persidangan kita sebagai Dewan yang mulia. Oleh kerana itu kita pakat jagalah kemuliaan Dewan kita ni, supaya masa yang telah kita tentukan untuk kembali ke Dewan ini benar-benar diambil perhatian. Ini juga tertakluk kepada pegawai-pegawai, ketua-ketua jabatan. *الناس على دين ملوكهم* Bermakna kalau kita tak jaga, orang bawah kita pun tak jaga jugaklah.

Jadi ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya tangguhkan sementara Dewan kita ini dan kita sambung semula pada pukul 11 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

سَمِ اللهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul Yang Telah Diberi Notis. Dipersilakan Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat (Wakil Paka) untuk mengemukakan Usul.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana menyampaikan Titah DiRaja mengenai Dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri

Terengganu dan bersetuju merafak sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada Pentadbiran Negeri supaya dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya”.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):
Yang Berhormat Dato’ Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YANG BERHORMAT DATO’ YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Sebelum pada itu saya suka mengingatkan *standing orders* Perkara 47(a) supaya mana-mana Ahli Berhormat yang ingin mencelah untuk mendapat persetujuan laluan daripada Ahli Berhormat yang sedang bercakap dan sehingga dipanggil oleh Yang di-Pertua Dewan untuk memulakan pencilahan. Sekarang saya jemput Wakil Batu Buruk untuk memulakan perbahasan bagi menyokong Usul ini. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

سَمِ اللهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللهِ أَمَا بَعْدُ

Terima kasih Dato’ Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato’ Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian. *Alhamdulillah* bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* kerana dengan dan limpah kurnia-Nya sekali lagi kita dapat bersama-sama dalam persidangan ini demi memberikan fokus kepentingan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman. Batu Buruk merakamkan ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah bertitah menyentuh Dasar-dasar Kerajaan sempena istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas. Jika Sekiranya kita melihat Titah Tuanku yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Menteri Besar semalam adalah ringkas dan padat serta menyentuh aspek-aspek semasa yang perlu diberi perhatian oleh pihak Kerajaan bagi kepentingan rakyat khususnya dalam mendepani cabaran-cabaran semasa.

Dato' Yang di-Pertua, dalam ruang ini saya ingin fokus satu perkara yang dinyatakan oleh Tuanku dalam titahnya iaitu dengan izin *impact assessment*, kajian impak. Apa yang disarankan oleh Tuanku di dalam titahnya itu adalah selari dengan apa yang digariskan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di dalam Al-Quranul Karim yang menceritakan kisah Nabi Yusuf a.s. ketika mendepani cabaran kemarau yang melanda Negara Mesir pada ketika itu. Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَأْكُلُونَ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعَ شِدَادٍ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَحْصِنُونَ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يُعْصِرُونَ □

Maksudnya: Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan". "Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)". "Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)".

Surah Yusuf Ayat 47-49.

Kita baru sahaja menarik nafas beralih daripada bencana COVID-19 yang mana *Insya-Allah* dalam beberapa hari lagi kita akan beralih kepada endemik pada 1 April yang akan datang yang kita semua maklum bagaimana kesan dan impaknya kepada politik, ekonomi dan sosial bukan sahaja kepada negara kita bahkan di seluruh pelusuk dunia. Namun sekarang ini, beralih pula kepada bencana peperangan yang sedang berlangsung di Ukraine yang disebut secara spesifik oleh Tuanku di dalam Titahnya. Walaupun peperangan itu jauh daripada negara kita tetapi pakar-pakar yang mengkaji tentang geopolitik dunia menyatakan bahawa ia akan memberi kesan yang sangat besar kepada pertumbuhan ekonomi kerana Negara Ukraine dan juga Selatan Rusia yang hari ini dikenakan tindakan sekatan ekonomi menyumbang kepada eksport makanan yang sangat besar kepada seluruh dunia sama ada makanan manusia ataupun makanan binatang. Sebagai contoh Negara Mesir bergantung kepada 80%

gandum daripada Ukraine, Negara Lubnan begitu juga. *Alhamdulillah* kita di Malaysia ni tak makan mana makanan daripada gandum, asas kita makan nasi jadi kesan dia mungkin tidak sebesar mana. Namun begitu, kita perlu melihat kepada langkah-langkah yang perlu di ambil untuk mengatasi cabaran dan ujian ini pada masa-masa yang akan datang. Dalam ayat yang saya bacakan tadi beberapa pengajaran yang perlu kita ambil sebagai pedoman untuk mengurus dan membangunkan ekonomi negeri kita.

Antaranya ialah mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan peribadi, menganalisis peluang dan ancaman secara jangka panjang serta menilai risiko secara menyeluruh, memastikan penglibatan semua pihak dalam menyediakan keperluan bersama, mengoptimumkan pengeluaran hasil pertanian, membangunkan kaedah dan teknologi penyimpanan makanan, mengoptimumkan penggunaan sumber serta mengimbangi antara keperluan semasa dan kepentingan masa hadapan, meyakini bahawa pada setiap musibah ada kesudahan yang lebih baik. Inilah dia panduan Al-Quran dari sudut politik pemerintahan khususnya dalam mengurus ekonomi apabila negara berada dalam keadaan bahaya dan terancam yang menjadi panduan kepada seluruh manusia dan kita kepada umat Islam secara khususnya.

Menyokong penuh Titah tersangat wajar disegerakan suatu kajian impak ekonomi supaya kerajaan dapat mengenal pasti risiko peluang dan langkah pencegahan yang boleh diambil, menzahirkan keprihatinan tinggi Tuanku terhadap kesejahteraan hidup rakyat jelata dan keupayaan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Senario semasa dunia termasuklah Malaysia tidak akan lari daripada tiga asas, yang pertamanya ialah pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan pasca pandemik, yang kedua gangguan dalam rantai ekonomi global akibat perang Rusia Ukraine sebagaimana yang saya nyatakan tadi dan yang ketiga tekanan kenaikan kos sara hidup yang membebankan rakyat. Inilah senario yang sedang kita hadap dan bakal kita hadap pada masa yang akan datang yang perlu kita persiapkan diri.

Sesebuah kerajaan impak ekonomi bermula dengan mengenal pasti pemegang taruh paling utama bagi Kerajaan Negeri iaitu rakyat. Apa-apapun tindakan polisi yang diputuskan oleh pihak kerajaan mestilah melihat kepada kepentingan rakyat itu sendiri. Seterusnya menilai risiko kesan dan peluang yang terhasil daripada unjuran sesuatu senario dan mengenal pasti langkah

pengecahan yang boleh diambil demi memastikan kesejahteraan hidup pemegang taruh iaitu rakyat terus terjamin.

Dalam konteks ekonomi Terengganu, tiga sektor yang paling terkesan adalah petroleum, pelancongan dan pertanian. Di sinilah sumber pendapatan utama Kerajaan Negeri dan GLC dan di sinilah juga peluang pekerjaan dan sumber pendapatan sebahagian besar rakyat dan golongan belia, implikasi turun naik harga minyak dan harga komoditi global serta kemerosotan atau kebanjiran pelancong dalam dan luar negara pastinya akan dirasai setiap sektor yang dinyatakan sebelum ini. Kita, Negeri Terengganu dianugerahkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan hasil minyak dan menjadi sebuah negeri yang mengeluarkan minyak dan mendapat hasil royalti pengeluaran minyak tersebut. Kita mempunyai ladang kelapa sawit yang luas mungkin dengan senario yang saya nyatakan tadi kita rasa senang hati apabila naiknya harga minyak maka akan bertambahlah royalti kepada Kerajaan Negeri begitu juga kenaikan harga minyak kelapa sawit kerana terjejasnya minyak yang dihasilkan daripada jagung dan bunga matahari maka akan naik harga minyak kelapa sawit. Ini akan menjadikan kita bersenang hati dianggarkan harga minyak akan naik ke taraf 300 US Dollar (USD) hingga 500 US Dollar (USD) se tong. Jadi susah tentulah *labe* yang sangat besar kepada negara kita dan kepada negeri kita yang akan mendapat royalti minyak tersebut.

Namun kenaikan dua bahan ini akan menjadi pencetus kepada kenaikan harga bahan-bahan lain sekali gus bakal mewujudkan inflasi dalam rangkaian ekonomi khususnya ekonomi isi rumah kesan akhirnya akan ditanggung oleh rakyat jua. Ini yang kita bimbang. Memang dari segi kerajaan kita rasa senang hati tetapi dari segi rakyat itu yang membimbangkan kita akan berlaku kenaikan harga-harga barang, akan berlaku kesan inflasi kepada rakyat dan inilah perkara-perkara yang perlu kita lihat dan bagaimana untuk mengatasinya.

Antara cadangan awal saya ialah diteruskan Program Bantuan Tunai kepada rakyat khususnya B40 dan M40 mestilah diuruskan program-program ini sebagaimana yang telah dimulakan oleh pihak kerajaan melalui pelbagai bantuan-bantuan yang diberi dan disalurkan kepada rakyat. Yang kedua pemberian subsidi dan bantuan pertanian yang bersasar. *Alhamdulillah* di bawah Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang meletakkan agenda pertanian sebagai agenda yang utama di mana kita dilihat telah melakukan satu tindakan awal sebelum daripada musibah yang

saya sebutkan tadi dan hari ini kita sedang melihat beberapa hasil dan langkah polisi yang telah dimulakan oleh kerajaan khususnya tahun pertanian yang telah menampakkan hasilnya sebagaimana yang disebut dalam jawapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat daripada EXCO Pertanian tadi.

Yang seterusnya ialah persediaan latihan kemahiran *up skilling* dan *reskilling* kepada golongan belia dan seterusnya peningkatan kualiti pendidikan norma baharu dan kewujudan Tabung Warisan GLC bagi menyerap setiap keuntungan luar jangka bagi menampung kos luar jangka yang mendatang. *Alhamdulillah* daripada keuntungan yang kita dapat daripada royalti, daripada harga komoditi minyak kelapa sawit sudah tentu akan memberi untung kepada GLC yang terlibat, inilah masa untuk kita memanfaatkannya.

Maka antara cadangan saya ialah mewujudkan satu tabung warisan bagi kita menggunakannya untuk rakyat itu sendiri. Seterusnya, saya juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri mengambil manfaat daripada peningkatan royalti petroleum dan juga keuntungan daripada minyak kelapa sawit untuk dikembalikan kepada rakyat dengan memperkasakan keselamatan makanan di dalam negeri, *food security*.

Seterusnya, antara perkara yang perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri juga dalam mendepani cabaran dan ujian ini ialah penambahbaikan penternakan unggas seperti ayam dan itik dalam usaha meningkatkan bekalan makanan mentah di dalam negeri. Hal ini kerana antara faktor utama tingginya inflasi di Terengganu sejak Julai 2020 adalah disebabkan harga yang tinggi bagi kumpulan makanan. Apabila bekalan menjadi terhad permintaan pula terus meningkat, harga pula akan terus meningkat. Jadi saya sebut, antara makanan yang dibekalkan oleh negara yang sedang berkonflik pada hari ini termasuklah makanan kepada haiwan khususnya biji-biji daripada jagung. Maka di sini satu peluang kepada kita di Terengganu secara khususnya untuk memikirkan, apakah formula yang boleh kita hasilkan bagi kita mengeluarkan produk makanan kepada haiwan tidak bergantung kepada biji-biji yang kita beli daripada luar negara untuk kita menyediakannya kepada rakyat di samping subsidi-subsidi untuk kita membantu rakyat.

Saya juga menyeru agar pihak Kerajaan dapat menyediakan Pelan Tindakan yang komprehensif dalam usaha kita menyerap impak negatif ekonomi yang berlaku di peringkat global dan bakal memberi kesan kepada Malaysia serta

Negeri Terengganu. Pihak Kerajaan perlulah memastikan kenaikan inflasi tidak akan membebankan golongan B40 yang semakin tertekan dengan kos sara hidup yang tinggi terutamanya pasca pandemik COVID-19.

Akhirnya, saya ingin merakamkan di sini ucapan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang baru-baru ini mengeluarkan satu kenyataan berkait dengan situasi politik dalam negara kita dengan menyatakan bahawa Negeri Terengganu tidak akan membubarkan DUN untuk mengadakan pilihan raya awal. Ini satu langkah yang sangat tepat kerana keutamaan sekarang ini ialah untuk memberikan perhatian kebajikan kepada rakyat. Kita tidak mahu rakyat dipermainkan-mainkan, kita tidak mahu rakyat dipertaruhkan, dipergunakan untuk kepentingan politik golongan-golongan yang tertentu, kita tidak mahu menjadi seperti Negeri Melaka dan Negeri Johor sebagai contoh yang dibubarkan DUN diadakan pilihan raya kecil, dihabiskan wang rakyat yang begitu banyak semata-mata untuk kepentingan golongan politik yang tertentu, akhirnya rakyat yang terbeban. Tidak dinafikan di sana ada pihak yang menang dan di sana ada pihak yang kalah tetapi apa yang penting dalam kontak Negeri Terengganu, *alhamdulillah* satu komitmen yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk kita meneruskan pentadbiran negeri sehinggalah habis tempohnya tidak lain dan tidak bukan, ini adalah untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu itu sendiri. Syabas saya ucapkan, sekian dulu.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Batu Buruk, mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil daripada Batu Buruk. Sila, siapa ingin berucap. Okey, Wakil Sura, sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: 15 minit ya Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Ya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: 15 minit

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura):

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, rakan-rakan media serta hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian. *Alhamdulillah* pertamanya marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana pada pagi yang mulia ini kita dapat sama-sama hadir di Dewan yang mulia ini bagi mengikuti Persidangan Dewan, Istiadat Pembukaan Kali Kelima, Dewan Undangan Negeri Keempat Belas. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan perbahasan saya dengan memetik firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dari Surah Al- Baqarah, ayat 155:

مَجِبَالِرَ الشَّيْطَانِ مِنَ اللَّهِ أَعُوذُ
الصَّيْرِينَ وَبَشِيرَ وَالتَّمْرَاتِ وَالْأَنْفُسِ الْأَمْوَالِ مِنَ النَّفْسِ وَالْجُوعِ الْخَوْفِ مِنْ بَشِيرٍ وَأَنْتَبَلُونَكُمْ

"Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sedikit perasaan ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan dan berilah khabar gembira kepada mereka yang bersabar".

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Ucapan Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pagi kelmarin. Di mana, di antara tiga perkara yang diberikan penekanan dalam Titah Tuanku ialah berkaitan dengan kajian impak yang telah disebut oleh pembahas yang pertama tadi yang mana pihak Tuanku mencadangkan kepada kita sebagai sebuah kerajaan untuk melihat kesan daripada ekonomi dunia yang sedang menurun yang dinyatakan dalam Ucapan Titah Tuanku, di mana pada tahun 2021 dengan kadar 5.5% dan tahun 2022, 4.1% dan pada tahun yang dianggarkan pada tahun 2023 menurun lagi kepada 3.2%. Jadi, dengan penurunan ini sudah tentu akan memberi kesan kepada kehidupan rakyat bukan sahaja di negara kita malahan rakyat di Negeri Terengganu kita khususnya kepada golongan yang disebut sebagai golongan B40 dan juga M40. Maka sebab itu, saranan daripada Titah

Tuanku ini perlu bagi pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah bagi memastikan kehidupan rakyat akan terus dapat dibela, rakyat dapat hidup dalam keadaan yang sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya untuk merakamkan ucapan takziah khususnya kepada mangsa-mangsa banjir yang telah berlaku di negara dan negeri kita. Pada akhir tahun 2021 dan pada awal tahun 2022, di mana setelah negara kita dilanda dengan wabak COVID-19, dah memasuki tahun ketiga ini, kita masih lagi diuji oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan banjir yang besar yang menyebabkan kehilangan dan kerosakan harta benda, tanaman dan ternakan dan lain-lain kemudahan-kemudahan sedia ada yang menyebabkan kerugian jutaan ringgit yang terpaksa ditanggung oleh pihak mangsa dan oleh pihak Kerajaan sendiri. Namun, kita diingatkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sebagai orang mukmin supaya mengingatkan apa sahaja perkara yang berlaku dalam kehidupan kita ini adalah merupakan ketentuan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sama ada perkara yang kita suka ataupun sebaliknya maka itu adalah merupakan peringatan Allah sebagaimana disebutkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dalam firman-Nya;

لَكُمْ شَرٌّ وَهُوَ شَيْئًا يَوَاجِدُنَا وَعَسَىٰ ۖ لَكُمْ خَيْرٌ وَهُوَ شَيْئًا تَكْرَهُوا أَنْ وَعَسَىٰ

"Sesuat yang kamu tidak suka itu boleh jadi baik untuk kamu dan sesuatu yang kamu kasih kamu cinta boleh jadi tidak baik untuk kamu."

Maka di atas peringatan firman Allah itu, mari sama-sama kita menghayati akan nasihat firman Allah supaya segala perkara yang berlaku dalam kehidupan kita ini, kita dapat hadapi dapat kita atasi dengan sebaiknya. Saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang turut membantu kepada mangsa-mangsa banjir ini sama ada dari orang perseorangan, dari kumpulan NGO-NGO, Agensi-agensi Kerajaan dan pihak Kerajaan sendiri yang sentiasa prihatin terhadap mangsa banjir dan menyampaikan berbagai bentuk bantuan kepada mangsa banjir. Inilah menunjukkan pada kita bahawa rakyat negeri kita dan rakyat negara kita sentiasa prihatin, sentiasa mempunyai perasaan simpati terhadap mereka-mereka yang dilanda musibah dan itulah di antara ajaran yang telah diajar kepada kita oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan oleh junjungan kita Nabi Muhammad ﷺ.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga dalam kesempatan Ucapan Perbahasan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada saf kepimpinan Kerajaan Negeri yang di bawah pimpinan Dato' Seri Menteri Besar dan juga kepada seluruh kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam menjayakan hasrat dan janji-janji Manifesto PRU ke-14 dalam tempoh hampir empat tahun Pentadbiran Kerajaan yang ada ini di mana Kerajaan telah berjaya melaksanakan 18 daripada 20 janji-janji Manifesto yang telah ditawarkan kepada rakyat. Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kerana telah berjaya melaksanakan 90% daripada keseluruhan janji Manifesto tersebut.

Alhamdulillah, melafazkan kesyukuran kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana banyak program-program dan juga bentuk-bentuk bantuan yang telah disampaikan kepada rakyat khususnya kepada B40 dan M40 dalam pelbagai bentuk di antaranya seperti subsidi air kepada rakyat yang susah, Kad Sejahtera, wad kelas percuma, wad kelas ketiga percuma, Pencen Rakyat, proses menghidupkan pendidikan Islam SRIDI, SMIDI seterusnya bantuan persekolahan, biasiswa pelajaran kepada anak kita yang cemerlang dan juga kepada usahawan-usahawan kita yang telah dapat menikmati insentif dan juga bentuk-bentuk bantuan bagi memajukan usahawan mereka di mana dalam Titah Tuanku menyentuh peluang pekerjaan iaitu untuk mengurangkan kadar pengangguran yang berlaku di kalangan rakyat kita. *Alhamdulillah*, sejak tahun 2018 sehingga Disember 2021 sebanyak 14,340 peluang pekerjaan telah diisi yang mencapai angka 71% dan dijangka pada tahun 2022 ini, sebanyak 4000 lagi peluang pekerjaan akan diisi yang akan mencapai 91% dan terima kasih kepada pihak THRDC yang sentiasa berusaha untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya melancarkan Kempen BPIS (Bulan Penghayatan Ibadah Solat) pada bulan Rejab yang lalu di mana dalam usaha kita menjadikan rakyat negeri kita terdiri daripada golongan yang berilmu, beriman dan beramal soleh dan saya mengharapkan dengan kempen ini bukan hanya sekadar bulan, sebulan sahaja malahan akan dihayati sepanjang tahun dan sepanjang kehidupan kita kerana solat, sebagaimana yang kita tahu bahawa ia merupakan asas ibadah kepada orang-orang Islam dan dijamin oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* akan dilindungi mereka-mereka yang solat ini.

وَالْمُنْكَرَ الْفَحْشَاءِ عَنِ تَنْهَى الصَّلَاةِ إِنَّ

"Sesungguhnya solat itu akan mencegah kepada perkara-perkara fahsya' dan kepada kemungkaran"

Insya-Allah, bila rakyat dapat menghayati dan beramal dengan penghayatan ibadat solat ini, saya yakin dan percaya, *insya-Allah* kita akan dapat melahirkan rakyat yang benar-benar beriman, bertaqwa dan rakyat yang akan menjadi golongan-golongan yang terbaik yang sudah tentu akan membawa kemakmuran dan juga akan mensejahterakan kehidupan rakyat dan buat akhirnya saya ingin menyampaikan sedikit suara daripada DUN saya, iaitu DUN Sura di mana yang pertama ialah menyentuh berhubungkait dengan sebuah sekolah yang ada di Dungun iaitu Sekolah Menengah IMTIAZ Dungun, yang saya dah sebut dalam persidangan yang lalu, meminta kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu supaya dapat menyediakan infra yang lebih baik, prasarana yang lebih baik kepada anak-anak kita yang belajar di IMTIAZ ini, kerana kita faham bahawa IMTIAZ ini ialah sekolah yang melahirkan hafiz dan hafizah. *Alhamdulillah*, dengan kejayaan sekolah IMTIAZ ini, menggambarkan bahawa kita sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang sentiasa memberikan kecaknaan dan prihatin terhadap pendidikan anak-anak kita. Cuma saya mengharap supaya pihak Yayasan Terengganu supaya dapat menyediakan prasarana yang lebih selesa kepada anak-anak kita memandangkan bangunan yang sedia ada sudah agak uzur iaitu bangunan peninggalan daripada syarikat perlombongan bijih, Bukit Besi.

Yang keduanya ialah berkaitan hakisan pantai yang berlaku di mana hakisan tersebut berlaku berhampiran dengan bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Kwang Hwa. Sudah terlalu hampir. Saya ingat lebih kurang 40 meter sahaja daripada bangunan. Oleh sebab itu, saya mengharap pihak Kerajaan supaya dapat mengambil tindakan segera bagi mengatasi hakisan pantai yang berlaku.

Dan yang ketiga ialah, saya di peringkat DUN Sura, yang merupakan di antara DUN yang padat, kawasan bandar, yang sudah tentu rakyat sentiasa mengadu berhubung kait dengan perumahan untuk rakyat. Jadi saya mengharap pihak Kerajaan supaya memberikan sedikit keutamaan kepada DUN bandar ini, DUN Sura, dalam memberikan kemudahan kepada rakyat untuk menikmati

rumah, kerana sebahagian besar daripada mereka menyewa sejak berpuluh-puluh tahun hingga sampai ada yang bercucu tapi masih lagi tidak mendapat tempat untuk kediaman mereka. Sebab ini adalah merupakan perkara asas kepada kehidupan rakyat. Maka oleh itu, saya sangat-sangat mengharapkan pihak Kerajaan Negeri khususnya supaya dapat memberikan keutamaan, kita di bandar ini, kalau boleh rumah pangsa pun tak apa *dah*. Mungkin dapat menempatkan jumlah yang lebih besar kepada penduduk yang memerlukan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya kira itulah antara beberapa perkara yang dapat saya sebutkan dalam ucapan perbahasan pada pagi ini dan saya menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku al-Sultan. Terima kasih.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Wakil Sura. Sekarang saya menjemput mana-mana wakil yang ingin mengambil bahagian. Sila Wakil daripada Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ وَنُصَلِّي وَنُصَلِّمُ عَلَى رَسُولِهِ الْأَمِينِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan, para pegawai, seterusnya *hadirin* dan *hadirat* yang dikasihi sekalian. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku al-Sultan sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Keempat Belas yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada pagi kelmarin.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan ucapan perbahasan ini dengan membaca firman Allah *Ta'ala* dalam Surah Al-Hajj ayat 41 di mana Allah *Ta'ala* berfirman:

مَكَتُّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ إِنَّ الَّذِينَ

مُورَاقِبَةُ الْأَوْلِيَاءِ عَ
قَ اللهُ الْعَظِيمِ دَصَدَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam ayat 41 Surah Al-Hajj yang saya bacakan tadi dengan jelas, menggariskan kepada kita beberapa perkara yang menjadi tugas dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh sebuah kerajaan yang diberi kuasa pemerintahan di atas muka bumi ini. Antaranya ialah kewajipan *amal makruf* dan *nahi munkar*. Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Khatib ada menyebut dalam satu risalah kecilnya berkaitan dengan الأمر بالمعروف والمعروف الأخبار وعودة الى التعبير بشريعة الله والحكم والنهي عن المنكر. Beliau menegaskan معارض الله هو المنكر الأكبر. *Makruf* yang paling besar ialah kembali berusaha ke arah melaksanakan syariat Allah dan hukum atau peraturan yang bercanggah dengan syariat Allah adalah *munkar* yang paling besar.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, Parti Islam Se-Malaysia (PAS), yang dasar perjuangannya ialah Islam, rujukan tertingginya ialah Al-Quran, As-Sunnah, *Ijma'* dan *Qiyas*, manakala tujuannya ialah memperjuangkan wujudnya dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah telah memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawabnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah ketika diberi mandat memerintah Negeri Terengganu pada tahun 1999 sehingga 2004 dan 2018 sehingga kini mengikut bidang kuasa negeri yang diperuntukkan oleh perlembagaan dan peranan ini akan diteruskan lagi selepas PRU-15 nanti dengan mandat daripada rakyat Terengganu, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, antara usaha yang dilakukan bagi memartabatkan Islam dan memperkasakan Mahkamah Syariah ialah meminda Undang-undang Tubuh Negeri dengan memasukkan Fasal 3(A), Undang-Undang Ibu bagi Negeri Terengganu yang memperuntukkan bahawa Al-Quran, As-Sunnah, *Ijma'* dan *Qiyas* adalah dijadikan sumber dan rujukan tertinggi undang-undang bagi diri Kerajaan Negeri Terengganu. Pindaan ini telah diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini dan kemudiannya diwartakan pada 1 Ramadan 1424 *Hijriah* bersamaan 27 haribulan 10, 2003.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam memperkasakan undang-undang dan Mahkamah Syariah, beberapa enakmen baru juga telah diluluskan antaranya ialah Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Terengganu 2001,

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Terengganu 2001, Enakmen Mahkamah Jenayah Syariah Terengganu 2001 dan Enakmen Undang-Undang Keterangan Syariah Terengganu 2001. Dan yang terkini, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan, satu tingkat ataupun lapisan baru mahkamah yang dikenali dengan Mahkamah Rayuan Utama juga telah diwujudkan. Dengan perkenan ini, tingkat Mahkamah Syariah Negeri Terengganu adalah terdiri daripada Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Rayuan Utama Syariah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya Kerajaan Negeri akan terus berusaha bersungguh-sungguh dan memberi komitmen yang tinggi untuk melakukan apa sahaja yang perlu seperti menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi mengadakan bengkel-bengkel, seminar-seminar, lantikan pakar perundangan dan lain-lain termasuk pindaan enakmen yang berkaitan bagi mencapai maksud dan selari dengan kedudukan empat tingkatan mahkamah sebagaimana yang disebutkan tadi. Kita mengharapkan dan berdoa kepada Allah agar empat tingkatan mahkamah yang disebutkan tadi dapat dilaksana dan direalisasikan selewat-lewatnya pada tahun ini, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkasakan Mahkamah Syariah dibuktikan lagi dengan usaha kerajaan untuk *upgrade* atau menaik taraf Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Kemaman dan juga Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu yang sebagaimana dinyatakan dalam Ucapan Belanjawan 2022 pada 15 November 2021 yang lalu. Sebagaimana disebut pada *paragraph* 56 muka surat 24 Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyatakan bahawa sebagai menyokong Institusi Kehakiman Syariah, Pembangunan Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Kemaman akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM3 juta manakala bagi Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu pula akan dimulakan aktiviti perancangan dan perolehan bagi pembinaan premis baharunya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mohon penjelasan daripada pihak kerajaan apakah status pembangunan Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Kemaman dan *jugok* status proses pembinaan premis baharu Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu ini untuk makluman Dewan yang mulia dan juga rakyat keseluruhannya ini, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan PAS Negeri Terengganu yang telah berjaya melaksanakan 18 daripada 20 Janji Manifesto yang ditawarkan kepada rakyat waktu PRU ke-14 yang lalu. Cumanya saya nak *mintak* penjelasan dari pihak Kerajaan, apakah status terkini pelaksanaan dua lagi janji manifesto tersebut iaitu yang pertama; Bandar Baharu Lestari di Bukit Seraya dan pembinaan Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri menggantikan KUSZA sebagaimana disebut dalam Perenggan yang ke 29, muka surat 12 dan 13 dalam Ucapan Bajet yang lepas. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam ucapan tersebut menyatakan bahawa setelah membuat penilaian berdasarkan Lapan Prinsip Pembangunan Bandar Lestari yang berkonsepkan islamik, lestari dan pintar telah dimaklumkan bahawa Bukit Seraya telah dipilih sebagai lokasi rintis. Begitu juga dengan Institut Pengajian Tinggi Islam Negeri iaitu KQT dengan menaik taraf KQT dengan membina sebuah kampus induk di Durian Mentangau di atas tanah seluas 300 ekar dan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM350 juta. Jadi apakah status dua lagi janji manifesto ini sehingga kini dan sebagaimana yang kita sedia maklum, kita sekarang sudah berada di penghujung suku pertama 2022. Jadi saya berharap usaha-usaha awal telah pun dimulakan walaupun mungkin tak sempat siap sepenuhnya menjelang PRU-15 yang akan datang. Sekurang-kurangnya kerja-kerja awal telah atau akan dilaksanakan sebagai bukti komitmen Kerajaan Negeri menunaikan janji tersebut kepada rakyat, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di antara tugas dan tanggungjawab sebuah Kerajaan juga ialah mewujudkan kesejahteraan dalam kehidupan rakyat sama ada konteks kehidupan individu, keluarga atau masyarakat. Ini sesuai dan selari dengan visi Kerajaan Negeri itu sendiri iaitu Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sehingga kini masih wujud beberapa isu yang mengganggu kesejahteraan hidup rakyat, yang perlu diberikan perhatian serius oleh Kerajaan Negeri. Isu yang berlarutan begitu lama, yang dilihat seolah-olah tidak ada jalan penyelesaian yang tuntas dan berkesan. Antara isunya ialah, yang pertama isu binatang ternakan yang berkeliaran sehingga ia bukan sahaja mengganggu pengguna jalan raya bahkan mengancam nyawa mereka. Sudah banyak kes kematian yang berlaku disebabkan kemalangan, melibatkan binatang yang berkeliaran ini. Khususnya di kalangan penunggang motosikal pada waktu malam. Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, saya difahamkan pihak Kerajaan melalui Majlis

Bandaraya Kuala Terengganu telah bersetuju untuk menswastakan tindakan penangkapan binatang berkeliaran ini sebagai jalan penyelesaian kepada masalah yang berbangkit. Apakah benar sedemikian? Jika benar saya nak tahu sejauh manakah perjalanan itu telah diambil dan bilakah dijangka ia akan mula beroperasi.

Yang kedua, masalah babi yang berkeliaran dalam kampung yang bukan sahaja mengganggu ketenteraman hidup masyarakat bahkan juga merosakkan tanaman-tanaman yang diusahakan oleh penduduk. Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, saya melihat bahawa masalah ini berbangkit ekoran daripada ketidakupayaan jabatan atau pihak berwajib yang berkaitan menangani aduan-aduan dari JPKK atau rakyat tentang ancaman babi yang semakin banyak sehinggakan pihak JPKK mengambil tindakan sendiri dengan bantuan Pusat Khidmat Masyarakat ADUN dengan menyediakan beberapa perangkap. Namun demikian, Dato' Yang di-Pertua timbul pula isu yang baru iaitu bagaimana hendak melupuskan binatang tersebut apabila berjaya ditangkap melalui perangkap-perangkap yang dipasang. Saya berharap Kerajaan memandang serius permasalahan berbangkit ini dan ada penyelesaian terbaik demi kesejahteraan hidup rakyat.

Dan yang akhir, yang ketiga Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sikit lagi. Isu yang berkaitan dengan tali air yang tidak diselenggarakan sehingga menyebabkan banjir akibat limpahan air ketika hujan lebat. Iaitu tali air yang dibina di kawasan-kawasan kampung yang dahulunya bertujuan mengalirkan air ke kawasan-kawasan pertanian. Dan sebagaimana yang kita sedia maklum, banyak kawasan-kawasan pertanian di kampung pada hari ini seperti tanaman padi dan lain-lain sudah tidak lagi diusahakan kerana pelbagai faktor di samping keperluan pembinaan rumah dan sebagainya. Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, apabila masalah penyelenggaraan ini dirujuk kepada pihak JPS, JPS kata status tali air ini adalah di bawah tanggungjawab pertanian untuk diselenggarakan tapi masalahnya adalah apabila dirujuk kepada pertanian, pertanian kata tidak boleh mengeluarkan peruntukan bagi tujuan selenggara kerana kawasan aliran tali air tersebut tidak lagi diusahakan dengan tanaman atau pertanian. Hasilnya tergantung begitu sahaja sehingga sebahagiannya terbiar begitu lama tanpa diselenggarakan sehingga menimbulkan masalah banjir kepada penduduk sekitar khususnya di musim tengkujuh. Oleh kerana itu, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya sangat mengharapkan agar isu ini dapat diselaraskan kembali untuk mencari penyelesaian terbaik bagi menjamin

keselesaian dan kesejahteraan hidup rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua atas peluang dan masa yang diberi, Buluh Gading mohon menyokong. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih Wakil Buluh Gading. Saya nak persilakan Wakil sebelah sini untuk bercakap. Kalau tak dok saya nok mintok Kerajaan tutup awal ni. Ada? Saya bagi peluang ni, bagi sebelah kiri saya. Sebab lepas ni takut jadi jujuk. Tak boh cakap? Kalau gitu, saya pindah sebelah sini. Jangan kata saya tak bagi peluang. Sila, ada lagi Yang Berhormat bercakap? Sila wakil daripada Jertih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):
Ingat nok cakap petang karang, tapi mari *rhepok* ni cakap jugok la.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kena *rhepok* jugok sekali sekali [sambil ketawa]

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat dan seterusnya ketua-ketua jabatan dan para pemerhati. *Alhamdulillah* syukur kita kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana kita telah dapat bersidang rupanya telah mencecah kepada Penggal Kelima dah. Rasa baru lagi pilihan raya. Okey dan saya ingin mengambil kesempatan untuk bersama-sama berbahas dalam ucapan perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan semalam, yang mana walaupun ucapan Duli Yang Mulia al-Sultan pendek, agak pendek tapi saya melihat bahawa banyak point-point penting yang diutarakan kepada kita sidang Dewan ini menjadi cabaran kepada pihak Kerajaan untuk mengambil usaha yang sewajarnya kerana diberitahu bahawa walaupun ekonomi kita berkembang tetapi ekonomi kita berkembang dalam keadaan yang menurun. Okey dan hari ini kita tengok harga makanan makin naik. Hari ini kita tengok kos pengeluaran makanan juga naik dan garis kemiskinan hari ini sebenarnya telah mencecah kepada 2208 dan kepada garis kemiskinan tegar 1169. Maknanya gaji minima yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bermula pada Mei

ini bagi syarikat-syarikat besar yang mampu, mereka yang menerima gaji minima ini masih lagi berada dalam garis kemiskinan dan ditambah lagi dengan kesan COVID-19, ditambah lagi dengan bencana-bencana yang berlaku, Kerajaan akan membuat penilaian semula garis kemiskinan negara di mana hari ini kajian sudah dibuat dan kalau ikut Menteri Ekonomi akan dibentangkan pada Penggal Pertama pada tahun hadapan. Jadi ini merupakan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak Kerajaan termasuk pihak Kerajaan Negeri. Saya pertamanya saya suka menyentuh perkara yang dibangkit, diumumkan oleh Kerajaan pada hari semalam yang mana akhirnya rakyat dapat *insya-Allah* menerima manfaat Dana Raya yang diumumkan oleh Kerajaan semalam, iaitu yang dinamakan i-Fitri. Cuma, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan iaitu berkait dengan syarat perkara 6, penjawat awam yang menerima elaun tetap secara bulanan tidak layak untuk menerima Dana Raya ataupun i-Fitri ini sedangkan sebelum itu diberitahu kepada kita pemberian ini mereka yang mendapat manfaat ada dua kategori. Kategori pertama, mereka yang berpendapatan RM2,000.00 ke bawah, kategori yang kedua RM2,001.00 sampai ke RM5,000.00. Jadi ada penjawat awam yang...

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): RM2,500.00

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):
Apa dia?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): RM2,500.00 ke atas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):
RM2,500.00 hingga?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Hingga RM5,000.00.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): RM5,000.00 okey. Kategori dua, jadi ada penjawat awam yang gaji mereka tidak sampai ke tahap itu. Jadi mereka kalau ikut perkara enam, mereka tidak layak. Jadi di sini menunjukkan satu ketidakadilan dari segi pendapatan bulanan yang sama tetapi mereka yang layak ada berbeza. Yang ini saya nak dapat pencerahan. Yang keduanya juga dimaklumkan bahawa dalam perkara berapa

kelmarin, iaitu bagi kontraktor yang berdaftar tidak layak tetapi yang berniaga, yang daftar dengan SSM layak tetapi hendaklah bagi bukti bahawa pendapatan mereka tidak melebihi daripada RM5,000.00. Okey tapi pandangan saya kontraktor ini dia ramai di Negeri Terengganu terutama kontraktor dipanggil G berapa, dulu dipanggil Kelas F terlalu ramai di Negeri Terengganu dengan saya jangkakan dengan projek yang ada di Negeri Terengganu tidak semua yang dapat. Malah mungkin ada setengah kontraktor tu, dua tiga tahun dah tidak dapat projek. Jadi ini menunjukkan bahawa mereka juga bukan mampu, mereka juga perlu diberi kelonggaran untuk mendapat Bantuan Dana Raya ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara yang diutarakan oleh Al-Sultan kelmarin berkait dengan Titah Ucapan Tahniah di atas pencapaian pelaksanaan Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021. Syabas saya ucapkan kepada EXCO Pertanian Negeri Terengganu kerana telah menasaskan 13,702 orang golongan sasar yang menerima manfaat sempena Tahun Pertanian Negeri Terengganu. Cuma ada disentuh berkait dengan Projek McCormick iaitu Projek Lada Hitam. Saya pun, sama ada di Lembah Bidung saya rasa tanah terbaru yang dikurniakan tapak baru kan? Dulu di Telaga Papan dan diberitahu kepada kita dalam *press statement* baru-baru ini bahawa ianya mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan hasil daripada *investment* ataupun pelaburan sebanyak RM300 juta yang mana Kerajaan Negeri bagi tanah sebanyak 600 hektar. Jumlah ini mungkin tidak berapa tepat tapi dapat penjelasan daripada pihak Kerajaanlah nanti. Cuma saya tertanya-tanya dengan Projek McCormick ini, lada hitam ini, cara mana 2,000 peluang pekerjaan ini dapat diwujudkan. Kalau syarikat ini menggunakan kilang, ada pekerja kilang dengan modenisasi kilang sekarang ini, adakah seramai 2,000 orang itu boleh bekerja di kilang tersebut ataupun dengan kaedah perladangan dengan jumlah 600 hektar ni, adakah bilangan pekerja seramai 20,000 orang ini, boleh bekerja di situ. Jadi yang ini saya nak dapat penjelasan daripada Kerajaan kerana saya tengok banyak angka-angka yang diberitahu dalam Dewan ini, kita telah dapat menyelesaikan berapa peratus, jumlah peratus yang tinggi untuk mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada rakyat Terengganu.

Tetapi kita tengok hari ini makin ramai orang yang tidak ada kerja sebenarnya. Ini mengikut realiti tapi cara statistik yang dikeluarkan oleh Kerajaan ini kita agak kelirulah kalau tidak dapat penjelasan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan. Okey dan ada juga disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan berkait dengan supaya...

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Jertih, laluan sekali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey sila.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kerajaan ada keluar data-data pemulihan tentang peluang-peluang pekerjaan...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Tak dengar.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kerajaan ada berikan data-data *percentage* peluang-peluang pekerjaan. Jertih kata ada *hok* realitinya *takdok* kerja, ada data ke dok takdok kerja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Cuma apa yang saya bangkitkan ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita tidak nak supaya angka tadi mengelirukan rakyat kerana hari ini realitinya rakyat makin hari makin tidak ada kerja. Tetapi kita Kerajaan bagitahu...

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dewan yang mulia ini patut ada data, Yang Berhormat Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Betul.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya kata data, *takdok data kabo takdok data*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini saya bagitahu dari segi realitinya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nanti pihak Kerajaan akan buat penggulungan. Sila...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Jadi ini kita perlukan penggulungan Yang Berhormat Manir daripada pihak

Kerajaan. Okey dan ada diutarakan oleh al-Sultan juga berkait dengan dalam muka surat 14 iaitu berkait dengan peranan agensi iaitu ECRDC dan juga TADC untuk membantu dalam sektor pertanian agar kedua-dua agensi ini terutamanya TADC diperkasakan kerana dulu kita tengok TADC awal-awal penubuhan ini memang hebatlah kerana ada suntikan modal yang besar dan ada kerja ataupun tugas yang difokuskan kepada TADC untuk dilaksanakan. Tetapi hari ini saya tidak nampak dengan jelas hala tuju TADC ini ditambah lagi mengikut maklumat saya TADC ini kurang dari segi modal. Jadi saya mencadangkan supaya Kerajaan kena benar-benar dapat membantu TADC ini supaya ianya dapat berperanan untuk membantu...

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): ...Maklumat boleh mana TADC *tak dok* modal?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Ya?

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Maklumat mari mana TADC *tak dok* modal tu? Ketawa. Pelik...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Saya pernah berada dalam TADC ni, sebelum Kerajaan BN baru ini kita tahu bahawa TADC ini ialah kalau saya sebut agak sensitiflah. Tapi, saya pohon supaya ianya dapat diperkasakan kerana saya melihat bahawa hari ini dalam sektor pertanian, petani menghadapi masalah input pertanian yang mahal, baja mahal, bahan racun-racun mahal, makanan ternakan mahal, dan hari ini agensi yang melibatkan diri dalam...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat..

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Dalam hal ini adalah...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya cuma nak mengingatkan masa Yang Berhormat tak banyak ye.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey. Ketawa, iaitu Pertubuhan Peladang kawasan sahaja. Yang ini saya cadangkan supaya TADC juga boleh memainkan peranan sebagai *dealer* kepada pembekal-pembekal yang mana boleh menjadi pemborong supaya dapat

mengimport. Contohnya makanan ternakan dengan kuantiti besar mungkin harga yang lebih murah. Begitu juga bahan import yang lain agar petani-petani di Negeri Terengganu ini mendapat manfaat untuk mendapat harga yang murah apabila ianya dilaksanakan dibantu melalui agensi ini. Okey dan masa ada seminit lagi. Saya berbalik kepada kawasan Jertih/ah. Cuma sebelum itu saya ada dengar tadi, apa yang dibangkitkan oleh YB Buluh Gading, berkaitan dengan masalah babi yang berada di kampung-kampung. Tetapi saya nak bagitahu bahawa hari ini bahawa babi bukan berada di kampung-kampung. Babi telah berada di bandar-bandar. Okey dan saya minta supaya, betul ini di bandar Jertih pun ada babi masuk ini. Jadi kalau kita nak tembak dia ada masalah dengan Perhilitan. Lagipun bila ada dalam bandar ini, masalah dengan keselamatan orang ramai. Saya nak minta supaya apa yang dibangkitkan oleh Wakil Buluh Gading ni, usaha yang bersepadu oleh semua pihak melalui Kerajaan supayanya ianya dapat diatasi. Bukan sahaja dari segi ancaman kepada tanaman, tetapi juga kepada penduduk setempat.

Okey saya akhir sekali, saya minta supaya baru ini ada isu berkait dengan *parking* di Bandar Jertih. Terima kasih kerana *parking* di Bandar Jertih telah dapat diatasi. Setakat ini, rakyat boleh terima/ah. Maklumlah benda baru banyak *complain* tetapi ada rungutan juga daripada golongan OKU. OKU minta supaya ada kelonggaran di seluruh Negeri Terengganu ini, ada ruang parking percuma kepada golongan OKU. Okey dan saya di Jertih, saya nak minta supaya pihak Kerajaan mengambil perhatian yang sewajarnya berkait dengan hakisan di Sungai Jertih. Yang mana Masjid Pakistan yang menjadi satu ikon, antara masjid yang terlama di Jertih. Hari ini, hakisan tahun ke tahun tu, satu masa kalau kita tidak, apa nama ni, buat sesuatu, masjid itu akan roboh. Saya difahamkan dalam lima, enam tahun yang lalu, kajian telah dibuat sebenarnya, dan kajian ini telah siap. Cuma kita minta supaya pihak Kerajaan tengok supaya Masjid Pakistan ini tidak akan musnah disebabkan hakisan oleh sungai, hakisan di Sungai Jertih. Dan akhir sekali, ada dua perkara lagi akhirpun. Saya..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kena jaga masa Yang Berhormat, sebab kita ada program lepas ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Saya nak minta supaya ada usaha yang dibuat kerana ada banyak rungutan di Daerah Besut ini berkait dengan tekanan air yang rendah hari ini kerana paip empat inci telah tidak sesuai dibandingkan dengan peningkatan bilangan

penduduk. Cuma kita nak minta supaya ada dua kaedah. Kalau tidak ada usaha untuk kita nak tambah paip lima inci kita pakai *booster* dulu tak apa, *pump booster* dulu kerana pada hari ini, terutama nak menghadapi Bulan Ramadan hari raya ini mungkin masalah ini akan..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey *last* sekali Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, akhir sekali, ini akhir sungguh *la ni*, di Daerah Besut sendiri *pun* kita menghadapi masalah pencapaian internet banyak bukan sahaja kampung, tapi di Kampung Raja, di sekitar Jertih ini, kawasan bandar ini. Tidak ada pencapaian *line* internet yang sempurna. Saya minta supaya pihak Kerajaan melalui Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Pusat dapat berbuat sesuatu agar masalah ini dapat diatasi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Jadi saya ingat itu sahaja, Tuan Pengerusi banyak lagi tertinggal ini. Tak apalah. Jadi ingat itu sahaja, sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهَدٰیةِ وَالسَّلَامِ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰی وَبَرَکَاتُهُ

Jertih pohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Jertih. Ada lagi Ahli Berhormat yang nak bercakap? Tak *dok*, Kalau tak *dok* saya nak minta pihak Kerajaan gulung lepas ni. Ada tak? Wakil daripada Kemasik, tapi saya minta berucap, sesi petang nanti.

Ahli Berhormat sekalian, saya ingin memberi laluan kepada satu Majlis Perasmian Kempen Tiada Bag Plastik Peringkat Negeri yang akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Terengganu sebentar lagi. Sementara itu, saya juga ingin menjemput semua Yang Berhormat sekalian ke jamuan makan tengahari oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di Damai Lounge dan juga di perkarangan U2 seperti biasalah. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.15 TENGAH HARI

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Kita masih lagi dalam Sesi Perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan DiRaja. Hari ini ada muka baru Encik Aizat Safwan bin Abd. Razak, Penolong Setiausaha Dewan yang menggantikan sementara Encik Zulkifly bin Isa selaku Setiausaha Dewan. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik untuk meneruskan perbahasan kita pada petang ini, dipersilakan.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi ﷺ, ahli keluarga baginda serta seluruh para sahabat *ridwanullahi alaihim*. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian. Bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana telah mengizinkan kita untuk menghadiri Persidangan Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Keempat Belas pada kali ini. Di kesempatan ini, Kemasik ingin merakamkan ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah bertitah menyentuh pelbagai aspek pelaksanaan dan dasar-dasar yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima, Dewan Undangan Negeri Keempat Belas ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan menyentuh tiga perkara utama tetapi saya ingin mengambil ataupun melihat kepada perkara utama yang diucapkan iaitu

unjuran ekonomi dunia dengan izin, *world economy outlook* dan persediaan kita di peringkat Negeri Terengganu. Modal insan yang berkualiti merupakan antara aset yang terpenting dalam berhadapan dengan suasana dunia yang makin mencabar ini. Ia juga termasuk dalam usaha mengurangkan impak langsung ke atas isi rumah khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Dengan pelbagai ilmu dan kemahiran yang diberikan akan menjadikan rakyat lebih berdaya saing. Pelbagai ilmu dan kemahiran yang diberikan mampu menjadi nilai tambah untuk rakyat berhadapan dengan cabaran terutama ekonomi dunia yang berlaku sekarang. Program pembangunan modal insan terutama dalam melahirkan lebih ramai rakyat yang kompeten dan berdaya saing dalam pelbagai bidang mampu meningkatkan keupayaan masing-masing sejajar Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS 2030) yang menggabungkan pembangunan manusia dan pembangunan ekonomi secara holistik dan komprehensif. Secara makronya, halatuju pembangunan manusia memberi tumpuan kepada melahirkan rakyat yang beragama, bermasyarakat dan berkeadilan. Antaranya, melalui tujuh pembangunan PITAS 2030 yang salah satunya iaitu perkara ataupun perkara ketiga iaitu memperkukuhkan keupayaan pembangunan insan dalam meningkatkan daya saing dan produktiviti negeri.

Di samping itu, di dalam prinsip, tujuh prinsip PITAS 2030 juga menekankan berkenaan insan berkualiti aset terpenting negeri iaitu Kerajaan Teknokrat. Di samping dalam Sepuluh Teras Strategik, saya ingin mengambil Dua Strategi yang disebut dan disasarkan dalam Pelan Induk Terengganu Sejahtera tersebut iaitu Teras Strategi Yang Ketiga dalam usaha untuk memperkukuhkan Pembangunan Insan. Teras Strategik ini sebahagian daripada sasaran Pembangunan Insan, Teras Strategik ini memberi tumpuan kepada pemahaman, pengamalan dan penghayatan rakyat bahawa Islam mampu memimpin dan menjadi rujukan kepada rakyat. Modul Itqan Insani yang menyasarkan pembangunan secara holistik kepada sepuluh segmen masyarakat selaras dengan dasar Islam yang dibawa Kerajaan Negeri.

Matlamatnya adalah untuk melahirkan manusia yang bersifat Itqan Insani dan mampu mengurangkan masalah sosial di kalangan masyarakat. Keboleh capaian ini kelak akan dinilai melalui indeks kesejahteraan rakyat Terengganu. Di samping itu, dalam Teras Kesepuluh, Kerajaan juga mensasarkan untuk pemeraksanaan keusahawanan dan pengupayaan sumber manusia. Disebut Teras Strategik ini adalah sebahagian daripada sasaran pembangunan ekonomi. Teras Strategik ini memberi tumpuan pembangunan rangkaian lengkap produk

keusahawanan sehingga mampu bersaing bukan sahaja di peringkat dalaman malah ke peringkat antarabangsa. Keusahawanan juga akan memberi tumpuan kepada produk warisan dan budaya Terengganu supaya warisan dan budaya Terengganu dapat diperkenalkan menerusi perusahaan berasaskan komuniti. Pembangunan sumber manusia Rabbani Teknokrat akan dioptimumkan sebaik mungkin untuk melahirkan tenaga kerja mahir dan memenuhi permintaan kerjaya. Semoga pelaksanaan dan pemerksaan segala yang tertera ataupun yang digariskan dalam Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030 akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan sudah pasti nanti *insya-Allah* ia akan memberi impak yang baik terutama dalam berhadapan dengan cabaran ekonomi global ini, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tidak ketinggalan di samping pembangunan modal insan, persediaan fizikal termasuk prasarana untuk para usahawan yang baik pasti membantu untuk rakyat menjayakan apa yang telah mereka rancang dan laksanakan. Penambahbaikan prasarana keusahawanan atau usahawan sedia ada serta penyediaan prasarana usahawan baharu perlu diteruskan dan diberi perhatian agar rakyat terus mampu berkembang terutama di bidang keusahawanan yang mereka ceburi. Kewujudan platform pemasaran yang lebih berdaya maju bagi menguasai pasaran tempatan malah masuk ke pasaran antarabangsa juga perlu dilihat secara lebih agresif. Saya mohon juga di kesempatan ini untuk pihak Kerajaan meneliti keperluan untuk menyediakan suatu kawasan IKS baharu termasuk dalam bidang makanan halal dan juga lain-lain IKS di samping kawasan industri berkaitan minyak dan gas yang sedia ada di dalam DUN Kemasik. Semua maklum terutama sekali Kemaman dan Kemasik, industri banyak menumpu kepada perindustrian yang berasaskan minyak dan gas, namun kita yakin ia bukan menggambarkan keseluruhan keperluan kepada penduduk. Kekangan tempat-tempat untuk usahawan-usahawan di bidang selain minyak dan gas sebagai contoh makanan halal industri-industri selain dari minyak dan gas sangat terhad menyebabkan kekangan dan kekurangan ini menyebabkan para usahawan yang ingin bebas ataupun ingin terus maju berhadapan dengan kekangan dan sekatan. Mereka tidak dapat mengembangkan kedai-kedai ataupun perbekalan terutama sebagai contoh berkenaan dengan makanan halal kepada yang lebih besar kerana ketiadaan kilang-kilang ataupun tempat-tempat yang sesuai untuk mereka perembangkan industri ataupun perusahaan mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, meningkatkan kerjasama strategi antara agensi negeri dan persekutuan merupakan suatu strategi yang ampuh dalam memastikan pelaksanaan rancangan kerajaan berjalan baik demi faedah rakyat Negeri Terengganu keseluruhan. Tahniah kami ucapkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan Persekutuan yang terus memberi keutamaan kepada kerjasama yang baik untuk terus menyempurnakan pelbagai agenda yang telah dan sedang serta akan dilaksanakan. Semoga kekuatan ini terus utuh seterusnya memberi impak yang terbaik untuk negeri dan rakyat Negeri Terengganu keseluruhannya. *Alhamdulillah* pengamalan budaya kerja kelas pertama dan tahap integriti tinggi dalam merealisasikan dasar yang telah ditetapkan Kerajaan dilaksanakan dengan baik oleh penjawat awam yang menjadi benteng dan memainkan peranan yang terbaik dalam menjayakan seluruh dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Semoga dengan penggembleran tenaga ini menjadikan pembangunan Negeri Terengganu terus pada landasan yang tepat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seterusnya Kemasik ingin mengambil kesempatan dalam persidangan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan atas komitmen tinggi yang diberikan sehingga termeterainya beberapa perjanjian kerjasama dalam projek pembinaan rumah rakyat serta kawasan pembangunan yang menyokong projek pembangunan rumah rakyat tersebut dalam DUN Kemasik. Perjanjian membangunkan empat projek perumahan serta keperluan lain dalam menyokong peningkatan rakyat serta keperluan telah pun berjalan pembinaannya dan terkini kerjasama membina projek perumahan baharu dimeterai pada 23 Februari 2020 lepas menjadikan keseluruhan projek perumahan untuk rakyat dalam DUN Kemasik sehingga sekarang sebanyak lima projek, di samping itu Kerajaan juga telah berjaya memeterai perjanjian kerjasama membangunkan tanah ataupun Kawasan Perindustrian Kertih seluas 1,007 ekar melalui pembangunan Kertih Terengganu Industrial Park (KTIP) yang bernilai RM680 juta dan dijangka membawa prospek pembangunan di dalam industri petrokimia serta pembuatan termasuk penghasilan produk berskala besar melibatkan kemudahan teknologi tinggi. Terdahulu ECERDC juga telah menyelesaikan ataupun telah melaksanakan pembangunan kawasan tambahan fasa empat di Taman Biopolimer Kertih di samping Kawasan Perindustrian Kertih di Kampung Labohan oleh pihak PMINT. Semoga pembangunan kawasan perindustrian baharu ini akan merangsangkan perkembangan ekonomi yang baik kepada Negeri Terengganu di samping lain-

lain usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan keseluruhannya dalam Negeri Terengganu dalam pelbagai sektor pelaburan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, beberapa usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam pembangunan Pelan Induk Kerajaan Digital Pintar Terengganu termasuk memajukan capaian utusan dalam talian, *alhamdulillah* Kerajaan telah menaik taraf pusat-pusat internet komuniti PINTAR di seluruh Negeri Terengganu, *alhamdulillah* sebagai contoh di Dun Kemasik ada tiga PINTAR, Kemasik, Kertih dan di Felde namun dalam lawatan akhir saya ke PINTAR bila saya melihat penggunaan komputer yang ada yang telah dibekalkan oleh Kerajaan contoh di Kemasik ada sembilan unit komputer termasuk seluruh prasarana namun tidak dapat diguna sepenuhnya. Bila ditanya kenapa tidak menggunakan keseluruhan sembilan ataupun keseluruhan unit yang dibekalkan disebut *takdok wireless dongle*, jadi ada barang tapi tak boleh diguna sepenuhnya justeru saya berharap untuk mendapat perhatian daripada Kerajaan terutama sekali kita sekarang berada di era teknologi internet dan sebagainya, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa Yang Berhormat dah habis dah.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, semoga Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini dapat berjalan dengan teratur dan sempurna serta penuh rasa hormat-menghormati antara satu sama lain. Semoga Kerajaan Negeri terus mengorak langkah ke hadapan di bawah kepemimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam membina Terengganu kepada sebuah negeri yang Maju Berkat dan Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya mohon menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Kemasik, saya teruskan sesi perbahasan ini, Wakil daripada Kuala Besut, sila.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يُدْرِكُهُ الْقَوْلُ ۚ يُوَاحِلُ عَقْدَةً مِّنْ لِّسَانٍ أَمْرًا لَا يَنْصُرُ لِيَّ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, barisan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil Ketua Jabatan dan seterusnya Sidang Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk sama-sama menyertai sesi perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kelmarin yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya terus kepada perbahasan saya iaitu suka saya menyebut perkara pertama antara perkara yang awalnya yang disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan adalah tentang isu peperangan di Ukraine yang mana secara langsung ataupun tidak langsung akan memberi kesan kepada ekonomi di dunia termasuklah kita di Negeri Terengganu. Ini kerana akan berlakulah nanti peningkatan bahan mentah. Jadi dan pelbagai rantai ekonomi yang mungkin menyukarkan seluruh dunia termasuklah kita di Negeri Terengganu ini juga. Jadi persoalan saya adakah kita di Negeri Terengganu ini bersedia untuk menghadapi isu yang akan secara langsung ataupun tidak langsung akan turut dirasai oleh kita ataupun rakyat Terengganu nanti apabila kesan itu akan sampai ke tempat kita nanti, apakah persediaan ataupun persiapan pihak Kerajaan untuk menangani isu tersebut. Sebagai contoh, kita semua sedia maklum bahawa sumber makanan merupakan isu utama dunia pada masa kini. Apatah lagi isu makanan ini menjadi lebih kritikal ketika pandemik COVID-19 melanda dunia dan juga selepas COVID-19 melanda negara kita. Apatah lagi bila kita mula masuk ke era endemik COVID-19 juga kita masih lagi akan dibelenggu oleh isu utama iaitu isu makanan khususnya di peringkat global. Jadi apakah pihak Kerajaan menerusi program jaminan makanan ataupun dengan izin *food security* yang telah diwar warkan di seluruh lapisan atau peringkat global dan juga peringkat kebangsaan dan saya yakin juga di peringkat negeri pun ada juga cakap tentang *food security*. Jadi apakah perancangan yang holistik rancangan yang lebih komprehensif pihak Kerajaan Negeri untuk menangani isu *food security* yang mana ianya isu utama yang akan mengganggu gugat yang juga memberi kesan langsung kepada kita rakyat di Negeri Terengganu ini. Begitu juga apabila bercakap tentang *food security* kita tidak dapat lari daripada industri perikanan kita di perairan Terengganu ini, terbentang luasnya lautan yang mana banyaknya sumber-sumber marin yang semakin lama semakin kurang di lautan sana. Jadi apakah pihak kerajaan dengan langkah-langkah yang terkini khususnya dengan

pelaksanaan revolusi industri 4.0 yang mana menggabung jalinkan kepelbagaian teknologi terkini khususnya dalam pelaksanaan automasi IOT iaitu *Internet of Things* penganalisa *big data* dan juga *advance analytic* dan penggunaan robotik dan sebagainya dalam revolusi baru untuk kita memperkasakan jaminan makanan ataupun *food security* melibatkan industri perikanan, melibatkan industri padi dan semua industri yang melibatkan industri makanan khususnya kita di Negeri Terengganu. Jadi apakah rancangan pihak kerajaan selaras dengan Titah Tuanku mukasurat 13 yang Tuanku juga meminta memohon supaya Kerajaan memperkasakan industri ataupun revolusi perindustrian keempat ataupun industri 4.0 ini dengan pelaksanaan kepelbagaian teknologi terkini yang seperti yang saya sebutkan tadi.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang berikut, saya ingin sentuh juga yang mana juga tentang segmentasi pelancongan yang berasaskan *Community Based Tourism* ataupun CBT. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana baru-baru ini di daerah Besut, satu lokasi iaitu lokasi Besut yang dikenali sebagai di Bukit Bubus itu dikenali sebagai *Besut Paragliding Park*. Tempat orang main *Paragliding* tu telah diwar-warkan sebagai salah satu CBT di peringkat Negeri Terengganu. Cuma kalau boleh pihak Kerajaan nyatakan lagi dengan lebih terperinci apakah kaedah pelaksanaan CBT ini dan apakah perancangan hala tuju dan juga program-program yang lebih memberi impak khususnya dalam kita meningkatkan ekonomi kepada penduduk setempat secara khususnya. Dan kita juga memohon supaya CBT ini tidak hanya menjadi satu program *one-off* ataupun program sekali je tapi kalau boleh biar dijadikan satu program yang berkala yang boleh dihidupkan oleh komuniti tersebut dan akan diteruskan sampai bila-bila generasi *by* generasi. Dan di kawasan saya Dato' Yang di-Pertua, saya mohon juga supaya pihak Kerajaan memperhalusi dan juga mempertimbangkan kerana di Kuala Besut khususnya kita di Pantai Kuala Besut ni, kita ada dua pantai yang boleh kita bangunkan ke arah *Community Based Tourism* ini. Ini kerana di Kampung Pachakan ataupun kita kenali sebagai Dataran Kampung Pachakan dan juga Dataran Pantai Pekan Kampung Pantai Kuala Besut boleh ada dua lokasi itu boleh kita kembangkan sebagai salah satu lagi program yang berasaskan CBT. Ini kerana kesungguhan komuniti di dua-dua lokasi tersebut yang mana Dataran Pachakan Komuniti Kampung Teluk Bayu dan juga Komuniti Kampung Pachakan bersungguh-sungguh buat wakaf sendiri, buat buaian sendiri, buat tempat duduk sendiri, mencari tayar-tayar terbuang dijadikan sebagai benteng dan juga pelbagai lagi infrastruktur yang *portable* sebab kita semua sedia maklum bahawa dataran

pantai ni kadang-kadang terlibat dengan hakisan dan juga ombak besar. Tapi dengan kreativiti mereka ini, mereka telah membina sistem ataupun infrastruktur yang lebih *portable* yang boleh diangkat jauh daripada lepas daripada air pasang besar sekiranya berlaku ombak besar di mana yang berlaku baru-baru ini kira-kira 55km sejam angin yang juga membawa ombak besar yang menyebabkan berlakunya kejadian luar daripada kebiasaan baru-baru ini. Begitu juga di Dataran Pantai di Kampung Pantai, jadi saya mohon pihak Kerajaan mempertimbangkan juga supaya boleh memperkasakan CBT di dua lokasi tersebut kerana komuniti ini di dua-dua lokasi ini secara sukarela yang mana mereka ini *initiate* dengan izin bermulanya dari program gotong-royong, mengutip sampah-sampah yang hanyut di pantai dengan skuad cakna pantainya dan bila kutip kayu-kayu besar dan sebagainya mereka membuat wakaf dan juga tempat teduh dan pondok-pondok berasaskan hasil terbuang sisa daripada hulu turun ke hilir di tepi pantai. Dan mohon juga kalau boleh CBT ini diadakan juga kalau boleh jabatan-jabatan angkat ataupun agensi-agensi Kerajaan sebagai agensi angkat yang menyediakan *task force* secara spesifik yang boleh membantu komuniti supaya CBT yang pihak Kerajaan anjurkan ini dapat digahkan lagi dengan program yang lebih hebat lagi. Apatah lagi kita di Kuala Besut ini merupakan semua sedia maklum seantero dunia sedia maklum bahawa Besut ini Kuala Besut khususnya merupakan pintu masuk utama ke Pulau Perhentian.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang berikut saya ingin menyentuh juga yang ditekankan juga oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan iaitu tentang satu kajian impak ataupun *Impact Assessment* iaitu kesan langsung tentang sektor ekonomi dan juga sektor perkhidmatan dan tidak terkecuali sektor pelancongan. Jadi apakah pihak Kerajaan telah bersedia untuk kita mengambil kesan ketiga-tiga sektor itu apabila negara kita khususnya negeri kita dibuka sempadan pelancongannya pada awal April 2022 nanti. Jadi saya juga ingin menyentuh impak ataupun kesan langsung kepada golongan B40 dan juga M40. Dan mohon pihak Kerajaan bersedia dari segi infrastruktur penyelenggaraan kemudahan awam pelancongan dan pelbagai lagi. Sebagai contoh di Kuala Besut tu kita ada Jeti Pelancongan dan juga Jeti di Pulau Perhentian, Stesen Bas Kuala Besut, jadi mohonlah pihak Kerajaan tengoklah infra-infra di sekitar *hotspot yang* menjadi keutamaan jadi pintu masuk ke pelancong-pelancong tersebut kerana kalau kita turun sekarang ini, keadaan infrastruktur agak menyedihkan. Dan kalau kita boleh tengok Stesen Bas Kuala Besut tu, kerusi untuk pelancong duduk memang sangat menyedihkan. Begitu

jugak tahap kebersihan, okeylah boleh dipertimbangkan tapi masih perlu lagi dipertingkatkan lagi kerana ianya merupakan pintu masuk bukan sahaja untuk pelancong domestik tapi juga pelancong daripada luar negara. Saya setuju juga yang disebut oleh Wakil Jertih tadi. Akhir-akhir ini di Besut kita mengalami tekanan air rendah dan menjadi igauan negeri lagi apabila chalet-chalet dan juga resort-resort di Pulau Perhentian. Baru-baru ini tekanan air sangat-sangat rendah sehinggakan *takdok* air pun. Dan ketika pelancong menyerbu untuk meningkatkan ekonomi pelancongan di Negeri Terengganu, air *takdok* di Pulau Perhentian baru ini. Jadi mohonlah pihak kerajaan mengambil perkara ni dengan serius mungkin supaya impak itu dapat diberikan impak yang positif kepada pelancong-pelancong yang datang ke negeri kita.

Dato' Yang di-Pertua, sikit lagi, saya juga ingin menyentuh juga tentang isu penceraian di Terengganu. Kalau mengikut statistik yang dinyatakan oleh pihak kerajaan dalam sidang DUN yang lalu, 2 tahun kebelakangan ini kita mencatatkan 6,565 kes penceraian iaitu pada tahun 2022 dan 2021 hingga Oktober dan kita sedia maklum antara faktor penceraian ini adalah faktor masalah kewangan. Jadi dan difahamkan pada sidang yang lalu, pihak kerajaan akan laksanakan satu modul untuk menangani, dalam usaha menangani isu penceraian tersebut. Jadi boleh maklum *dok* pada kita siap *dok agi* modul tu dan dilaksanakan atau pun belum lagi. Dan baru-baru ni, saya dijemput merasmikan satu program anjuran LPPKN, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga yang mana program itu adalah program *second honeymoon* melibatkan hampir 30 pasangan yang kadang-kadang mempunyai masalah. Jadi mohon tanya pihak Kerajaan Negeri ada *dok* program *second honeymoon* sebab kalau dulu-dulu, penggal dulu ada program ni, yang mana program *second honeymoon* ni sangat bagus kerana kadang-kadang ada pasangan *tu* nak cerai *doh*, setelah diberi kaunseling, setelah dinasihat, diberi pula pakej percutian atau pun dipanggil *second honeymoon* ni, tak jadi nak cerai *tu*. Jadi, mohon pihak kerajaan kalau tak *dop* boleh buat semula kalau ada boleh tambahkan lagi bilangan kerana permintaan di bawah sana supaya kita adakan lagi *second honeymoon* tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa Yang Berhormat tak banyak dah.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okay. Dato' Yang di-Pertua, sikit lagi Kebawah Duli Tuanku juga

menyentuh tentang perihal kejadian banjir luar biasa baru-baru ini khususnya melibatkan Hulu Terengganu dan juga Kemaman. Jadi pada hemah saya, kejadian banjir yang luar biasa itu perlu dipandang serius kerana kesan pembangunan, kesan *global warming*, kesan rumah hijau dan sebagainya tidak mustahil nanti kejadian yang luar biasa itu mungkin akan menjadi satu kebiasaan. Ini kerana kita sedia maklum bahawa sebelum ini, banjir dia ada kala kembali ataupun *return period* mungkin 5 tahun sekali, 10 tahun sekali, 20 tahun sekali ataupun 30 tahun sekali ataupun 50 tahun sekali, ataupun 100 tahun sekali tapi mungkin akan kerap lagi berlaku. Jadi mohon pihak Kerajaan tambah baiklah infrastruktur, kenal pasti/ah pengkalan hadapannya dan kemaskini/ah Pelan Induk Tempatan Banjir dan reka bentuk/ah sebaik mungkin pelan reka bentuk terperinci supaya isu ini dapat kita tangani. Kerana pada hemat saya, kita ada 4 jenis banjir di Terengganu, iaitu banjir akibat limpahan lembangan sungai, banjir kilat, banjir kesan air pasang besar dan kita sekarang ni tidak pelik *doh* dengan kejadian banjir di pulau-pulau. Jadi mohon pihak Kerajaan mengambil serius perkara ini.

Akhir sekali Dato' Yang di-Pertua, Tuanku juga menyentuh tentang kemajuan Projek ECRL iaitu 25.76% dan kita mohon, rakyat di bawah sana supaya persiapan untuk limpahan ekonomi kesan langsung daripada hasil pembangunan transit ataupun *Transit-Oriented Development* ini dapat dikenal pasti dilaksanakan sebaik mungkin. Kita *tak boh* nanti bila siap ECRL pembangunan TOD ni tidak dilaksanakan lagi. Takut masa tu jadi lama, supaya seiring dengan pembangunan ECRL bergerak seiring dengan TOD ni, supaya limpahan ekonomi itu dapat dinikmati oleh rakyat di luar sana dengan sebaik mungkin. Okay Dato' Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja daripada Kuala Besut, terima kasih banyak-banyak kerana mengizinkan saya sama-sama menyertai sesi perbahasan pada kali ini. Kuala Besut dengan ini turut sama menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Kuala Besut. Saya persilakan Wakil Pengkalan Berangan. Sila.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ تَلَاكُمْ وَصَدَّكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ
تَتَّقُونَ

Dan bahawa kami perintahkan ini adalah jalanku yang lurus, maka ikutlah dia dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan yang lain kerana jalan-jalan itu menceraikan kamu dari jalanNya. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertaqwa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Media dan seluruh Pemerhati Sidang DUN pada kali ini. Saya mengucapkan syukur yang tidak terhingga di atas limpah rahmat kurniaan yang telah diberikan kepada kita sehingga kita mampu untuk berada di dalam Dewan yang mulia ini. Pada saat dan ketika yang sangat berharga untuk bersidang dan berbincang bagi merangka dan merealisasikan agenda pentadbiran negeri dan kemakmuran bersama untuk tanah air bumi tercinta negeri yang kita kasihi, "Maju, Berkat, Sejahtera". Titah ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, telah menyentuh secara fokus, antaranya ialah agenda pembangunan dan peningkatan taraf hidup rakyat. Hasil dari pandemik COVID-19 yang telah merencatkan pertumbuhan ekonomi secara melata dan menyeluruh. Keperihatinan Tuanku al-Sultan yang begitu peka dan sensitif dengan kemelesetan dan kesusahan rakyat sangat dihargai dan disanjung. Justeru itu, kita mengharapkan agar kepimpinan di semua peringkat tidak mengira apa latar kefahaman dan ideologi politik untuk melihat saranan dan keperihatin baginda Tuanku Al-Sultan dapat digerakkan secara bersama dan bermuafakat dalam memastikan agenda pembelaan rakyat dan pembinaan negeri yang mapan dapat diteruskan dengan jayanya. Nabi ﷺ telah menyampaikan pesan;

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِهِمْ وَتَرَاحِمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ
الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

Perumpamaan golongan yang beriman pada sifat kasih sayang, saling merahmati dan saling bantu membantu adalah seumpama

satu badan. Apabila ada anggota badan yang sakit, ia menyebabkan keseluruhan tubuh badan tidak dapat tidur dan juga menjadi demam.

Hadis yang sangat besar maknanya kepada kehidupan bermasyarakat dalam konteks Islam dan menjadi asas kepada pembinaan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Saling bergandingan bahu, saling bergandingan dan bahu membahu dalam memastikan kelastarian kehidupan semua masyarakat dan pengagihan kemakmuran tanpa melihat siapa dan apa pegangan dan ideologi mereka. Hadis yang meletakkan asas bahawa manusia itu adalah satu rumpun yang mesti diperkuatkan antara satu sama lain dalam mengharungi cabaran dan kepayahan secara bersama. Menghayati hadis ini, kita akan merasakan betapa nikmatnya apabila Islam dan perpaduan itu memayungi setiap perkara dan urusan dalam kehidupan kita.

Dato' Yang di-Pertua, ayat yang saya bacakan di permulaan ucapan tadi, adalah suatu perintah dari Allah agar kita senantiasa menjadikan acuan Islam, al-Quran sebagai asas dan sandaran dalam merencana dan mengurus negeri ini, agar mendapat keredhaan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Setiap langkah tindakan dan perancangan hendaklah mengambil kira petunjuk al-Quran yang tidak sekali kali akan sesat dan merosak binasakan. Hanya petunjuk Allah sahaja yang benar dan betul. Bagaimana untuk kita merealisasikan petunjuk itu adalah berdasarkan kebijaksanaan dan kepintaran kepimpinan dan kita penuh yakin dan percaya bahawa pemimpin kita adalah mereka yang mampu dan berupaya untuk menyusun langkah dan strategi dalam memastikan kemakmuran Negeri ini terbela. Rancangan dan pelan tindakan PITAS 2030 yang telah dilancarkan diharap dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berhemah agar pembangunan dalam negeri benar-benar mendapat manfaat dan faedah yang sewajarnya kepada setiap anak negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

قال الله سبحانه وتعالى وان هذه امتكم امة وحدة وانا ربكم فاعبدون

Sesungguhnya ini adalah umat kamu umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu maka beribadatlah kepadaKu.

Dalam kita membina kehidupan dunia yang sementara hendaklah kita tidak lupa dan lalai daripada taat budi pengabdian diri kepada Allah Yang Esa kita

bersatu dan berpadu pada sembah yang sama, Al-Quran yang sama, kiblat yang sama, nabi yang sama. Kita melihat bagaimana banjir besar yang melanda negara dan negeri kita baru-baru ini benar-benar menginsafkan dan menyedarkan kita bagaimana kekuasaan Yang Maha Esa tiada tandingannya. Takziah saya rakamkan kepada semua mangsa-mangsa banjir yang terlibat. Kita telah sedaya upaya melakukan perancangan dan pembangunan bagi mengelakkan segala mudarat dan bencana. Namun kehendak Allah mengatasi takdir rancangan manusia. Justeru itu, adalah sangat malang bagi kita dalam bergerak membina kehidupan, kita masih lagi teragak-agak dan masih tidak yakin dengan pengamalan Islam yang syumul daa lengkap. Setiap penyelesaian hendaklah dipandu dan diurus berdasarkan penyelesaian Islam dan Al-Quran serta panduan sunnah Nabi ﷺ. Rakyat perlu diperkasakan dengan pendidikan dan pentarbiahan yang meletakkan Allah Tuhan Yang Maha Kuasa dan kita adalah hamba kepada ketuhanan Yang Esa. Pemeriksaan jati diri rakyat perlu ditekankan kepada pentauhidan yang sebenar hanya kepada Allah *azza wa jalla*. Masjid, surau hendaklah dihidup suburkan dengan universiti terbuka yang melahirkan rakyat yang celik agama untuk memberi kefahaman dan keyakinan yang lebih mantap bahawa Islam adalah agama yang praktikal bukan hanya ritual yang berlegar di masjid surau tetapi merentas seluruh kehidupan dan cara hidup yang mencakupi segala aspek suasana dan keadaan. Silibus hendaklah digubal dan disusun serta dilaksanakan secara bermodul dan berjadual agar dapat melahirkan graduan masjid dan surau yang berwibawa dan berkemampuan untuk meneruskan legasi ilmu dan ketamadunan insan madani bagi memastikan negeri akan terus diwarisi dan disuburkan dengan cahaya *rabbani*.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, progres pembinaan dan pelaksanaan terkini projek ECRL sebagaimana yang telah disebut dalam Titah Tuanku Al-Sultan telah mencapai progres sebanyak 25.76%. Pembinaan yang sangat diharapkan agar dapat memberi pulangan manfaat kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan setempat secara khususnya. Ada dua perkara yang ingin saya menarik perhatian pihak Kerajaan. Yang pertama, apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan stesen-stesen ECRL dapat memberi manfaat ekonomi dan peluang-peluang baharu kepada Negeri Terengganu dan komuniti setempat khususnya stesen utama negeri di Binjai Rendah.

Yang kedua, kita berharap dan bermohon agar pihak Kerajaan mendengar dan melihat pengorbanan segelintir yang terlibat dengan pembangunan ini yang

terpaksa mengorbankan harta kesayangan mereka bagi memberi laluan kepada pembinaan ini. Mereka bukan sahaja kehilangan harta benda bahkan nilai kejiwaan dan persahabatan serta memori yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit atau harta benda. Mereka terpaksa berdagang di tempat baharu yang asing dan terpisah dari keluarga handai taulan yang telah sekian lama menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Mereka tidak menghalang pembangunan tetapi agar pengorbanan mereka diberi ganjaran setimpal agar dapat mereka memulakan kehidupan baharu di tempat yang tidak diketahui bagaimana rupa sifat keadaannya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, *alhamdulillah* saya juga mengucapkan setinggi kesyukuran di atas progres pembinaan muara, pembinaan benteng pemecah ombak Muara Sungai Merchang yang baru memulakan kerja-kerja awal. Minat dan pengharapan warga komuniti dan nelayan terhadap benteng pemecah ombak ataupun *break water* dengan izin ini cukup tinggi. Buktinya, apabila *the other community* iaitu JPKK dan pengurusan masjid mengadakan solat hajat memohon agar urusan pembinaan dipermudahkan dan berjalan lancar sebagaimana jadual. Kehadiran warga komuniti Merchang cukup membanggakan sehingga memenuhi setiap inci ruang sebagaimana yang ditetapkan oleh SOP. Saya berharap agar dengan bermulanya kerja-kerja pembinaan benteng pemecah ombak di muara Merchang yang selama ini sangat diharapkan oleh penduduk terutama nelayan Pantai Merchang. Ia akan menyelesaikan masalah yang sudah begitu lama menjadi igauan mimpi ngeri mereka yang bergantung harap kepada hasil laut di sekitar Merchang. Pembinaan benteng pemecah ombak ini dijangka siap pada Disember 2023. Saya menjangkakan nelayan-nelayan Merchang yang sekarang beroperasi di Marang ataupun di Dungun akan kembali ke bumi Merchang yang sudah pasti akan menambahkan bilangan bot yang berlabuh dan hasil tangkapan juga akan meningkat. Saya mohon mencadang supaya Kerajaan ataupun pihak yang berkenaan membina satu jeti baru pendaratan ikan yang lebih selesa dan dalam masa yang sama arus pelayaran perlu diberi perhatian supaya lebih luas dan dalam. Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, kejayaan *Community Base Tourism* dengan izin yang disebut oleh yang telah dititahkan oleh baginda Tuanku juga antara agenda yang telah dilaksanakan dengan jayanya di N20 Pengkalan Berangan. Beberapa tempat seperti Pantai Angin Berbisik Merchang Lestari, *campsite* Jambu Bongkok, *hiking* Bukit Lubuk Batu, Kampung Tradisi Jenang, Komuniti Sejahtera Pengkalan Berangan adalah antara kebanggaan yang boleh diwar-warkan. Kerjasama erat di antara agensi yang berkait

terutama Pejabat Daerah, Majlis Daerah, Jabatan Pelancongan serta penduduk setempat telah menjadikan CBT di Pengkalan Berangan sangat berjaya dan mampu untuk bertahan. Sebagai penghargaan, saya rakamkan ucapan tahniah kepada semua yang terlibat khususnya JPKK dan komuniti setempat yang tidak jemu untuk terus berusaha menaik taraf CBT masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, akhirnya

Burung berkicau harimau mengaum,
Tinggal bersama hutan belantara,
Rakyat bersatu berbilang kaum,
Hidup bekerjasama negeri sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, Pengkalan Berangan mohon menyokong Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Mulia Tuanku Al-Sultan. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Pengkalan Berangan. Sekarang saya menjemput Wakil Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Wakil Rakyat, Ketua-ketua Jabatan seterusnya pemerhati dan para media. Terutama sekali saya ucap terima kasihlah kepada Dato' Yang di-Pertua juga memberi keizinan kepada saya untuk sama-sama berbahas bagi Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan.

Saya nak menyebut tentang yang dibangkitkan iaitu tentang ekonomi dalam ini menyebutkan tentang kenaikan harga barang. Ini satu kebimbangan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan kita mengharapkan Kerajaan lebih memberi bantuan subsidi kepada rakyat dan ini selari. Saya ucap terima kasih selari dengan Kerajaan Negeri telah mengembalikan semula dana raya yang disebut dulu dan hari ini walaupun *tukor* nama *dok ape lah takdok masalah*, i-Fitri walaupun sudah tiga tahun i-Fitri ini dana raya tidak diberi tetapi telah diberi

semula pada tahun ini cuma tujuan. Adakah tujuan diberi ini kerana pandemik ataupun ada udang di sebalik batu kerana *dah* pilihan raya mungkin dekat *kot* dan adakah i-Fitri ini akan berterusan di tahun-tahun yang akan datang. Jadi kita harap berterusanlah di tahun tahun akan datang ini. Saya juga mencadangkan seperti Yang Berhormat Jertih bercakap tadi tentang syarat mungkin boleh dikaji semula syarat kerana penjawat awam yang dapat telah mendapat elaun sudah tidak dapat sedangkan mungkin orang yang baru kerja, mungkin gaji dia masih lagi rendah tetapi orang lain RM5,000.00 ke bawah dapat untuk memohon i-Fitri ini jadi mungkin boleh dikaji semula dan saya juga mencadangkan supaya nilai i-Fitri ini ditambah lagi kerana dana raya dulu RM400.00 ada di kalangan kita kata boleh tahan berapa lama RM400.00 ini di zaman dulu bukan di zaman pandemik. Jadi ini sekarang di zaman pandemik saya harap saya cadangkan supaya i-Fitri ini ditambah nilai dia, mungkin boleh tambah jadi RM500.00 atau RM600.00 dan boleh tahan lama sikit mungkin sampai ke Raya Haji.

Yang seterusnya, saya *nok* bercakap tentang projek perumahan. Hari ini memang perumahan saya difahamkan sangat *banyaklah* permohonan. Permohonan sangat *banyak* dan di DUN saya juga saya ada mengangkat permohonan supaya projek perumahan ini diadakan di kawasan saya. Jadi saya mencadangkan supaya untuk akan datang ini biarlah menjadi Batu Rakit ini menjadi pilihan utama Kerajaan Negeri untuk mengadakan projek perumahan ini.

Dan yang seterusnya, tentang Tabung Darul Iman memang rakyat kita ini ramai yang susah, yang sakit kronik dan sebagainya dan Tabung Darul Iman ini telah dinaik taraf kepada Yayasan Darul Iman. Jadi tujuan ia dinaik taraf ini kalau peruntukan sama juga RM5 juta *tak dok* makna kita naik taraf, biarlah peruntukannya ditambah. Peruntukan ditambah dan mempertingkatkan lagi kecekapan apabila kita naik taraf daripada Tabung Darul Iman menjadi Yayasan Darul Iman.

Dan berbalik kepada DUN saya tentang hakisan. Hakisan di tempat yang sama dua tiga kali jadi kita macam masuk lubang yang sama dua tiga kali jadi kita seharusnya membuat kajianlah kenapa berlaku perkara yang sama di tempat yang sama. Jadi rakyat sangat tidak puas hatilah seolah Kerajaan membazir duitlah dua tiga kali di tempat yang sama kerana mungkin kajian yang dibuat ini *nok kata dok* betul ialah *dok* jadi Dato' Yang di-Pertua *dok wape jadi* jadi

buat semula lah kajian tengok supaya kita tidak membazir, kita baiki tempat yang sama beberapa kali tentang hakisan.

Dan seterusnya, saya *duk nampok* Kerajaan Negeri tidak mengambil peranan, saya tengok apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu. Contoh gelanggang futsal tidak dibaik pulih semula banyak gelanggang-gelanggang futsal tidak dibaik pulih semula, kita boleh baik pulih semula jadi terbiarlah bila tak boleh guna sudah jadi tempat itu tempat terbiar. Jadi saya haraplah Kerajaan Negeri dapat mengambil inisiatif untuk baik pulih gelanggang-gelanggang futsal, sayang ke dia.

Dan di kawasan saya *jugok* ada dua buah masjid yang cukup uzur. Masjid Maras, Kampung Maras dan Masjid Kampung Padang Kamunting. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri sebab pada masa Kerajaan Barisan Nasional saya baru angkat tak sempat. Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri dapat tengoklah dua buah masjid yang cukup uzur ini masih lagi kayu, papan untuk dibaik pulih.

Saya ingat itu sahaja. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya harap i-Fitri dapat ditambah lagi kesian rakyat *dok* dalam masa pandemik. Ada lapan minit lagi. Terima kasih banyak. Dato' Yang di Pertua *dokleh maroh* saya. Ada lapan minit lagi. Batu Rakit mohon menyokong. Sekian terima kasih.

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang di-Pertua boleh saya tanya spesifik sikit daripada Batu Rakit kat mana kata hakisan kampung dia tu, kampung mana *se*?

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Hakisan tempat biasa berlaku di Pengkalan Maras kat Pok Nong, Kolam. Ia kawasan baru jadi *dok wape* ingat lagi. Kat Pok Nong ICT tu. Ye kolam *pon supe* Pengkalan Maras *hok* kubur tu baru ni. Jadi dua tiga kali tempat yang sama Yang Berhormat EXCO. Jadi boleh buat kajian semula tengok semula supaya tidak membazir peruntukan kerajaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ya, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DI PERTUA: Saya persilakan Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):

الرَّحِيمِ الرَّحْمَنِ اللَّهُ بِسْمِ
وَبَرَكَاتِهِ لِيَا وَرَحْمَةً عَلَيْكُمْ السَّلَامُ
الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين ولا عدوان الا على الظالمين
الله سولٌ محمداً اَنُّ وأشهدُ اللهُ الاَ إلهَ لا اَنُّ أشهدُ
قَوْلِي اهُوَيَفَقَّ اِنِّي لَسَدٌ مِّنْ عُنُقَةٍ وَاخْلَلَّ اَمْرِي لِيَّ وَبَسِرَ صَدْرِي لِيَّ اشْرَحَ رَبِّ قَالَ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Rakan-Rakan Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Negeri Dan Persekutuan, Pengamal Media Dan Seterusnya Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Allah Sekalian.

Alhamdulillah pertama-pertama dan selama-lamanya marilah sama-sama kita merafakkan kesyukuran kita kepada Allah kerana dengan limpah kurniannya dapat kita bersama pada petang yang mulia ini untuk meneruskan kerja buat kita dalam Dewan yang mulia ini.

Sidang yang sedang diadakan ini ialah sidang yang ke fasa Keempat Penggal Kelima yang akan kita berlangsung pada empat hari ini. Okey, *alhamdulillah* walaupun kita masih dalam keadaan suasana COVID-19 yang mana kita terpaksa menjaga diri kita dan masyarakat kita daripada pandemik ini walaupun kita berada pada fasa keempat hendaklah kita patuh kepada SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan supaya kita berada dalam keadaan selamat, sihat dan sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada agensi-agensi berkaitan, petugas-petugas barisan hadapan yang sentiasa bersedia dan setia dalam memastikan COVID-19 dapat diatasi. *Alhamdulillah* dengan pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, *insya-Allah* negara kita bakal memasuki fasa endemik bermula pada 1 April 2022. Walau bagaimanapun, kita semua perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan untuk mengekang penyebaran wabak ini yang masih berada dalam komuniti kita. Perkara ini perlulah kita ambil serius supaya setiap warga masyarakat kita berada dalam keadaan selamat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, suka saya ingin merujuk kepada Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan berikutan isu jangkaan *trend* unjuran ekonomi dunia

yang menunjukkan aliran yang menurun iaitu kadar 5.5% pada tahun 2021, terus menurun 4.1% pada tahun 2022 dan terus menurun 3.2% pada tahun 2023. Kepekaan Tuanku terhadap perkembangan ekonomi yang melanda bukan sahaja negara kita, bukan sahaja negeri kita malah seluruh dunia. Walau macam mana pun, Bank Dunia dalam laporan pada Januari 2022 masih meletakkan berlaku perkembangan secara positif untuk tahun 2022. *Insyah-Allah* saya yakin Kerajaan Negeri Terengganu yang ada sekarang ini yang dipimpin oleh PAS akan sentiasa memandang serius untuk menyelesaikan segala masalah pembangunan ekonomi Negeri Terengganu. Dengan apa yang kita lihat, memasukkan pelabur-pelabur dengan menawarkan pelbagai insentif untuk menarik pelabur-pelabur datang melabur ke negeri kita. *Insyah-Allah* dengan kehadiran pelabur-pelabur sudah tentulah banyak perkara yang dapat kita selesaikan berkaitan dengan *trend* penurunan ekonomi negara kita. Keyakinan saya ini, saya melihat pelbagai insentif yang telah ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan kepada golongan B40 dan M40 sebelum ini dan ini menjadi asas perancangan untuk menghadapi ketidakpastian ekonomi negara kita sekarang dan saya yakin setiap EXCO yang dipertanggungjawab telah pun melaksanakan tugas masing-masing dengan merencanakan mengadakan pelbagai perancangan seperti yang kita dengar pagi tadi jawapan daripada EXCO Pertanian, berapa banyak perkara-perkara yang telah dikemukakan semata-mata untuk kita memberi kemudahan kepada rakyat. Begitu juga dengan EXCO-EXCO lain, saya yakin mereka merancang dan rasa ketakutan ini memang ada tetapi kita yakin EXCO-EXCO yang diberi tanggungjawab sentiasa mendapat kerjasama daripada pegawai-pegawai kerajaan untuk menyelesaikan masalah ekonomi yang sedang atau akan kita hadapi sekarang ini.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh dalam Ucapan Titah Tuanku pada kali ini ialah berkaitan isu pengangguran di Negeri Terengganu. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah dengan mengadakan *outreach*, peluang kesejahteraan pekerjaan rakyat di setiap daerah secara berkala. Ini telah pun dijawab tadi dan saya yakin apa yang telah dibentangkan tadi itu, ia menyeluruh kepada setiap daerah dan *insyah-Allah* kalau sekiranya penyampaian ini sampai kepada sasaran sudah tentulah kita dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah pengangguran yang berlaku di negara kita ini terutama sekali di negeri kita ini. Yang kedua, TDM Plantation telah pun mengadakan latihan kepada rakyat-rakyat yang masih menganggur, rebut peluang untuk mereka memasuki pasaran yang masih kosong ini. Apa yang kita difahamkan, ada 800 peluang

pekerjaan cuma saya dimaklumkan oleh pihak EXCO, maaf oleh CEO Executive TDM Plantation mengatakan masih kekurangan peserta-peserta daripada masyarakat. Kalau kira dari segi penyampaian maklumat, ianya berlaku secara meluas tetapi yang menjadi masalahnya ialah kepada masyarakat yang masih dia kata dia menganggur tidak ada kerja tetapi dia tidak rebut peluang. Jadi saya sarankan daripada Dewan ini dan saya mengharapkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sama ada sebelah sini atau di sebelah sana sampaikan maklumat ini supaya peluang 800 peluang pekerjaan ini dapat dipenuhi walaupun...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan sekali Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat boleh mintak laluan sikit *dok* untuk penjelasan.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Ya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Boleh *dok?*

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): *Insyallah*. EXCO akan gulung...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Dok eh*, saya nak mintak penjelasan dengan Yang Berhormat pulak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dia *dok beri* Yang Berhormat, dia minta EXCO gulung. *Takpelah*.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): EXCO akan gulung...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Dok eh* bukan, saya nak minta penjelasan supaya jelas.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): *Takpe*, akan dijelaskan oleh EXCO

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak, saya tak fahamkan, EXCO faham *dah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Takpe-takpe doksoh* panjanglah kita bagi laluan *dah [Sambil ketawa]*

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya ada tiga minit saja lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Teruskan, teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat mungkin faham EXCO mungkin faham sebab saya *dok* masuk mesyuarat EXCO jadi saya nak mintak penjelasan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Takpe-takpe* tu, Wakil Telemong boleh sebut dalam ucapan...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dia *dok wi*, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dia *dok* beri.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab itulah maklumat ini...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Payah juga dia *dok wi* Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya mengharapkan kerjasama dari pihak sana supaya dapat menyampaikan peluang pekerjaan ini kepada anak-anak muda yang masih mencari-cari pekerjaan ini dan yang menariknya ialah setengah daripadanya boleh capai kepada RM4,000.00 sebulan. Ini bukan satu benda yang omong-omong tetapi

kenyataan yang telah disampaikan oleh pihak EXCO tadi, *insya-Allah*. Okey, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa Yang Berhormat tak banyak dah ni Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey, di kesempatan masa yang singkat ini, ingin saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kerana Kerajaan telah mengumumkan penaiktarafan Sekretariat Tabung Darul Iman kepada Yayasan Tabung Darul Iman. Satu langkah pro-aktif Kerajaan Negeri dalam memperkasakan peranan dan fungsi Tabung Darul Iman. Inisiatif ini merupakan salah satu mercu tanda PITAS 2030. Dalam bidang sosial, dalam melahirkan rakyat yang beragama, bermasyarakat dan berkebajikan, fungsi Tabung Darul Iman akan turut diperluaskan dengan merangkumi pelbagai aspek dan Yayasan ini akan didaftarkan di bawah Akta 258 dengan dikawal selia oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri. Yayasan ini juga akan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan akan ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah.

Selain daripada itu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah agensi Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu atau lebih dikenali dengan YPKT di mana Yayasan Pembangunan Keluarga ini sangatlah penting dengan bermulanya di usia kanak-kanak sehinggalah warga emas. Di dalam YPK ini terdapat beberapa unit utama iaitu Pembangunan Keluarga, yang kedua, Pembangunan Awal Kanak-kanak, ketiga, Pembangunan Sosial Ekonomi dan keempat ialah Pembangunan Komuniti. *Insya-Allah* selepas ini, seperti yang disebutkan tadi, ini adalah kejayaan Kerajaan PAS sekarang ini dalam memandu Kerajaan Negeri Terengganu. Saya bagi pihak EXCO yang saya menjadi timbalannya, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada EXCO Kebajikan kerana selepas ini, apa yang diperkatakan tadi, i-Fitri ini akan diselaraskan, akan kita laksanakan dan diselaraskan pula dengan bantuan belia, bantuan OKU, bantuan ibu tunggal dan terus pemberian Insentif Pencen Rakyat yang baru-baru ini baru kita selesai.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa Yang Berhormat dah cukup.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Selain itu kita juga akan *proceed* juga dengan penubuhan Baitul Ummi, Pusat *Autisme*, dan Kompleks Wanita Sejahtera. Begitu juga pelaksanaan Perkahwinan Perdana. Tadi ada sebut tadi. *Insyah-Allah* disebabkan tertangguh disebabkan oleh pandemik, kita akan teruskan Perkahwinan Perdana ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang terakhir Yang Berhormat. Yang terakhir. Sebab kita kejar masa ini.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Beri saya seminit untuk saya bangkitkan berkaitan dengan DUN sayalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang terakhir

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya benar-benar mengharapkan supaya kesempatan pertemuan ini, apa yang telah saya bangkitkan dahulu dapat disegerakanlah iaitu yang pertama..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Itulah saya kata, kita nak Yang Berhormat, apabila Pekerjaan Dewan ni, biar *direct to the point*. Jangan banyak sangat bunga-bunga.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab tadi ada kacau sikit. Tadi ada kacau sikit. Saya ambik seminit ye..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang terakhir. Yang terakhir.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya ambik seminit ye..

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Panjang *do'oh* ni Dato' Yang di-Pertua. Saya *dok* berucap lagi ni.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya ingin utarakan semula berkaitan keperluan dan keselesaan rakyat iaitu infrastruktur menjadi perkara asas bagi rakyat menjalani kehidupan lebih baik. Dalam DUN Rantau Abang, terdapat tujuh RTB (Tapak Rumah Baru) yang telah diberi kepada rakyat dengan jumlah 1311 lot yang sangat memerlukan prasarana di

tapak RTB ini seperti jalan asas, elektrik, kemudahan air, sistem saliran dan sebagainya. Saya berharap Kerajaan mengambil perhatian yang serius akan perkara ini bagi menyediakan kemudahan prasarana di satu-satu RTB yang dibuka ini.

Sekadar itu kerana, sebenarnya ada lagi tapi meraikan masa, jadi untuk akhirnya saya mengambil kesempatan merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana baru-baru ini Rumah Mampu Milik Rimbunan Kasih telah pun diberi milik pada 7 Mac 2022 kepada 85 orang peserta yang telah tinggal di tempat itu dan 10 orang diserahkan tawaran untuk mereka memiliki tapak itu dan *Alhamdulillah*, terima kasih banyak-banyak dan saya akhiri dengan Rantau Abang memohon menyokong usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku al-Sultan.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih kepada Wakil Rantau Abang. Saya mintak maaf, saya tegur ini bukan apa, untuk semua. Saya suka pada Wakil Batu Rakit. Dia *direct*. *Letok* selalu benda apa dia *nok* bercakap. Jadi, ada dari kalangan Ahli Yang Berhormat nak bercakap? Okey saya akan bagi lepas pada kita rehat sekejap. Saya dengan ini menanggungkan sementara sidang kita ini dan kita masuk semula pada pukul 4.05 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.44 PETANG.

PUKUL 4.05 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli terhormat sekalian, mesyuarat di sambung semula. *Alhamdulillah*, yang ditunggu sudah tiba. Okey, sebagaimana yang saya janjikan tadi, kita telah tetapkan Wakil yang akan berucap selepas kita rehat sekejap. Jadi saya dengan ini mempersilakan Wakil Hulu Besut untuk meneruskan perbahasan

Usul Menjunjung Kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan.
Dipersilakan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati yang dirahmati Allah sekalian. Syukur kepada Allah kerana dapat dan diberi peluang oleh Yang di-Pertua untuk turut sama membahas, menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku.

Terlebih dahulu, saya nak ambil peluang nak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya *duk perati* sepanjang tempoh selepas Pilihan Raya Keempat Belas, saya rasa Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua di antara yang paling kreatif dan bagus. *Bakpe* saya kata *gitu?* Sebab *banyak* program yang dibuat oleh Dato' Yang di-Pertua. Yang pertama, menembak. *Wi baju selai. Pahtu, bowling.* Lepas *tu*, kelmarin *wi* buku *pulok*. Buku *tu* kalau beli pun mahal *jugok*. Terima kasih. Dan saya dengar *pulok* di tempat minum air tadi, kalau pilihan raya ini tahun depan, Yang Berhormat Dato' di-Pertua nak bawa *gi* main kuda *pulok*. Saya dengarlah masa minum air tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ini *dok mitok* tambah masa Yang Berhormat *dok?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):
Dok, dok, dok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, teruskan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):
Dalam kesempatan ini juga saya nak ambil peluang untuk ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri terutamanya portfolio pertanian kerana Kebawah Duli Tuanku pun sebut mengenai Tahun Pertanian Terengganu. Dan saya sependapat dengan sahabat saya daripada Batu Buruk. Antaranya pada fahaman saya *lah* apa yang disebut oleh Batu Buruk tadi, dia cadang supaya Kerajaan Negeri mengenal pasti masalah petani-petani kita di Terengganu. Terutamanya sekali

dalam keadaan semasa ini, petani kita di Terengganu menghadapi kenaikan harga bahan mentah. Rumput pertanian, baja, contohnya baja Super K keluaran MPOB. Dulunya RM80 sekarang ini RM127 satu beg. Hampir 30 ke 40%. Kalau racun, kalau dulunya yang 20 liter itu RM300.00 sekarang ini dah hampir 900 liter itu kalau racun. Begitu jugalah kalau makanan pertanian sebagaimana yang disebut oleh Batu Buruk tadi. Kita Terengganu ini, penternak kita menghadapi harga makanan haiwan. Jadi dia cadang tadi saya sokong, saya setuju dengan cadangan Batu Buruk tadi. Kerajaan mesti usaha supaya kita Kerajaan Negeri menyediakan bahan makanan kepada ternakan untuk penternak-penternak Terengganu. *Hok wak* program itu biasa. Saya juga pernah terlibat dengan pertanian. Semasa Kerajaan BN dulu kita memang kenal pasti masalah pertanian negara ialah masalah makanan kalau pertanian, kalau ternakan. Sebab itu semasa Kerajaan BN dulu kita buat program tanaman bijirin untuk mengatasi masalah makanan ternakan haiwan. Pasal komposisi utama makanan ternakan haiwan ini ialah bijirin. Kita cuba tanam di Wakaf Tapai. Dan pada masa itu juga, Kerajaan Negeri BN masa itulah utamanya penanaman tembakau di Besut dan Setiu berdepan dengan dasar Kerajaan membuat keputusan tidak ada lagi tanaman tembakau. Maka Kerajaan BN masa itu kita cadang supaya kita ganti dengan tanaman lain di Terengganu ini kepada terutamanya di Besut, petani di Setiu. Pada masa itu saya masih ingat lagi, di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Razif, dia tubuh MENT-T, panggil bekas Pengarah Tani Negeri, Datuk Sufian, Pegawai Pertanian Daerah, masa tu Haji...pergi jumpa McCormick untuk jemput McCormick mari ke Terengganu untuk tanam lada hitam, ganti tembakau kerana jangka hayat lada hitam ini 40 tahun. Selepas 40 tahun, baru kita boleh tanam semula. Tak macam kelapa sawit. Kelapa sawit 25 tahun. Lada hitam 40 tahun. BN masa itu kita rancang yang penternak tembakau kita ganti dengan tanaman lada hitam. McCormick, yang akan majukan lada hitam pada masa itulah. Begitu jugalah yang pentingnya kerajaan melihat mana yang penting. Sebagaimana cadangan Batu Buruk tadi. Masalah utama, makanan ternakan. Itu yang saya setuju dengan Batu Buruk. Dan saya setuju lagi dengan Batu Buruk, *kalulah* Menteri Besar tidak bubar Dewan di negeri ini, Kerajaan Negeri sempat untuk buat makanan ternakan haiwan. Lain/*lah* kalau Kerajaan Negeri mungkin bubar Bersama dengan *federal*, tak sempat/*lah*. Mungkin rakan sebelah sini pula/*lah* pergi sebelah sana untuk laksana ternakan ini. Tapi saya bersetuju dengan Batu Buruk. Cadang supaya Kerajaan Negeri menyediakan makanan untuk ternakan dan juga setuju dengan Menteri Besar supaya tidak bubar sekali dengan *federal*. Saya setuju. Sekurang-kurangnya kita ni ada peluang lagi jadi...

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kuala Besut, laluan sekali. *Doh* bila bubar parlimen?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kita *dok* tahu. Saya kata saya setuju dengan Batu Buruk.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Doh* macam tahu *doh je* tanya.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): *Dok, dok, saya dok* tahu. Batu Burok kata Kerajaan Negeri Menteri Besar dah umum Terengganu tak akan bubar sekali dengan Persekutuan. Saya setuju. Sekurang-kurangnya kita boleh jadi wakil rakyat lama lagi*lah*. Dan pilihan raya akan datang barangkali sebelah lagi pergi sebelah sana *pulok*. Dan lagi*lah* sahabat kita sebelah sana merasa. Dan saya perhati lagi hari ini sejuk sikit Dewan ini. Biasanya kalau Batu Rakit memang dia bergaduh dengan Yang di-Pertua. Tapi hari ini Yang di-Pertua pula sokong dia. Barangkali kerana dapat peruntukan ke? Barangkali la tu. Dan *insya-Allah* lepas rakan sebelah sini pergi sebelah sana, sebelah sini akan bagi peruntukan yang sama bahkan lebih lagi, *insya-Allah*. Cuma satu saja yang saya tak setuju dengan Batu Buruk. Dia mengatakan pilihan raya di Melaka dan Sabah kerana ada pihak-pihak tertentu yang ada kepentingan untuk mengadakan pilihan raya. Tidak. Pada saya Batu Buruk seolah-olah menggunakan Dewan yang mulia ini untuk memburukkan sebelah pihak. Pada saya memburukkan UMNO lah. Pasal pemimpin yang UMNO yang minta dengan Tuanku untuk bubar di Melaka dan juga di Johor. Tidak. Pimpinan UMNO bubar Melaka dan Johor bukan untuk kepentingan tertentu. Tetapi kepentingan untuk menstabilkan negeri Melaka dan negeri Johor untuk pembangunan. Cuba bayangkan kalau Perdana Menteri, Menteri Besar nok buat program tapi diugut akan ditekan butang tak berani Menteri Besar, Perdana Menteri buat program untuk kemajuan negara. Tak berani. Terpaksa tangguh, terpaksa timbang sana, timbang sini akhirnya tak boleh buat apa-apa. Disebab itulah di Melaka dan di Johor dibubar untuk kestabilan dan pembangunan negeri. Bukan adanya kepentingan UMNO. Bukan. Pada saya lah. Sebab tu saya tak setuju pandangan Batu Buruk ni berkaitan dengan PRN Johor dan juga Melaka. Cumanya saya tak setuju lagi apabila pemimpin kita kata dalam masa *nok* pilihan raya di Melaka dan di Johor ni, kata UMNO ni

seumpama itik patah kaki. Itu saya tak setuju. Betul. Seolah-olah kita telah buat keputusan MN dah tak ada lagi dah.

Kalau dulu kita di Terengganu pada saya, saya bersyukur pada Allah sebahagian daripada rakyat kita menangis kesukaan kerana adanya BN tapi akhirnya PAS yang membuat keputusan untuk berpisah, saya pun sedih. Kalau dulu masa kita nak bersama dulu macam-macam kata kita lupakan perkara yang lama. Kalau kasih pun kalau ada kurap pun kata tu bukan kurap, panau je.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Yang terhormat minta jalan sikit, Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya nak terus, lepas ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dia tak beri laluan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tak beri laluan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat nak bercakap tajuk apa ni dari segi Titah Tuanku ni?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya bercakap tentang bagaimana kita nak membina generasi muda masa depan.

[KETAWA]

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Tak dok dalam point sheikh*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Sebabnya pemimpin utama PAS ajar kita, ajar generasi muda, saya nak minta kita sebagai orang tua kita kena beri bimbingan, kita kena beri tauladan, kita kena semai nilai-nilai murni kepada generasi muda terutamanya rakyat

Terengganu apalagi Terengganu kita ni daripada dulu sampai ke 2018 Kerajaan BN menyemai Terengganu cantik, budaya menarik. Kita *nok* orang mari ke Terengganu bukan sahaja kerana cantiknya Pulau Perhentian, alam sekitar tetapi budayanya menarik. Orang Terengganu kerana budayanya menarik, nilai-nilai murninya tinggi. Tetapi pemimpin PAS telah memberi ajaran kepada anak muda bila dah tak baik, kata macam-macam. Contohnya, bila orang bercerai. Macam-macam kata. Itik patah kaki lah. Punggung tak cantik lagi lah. Contoh. Ini memberi satu gambaran penyemaian nilai-nilai tidak baik kepada generasi muda. Kalau sebelum ni kita bukan lagi puji. Itik ni kalau kita nak pilih, saya pernah berbual dengan orang *pere* itik. Kalau dapat telur *ye* banyak, kalau itik ni kepala hijau kita kena cari, kalau *ye nok* bertelur banyak dia ada campur warna biru-biru sikit. Dia akan bertelur banyak itik tu. Kalau hijau saja dia telur *dok* banyak. Baru ni Haji Hadi masa kita buat MN itik ni warna hijau campur biru. Bertelurnya banyak, masa *nok* baik. Tapi hari ini dah kata itiknya patah kaki, dah tak cantik lagi bila berpisah. Kita orang Terengganu, kita *nok* menyemaikan nilai-nilai orang kita ni Terengganu cantik, budaya menarik. Kita *nok* semai nilai-nilai di kalangan orang muda. Kalau *baloh* pun, kalau bercerai pun, kalau *gapo* pun, jangan kita memburukkan kepada rakan-rakan kita.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): buruk apanya

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Itu yang saya katakan menyemai nilai-nilai murni

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Buruk apanya itik tu

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): kepada orang muda di Terengganu

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Oh *bekengnya*.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bukan *hambo maroh* ni

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Buruk apa itiknya, itik dok buruk

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):
Supaya orang-orang muda di Terengganu ini mempunyai nilai-nilai murni.
Bukan nok ajor, bukan *hambo nok maroh* ni

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):
pasal menyemai nilai-nilai tidak baik untuk generasi muda

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, sila bertenang

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):
Mintok maaf. Masa ada lagi seminit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila bertenang

[AUDIO TIDAK KEDENGARAN DISEBABKAN MICROPHONE DITUTUP]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya tutup ni nak suruh beri
tenang keadaan sekejap. Yang Berhormat cakap *rilek* macam Yang Berhormat
bercakap dalam Perhimpunan Agong UMNO. *Rilek*, kan. Haa sila.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Tenang dulu.. bolok ngat jadi bunyi tu

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Itik tak
dok air memang gitu la bobok kali*

[KETAWA]

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):
Bukan saya nak *ghoyaknya* menyemainya nilai-nilai murni adalah hidup kita

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang
Berhormat bawa bertenang sekali.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):
Bertenang doh ni..

YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Negeri cantik, budaya menarik. Kita *tamboh pulok* orangnya baik-baik. Maknanya kita terus lah tu.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Baik-baik *wane nya kate kokse* kat *ore*. Kata *kokse*, baik-baik *gane*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat masa Yang Berhormat tak banyak ni. Saya sedap *dengor* ni tapi masa *dok* cukup ni.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kata *kokse ko ore* baik-baik *gano?* Tak baik. Sebab tu saya nak... kalau orang muda Terengganu *dengor op*, kita kena tolak orang yang menyemai nilai-nilai tidak baik untuk Terengganu masa depan. Itu saja Yang di-Pertua. Akhir sekali Yang di-Pertua. Saya *gok nok* sebut hal kawasan saya ni, masjid *dok wat sebutir habuk*.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): *Dok soh sebut la tu. Sebut hok sakning je*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Masjid *selamo PAS* jadi kerajaan *sutir habuk tak dok* buat. Kerajaan Islam *apo lagu ni, ni orang kampung kata ke saya ini*. 4 tahun tak boleh buat masjid *sebutir habuk* di Besut. Kerajaan Islam *gano ni*.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat *nok sekampung dua butir ke? Sekampung sebutir je masjid Yang Berhormat*.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Masjid tak pernah buat *sebutir habuk* pun selama 4 tahun, Yang di-Pertua. *Mintok* buat di Besut sebuah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay Yang Berhormat, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):
Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Nak ucap tahniah kepada Seberang Takir kerana masa sesi penggal tu satu je yang lebih ADUN. Dia tak bubar Dewan Undangan Negeri. Hebat Seberang Takir. *Hok* lain negeri lain *hok* BN dua tu dia bubar pasal dia kata *nok* stabil. Terima kasih Seberang Takir. Dato', angkat tangan ah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay terima kasih [gelak] Saya harap bertenang. Kita tak ada apa-apa pun ni. Kena *rilek* je ni pada isu-isu yang patut dipanaskan. Okey saya jemput Wakil daripada Bandar. Sila. Tetapi persidangan kali ini kita tak nak sambung sampai pukul 5. Sebelum pukul 5 kita nak berhenti.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ الْحَمْدُ لِلَّهِ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
أَمَّا بَعْدُ

Firman Allah Taala

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الْمُفْلِحُونَ هُمْ كَثُرُوا وَلَيْدٌ نَكَرْنَا عَنْ وَنَوَيْتَهُ بِالْمَغْرُوفِ وَيَأْمُرُونَ الْخَيْرَ إِلَى يَدْعُونَ أُمَّةً مُّؤْمِنَةً وَأَنْتُمْ
صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.

Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Terengganu, Ahli-Ahli terhormat, sahabat-sahabat kita, Ketua-Ketua Jabatan, seterusnya kepada Tuan-Tuan, Puan-Puan dan hadirin sekalian. *Alhamdulillah* kita bersyukur kepada Allah Taala pada tahun ini dengan keizinan jua, kita dapat bersidang pada kali ini. Terima kasih kepada Dato' Yang di-

Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbahasan, Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Dato' Yang di-Pertua, kesan pandemik COVID-19 ini yang telah melanda hampir dua tahun, bukan sahaja telah memberi impak yang sangat besar kepada negara kita dan negeri kita. Bahkan seluruh dunia merasai fenomena yang sama. Dengan hampir semua bidang dan sektor ekonomi terpaksa dihentikan dan ditutup para peniaga dan para pekerja tidak dapat keluar bekerja yang akhirnya ekonomi negara negeri keluarga mengalami kesukaran. *Alhamdulillah*, Kerajaan Malaysia ketika itu yang dipimpin oleh Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri dan kabinetnya telah merangka pelbagai program dan juga penyelesaian. Inisiatif untuk memastikan negara dan rakyat dapat mengharungi ujian yang berat ini. Pelbagai kemudahan dan bantuan telah diperkenankan dan diberi kepada rakyat. *Alhamdulillah*, dengan bantuan-bantuan tersebut, rakyat kita dapat mengharungi kehidupan mereka. Bahkan dunia melihat bagaimana prihatinnya Kerajaan Malaysia, dengan kebajikannya kepada rakyat sehingga mendapat pujian. Ada rakyat daripada luar negara yang mengatakan bahawa seronok kalau mereka menjadi warganegara Malaysia. Kerana dengan prihatin bantuan yang diberikan oleh pihak Kerajaan. Di atas berkat kerjasama daripada semua pihak, Kerajaan dan rakyat mengetepikan kepentingan peribadi, kita melihat bagaimana usaha-usaha ini membuahkan hasil yang sangat bagus.

Dato' Yang di-Pertua, kini kita sedang menuju fasa endemik, di mana semua sekatan dan halangan-halangan akan dibuka sepenuhnya, persiapan perancangan yang rapi dan bersasar perlu dibuat bagi memulih dan memajukan kembali semua sektor ekonomi di negeri kita khususnya. Kerajaan Malaysia juga masih optimis mengunjurkan KDNK pada tahun 2022 pada kadar 5.5% sehingga 6.5%. Untuk itu amatlah tepat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan menitahkan bahawa bukan sahaja perancangan perlu disusun dengan rapi dan betul tetapi perlu juga disusuli dengan tindakan yang betul dan berterusan.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kenaikan harga barang khususnya barang-barang mentah makanan seperti gandum dan bijiran serta lain-lainnya yang mendatangkan kesan kepada harga makanan. Kenaikan harga minyak dunia baru-baru ini pada tahap 129 US Dollar. Sudah pasti akan

memberi kesan yang cukup besar kepada ekonomi rumah dan keluarga. Sebab itu Kerajaan Terengganu telah merangka dan membuat pelbagai program untuk memastikan bekalan bahan mentah adalah mencukupi untuk rakyat.

Dato' Yang di-Pertua, tepat sekali apabila Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021 seperti yang dititah dan diisytiharkan oleh Kebawah Duli Maha Mulia Tuanku Sultan. Seramai 13,000 lebih orang golongan sasar telah menerima manfaat. Projek penanaman lada hitam di kawasan Setiu diharap dapat menjana pendapatan yang tinggi kepada negeri bahkan rakyat juga boleh menikmati hasil dan kejayaannya. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mencadangkan kepada pihak Kerajaan untuk merangka satu kaedah ataupun program yang mengumpulkan pemilik-pemilik tanah terbiar ataupun tanah-tanah rakyat yang terbiar yang pernah diusahakan suatu ketika dahulu secara lebih serius untuk dimajukan semula secara berkelompok ataupun berkumpul di mana pihak Kerajaan sendiri yang menyelaraskannya dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan. Tanah-tanah terbiar milik rakyat tersebut sekiranya diusahakan semula akan menjanakan pendapatan kepada pemilik tanah dan juga memberi pulangan kepada Kerajaan. Dalam masa yang sama, pihak Kerajaan juga dapat mengurangkan pergantungan import barang mentah makanan daripada luar.

Dato' Yang di-Pertua, dalam mendepani tempoh yang mencabar ini, saya juga amat bersetuju dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk melibaturuskan semua pihak di dalam membantu Kerajaan memberi input yang tepat dan berguna bagi merangka dan melaksana dasar-dasar yang betul untuk kesejahteraan rakyat dan Negeri Terengganu Darul Iman.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan Titah Tuanku Sultan berhubung dengan demokrasi yang menjunjung prinsip raja berpelembagaan. Penglibatan rakyat bukan sahaja di dalam pilihan raya, turun memberi undi tetapi juga memberi pandangan serta input berguna agar segala keputusan yang dibuat Kerajaan dapat benar-benar membantu rakyat dan memajukan Negeri Terengganu Darul Iman.

Dato' Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Dewan, pertembungan politik dan perdebatan pendapat perlu dirungkai dengan kaedah yang betul dan ketulusan hati yang tinggi. Kita melihat bagaimana tindakan rakyat melalui *MEDSOS* yang menzahirkan perasaan meluat terhadap sikap sebahagian daripada ahli politik.

Yang akhirnya semua ahli politik menjadi tidak betul pada pandangan mereka. Rakyat yang berdepan dengan kesukaran pada masa ini tidak wajar diperangkap dengan kepentingan agenda politik yang sempit. Sekadar memenuhi cita-cita, kemahuan dan kepentingan parti tertentu. Bahkan lebih malang, hanya untuk kepentingan beberapa individu sahaja.

Dato' Yang di-Pertua, di dalam menghadapi cabaran semasa yang mendatang, saya juga tidak nampak kewajaran mengulangi dan mengalunkan kisah-kisah silam dengan menambah garam dan cuka untuk menambah perisanya, kononnya sesuatu yang mengerikan dialami oleh sesuatu pihak sedangkan mungkin mereka lupa atau buat-buat lupa. Pelbagai kisah-kisah perih pedih yang dialami oleh pihak yang lain. Sama ada melalui diskriminasi, ketidakadilan, kezaliman, pilih kasih dan sebagainya terhadap seteru politik mereka.

Dato' Yang di-Pertua, kita tidak boleh menoleh ke belakang. Usaha untuk menyatupadukan umat melayu Islam ini, perlu diletak di depan. Jangan kita terpengaruh dengan tektik strategi yang sengaja disusun oleh musuh khususnya musuh orang Islam dan melayu sehingga menjadikan perpaduan melayu tidak akan tercapai. Elakkan daripada perkataan seperti mana yang disebut boleh menyebabkan hati-hati kita luka.

Dato' Yang di-Pertua, di dalam menghadapi krisis politik, saya berpendapat bahawa perkara asas dan wajib ada pada kita semua orang Islam, khususnya bangsa melayu di negeri ini. Yang pertama perlu kepada keikhlasan untuk berubah. Kalau kita tidak mampu berubah, dan kalau kita tidak boleh mengikhlasakan diri kita maka kita akan terus berada dalam suasana sepertimana masa-masa yang lalu. Adakah kita mahu lagi kembali pada masa yang lalu, saya yakin dan percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di pihak Kerajaan ataupun rakan-rakan kita daripada UMNO sama, suasana yang pernah kita kecapai sebelum ini, dalam suasana adanya kasih sayang, mahabbah adalah sesuatu yang sungguh mahal, yang tidak pernah kita kecapai sudah beberapa dekad. Sayang kalau sekiranya perkara-perkara yang kecil sehingga dijadikan seperti gunung yang membakar dan ingin menghempap diri kita.

Dato' Yang di-Pertua, yang kedua lupakan kisah-kisah lama. Jangan diulang kisah-kisah lama, kalau diulang maka orang lain pun akan terus mengulangi kisah-kisah itu. Simpanlah kisah-kisah silam itu di dalam sejarah politik kita demi untuk melayu dan Islam. Saya yakin kesungguhan kita ke arah itu dan yang ketiga, rendahkan diri kita semua demi agama, bangsa, rakyat kita. Kalau

kita boleh merendahkan diri, tidak sombong, tidak merasa hebat, *insya-Allah* jalan terang di hadapan kita.

Naik basikal membawa raga
Singgah ke pasar membeli ikan
Kalau hendak seribu daya
Kalau tak hendak seribu alasan

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan sikit pada petang ini untuk menyampaikan hasrat daripada rakan-rakan sahabat kita daripada Masjid Putih ataupun Masjid Negeri yang ingin memohon daripada pihak Kerajaan sama ada yang melibatkan Pejabat Agama, MAIDAM untuk membuat penelitian ke arah membaik pulih Masjid Negeri yang sangat penting pada kita di Negeri Terengganu kerana Masjid Putih ini merupakan masjid ikon untuk Negeri kita. Apabila saya dijemput baru-baru ini walaupun saya sentiasa bersembahyang di situ, tetapi dalam satu program khusus saya telah diberi beberapa taklimat dan saya mengharapkan pihak Kerajaan untuk melihat perkara ini secara lebih serius kerana masjid itu adalah lambang kepada Negeri kita sendiri. Perlu ada pemuliharaan yang secara holistik, daripada catnya, karpetnya, peralatannya dan silingnya dan air hujan yang turun mungkin akan dapat supaya perkara ini dapat dipulihkan, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Mudah-mudahan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* memberi kepada kita rahmatnya. Dato' Yang di-Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa Yang Berhormat dah hampir tamat.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): *nok* habis *doh ni*.

Bulan Ramadhan bulan yang mulia
Umat islam khusyuk beribadat
Siang hari berlapar dahaga
Agar berjaya di alam akhirat

Kuih beking makanan tradisi
Warisan resepi nenek moyang
Bacalah Quran setiap hari
Agar kita Allah sayang

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Bronok beke dan lopat tikam
Tidak ketinggalan kuih lompong
Salah silap mohon dimaafkan
Selamat menyambut bulan Ramadhan

Bandar mohon menyokong.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Bandar. Saya nak jemput sorang saja lagi untuk mengakhiri perbahasan pada petang ini. Saya nampak kalau ikut kita punya *Standing Orders* perkara 46 (4) Yang di-Pertua boleh jemput mana yang dia terpandang terlebih dahulu, jadi saya terpandang daripada Wakil Telemong tadi, nanti Wakil Wanita boleh sambung esok.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ke Yang Berhormat Wanita *nok ni?* Saya *takdok* masalah Dato' Yang di-Pertua kalau dia *nok* pun, tapi kalau Dato' Yang di-Pertua *mintok* saya pun.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Takpe teruskan Yang Berhormat, teruskan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terus *ea?*

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Mentang-mentang orang puan *gok*, lembut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): [Ketawa] saya dengan orang puan *alohan sket boh*.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para hadirin, tuan-tuan yang saya kasihi sekalian. *Alhamdulillah*, syukur saya kehadiran Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dengan izin Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* pada petang ini, mungkin penghujung *doh gamoknye* saya diberi kesempatan kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pagi semalam.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya sempat membaca dalam dua tiga kali semalam dan saya melihat apa yang diberi penekanan di bawah Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mahu melihat bahawa Negeri Terengganu ini tetap berada dalam keadaan tadbir urus yang baik dan walaupun kita dalam menghadapi dalam keadaan ekonomi yang teruk dan juga dalam keadaan pandemik pada masa sekarang ini, dan dia mahu melihat bagi pihak Wakil-wakil Rakyat sama-sama menggembleng tenaga untuk membantu sama lain. Yang lebih penting adalah bagaimana kita ingin mengekalkan *survival* terutamanya rakyat Negeri Terengganu dalam situasi yang semakin sukar sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan rakan-rakan, saya *insya-Allah* akan mengutarakan beberapa perkara yang saya kira ianya berkait rapat, terutamanya dengan kawasan saya di Hulu Terengganu. Yang Berhormat, pertamanya berkaitan dengan banjir yang telah berlaku di Hulu Terengganu baru-baru ini. Semua orang sedia maklum dan juga ada disebut dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku bahawa banjir baru-baru ini sangat teruk berlaku di Hulu Terengganu dan juga di Kemaman. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kalau kita nak lihat banjir baru ini memang teruklah, memang pada saya, saya *ni* hidup umur 50 tahun *doh*, dan *dok jupe* lagi banjir sebesar itu dan juga saya dimaklumkan oleh orang-orang kampung saya, dia orang hidup *dok sapa* 70 tahun juga *dok jupe* lagi banjir seteruk macam tu. Oleh kerana tersebut, oleh kerana kita ini Negeri Terengganu ini merupakan negeri yang sudah mungkin ada SOP yang banjir ini maka walaupun teruk dalam keadaan kelam kabut maka mereka juga dapat *survive* diri mereka dengan cara

yang terbaik dan saya ucap tahniahlah. Tapi ianya baru-baru ini, ia berlakunya di luar musim, biasa dia banjir di Negeri Terengganu ini berlaku bulan 12 bulan 11 *hok* teruk. Mari baru ni *prak* mari bulan 3, jadi *cambar* la sikit. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di Hulu Terengganu yang saya kira banyak terlibat kerosakan dan juga kemusnahan yang saya dapat dimaklumkan bahawa hampir 4,600 orang mangsa yang terlibat dengan banjir di seluruh Hulu Terengganu dan juga ianya merangkumi lebih kurang 1,600 keluarga yang terlibat secara *total* berkaitan dengan banjir di Hulu Terengganu baru-baru ini, dan saya, memang saya akui, ramai dan saya ucap terima kasih *banyak* sebagai orang Hulu Terengganu saya ucap terima kasih *banyak* kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri dan juga rakan-rakan saya EXCO dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat pun, yang daripada pihak Kerajaan yang punyai peruntukan yang agak besar daripada kami ini dan ramai mereka yang turun membantu dan saya ucap terima kasih banyak-banyak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat *dok* sebut saya pun. Yang Berhormat *dok* sebut pun saya *gi* turun *gok*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang di-Pertua *dok jupe* dengan saya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Turun.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Tu* yang saya *dok missed tu, mintok* maaf.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Haa, tu lah*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Mintok* maaf Dato' Yang di-Pertua. Saya ini *hok* napok mata je, kalau kite *dok napok dok jerepok* dengan Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Jadi, oleh kerana terlalu ramai Dato' Yang di-Pertua, sekarang ini memang kita *duk dengor* ada bantuan yang berkaitan dengan banjir ini *one-off* biasa dia RM1,000.00 yang diberilah, sebelum pada ini yang diberi kepada mangsa-mangsa banjir dan sekarang ini yang menjadi kekangan kepada masyarakat ialah mereka kehilangan segala-galanya, *rumoh banyak yang tidoklah* kata cabut macam Selangor tu, tapi adalah yang *rebeh* dan sebagainya, itu

kerusakan-kerusakan itu ada. Tapi masalahnya semua perkara baju, pinggan mangkuk, dapur, kain selimut dan semua sekali *totally lost*. Jadi saya memohon merayulah kepada Kerajaan Negeri supaya menambah peruntukan ini, *contingency one-off* kepada mangsa-mangsa banjir ini, kalau Kerajaan Pusat beri RM1,000.00 kita tambah RM1,000.00 lagi jadi RM2,000.00 jadi memudahkan untuk nak beli barang je bukan kata nak atasi kemusnahan yang berlaku itu tidak akan boleh dapat dah tapi sekurang-kurangnya boleh meringankan beban mereka, boleh menyedapkan hati mereka sikit untuk kita mereka menyediakan terutamanya anak-anak nak *start* sekolah macam sekarang ini anak-anak baru nak masuk sekolah, baju sekolah *takdok sehelai haram* dah, jadi ini menimbulkan banyak masalah di peringkat mereka-mereka yang terkena mangsa banjir ini, Dato' Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, saya berharap sungguh-sungguh kepada kita supaya dapat membantu dalam soal ini, di samping itu juga kalau kita dapat dan juga boleh kita wujudkan satu Tabung Bencana Negeri kita ini. Sebab banjir ini ada sokmo tiap-tiap tahun ada sokmo cuma kuat dengan tak kuat je, jadi kita tubuh selalu saja tabung. Tabung Bencana Negeri Terengganu senang kalau ada kes-kes gini, dan tabung bencana ini tidak perlu Kerajaan sangat yang keluar duit, GLC kita banyak kan, GLC kita daripada kita guna ke lain duit, beri CSR ke tabung bencana supaya boleh membela dan juga membantu rakyat kita yang menghadapi musibah-musibah banjir sebagaimana yang saya maklum tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin jelaskan dia masalahnya bila turun bantuan ini ada orang daftar, ada orang *register* nama untuk mengesahkan dia ini banjir, jadi nama ini satu masalah, satu masalah yang timbul kerana banjir baru ini berlaku pukul tiga pagi, pukul empat pagi, dan air naik dalam masa setengah jam je, ada ramai di kalangan masyarakat orang-orang rumah yang *dok* dan nak lari jadi diaorang ambik nama orang yang hanya berpindah kepada PPS sahaja. Ini menimbulkan masalah di peringkat bawah, ini saya minta tolong kepada jabatan-jabatan ataupun Kerajaan Negeri tolong bincang dalam mesyuarat EXCO supaya melonggarkan sikit peraturan undang-undang, undang-undang ni, undang-undang kita belaka buat, bukan kita amik kita *pitih*, tapi kita nak memudahkan supaya masyarakat kita bawah itu yang tidak tersenarai kerana saya dimaklumkan ramai kita tidak disenarai kerana dia tidak sempat nak pindah

YANG BERTHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Mohon beri laluan sikit

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): pindah ke pusat pemindahan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat ada la tu, ada, sila

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Mohon beri laluan sikit, memang Kerajaan dah longgarkan, kita dah longgar dah *hok* tu maknanya tak semestinya yang berpindah ke PPS termasuklah berpindah ke rumah-rumah, rumah kawan-kawan ke...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Okey, terima kasih Yang Berhormat Ajil. Yang Berhormat Ajil, dia pun sama dengan saya *gok, jerepok sokmo* hari-hari. *Alhamdulillah* saya tahu dia banyak turun baru ini dan saya nak minta tolong kalau ada *doh alhamdulillah* saya cuba peringatkan sebab hari ini pun ada lagi orang mesej ke saya, saya *kabo* terus terang hari ini pun ada orang mesej lagi. Jadi itu Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, selain daripada itu juga saya ambil kesempatan sini ucap sekali lagi, terima kasih banyak-banyak yang tidak terhingga kepada NGO, kepada Bomba, kepada agensi Kerajaan Negeri, agensi-agensi Bomba, JPAM, PDRM, JKM, KKM, RELA, NGO dan semua pihak-pihak sama ada dalam negeri dan juga luar negeri yang mari memang ramai. Mari ramai-ramai saya ucap terima kasih banyak-banyak, begitu juga dengan universiti-universiti, IPTA dan juga IPTS yang melakukan perjalanan pasca lepas banjir yang menyelesaikan banyak sekolah-sekolah kita dan *alhamdulillah* hari ini boleh selesai dan budak-budak boleh belajar semua sekolah di Hulu Terengganu cuma *hok* berat sikit cuma di Sungai Berua la sikit lagi, takpela orang asli saya itu *takdok* masalah, dia boleh belajar di surau pun boleh lagi setakat ini, Dato' Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin mengutarakan sebagaimana kawan-kawan saya yang lain untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga semalam berkaitan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat maknanya kos sara hidup ini bukan main-main, betul macam Yang Berhormat Bandar kata tadi dan juga rakan-rakan saya yang lain juga mengatakan bahawa kos sara hidup kita perlu mengambil penekanan yang sangat serius kerana ianya bukan sahaja di peringkat akar umbi yang sangat-

sangat terasa pada hari ini tapi malah di peringkat pertengahan dan juga di peringkat atas. Oleh sebab itu, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya kita boleh memperbanyakkan dan juga mempelbagaikan ruang ekonomi kepada rakyat-rakyat kita di peringkat akar umbi, di peringkat-peringkat bawah sebagaimana yang saya maklum tadi kepada EXCO Pertanian, soalan saya tadi yang bagaimana yang kita *kabo* program Tahun Pertanian kita pada tahun lepas adalah kebanyakan memang saya nampak kejayaan ada iaitu kebanyakan adalah program-program yang kita buat dan juga peruntukan-peruntukan yang kita sediakan itu memang besar dan selama ini pun ada, selama ini pun ada cuma saya mahu lihat Tahun Pertanian sepatutnya kita fokus apakah *vision* kita lima tahun akan datang, kalau kita nak fokus lada hitam tak apa kita *highlight*kan lada hitam dan kita *boom* betul-betul lada hitam jangan kita *gi* sekerat jalan, *hok* tu je saya nak mintak bab pertanian ini sangat banyak dah sebelum pada ini pun lada hitam lah, kambing itu, kambing ini, kambing itu, ayam itu, ayam ini seorang haram *dok jadi kakah, pitih* berjuta-juta habis, saya peringat ini pengalaman kita belah *lekning*, pengalaman kita Kerajaan Barisan Nasional dan kita tidak mahu lagi perkara sebagaimana perkara ini berlaku kepada kawan kita belah *leknu*, kita sayang belaka Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jaga masa Yang Berhormat sebab saya tak nak melampaui pukul lima.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nanti dulu tadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kalau saya awal suruh jaga masa tadi panjang lebih

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: jadi itulah saya nak pastikan habis sebelum pukul lima.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, hari ini rakyat kita memang bila kita tengok dulu harga ayam RM5.00, RM6.00 sekilo, dua tiga tahun lepas. Hari ini harga ayam dah sampai RM10.00 sekilo. Saya bukan nak kata begitu juga benda lain, begitu juga dengan harga ikan, ikan selayang kalau dulu RM6.00 sahaja, RM7.00 sekilo hari ini naik berbelas-belas ringgit sekilo, baru setahun dua, begitu juga minyak kereta, dulu RM1.80 harini dah sampai RM3.00 minyak kereta. Kalau dulu bila harga barang naik gini kita *wat* tunjuk perasaan dah,

hari ini kita *dok* buat sebab kita tahu bahawa ini bukan tugas Kerajaan Negeri Terengganu nak menstabilkan harga ini. Kita faham dan kita nak pastikan bahawa hari ini budaya politik kita kena politik matang, ada benda yang kita boleh bangkang, ada benda yang kita tidak setuju dan ada benda yang boleh kita kena setuju dan kita kena bangkang kerana itulah realiti hakikat dunia pada hari ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya memohon kepada Kerajaan Negeri supaya kita boleh memberi, Kerajaan Negeri mengambil langkah yang rapi dan juga menjamin kebajikan rakyat khususnya Negeri Terengganu kita ini agar terbela dan tidak rasa terkesan sangat-sangat dengan beban yang kita hadapi pada hari ini apatah lagi dengan keadaan yang kita keadaan pandemik yang rakyat tak boleh kerja, nasib baik pada hari ini harga kelapa sawit kita mahal, nasib baik kita, kita masih bernasib baik. Dulu saya pernah buat program bagi *free* ini anak kelapa sawit ini, Yang Berhormat Ladang dok mari hari ini, dia perlu sokmo saya dulu, buat *taik* apa dia kata program gini beri dua tiga puluh pokok ke orang ini. Yang Berhormat ini ada, apa ini Wakil daripada Bukit Tunggal pun tahu. Sebenarnya kita buat ada sebuah kampung pada hari ini yang kita dah lancar yang memang berjaya pun, ada lebih kurang 50 ekar keseluruhan dalam kampung tersebut, RM50,000.00 dia boleh *pitih* pada hari ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya minta supaya program-program sebagaimana ini diperbanyakkan bukan saya suruh bagi *pitih* ini contoh ini, contohnya taman-taman, di bandar-bandar dan juga di kampung-kampung kita boleh bagi mereka benih-benih untuk mengatasi benih-benih sayur, benih jagung, benih sayur, benih kangkung, benih *mende* lagi, benih lada kita beri 10 buah rumah 20 pokok, 30 pokok, bag kita beri, baja kita beri, *payah* sangat tanah kita beri lagi suruh dia tanam je situ. Rumah masing-masing secara automatiknya dapat mengurangkan bebanan masyarakat kita di peringkat akar umbi pada sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin sikit-sikit saya cukup Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, iaitu berkaitan dengan pengganguran belia pada hari ini, saya tertarik dengan ayahanda saya tadi Yang Berhormat Rantau Abang yang mengatakan TDM ada menyediakan peluang pekerjaan 800 kekosongan Yang Berhormat, betul? 800 kekosongan *alhamdulillah, alhamdulillah* dan pendapatan sampai RM4,000.00, RM5,000.00 tapi tadi saya nak minta pencerahan supaya sebab Yang Berhormat kata belah *leknu*, belah *lekni* supaya bantu Kerajaan, saya nak minta tolong kita perincikan kerja *nape* ini, kerja kat mana ini supaya jelas kepada rakyat kerja apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ngait buah ke...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): angkut buah ke, jadi pegawai pakai tali leher ke yang itu kita nak tahu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat sila duduk sekejap, sila duduk

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Pulok*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Dak pe doh kalu dok pon* Yang di-Pertua. Lepas hajat dah saya ni. Saya *tak dok* masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay. Oleh kerana saya nak menjaga peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang di-Pertua, akhirnya saya juga sebagaimana rakan-rakan saya Yang Berhormat Bandar, kita sebenarnya kalau *nak molek*, betul saya kata, tiada kaedah lain, iaitu satu permuafakatan yang baik kita perlu reka. Tidak berjaya zaman saya, tak apa. Saya mendoakan satu hari nanti, ia akan menjadi realisasi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Insya-Allah

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tapi jangan kata ke sape-sape dia. Tepuk dada tanya selera. Siapa jujur, siapa yang tidak jujur.

والله أعلم

Telemong mohon menyokong. Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهَدٰیةِ وَالسَّلَامِ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Salamu Allah*. Saya tak puas dengar Yang Berhormat Wakil Telemong cakap. Tapi kerana masa tidak mengizinkan, kita terpaksa patuh kepada *Standing Orders* sepertimana dinyatakan. Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan persidangan Dewan sehingga ke esok hari, Rabu, 23 Mac 2022 pukul 9.30 pagi. Untuk itu marilah kita sama-sama kita membaca tasbih kaffarah dan Surah Al -Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.55 PETANG

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Datuk Haji Nawawi bin Mohamad, PMW.,SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN.,AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
YB Dato' Haji Shahidan bin Embok, DPMT., PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
YBM Tengku Seri Bijaya Raja, PSD., DPMT., SMZ., DNS., KAT., BCM., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Bagi memberkati persidangan kita marilah kita mulakan dengan Ummul Quran Al-Fatihah.

Alhamdulillah mesyuarat pagi ini kita teruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini, 23 Mac 2022:

1. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
2. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
3. Yang Berhormat Wakil Bandar
4. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
5. Yang Berhormat Wakil Air Putih
6. Yang Berhormat Wakil Ajil
7. Yang Berhormat Wakil Kemasik

8. Yang Berhormat Wakil Wanita
9. Yang Berhormat Wakil Batu Buruk
10. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
11. Yang Berhormat Wakil Sura
12. Yang Berhormat Wakil Telemong
13. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
14. Yang Berhormat Wakil Manir
15. Yang Berhormat Wakil Jertih
16. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang

Sekarang saya persilakan Wakil Pengkalan Berangan untuk memulakan Sesi Soalan Lisan pada pagi ini.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya wakil kepada Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Soalan Nombor satu- Terima kasih.

Sejauh manakah pelaksanaan pencen rakyat Terengganu yang dilaksanakan bagi tahun 2021?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan semua yang hadir.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih kepada Pengkalan Berangan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalnya ialah sejauh manakah pelaksanaan Pencen Rakyat Terengganu yang telah dilaksanakan tahun 2021.

Pencen Rakyat ini merupakan janji Manifesto Pasti Islam Se-Malaysia (PAS) ketika memasuki Pilihan Raya yang Ke-14 baru-baru ini. Walaupun dia bukan merupakan kitab suci, tetapi *alhamdulillah* Kerajaan PAS pada kali ini berjaya menunaikan janji rakyat yakni menunaikan pencen bagi tahun 2021. Jumlah agihan insentif Pencen Rakyat adalah sebanyak RM6,207,300.00 yang melibatkan 20,691 orang yang telah menepati syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan. Soalan ini juga datang daripada Kuala Besut dan Batu Rakit. *Insyah-Allah* saya akan jawab sekali gus. Apakah keberkesanan pelaksanaan Program Pencen Rakyat? Ternyata pelaksanaan Program Pencen Rakyat ini telah memberikan impak dan kesan yang cukup positif kepada warga emas yang memerlukan di luar sana. Antara objektif pelaksanaan program Pencen Rakyat adalah seperti berikut;

1. Memenuhi janji Kerajaan Negeri kepada rakyat sebagaimana Manifesto MT20.
2. Menzahirkan kecaknaan Kerajaan Negeri terhadap warga emas yang merupakan penduduk yang turut menyumbang kepada pembangunan negeri.
3. Membantu mengurangkan bebanan warga emas dari sudut kewangan untuk menampung perbelanjaan mereka.

Soalan daripada Batu Rakit, apakah kriteria untuk mendapatkan Bantuan Pencen Rakyat? Kriteria untuk mendapatkan Bantuan Pencen Rakyat ialah;

1. Warga Negara Malaysia yang berumur 60 tahun ke atas
2. Rakyat Negeri Terengganu atau pemastautin yang telah melebihi 15 tahun
3. Keutamaan kepada mereka yang hidup bersendirian atau mempunyai keluarga tetapi tidak berkemampuan untuk memberikan sumbangan
4. Hanya ketua keluarga atau salah seorang isi rumah warga emas yang layak memohon
5. Bukan pesara atau penerima pencen dan tidak mendapat bantuan bulanan daripada JKM, MAIDAM atau mana-mana agensi seumpamanya
6. Pendapatan isi rumah pemohon di bawah RM3,000.00 sebulan atau RM600.00 per kapita
7. Borang permohonan yang lengkap diisi

8. Lulus banciaan yang dibuat akan disyorkan oleh pejabat daerah masing-masing melalui Pusat Khidmat DUN yang berkaitan.

Bil	Parlimen	Jumlah Pemohon Yang Layak	Pecahan Bajet Yang Diperlukan (Daerah)
1	Kuala Terengganu	1,799	RM539,700.00
2	Kemaman	3,718	RM1,115,400.00
3	Dungun	1,624	RM487,200.00
4	Besut	2,798	RM839,400.00
5	Hulu Terengganu	3,424	RM1,027,200.00
6	Marang	2,437	RM731,100.00
7	Setiu	2,809	RM842,700.00
8	Kuala Nerus	2,082	RM624,600.00

Insya-Allah bajet yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun lepas ialah tahun ini ialah RM12 juta. *Insya-Allah* pembayaran akan dibuat sekitar bulan Ogos. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Boleh saya celah?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila. Memang ada digabungkan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, bagaimana bagi yang tidak tersenarai, dia rasa dia layak, apa yang patut dia lakukan dan bagaimanakah cara pembayaran? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih pada Batu Rakit. Untuk tahun ini, *insya-Allah* dalam bulan April ini, Pejabat Daerah melalui YPK, YPK akan buat surat-surat arahan kepada Pejabat Daerah, dan Pejabat Daerah akan kemukakan kepada PKN untuk mencari mereka-mereka nama-nama baru yang dah memasuki 60 tahun ataupun yang tertinggal. Mereka boleh memohon terus ke pejabat melalui JPKK ataupun terus ke Pejabat Khidmat Masyarakat. Dan seperti yang saya katakan untuk tahun ini, kita akan buat pembayaran sekitar bulan 8 ini. *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Khidmat Masyarakat tu maksudnya Khidmat Masyarakat DUN Kerajaan, BN pun boleh *jugok* ke macam mana..

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Boleh *jugok*. *Ato direct* ke pejabat i-MITS pun boleh *jugok*. Boleh belaka.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Pejabat ADUN boleh?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Ya?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Pejabat ADUN pun boleh?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Pejabat ADUN? Pejabat ADUN *ato* ke Pejabat Daerah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Ada tak kuota ataupun pecahan-pecahan ikut daerah mengikut pencen rakyat yang telah dirancang oleh pihak kerajaan ni. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): *Takdok kuota ni. Takdok* kuota dan *takdok* pecahan. Semua yang layak kita beri ikut DUN.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Okay.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Ada senarai DUN ini, panjang nak baca ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay. Tak payah. Tak payah. Tak payah baca. Sekarang saya jemput Wakil Batu Rakit untuk kemuka soalan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Ari ning napok baik. Skale dok wi doh, dang ade doh se.* Terima kasih. *Tadi hok nupang, hok ni hok sebenor.* Soalan saya nombor satu –

Masalah sampah berlonggok yang diviral dan hangat diperkatakan oleh umum. Apakah Tindakan susulan yang diambil oleh Kerajaan Negeri mengenai masalah tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Kang baik sokmo kang.*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih. *Mareng puji doh mareng.* Terima kasih. *Mareng dok dang dengo. Saya mandi budok.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya buat contoh dari segi perbahasan ni, biar *direct* lalu. Tak payah banyak bunga-bunga sangat. Sebab masa tak banyak. Okay.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT Dr. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Yang Berhormat, Ketua Jabatan, Pegawai Kerajaan dan para hadirin sekalian. Terima kasih Wakil Batu Rakit. Wakil Batu Rakit ingin tahu tentang masalah sampah yang berlonggok yang telah diviral dan hangat diperkatakan oleh umum. Apakah tindakan susulan yang diambil oleh Kerajaan Negeri mengenai masalah tersebut. Pertama isu sampah berlonggok ini berlaku pada awal tahun 2022. Perkara ini berlaku

kerana mengikut kontrak ataupun dalam perjanjian kontrak tu, yang kita *award* kepada syarikat ni pada Januari 2021 dengan syarat mereka menyediakan lori sendiri untuk satu zon, empat buah, dalam masa setahun. Bila cukup setahun, bermula Januari 2022, PBT kes di Kuala Terengganu *ni*, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lagi memberi sewaan lori PBT kepada kontraktor tersebut. Nak dijadikan isunya, yang berlaku adalah di sekitar Batu Enam dan juga di sekitar Gong Datuk dan Batu Rakit iaitu Zon E dan Zon G. Kontraktor Zon E I, *ni* dia dah beli tiga buah lori. Tak cukup satu lori. Nak dijadikan isunya pada awal tahun *tu*, sebuah lori dia rosak. Dan Majlis Bandaraya *tak beri sewa dah*. Jadi tinggal dua. Bila dua sudah tentu berlaku kelewatan ataupun longgokan *badlock* lah yang berlaku sampah yang tidak dikutip secara teratur untuk Zon E, Batu, Enam dan sekitar. Manakala di Zon G, dia ada empat buah lori *dah*. Tapi ditakdirkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, dua buah rosak serentak. Pada awal tahun *tu* dan oleh kerana kontrak dia *tu* tidak membenarkan sewaan, maka dia jugak mengalami masalah kekurangan lori lah.

Hasil daripada itu, setelah saya dapat maklumat ini, serta merta pada 6 haribulan, hari Khamis, *dah* panggil Datuk Bandar, Wakil daripada Pejabat Undang-Undang dan juga Setiausaha Bahagian untuk bincang bagaimana mengatasi masalah ini. Dan kita bersetuju dan perbincangan itu untuk kita menyewakan semula lori Majlis untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. Tempoh sehingga akhir bulan Mac. Sekarang ini lah dan dia dimestikan mencukupkan lori dalam masa tersebut. Dan juga kita membenarkan sekiranya berlaku kerosakan, pihak kontraktor dia boleh minta pinjam sewa daripada Majlis Bandaraya dengan harga tertentu dan denda dikenakan. Iaitu selepas bulan Mac nanti. Dan saya juga telah jumpa dengan kontraktor tersebut. Mereka memberi jaminan akan mencukupkan empat buah lori yang telah dinyatakan tersebut. Walau bagaimanapun bila berlaku kerosakan *ni*, memang tidak dapat kita nak elakkan, sebab itu kita ada support daripada PBT untuk menyelesaikan masalah ini *lah*. Biasa daripada itu, hari Jumaat itu sudah ambil tindakan. Hari Khamis tu mesyuarat, hari Jumaat tu ambil tindakan. Dalam masa tiga hari *alhamdulillah*, saya ingat hari Isnin semua sampah *dah clear* di kawasan yang disebutkan itu. Jadi masalah berlaku kemalangan *lah*, kerosakan lori lagi, dengan perjanjian *dah* dikuatkuasakan. Dan untuk mengatasi masalah undang-undang, pihak Pejabat LA buat *supplementary agreement*. Terpaksa buat satu tambahan dalam *agreement* itu untuk membolehkan sewaan diberi walaupun telah tamat tempoh setahun yang kita berikan. Kita kene ikut *procedure* undang-undang dan sebagainya. Jadi *alhamdulillah*, saya rasa

tindakan cepat. Saya ucap tahniah *lah* kepada Datuk Bandar, khususnya Majlis Bandaraya dan Pejabat LA yang telah bekerjasama yang begitu baik sehingga dapat selesaikan isu ini dalam masa yang segera *lah*. Cuma yang jadi masalahnya diviralkan seolah-olah sampah seluruh Negeri Terengganu itu sepah-sepah. Padahal yang berlaku hanya di dua zon sahaja. Tapi itulah masalah viral ni dia menggambarkan satu keadaan yang tidak sihat. Sedangkan kita di Terengganu *ni* mendapat pengiktirafan bandar mampan dalam negeri kita dan diiktiraf baru-baru ini dapat satu lagi pengiktirafan bandar antara sepuluh bandar pelancongan yang terbersih di Asia. Ini satu benda yang orang luar pandang kita, saya ingat baik di Asian, *standard* bandar pelancongan bersih Asian yang telah diumumkan pada 8 Mac untuk Bandaraya Kuala Terengganu. Jadi orang luar nampak kita okay, dan saya kebetulan dihadiri oleh wakil daripada Kedutaan Singapura. Saya tanya bagaimana kebersihan Terengganu kita? Dia kata okay. *You* tak boleh banding dengan *Singapore*. Dia kata *Singapore* memang dia *standard* tinggi. Tapi untuk bandar-bandar lain di Eropah pun, Kuala Terengganu okay dia kata. Itu perjumpaan saya secara langsung *lah* dengan wakil daripada kedutaan *Singapore*. Jadi kita harap orang kita, kadang-kadang orang tengok kita okay, kita rasa tak okay. Kita duk viral. Jadi seolah satu persepsi negatif kita wujudkan. Pelancong-pelancong tidak akan datang ke negeri kita. Jadi kita kena tengok benda-benda yang kadang-kadang berlaku sekali-sekala bukan sepanjang masa itu, boleh je buat aduan kepada Majlis Bandaraya, PBT ataupun saya sendiri untuk ambil tindakan segera. *Duk* viral pun tak selesai masalah. Cuma kita membuka benda yang bukan kudis besar pun. Tapi *dah* kita buka aib kepada orang lain negatif akan mari kepada negeri kita *jugak*. Jadi saya kira pelancongan akan terganggu dan sebagainya. Saya rasa harap nak viral-viral ni *jugak* jangan jadi COVID-19 sudah *lah*. Jadi susah semua orang.

Untuk itu, beberapa tindakan susulan diambil bagi mengatasi masalah ini. Yang pertama kita memastikan setiap kontraktor mempunyai lori yang mencukupi iaitu empat buah setiap zon. Saya telah buat perjumpaan secara langsung dengan kontraktor dan mereka *insya-Allah* akan dapat menyiapkannya. Yang kedua menjalankan operasi di kawasan tong sampah awam untuk menentukan kepadatan penduduk, kesesuaian tong sampah dan penukaran tong sampah yang sesuai dengan lokasi ni dibuat dari semasa ke semasa oleh seorang pemantau kita. Dan tahun ini pun kita *dah* lulus dalam Dewan baru ni RM1 juta untuk menambah lagi bilangan tong sampah di seluruh Negeri Terengganu. *Insya-Allah* masalah tong sampah dapat kita selesaikan. Yang ketiga

menjalankan pemantauan bagi memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi yang ditetapkan iaitu kekerapan kutipan dua kali sehari melalui *system smart bin*. Kita pakai *smart bin* semua dah. Kita tahu tong sampah mana dikutip ataupun tidak. Ini ada pemantauan berlaku. Kadang-kadang kalau kita ambik gambar sebelum lori sampai, memanglah melimpah. Nama pun tong sampah. Tempat orang buang sampah. Dia kutip pagi skali, kalau kita ambik gambar pukul 8, lori tak sampai lagi, memang melimpah masa tu. *You* ambik pukul 10, *takdolah sampah tu*. Dah diangkut. Malam pun sama, dia mari kutip petang kalau ambik gambar pukul 3 atau pukul 4 petang sampah melimpah. *You* ambik gambar pukul 7 malam *habislah dah dikutip*. Tong sampah tempat orang buang sampah memang ada sampah. Kadang-kadang dia melimpah. Tengok musim lah. Kalau musim raya, musim orang balik cuti ramai, kadang tong sampah penuh. Tapi kita akan mengatasinya dengan menambah tong sampah lagi. Yang seterusnya penyapuan di sekitar lima meter radius jejari dari tong sampah dan pencucian tong sampah mengikut perancangan kerja yang telah ditetapkan. Memasang perangkap tong sampah di kawasan berisiko gangguan khinzir dan anjing. Ini kita dah dapat dan semalam pun ada isu khinzir dan sebagainya gangguan pada tong sampah kita *ni* dan kita buat perangkap. Itu okay. Dari segi haiwan boleh kita *control*. Tapi satu masalah lagi ialah yang mencari bahan-bahan kitar semula ini. Yang menyelongkar manusia *ni* tong sampah kita, cari barang untuk dijual dan bila diselongkar dia tinggal begitu saja bersepeh sampah. Dia *dop* kutip semula. Ini *lah* menjadi satu kelewatan pada pemungut sampah kontraktor kita, jadi terpaksa sapu *plok*. Makan masa, tidak dia angkut tong sampah masuk lori, makan masa lima minit selesai. Tapi kalau sampah yang terpaksa sapu kutip sampah yang berselerak ini mungkin makan masa dalam setengah jam untuk setiap tong sampah. Ini adalah perkara-perkara yang kita minta orang ramai bagi kerjasama jangan *lah* selongkar tong sampah kita yang menyebabkan kelewatan ataupun tenaga kerja lebih terpaksa digunakan untuk bersih kawasan sekitar tong sampah dan kepada orang ramai harap buang sampah dalam beg plastik, ikat kemas-kemas buang dalam tong sampah untuk memudahkan dari segi kutipan nanti. Yang seterusnya penggunaan lori terbuka untuk melakukan pembersihan di sekitar tong sampah. Dia ada lori terbuka. Tadi lori yang kita pakai lori angkut tong itu, ini dia lori terbuka untuk kutip sampah yang bersepeh tadi *lah*. Seterusnya denda akan dikenakan jika kontraktor tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Yang kelima pihak PBT akan menyewakan lori jika berlaku kerosakan lori kontraktor. Itu *lah* antara beberapa perkara, yang kita ambil

tindakan bagi memastikan kejadian-kejadian itu tidak berulang. *Insyah-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan saya, perkara kerosakan dan sebagainya kemungkinan akan berlaku lagi. Jadi apakah persediaan pihak Kerajaan atau PBT dalam untuk menyelesaikan kes ini, sebab kalau kita tunggu lama memang benda ini jadi tidak bagus*lah*. Jadi untuk menyenggarakan sekiranya berlaku kerosakan dan sebagainya apakah persediaan kerajaan ataupun PBT? Terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Batu Rakit. Kita ada *flying squad* daripada Majlis kita untuk kawasan *hot spot* dan juga kira aduan berlaku longgokan sampah. Dan sebut tadi antaranya memastikan kontraktor mempunyai lori yang cukup, empat buah dan juga kita juga ada *standby*, sekiranya mereka ini mengalami kerosakan lori supaya boleh maklum kepada PBT untuk kita berikan sewaan untuk sementara mengatasi masalah ini. Yang masalahnya perkara ini tidak dimaklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, dia *viral* sahaja. Kadang-kadang kita tahu melalui *viral*. Kadang-kadang saya pun tahu sudah *diviral* baru saya tahu sedangkan dia boleh je *online* dengan kita untuk menyelesaikan masalah ini. Kita sentiasa menjaga negeri kita *insyah-Allah*. Kita nak menarik pelancong, menjadikan negeri yang cantik, bersih dan sebagainya. Tanpa kerjasama daripada orang ramai, sudah tentu kita tidak akan berjaya. Kita tengok buang sampah di pantai dan sebagainya, makan dan tinggal di situ. Ini budaya yang kita *insyah-Allah* untuk tahun ini akan buat kempen besar-besaran bagi memastikan kesedaran rakyat kita memastikan rakyat kita memastikan negeri kita bersih dan apa yang dilihat oleh orang luar sebagai negeri kita bersih, cantik. Itu yang akan dapat kita pertahankan sampai bila-bila dan dipertingkatkan lagi. *Insyah-Allah*. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Bandar untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya soalan pertama.

Bagaimana Kerajaan prihatin terhadap kes perceraian di dalam masyarakat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan ini sebenarnya dia gabung dengan soalan Ajil. Jadi Ajil boleh membuat pencelahan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payung):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, serta Ketua Pegawai-pegawai yang saya hormati sekalian. Soalan daripada Yang Berhormat Bandar, bagaimana kerajaan prihatin terhadap kes perceraian dalam masyarakat. Soalan daripada Yang Berhormat Ajil, soalan kedua kes perceraian khususnya melibatkan pasangan muda semakin bertambah dari semasa ke semasa. Dia akan menimbulkan kesan sosial yang parah kepada masyarakat. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membendung isu ini supaya tidak berlarutan dan boleh menimbulkan kepincangan kepada proses pembinaan institusi kekeluargaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, serta Yang Berhormat sekalian, kes perceraian ini menjadi satu persoalan yang saya rasa ditanya kerap kali dalam Sidang Dewan bagi nak menunjukkan pencaknaan dan keperihatinan Yang Berhormat-Yang Berhormat kita tentang isu yang berlaku dalam masyarakat yang sudah tentu ia juga akan menjejaskan situasi keharmonian sebuah masyarakat negeri dan negara. Kerajaan memang prihatin dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menyelesaikan serta mengambil *solution*, mengambil pendekatan-pendekatan yang sepatutnya untuk berhadapan dengan kes perceraian ini. Walaupun kita tidak boleh menyekat kes perceraian ini, kerana ia satu persoalan yang berlaku dalam masyarakat dan sudah Allah *Ta'ala* letakkan dalam al-Quran. Bila berkahwin ada orang yang akan bercerai dalam masyarakat ini. Walaupun demikian kita cuba untuk menyelesaikannya dan kita cuba untuk membendungnya, kita cuba untuk mengawalinya. Sudah tentu peranan yang paling penting bagi menyelesaikan masalah ini ialah Jabatan Hal Ehwal Agama, diwaktu yang sama ia juga diambil peranan sama oleh Yayasan Pembangunan Keluarga, diambil peranan oleh Urus Setia Wanita (USWA), diambil peranan oleh pihak masjid yang mengadakan kuliah-kuliah di masjid-masjid mereka, dan juga program-program yang

dianjurkan oleh NGO-NGO. Tapi secara asasnya, program yang juga dianjurkan oleh Pejabat Agama telah mengambil beberapa langkah dalam menyelesaikan persoalan ini. Yang pertama, Program Turun Padang Ziarah Mahabbah ke rumah Baitu Cakna, Hulu Terengganu, Seminar Kekeluargaan Islam, Undang-Undang Islam, Keadilan dan Penindasan, Seminar Ramadhan Membentuk Keluarga Bahagia, Seminar Sihir Pemikat Pemisah Di Sisi Syariat serta Perundangan, Kursus Modul Bersepadu, Kursus Pra Perkahwinan Islam, khidmat nasihat kepada pasangan yang mengalami masalah hubungan suami isteri melalui temujanji ataupun *walk-in* di semua di bahagian Undang-Undang Keluarga dan semua Unit Undang-Undang Keluarga di semua daerah. Melaksanakan Program Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti yang disediakan oleh pihak JAKIM. Melaksanakan Modul Pasca Perkahwinan yang dibangunkan oleh pihak JAKIM untuk digunapakai oleh semua negeri mencakupi 4 fasa. Fasa bulan madu, tempoh perkahwinan bawah 5 tahun. Fasa sehati sejiwa, tempoh perkahwinan 6 sehingga 10 tahun. Fasa semarak kasih, tempoh perkahwinan 11 sehingga 20 tahun. Fasa syurga cinta, tempoh perkahwinan 21 tahun ke atas. Seminar mendepani cabaran keibubapaan dan berbagai-bagai lagi program yang dilaksanakan oleh YPK dan juga NGO yang lain.

والله تَعَالَى أَعْلَم

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Saya ingin merujuk kepada isu penceraian ini, barangkali mungkin dulu punca penceraian itu berbeza dengan punca penceraian di masa kini. Bolehkah Yang Berhormat mengikut data ataupun maklumat terkini Kerajaan, apakah punca-punca yang utama yang menjadikan mereka ini bercerai?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payung): Terima kasih Yang Berhormat Wakil Bandar. Isu ni sebenarnya sama *je* Yang terhormat, Yang di-Pertua. Isu dia yang pertamanya memang sikap ketidak bertanggungjawab sama ada oleh suami ataupun oleh isteri. Tidak bertanggungjawab. Tidak bertanggungjawab bukan bermakna ada yang tidak ada fahaman agama, ada juga fahaman agama tapi dia tidak beramal dengan agama dia membuatkannya dia tidak bertanggungjawab. Tahun 2021, daripada Januari sehingga Disember seramai 343 pasangan yang kita lihat dan dapati kerana punca tidak bertanggungjawab, 342 pasangan punca kerana lemah didikan agama. Bila kita buat kajian dan diselidik masalah pengajian dia, tidak

hadir masjid, tidak hadir surau, mengaji tidak faham, banyak perkara yang tidak difahami. Jadi purata tahun lepas sahaja 1,290 pasangan. Ini persoalan yang ada dalam masyarakat kita. Oleh kerana itulah kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan persoalan ini dengan memberikan kesedaran, dengan memberikan didikan dan memberikan kefahaman agama dengan sebaik-baiknya. *Insyaa-Allah*.

والله أعلم

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan untuk saya: Kalau mengikut keadaan semasa sekarang ini, remaja *ni* biasanya yang bercerai inilah biasanya berkahwin awal. Peringkat usia mungkin 18,19,20 tu dah berkahwin dah. Jadi punca kepada penceraian ini, oleh kerana pernikahan itulah yang terlalu awal dan saya rasa di antara sebab mereka berkahwin kerana terperangkap dengan cinta. Mereka kadang-kadang bukan *nok nikoh* sangat, tapi *nok* bercinta. Tapi oleh kerana orang tua tengok *duk main gi mari gi mari*, akhirnya orang tua paksa suruh berkahwin dalam keadaan mereka tidak bersedia untuk berkahwin dan adakah ada usaha daripada pihak Kerajaan untuk membendung supaya mereka ini tidak bercinta di peringkat awal usia? Kena muslimat...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Payah tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Supaya mereka ini kalau bercinta pun di peringkat matang dan bernikah pun di peringkat matang. Supaya mereka ini tidak bercerailah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payung): *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Ajil. Cinta ini macam *ge* lautan. Bila dah berombak kita susah untuk menyekatnya. Sebab itu Rasulullah ﷺ pesan pada anak-anak muda,

مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ يَا

*Wahai anak-anak muda, wahai remaja, jika kamu memiliki
keupayaan, kahwinlah.*

فَرِحُوا خَصَنُ لِلرَّصَبَاتِ أَغْضُ لِلْ

Dia boleh merendahkan pandangan, kurang sikit dia tengok orang lain, dia tengok isteri dia comel *doh*. Lagi-lagi *hok muda pulok*. *Ye dok? Hok tua dang gemok payoh doh*. Betul *dok?* Ye tengok *hok comel doh*.

وَأَخَصَنُ لِلْفَرْجِ

Boleh memelihara kemaluan dan maruah dia. Tapi jika tidak mampu, berpuasalah.

وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ

وَجَاءَ لَهُ قَائِلُهُ

Kerana puasa itu boleh menjadi pembendung, penghalang bagi dia.

Memang kita *dok* boleh nak bendunglah cinta ini, *dok* Yang Berhormat Batu Rakit? *Dokleh nok* bendung, cinta kasih sayang dia. Hanya kita perlu salur dia...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):
Waner yang main sentuh tang ke ning?

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payung): Kita kena salur dia supaya betul dengan saluran dia. Betul dengan kebaikan dia, cinta dia. Oleh kerana itu, Pejabat Agama buat kursus pasca ataupun kursus sebelum kahwin. Mana-mana pasangan *ye dokleh nok kahwin barrang-barrang*, dia kena mari kursus dulu, kemudian Pejabat Agama beri latihan dulu, beri nasihat dulu, beri pandangan dulu, dan kita *dokleh nok* bendung dia, dan kita minta supaya pasangan-pasangan yang baru kahwin ini juga akan diuruskan oleh YPK lagi, Program Bulan Madu dia agar dengan harapan *insya-Allah...*

YANG BERTHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan. Latihan yang macam mana ni?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *[ketawa]*

YANG BERTHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ada *test* dulu ke *waner* latihan nok tahu?

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payung): Latihan maksudnya kita mengadakan bila dia berbulan madu, kita ajar dia macam mana

nak mengurus rumah tangga dengan sebaik mungkin, macam mana dia bercakap dengan *tok laki* dia, macam mana seorang suami bercakap dengan isteri dia, bagaimana kita nak menguruskan kerjaya dia, apa dia nafkah yang sepatutnya kita tanggung, itu yang kita faham. Tahu *doh* Dato' Kijal *tu nok gi* mana, tapi yang boleh kita latih untuk mereka berbulan madu dengan sebaik mungkin yang mencetuskan cinta syarie, cinta yang berasaskan syariat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Pada sudut asasnya Yang Berhormat Ajil, kita pakatlah jaga kerana ini juga sunnah bahkan disebut di dalam kitab-kitab bila anak-anak kita nak kahwin awal, galakkan kahwin awal, dipercepatkan kahwin, jangan perlewatkan nak menyelamatkan mereka daripada zina lebih besar daripada kemungkinan mereka berhadapan dengan cerai. Tapi kita didik dia, kita berikan kefahaman kepada dia lebih baik daripada kita membiarkan mereka akhirnya terjebak dalam kemurkaan Allah.

والله تَعَالَى أَعْلَم

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):
Waner Dato' Speaker khusyuk sangat dengar?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ye?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dato'
Speaker khusyuk sangat dengar?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Hor..* Sama-sama dengarliah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):
[Ketawa].

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Patut Wakil Kijal patut dia *dok*
payoh tanya *doh*. Dia boleh bagi kursus ke orang *pulok*. Dengan pengalaman
yang ada ini. Okey, kita teruskan saya jemput Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala
Besut): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 2-

Apakah status terkini perancangan Ketara Fasa 2 di Besut?

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih adinda Kuala Besut. Status terkini perancangan perluasan kawasan jelapang padi IADA Ketara Fasa 2 berada di peringkat penyediaan *draft* Cadangan Pembangunan di peringkat Kementerian untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Untuk makluman Kuala Besut dan Dewan, cadangan daripada Kerajaan Negeri yang diangkat ke Kementerian untuk perluasan IADA Ketara Fasa 2 daripada 5,000 hektar yang sedia ada sekarang ini kepada kira-kira 10,000 hektar kita melalui jalan yang agak berliku. Walaupun berliku, *insya-Allah* kita akan lalui sehingga hasrat kita ini menjadi kenyataan. Di zaman Kerajaan Pakatan Harapan di Persekutuan, kita dimaklumkan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, cadangan ini tidak dapat dipertimbangkan kerana dasar Kerajaan Persekutuan tiada pembukaan kawasan padi baru sehingga kita fahamkan Kerajaan Persekutuan bahawa Ketara Fasa 2 ini sebenarnya bukan pembukaan kawasan padi baru, ia hanyalah untuk menaik taraf kawasan sawah padi yang sedia ada di luar jelapang untuk dimasukkan ke dalam kawasan jelapang padi dan Empangan Paya Peda sebagai sumber pengairan di Hulu Besut pun telah tersedia.

Apabila kertas cadangan ini diangkat ke pertimbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, apabila berlaku pertukaran Kerajaan Persekutuan, berlaku satu lagi situasi bila kertas cadangan diangkat bersekali dengan cadangan untuk IADA Pekan dan juga IADA Perak sehingga peruntukan yang diperlukan mencecah lebih daripada RM3 bilion. Bila peruntukan yang diperlukan melebihi daripada RM3 bilion dalam situasi pandemik PKP lagi, menyebabkan ia tidak dapat dipertimbangkan. Sekali lagi kita buat kunjungan ke Kementerian supaya IADA Ketara Fasa 2 diangkat suku, jangan gabung dengan *hok* lain sehingga kita terpaksa pikul beban IADA di Pahang dan juga IADA di Perak.

Dalam tahun 2021 ini sahaja dalam tiga pertemuan besar, kita bangkitkan di samping isu Ketara Fasa 2 ini telah menjadi agenda tetap dalam mesyuarat EXCO-EXCO Pertanian dengan Menteri-menteri Pertanian sejak daripada awal penggal 2018 sehinggalah sekarang ini. Tahun 2021 sahaja kita telah

membangkitkan perkara ini dalam Jelajah Pasca *Roadshow* RMK-12 pada 17 Oktober 2021 bersama dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mustapa Mohamed. Kita juga telah buat dua kali kunjungan ke Kementerian Pertanian pada 8 Februari 2021 dan juga pada 9 November 2021 yang kita perlukan hanyalah peruntukan dalam sekitar RM105 juta sahaja. Tidak mudah untuk kita meyakinkan EPU dan juga untuk kita meyakinkan Kementerian Pertanian sehinggalah segala fakta dan justifikasi kita bentangkan dan *alhamdulillah* sekarang ini dia berada di peringkat penyediaan *Draft* Cadangan Pembangunan Ketara Fasa 2 di peringkat Kementerian untuk diangkat kepada pertimbangan Jemaah Menteri. Perkara ini juga Kerajaan Negeri tekankan dalam Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara yang bermula daripada 15 Mac 2021 dan akan berakhir pada 18 September 2022 supaya kawasan IADA Ketara seluas kira-kira 10,000 hektar ini dizonkan sebagai kawasan sumber makanan negara. Ini penegasan kita Kerajaan Negeri dan *insya-Allah* kita akan susun lagi sehingga hasrat Kuala Besut dan hasrat kita bersama menjadi kenyataan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas penjelasan tersebut. Kita membawa suara pesawah-pesawah, petani-petani nak tahu IADA KETARA Fasa 2 tersebut kerana di kawasan Kuala Besut khususnya kita mempunyai beberapa skim pengairan padi yang luar jelapang iaitu Skim Pengairan Padi Pelagat, Skim Pengairan Padi Pengkalan Nangka dan juga di Baung Raja. Dan kita juga sedia maklum bahawa banyak *input-input* pertanian dan juga infrastruktur diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan khususnya pihak *Federal* untuk menaik taraf di kawasan dalam IADA. Jadi kawasan yang luar jelapang ini agak ketinggalan khususnya di skim-skim luar jelapang. Jadi mohon pihak Kerajaan supaya Kerajaan Negeri khususnya memberi penekanan bantuan kepada skim-skim di luar jelapang ataupun luar IADA ini dan soalan saya Dato' Yang di-Pertua, Skim Pelagat *tadi tu* dia mempunyai punca air daripada Sungai Pelagat dan punca air di Sungai Pelagat memang agak berkurangan ketika musim kemarau. Jadi difahamkan Skim Pengairan Padi Pelagat di kampung-kampung Tok Motong, Selising, Tok Hah dan sampai ke Dengir kena guna air *recycle* dan sebelum pergi ke skim yang berikutnya. Jadi, adakah pihak perancangan di mana-mana pihak Kerajaan ataupun pihak swasta nak membina apa jua sekatan di Hulu Sungai Pelagat tu sebab ada dengar-dengar cuma saya nak *confirm* dengan pihak Kerajaan hari ini, adakah perancangan di mana-mana pihak kerajaan ataupun pihak swasta

untuk membina apa jua struktur empangan di Hulu Sungai Pelagat tu sebab dia menjadi satu kebimbangan kepada para petani khususnya di Skim Pengairan Padi Pelagat kerana air sedia ada pun tidak cukup terutama musim kemarau kalau ada pula bina sekatan lagi boleh menjadi satu perkara yang menyukarkan kepada pesawah-pesawah. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, di Terengganu ada dua belas skim pengairan yang diklasifikasikan sebagai luar jelapang dengan keluasan kira-kira 2,728 hektar melibatkan 1,049 orang petani termasuklah Skim Pengairan Pelagat yang disebut oleh Kuala Besut tadi. Oleh kerana peruntukan Kerajaan Persekutuan banyak ditumpukan kepada kawasan dalam jelapang yang selalu saya istilahkan kawasan dalam jelapang ini anak emas, kawasan luar jelapang ini anak gangsa memang ada sikit anak tiri kerana itu peruntukan yang terkurang daripada Kerajaan Persekutuan ke kawasan luar jelapang cuba ditampung oleh Kerajaan Negeri walaupun ada keterbatasannya. Tahun 2021 Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.8 juta bagi pembangunan infra sama ada menaik taraf sistem pengairan dan saliran, jalan ladang dan sebagainya dan kita juga peruntukan sebanyak RM700,000.00 bagi tujuan untuk meningkatkan kesuburan tanah yang melibatkan kesemua dua belas skim pengairan di luar jelapang dan memang kita akui dengan peruntukan kira-kira hampir RM3 juta lebih tu tidak mencukupi dan kita tengok dari segi *priority* dan keutamaan mana yang lebih perlu didahulukan dan isu di Pelagat juga sebenarnya dalam makluman kita. Beberapa kali kita turun apabila menerima aduan daripada para pesawah berkaitan dengan masalah air dan *insya-Allah* cadangan daripada Yang Berhormat Kuala Besut akan dipertimbangkan sebaiknya saya akan panggil pihak UPEN untuk bincang segera. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Air Putih,

Sidang dewan memang dah letih,
Kumpul soalan berbulan-bulan,
Jaguh pantun Yang Berhormat Air Putih,
Sila bangun tanyakan soalan.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): *Dok dang jawab lagi tu.* [Sambil ketawa]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya nak *test* je tu. [Sambil ketawa]

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Burung tempua terbang berdua,
Singgah berasmara di atas batu,
Terima kasih Dato' Yang di-Pertua,
Soalan saya nombor satu

Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 meletakkan sasaran jumlah pengeluaran padi sehingga 60% untuk menjamin bekalan makanan kepada Negeri Terengganu pada tahun 2023. Berapakah peratus pencapaian yang telah dicapai dan adakah ukuran sasaran dalam pelan strategik relevan dengan keadaan pandemik pada hari ini?

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, pertanian *dok sempat nak prepare* pantun fikirkan rakyat *dok* cukup makanan. [Sambil ketawa] Dari segi SSL (*self sufficient level*), kadar cukup sara diri padi di Negeri Terengganu saya buat sedikit unjuran, okay. 2018 SSL kita 43%, 2019 *alhamdulillah* meningkat kepada 48.63%, 2020 meningkat lagi kepada 52%, 2021 meningkat kepada 54%. Sasaran kita untuk 2022 56% dan penutup kepada Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 *insya-Allah* kita mampu mencapai berdasarkan unjuran semasa SSL sehingga 59%. Kiranya kurang 1% daripada sasaran awal untuk mencapai 60% SSL padi di Negeri Terengganu. Ia suatu sasaran yang realistik berdasarkan kepada pelbagai sekatan dan situasi pandemik yang kita lalui bersama dan Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 adalah *relevan* dengan situasi semasa. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya yang pertama: Apakah langkah-

langkah berterusan diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan SSL padi di Terengganu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, bagi terus mempertingkatkan SSL padi di Negeri Terengganu kita ada beberapa sasaran. Yang pertama, Kerajaan Negeri komited untuk mengekalkan kawasan sawah padi yang sedia ada sebagai zon pertanian. Permohonan untuk tukar guna syarat tanah daripada pertanian kepada syarat-syarat lain terutamanya kawasan yang berada dalam kawasan pertanian aktif biasanya tidak dipertimbangkan walaupun kita memahami keperluan dari segi pertambahan penduduk, keperluan penempatan dan pembangunan tapi seboleh-bolehnya komitmen daripada Kerajaan Negeri supaya kita tidak korbakan kawasan tanah yang menjadi sumber bekalan makanan kita. Yang kedua, kita juga komited untuk membuka kawasan sawah padi baru dan dia mula menunjukkan beberapa kejayaan di antaranya bagi musim pengeluaran padi 2021 ada peningkatan di beberapa daerah seperti Dungun dengan 0 metrik tan pengeluaran padi pada 2020. Pada tahun 2021 telah berjaya menyumbang 66 metrik tan. Kemaman juga 0 metrik tan pada tahun 2020, *alhamdulillah* telah berjaya menyumbang 127 metrik tan pada tahun 2021. Hulu Terengganu menunjukkan peningkatan tertinggi daripada 289 metrik tan pada tahun 2020 kepada 439 metrik tan 2021 dan Besut kekal sebagai penyumbang utama SSL padi Negeri Terengganu sebanyak 25,967 metrik tan pada musim 2021 berbanding 22,863 metrik tan pada tahun 2020. Satu lagi strategi kita ialah kita cuba tingkatkan pengeluaran per hektar, kalau kawasan yang mengeluarkan 2 tan per hektar kita sasarkan untuk naikkan jadi 3 tan, yang dah 3 tan naik jadi 4 ataupun 5 tan dan kita pernah ada di kawasan jelapang padi IADA KETARA di Besut sehingga pengeluaran 10 tan per hektar. Maknanya ia tidak mustahil. Ini diboleh dicapai dengan kita menaikkan taraf dan menyelenggara infra. Dalam masa yang sama program-program untuk mempertingkatkan kesuburan tanah perlu diteruskan daripada semasa ke semasa. Dalam masa yang sama juga kita nak supaya padi daripada Negeri Terengganu ini jangan lagi di hantar untuk di proses di negeri lain sebagaimana sebelum daripada ini. Kerana itulah kita bekerja keras bersama Kerajaan Persekutuan dan pelbagai agensi untuk mencukupkan jumlah kilang padi di Terengganu. Sekarang ini kita ada lima kilang padi yang aktif di Terengganu. Yang pertama di kilang padi milik BERNAS di Bukit Kenak di Jertih, yang kedua kilang konsortium Lembaga Pertubuhan Peladang di Baruh Masin, di Besut. Ada dua kilang milik swasta di Kampung Kerandang di Jabi dan juga sebuah kilang

milik swasta di Bukit Kor di Marang yang dikira mencukupi untuk keperluan kira-kira 12,000 hektar sawah padi di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan daripada Wakil Aji telahpun dijawab tadi. Jadi sekarang saya persilakan Wakil Kemasik.

YANG BERTAMBAH HORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Bertambah Hormat Dato' Yang di-Pertua soalan Kemasik nombor dua-

Apakah platform yang digunakan serta kelebihan/keistimewaan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membolehkan pembangunan industri minyak dan gas sama ada segmen hulu atau hiliran yang dirancang dan bakal dibangunkan terutama oleh pihak PETRONAS akan menjadikan kawasan perindustrian minyak dan gas Kertih sebagai lokasi utama pemilihan?

YANG AMAT BERTAMBAH HORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Bertambah Hormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kemasik di atas persoalan tentang platform yang digunakan serta kelebihan atau keistimewaan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membolehkan pembangunan industri minyak dan gas sama ada *upstream* atau *downstream* dengan izin akan menjadikan kawasan perindustrian minyak dan gas Kertih sebagai lokasi pemilihan utama. Platform yang digunakan Kerajaan Negeri dalam memanfaatkan industri petroleum termasuk sektor hiliran bagi kepentingan rakyat negeri Terengganu adalah melalui *Terengganu Petroleum Council* (TPC) dan Jawatankuasa Kerja bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan PETRONAS atau *Joint Working Committee* (JWC) manakala keistimewaan ataupun kelebihan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membolehkan kawasan industri minyak dan gas terus menjadi lokasi pilihan kepada pemain industri terutama PETRONAS. Yang pertama adalah mengukuhkan kerjasama strategik dengan Petronas melalui platform yang saya sebutkan tadi. Yang kedua menambah baik kawasan industri berdekatan dengan Kompleks Kimia Bersepadu Kerteh (KIPC) atau Taman Biopolimer Kerteh seperti supaya menyokong pengembangan industri minyak dan gas. Yang ketiga menyediakan tenaga berkemahiran tinggi terutamanya di kalangan rakyat Terengganu dengan memperkasa institusi latihan kendalian Kerajaan Negeri agar memenuhi kehendak industri minyak dan gas dan yang keempat menambah baik proses

penilaian pelaburan khusus bagi industri ini agar lebih mesra dengan kehendak pelaburan industri ini bagi pengembangan segmen hulu dan hiliran. Terima Kasih.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan pertama, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua: Apakah pelaburan baharu yang telah atau berpotensi dibawa masuk untuk mengisi atau memenuhi Kawasan KIPC dan Taman Biopolimer Kerteh?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Kemasik di atas soalan tambahan. Fokus kepada KIPC dan Taman Biopolimer Kerteh ini antara pelaburan pelaburan baharu telah dan berpotensi untuk dibawa masuk adalah merangkumi yang pertama industri yang berkaitan dengan industri besi dan logam bukan *ferus* atau *non ferus metal* dengan izin seperti *cooper*, *zink* dan sebagainya. Yang kedua teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* dengan izin, yang ketiga adalah industri petrokimia, yang keempat kajian dan penyelidikan atau R&D dengan izin yang kelima tenaga elektrik dan elektronik dan yang terakhir adalah pembuatan mesin dan alatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan tambahan kedua: Sebagaimana semua maklum Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian untuk pembangunan KTIP. Apakah pula tindakan ataupun insentif serta keistimewaan yang ditawarkan oleh Kerajaan bagi memastikan penyertaan pelabur-pelabur yang terbaik masuk dalam menjayakan pembangunan KTIP ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Kemasik. Memang antara ketika berdepan dengan COVID-19 ini adalah untuk mendapatkan para pelabur yang *komited* untuk melabur di negeri Terengganu atau dalam negara kita. Walaupun begitu terdapat pelbagai insentif yang ditawarkan kepada pelabur-pelabur berdasarkan kepada pakej sedia ada yang disediakan oleh antaranya oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Timur atau ECERDC dan *Malaysian Investment Development Authority* atau MIDA mengikut jenis aktiviti yang dijalankan. Ada perbezaan sedikit di antara pelbagai sektor umpamanya sektor pembuatan di mana terdapat pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% atau 100% untuk tempoh 10 atau 15 tahun bergantung kepada jenis servis ataupun jenis industri, atau produk, elau cukai

pelaburan sehingga 100% bertempoh lima tahun, pengecualian duti setem berkaitan pengambilalihan tanah dan bangunan itu contoh-contoh kluster pembuatan dan bagi kluster lain ada pembahagian yang tertentu. Tetapi dalam masa yang sama antara cabaran terbesar yang selalu kita hadapi di kalangan pelabur ialah proses untuk mendapatkan kelulusan di peringkat awal dan sehingga kilang itu didirikan. Oleh kerana itu pihak Kerajaan Negeri akan mewujudkan Jawatankuasa *Fast Track* atau *Green Lean* dengan izin yang akan bertindak sebagai pemantau dan membantu dari segi mendapatkan kelulusan yang cepat daripada pihak PBT bagi sesuatu permohonan agar pelaburan oleh pihak pelabur dapat dijalankan dengan kadar yang segera. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya menjemput ADUN Wanita untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita):

وَبَرَكَاتُهُ اللَّهُ وَرَحْمَةُكَ السَّلَامُ

Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua soalan saya soalan pertama-

Kebanyakan permohonan bantuan menetapkan syarat umur ialah 21 tahun. Selepas Kerajaan mengumumkan umur pengundi ialah 18 tahun, adakah syarat lama masih terpakai atau telah dikurangkan kepada 18 tahun, terutamanya pemohon bantuan pinjaman di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada ADUN Wanita yang bertanyakan berkenaan dengan usahawan muda kalau maghfurnya ada di situ selepas Kerajaan mengumumkan undi ataupun umur pengundi 18 tahun adakah syarat lama masih terpakai atau telah dikurangkan kepada 18 tahun terutamanya pada pemohon bantuan pinjaman di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan pengumuman Kerajaan Malaysia berkait pindaan had mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun

maka keseluruhan syarat lama di Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPUT) yang melibatkan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan kepada usahawan telah dipinda kepada 18 tahun termasuk permohonan pembiayaan. Langkah segera ini diambil bagi memastikan ramai belia-belia Terengganu dapat menceburkan diri dalam dunia keusahawanan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Terima kasih. Soalan tambahan saya yang pertama: Sebenarnya saya sangat teruja apabila belia ataupun beliawanis kita menceburi bidang keusahawanan. Jadi sehingga kini apakah *success story* dengan izin yang telah dicapai oleh Yayasan Pembangunan Usahawan yang berkaitan dengan golongan usahawan muda dan yang boleh kita kongsi pada hari ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih ADUN Wanita. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kalau di Yayasan Pembangunan Usahawan perkara yang *dihightkan* diketengahkan untuk golongan muda ini yang boleh saya kongsi dalam Dewan yang mulia ini adalah dua *signature* kita iaitu yang disebut sebagai UBES dan U-GATES. U-GATES adalah usahawan graduan Terengganu Sejahtera dan UBES adalah usahawan belia Terengganu Sejahtera. Kedua-dua ini adalah dikhususkan kepada golongan muda yang baru menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Hendak dikongsi sedikit *success story* yang ada melalui laporan yang telah kita war-warkan adalah jumlah keberjayaan dalam program ini yang saya rasa boleh kita banggakan, antaranya adalah kalau U-GATES untuk *batch* pertama, peratus kejayaan adalah 98% di mana 39 daripada 40 orang telah berjaya mencapai jualan keseluruhan RM1.7 juta setahun dan telah melahirkan seramai 38 peluang pekerjaan.

Dan *insya-Allah* untuk U-GATES pada tahun 2022 ini, kita telah merangka untuk mengadakan seramai 90 orang graduan yang akan dipilih dan akan menyertai program U-GATES dengan 3 *batch* pengambilan *insya-Allah*. Kalau dari segi *success story* di UBES pula, UBES pada tahun pertama *batch* pertama, peratus kejayaan adalah 83% iaitu 25 peserta telah berjaya daripada 30 orang peserta keseluruhannya setiap *batch*. Setiap *batch* yang di ambil dan jumlah jualan sebanyak RM1.03 juta setahun dan telah melahirkan 70 peluang pekerjaan. Dan bagi *batch* kedua, UBES yang masih dalam pemantauan kita seramai 40 peserta

telah dilatih dan seramai 38 peserta telah berjaya sebagai usahawan. Sebanyak 70 peluang pekerjaan diwujudkan di bawah program ini.

Dan untuk tahun 2022 ini, seramai 120 orang, peningkatan lagi jumlah yang kita sasarkan untuk kita latih untuk menjadi usahawan akan dipilih untuk menyertai program ini dengan pengambilan sebanyak 3 *batch*. Maknanya, 40 orang satu *batch*. Kalau U-GATES tadi, 30 orang satu *batch*, kita ada 3 *batch* 90 orang, *insya-Allah* untuk tahun 2022 untuk UBES seramai 40 orang satu *batch* dengan 3 *batch* seramai 120 orang, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pencerahan, okey. Soalan tambahan saya kedua: Okey, sekiranya belia atau beliawanis kita tidak terpilih untuk menyertai U-GATES ataupun UBES. Apakah insentif ataupun dana-dana lain yang disediakan oleh pihak YPU untuk membantu mereka menjana pendapatan, bantu mereka untuk memulakan perniagaan, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih ADUN Wanita. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di dalam Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) kita meletakkan keutamaan kita kepada anak-anak muda menceburkan diri dalam bidang keusahawanan ini. Sesuai dengan hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang ingin menjadikan bidang keusahawanan ini sebagai satu daripada kerjaya rakyat Negeri Terengganu. Kita tidak mahu orang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan ini menjadi pilihan terakhir kepada kerjaya mereka. Dia *dah* cuba *interview*, cari pekerjaan di peringkat swasta dan kerajaan, *dah* gagal semua *tu* barulah *divert* ataupun beralih arah ke keusahawanan. Jadi kita ingin menjadikan ianya satu kerjaya di peringkat anak-anak muda. Sudah barang pastilah di dalam bantuan pada yang tidak terpilih dengan UBES dan U-GATES tadi, kita mempunyai ruang yang banyak untuk golongan muda ini mendapatkan berbentuk bimbingan, berbentuk dana bantuan dan juga geran yang kita kemukakan. Jadi saya sangat berharap ramai anak-anak muda kita datang ke Yayasan Pembangunan Usahawan untuk mendapatkan penjelasan yang *details* ataupun yang terperinci berkenaan dengan perkara-perkara peluang-peluang seperti ini, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian,

saya tangguhkan sementara persidangan kita dan disambungkan semula pada pukul 11.05.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.35 PAGI

PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita menyambung Perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan, saya nak berikan sedikit peringatan, iaitu walaupun kita berada di dalam Dewan ini, yang kita adalah kebal, *immune* untuk bercakap apa saja melainkan perkara-perkara yang telah disentuh ataupun dilarang dalam *Standing Orders* kita tetapi sebagaimana yang saya sebutkan di dalam ucapan di awal sidang, kita mahu menjadikan Dewan Negeri kita ini lebih islamik, berasaskan kepada Undang-Undang Tubuh ataupun Undang-Undang Diri bagi Kerajaan Terengganu iaitu *Itqan Al-Muluk Bi Ta'Dil As-Suluk* supaya asas islamik yang telah dilakukan itu. Kita sebagai Ahli Dewan Negeri perlu bergerak ke arah itu. Tugas saya sebagai *Speaker* selain daripada melancarkan persidangan dan juga supaya mengikut *Standing Orders*, saya juga perlu beri ingatan dan juga nasihat kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang pertamanya saya nak sebutkan ialah, walau apa pun yang kita bercakap, yang kita nak bahaskan apabila diberi peluang, apa yang penting ialah kita membawa cerita yang benar, kita membawa fakta yang benar macam Nabi kata *قل الحق ولو كان مر*. Berkata benarlah walaupun pahit, *Say the truth eventhough it is bitter*. Ini sangat penting. Sebagaimana juga peringatan dalam Quran di dalam Suratul Hujurat ayat yang ke-6, sangat jelas memberikan satu peringatan kepada kita supaya asas kebenaran itu sangat penting. Apabila Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menyebutkan:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ
تَلِيمِينَ

Suatu peringatan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* supaya kita orang Islam menjadikan sebagai satu sempadan Apabila Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menyebutkan ayat tadi,

"wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang yang fasiq membawa satu berita, maka selidikilah, tabayyun untuk menentukan kebenarannya supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum, sesuatu golongan dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehinggalah menjadikan kamu menyesal apa yang telah kamu lakukan."

Jadi perkara-perkara seumpama inilah menjadi perhatian saya. Apa pun yang kita nak bercakap di dalam Dewan ini mesti berasaskan kebenaran dan jugak berdasarkan kepada fakta. Jadi sebagaimana yang saya janjikan, saya nak sambung perbahasan ini dengan menjemput Wakil ADUN Wanita. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker *sedor dok* rakan kita dari awal lagi *takdok sorang*. Yang Berhormat Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Sedor*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ye maklum *doh?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dah maklum.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Or* sebab kelmarin YB Bukit Besi *takdok*, Dato' Speaker kata *dok kabor*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: YB Bukit Besi sebab *dok* maklum lebih awal.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hor* ye, betul lah

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: YB Ladang dia maklumkan lebih awal.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hor*, tu saya tanya takut *dok sedor*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Sedor, sedor*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Sedor-sedor takdok*. Hilang *sorang* kita *dok sedor*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Setakat ini masih *sedor* lagi lah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Okey terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasihlah atas peringatan. Sila ADUN Wanita. 15 minit.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua Jabatan, para media serta hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dalam sesi Perbahasan Menjunjung Kasih Titah Tuanku al-Sultan sempena Sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu Kali Keempat Belas Penggal Kelima. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang kekal cemerlang mengurus tadbir kerajaan dengan melaksanakan pelbagai agenda dan program ke arah merealisasikan "Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera". Di kesempatan ini, saya ingin menarik beberapa perkara yang akan saya tekankan dalam perbahasan saya di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Modul Pemberdayaan Komuniti Suri Rumah PITAS. Saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa peratus komuniti suri rumah di Terengganu mencatat angka 53% di mana peratusannya lebih tinggi berbanding dengan wanita yang berkerjaya. Di sini dapat kita lihat betapa golongan suri rumah ini perlu disantuni dan dibantu agar institusi kekeluargaan yang harmoni dapat diwujudkan sekaligus komuniti suri rumah ini dapat turut menyumbang kepada kemajuan negeri. Para suri rumah harus didedahkan dengan ilmu kemandirian agar lebih bersedia sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini seperti perceraian ataupun kematian suami. Ditambah pula mutakhir ini, ramai suri rumah yang diabaikan nafkah sehingga membawa kepada risiko masalah kesihatan mental. Untuk makluman ahli sidang, Pemberdayaan Komuniti Suri Rumah adalah mercu tanda PITAS 2020 di bawah Teras Strategik yang ketujuh iaitu Keterangkuman Kebajikan Rakyat dan Peningkatan Keberdayaan Wanita.

Suka saya kongsi di sini, objektif modul yang merangkumi pembinaan komuniti suri rumah Terengganu yang beragama, yang berkeadilan, yang bermasyarakat. Selain itu, modul ini bakal didedahkan dengan peluang untuk mempunyai pendapatan sendiri. Modul ini juga memberi pendedahan kepada komuniti suri rumah Terengganu tentang kepentingan pembangunan psikologi diri dan keluarga serta bijak bersosial dan bermasyarakat di samping berkemahiran dalam aspek keibubapaan. Justeru itu, di kesempatan ini saya ingin mencadangkan kepada semua pihak agar memberi sokongan dalam usaha menjayakan Modul Pemberdayaan Komuniti Suri Rumah ini. Usaha ini diharapkan dapat mentransisikan suri rumah ke arah yang lebih kompeten dengan tahap kemandirian yang lebih tinggi.

Di sisi lain pula, bagi memantapkan lagi aplikasi modul ini kepada golongan lelaki yang merupakan ketua keluarga, saya ingin mencadangkan agar elemen kesedaran dan tanggungjawab para suami dalam menguruskan rumah tangga dimasukkan dalam siri teks khutbah solat Jumaat. Selain itu juga, diharapkan Kerajaan dapat meneliti cadangan caruman PERKESO kepada suri rumah yang pernah saya lontarkan dalam sidang yang lepas. Besar harapan saya agar pihak Kerajaan mengambil tindakan sewajarnya agar golongan suri rumah ini terjamin dan lebih terbela.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyentuh isu pelaksanaan *hiwalah*. Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan

Kehakiman Syariah Malaysia sentiasa menjunjung tinggi prinsip keadilan dan kepatuhan kepada rukun *syara'* bagi membela dan memperkukuh institusi kekeluargaan. Dalam melaksanakan perkara tersebut, Kerajaan akan mengambil segala langkah yang perlu bagi memastikan setiap yang berhak akan menerima haknya seperti yang termaktub dalam rukun syariat Islam. Bagi memastikan hak nafkah dan *mut'ah* bekas isteri serta anak-anak tidak diabaikan oleh bekas suami, Mahkamah Syariah akan menguatkuasakan perintah *hiwalah* iaitu melaksanakan pemindahan wang atau hak milikan melalui akaun bank atau institusi kewangan bekas suami yang culas dalam pemberian nafkah untuk digunakan bagi melunaskan tuntutan nafkahnya. Dan secara teorinya, kaedah ini memang sangat bagus untuk membantu mengurangkan atau menyelesaikan masalah nafkah tertunggak. Namun, untuk pengetahuan semua hadirin, proses *hiwalah* ini agak sulit dilaksanakan lantaran kesukaran untuk mendapatkan maklumat pihak suami daripada institusi kewangan. Suka saya mencadangkan agar kaedah *hiwalah* ini mendapat perhatian pihak yang terlibat dan memohon agar prosesnya dipermudahkan. Oleh itu, menjadi peranan kerajaan untuk memastikan keadilan tertegak untuk wanita khususnya di Negeri Terengganu. Antara program yang dicadangkan ialah pentingnya sebaran Ilmu Literasi Undang-Undang sehingga ke peringkat akar umbi serta menyebarkan luas maklumat melalui media cetak dan media elektronik. Perintah *hiwalah* bukan *lah* semata-mata ingin menghukum bekas suami namun bersifat mendidik supaya para suami tidak mengambil ringan perihal nafkah dan menjadi lebih bertanggungjawab. Dengan adanya perintah *hiwalah*, nasib isteri dan anak-anak lebih terbela. *Insyaa-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya menyentuh penglibatan 30% wanita sebagai pengubah dasar dalam pembangunan khususnya dari segi bidang sosial dan dalam bidang politik. Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan dasar mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita sebagai pembuat keputusan di sektor awam pada tahun 2004 dan manakala di sektor swasta pada tahun 2011. Jawatan peringkat pembuat keputusan di sektor perkhidmatan awam di peringkat pusat iaitu Gred Utama C dan ke atas yang dipegang oleh golongan wanita berjaya melebihi sasaran iaitu 38.2%. sebaliknya di Negeri Terengganu pula, golongan wanita yang memegang jawatan utama belum mencapai sasaran 30%. Saya difahamkan ada syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) masih belum melantik wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Hal yang sama juga terjadi dalam sektor swasta apabila hanya 25.8% keanggotaan wanita sebagai Ahli Lembaga

Pengarah di seratus syarikat teratas yang tersenarai awam iaitu *Public Listed Company*, dengan izin. Dan sektor politik pula, Ahli Parlimen Wanita di Dewan Rakyat hanyalah 15% iaitu 33 daripada 220 orang dan di Dewan Negara pula sebanyak 15% iaitu 8 daripada 53 orang. Di Dewan Undangan Negeri Terengganu, boleh kira. Berdasarkan indeks jurang *gender* Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun lalu, terdapat jurang *gender* yang agak ketara antara lelaki dan wanita dalam penyertaan politik iaitu dengan skor 0.108 daripada 1.0 skor penuh lebih untuk mencapai angka yang diinginkan. Sudah pasti perlu ada persekitaran yang menyokong penglibatan wanita secara aktif bermula daripada memupuk minat melalui latihan dan pendidikan sehingga kepada usaha menghapuskan segala bentuk diskriminasi yang menghalang wanita berkecimpung dalam kepimpinan mahupun politik.

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Imran, ayat ke 195 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang yang beramal daripada kalangan kamu sama ada kamu lelaki ataupun perempuan kerana kamu adalah setengahnya yang lain."

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa tidak ada diskriminasi antara *gender*. Kedua-duanya berhak mendapat keistimewaan yang berketetapan, selari dengan fitrah masing-masing. Saya juga berpandangan bahawa Program Kepekaan *Gender* memainkan peranan penting dalam memberikan kefahaman berhubung kepentingan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan termasuklah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Negara sekaligus Ahli Parlimen dan pendirian saya tetap konsisten untuk melihat penglibatan sekurang-kurangnya 30% wanita adalah penggubal dasar dalam Kerajaan Negeri disambut dan disokong oleh pelbagai pihak.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada cadangan penubuhan Pusat Pemurniaan Akidah dan Akhlak, Baitul Iman, bagi pesalah wanita di Negeri Terengganu. Merujuk kepada peruntukan Seksyen 66, penempatan Pusat Pemulihan atau Rumah diluluskan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 menyatakan bahawa Majlis boleh melalui pemberitahuan dalam Warta Penempatan menetapkan mana-mana tempat atau institusi menjadi Pusat Pemulihan atau Rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini. Merujuk kepada Peruntukan Seksyen 97(2)(b), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu memperuntukkan Mahkamah Syariah

boleh memerintahkan pesalah ditahan di suatu rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis selama tempoh tidak melebihi 6 bulan. Namun, sehingga kini, masih belum ada mana-mana pusat ataupun rumah yang diluluskan bagi maksud Enakmen Negeri Terengganu sekarang dan usaha untuk menambah kefahaman, maksudnya beginilah, kalau *nak* bagi faham, sekiranya Mahkamah Syariah Terengganu memutuskan pesalah dikenakan tahanan di Pusat Pemulihan atau Rumah diluluskan pada hari ini, pesalah-pesalah tersebut dihantar ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ihsan, Sabak Bernam bagi wanita, manakala bagi pesalah lelaki pula, mereka akan dihantar ke Baitul Iman, Hulu Yam, Selangor sebab *takdoknya* rumah pemulihan akhlak atau Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Terengganu ini. Jadi, kedua-dua pusat ini telah dipersetujui antara MAIDAM dan MAIS (Majlis Agama Islam Selangor) untuk menempatkan pesalah ataupun pelatih di sana dengan kos yang ditanggung oleh MAIDAM dengan kadar RM7,080.00 bagi tempoh 6 bulan untuk seorang pelatih. MAIDAM menggunakan peruntukan '*fi al-riqab*'. Untuk pengetahuan semua, kebanyakan kes kesalahan yang dihantar ke sana adalah melibatkan kesalahan khalwat, persediaan persetubuhan luar nikah, minum minuman yang memabukkan dan lelaki berlagak perempuan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Negeri Terengganu di bawah Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Ustaz Haji Satiful Bahari Mamat, bercadang untuk membina Pusat Pemulihan Akhlak dan Akidah di Marang. Setinggi tahniah dan syabas saya ucapkan. Saya mencadangkan agar pusat tersebut turut membawa fungsi sebagai Pusat Kemurnian Akidah dan Akhlak untuk pesalah wanita dengan cadangan nama Baitul Iman dan juga perlu disegerakan. Antara rasional mengapa perlunya pusat ini diwujudkan di Terengganu ialah kerana pesalah wanita akan ditempatkan di Pusat Pemulihan yang terletak di Selangor, yang sudah pasti akan memakan masa perjalanan yang panjang dan jarak yang jauh, serta pesalah juga terpaksa dimasukkan ke lokap sebelum dibawa ke Pusat Pemulihan. Di samping itu, pesalah berhadapan dengan risiko kemalangan jalan raya kerana melibatkan pengangkutan darat dan selain itu juga kita dapat menjimatkan kos pengurusan dan sebagainya. Saya yakin dan percaya kerajaan akan menyediakan Modul Pemantapan Akidah dan Akhlak yang terbaik untuk pesalah wanita setelah beroperasinya pusat ini di Terengganu kelak. Pastinya, kerajaan sentiasa peka untuk mencari solusi terbaik bagi menyelesaikan masalah rakyat dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, cadangan saya seterusnya ialah keterlibatan wanita dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik ataupun STEM. Satu data daripada Pertubuhan Pendidikan Sainifik dan juga Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bahawa lebih 70% penyelidik dalam STEM adalah lelaki manakala wanita pula kurang daripada 30%. Begitu juga di peringkat Pengajian Tinggi, direkodkan hanya 30% pelajar perempuan memilih untuk menceburi bidang STEM ini berbanding dengan golongan lelaki. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan penghargaan, setinggi tahniah kepada Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) yang juga merangkap Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Amzad bin Hashim atas beberapa inisiatif yang telah digerakkan bagi meningkatkan keterlibatan kaum hawa dalam bidang ini antaranya termasuklah melalui penganjuran Minggu Sains Negara yang bertemakan *Women in Science 2021* dengan izin, yang melibatkan lebih 73,000 wanita yang terlibat dalam program tersebut. Saya mencadangkan agar pihak Kerajaan memanfaatkan kewujudan Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT) dengan merangka program-program yang bersesuaian yang mana kumpulan fokusnya adalah wanita dengan mengambil model daripada MOSTI yang turut diaplikasikan di PSKT. Saya mohon masa tambahan dalam seminit ataupun dua minit, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terus... terus.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Saya teguh dengan pendirian.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kalau orang perempuan *dok* berapa *nok* tegur...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dialah satu-satunya wanita dalam Dewan Undangan ini.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya faham tapi jangan *double standard*. Faham? Kalau orang lelaki dua tiga kali tegur kalau orang perempuan sekali *habuk dok* tegur.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Masya-Allah [gelak]*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya ambil gambar tengok...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok* betul Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Cara Dato' Yang di-Pertua tengok pun lain macam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Masya-Allah [gelak]*

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya sokong Batu Rakit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *[gelak]* Teruskan...teruskan.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Saya teguh dengan pendirian saya sepertimana yang telah dilontarkan pada sidang yang lalu, tentang perlunya wujud usaha untuk menarik wanita untuk menceburi bidang STEM. Mereka ini wajar mendapat galakkan serta diberi bimbingan sebagai pemangkin untuk menceburi bidang ini. Sebenarnya saya tertarik dengan satu cadangan ataupun sekarang apa yang telah dilaksanakan oleh British Council dengan izin, yang menawarkan biasiswa kepada wanita yang menyambung pelajaran ataupun pengajian dalam bidang STEM dan juga suka saya mencadangkan agar satu intensif khas diberikan untuk wanita Terengganu yang menceburi bidang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memandangkan Wakil Batu Rakit tidak mengizinkan saya walaupun Yang Berhormat mengizinkan...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya setuju tapi saya tegur Dato' Yang di-Pertua *je*. Lima minit lagi *takpe*.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Oh, setuju dengan saya, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya setuju.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Okey [gelak] Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua yang masih teguh memberi kepercayaan kepada saya untuk memikul tugas sebagai ADUN Wanita. Semoga segala gerak kerja pentadbiran serta cekap dan telus dengan membawa budaya politik matang dan sejahtera dibawah naungan Tuanku Sultan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dengan lafaz rafak dan takzim, Wanita Menjunjung Kasih Titah Tuanku Al-Sultan.

اِنَّهُدَايَةٌ وَّ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ التَّوْفِيقُ وَالْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada ADUN Wanita. Kita sambung lagi. Siapa yang ingin turut sama berbahas? Saya terpendang Bukit Besi dulu. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan serta pemerhati dan rakan-rakan media yang berada di luar sana. Saya ingin memulakan ucapan perbahasan saya pada hari ini dengan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Terengganu yang mengajak kita semua untuk sentiasa bekerjasama bagi membangun dan memajukan negeri Terengganu yang tercinta ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin merakam ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sekali lagi pada tahun ini mengumunkan pemberian wang ehsan yang diasaskan Kerajaan Barisan Nasional dahulu yang telah dijenamakan semula dengan nama i-Fitri. Walau apa pun jenama yang diberikan kepada setiap pemberian untuk faedah dan kebajikan rakyat, kami akan sentiasa menyokong. Bagaimanapun pada kesempatan ini, saya ingin melontarkan cadangan kepada Kerajaan Negeri agar melakukan penambahbaikan terhadap pemberian i-Fitri ini agar ia dapat membantu lebih banyak rakyat. Namun pun i-Fitri bermaksud satu pemberian yang bersifat membantu, meraikan dan bukan kebajikan semata-mata. Justeru itu, saya

mencadangkan agar Kerajaan Negeri tidak mengenakan syarat-syarat yang terlalu ketat kepada pemohon bagi mendapatkan pemberian yang saya anggap juga sebagai imbuhan kepada rakyat. Bagi saya jangan terlalu mengikat rakyat dengan syarat-syarat yang ketat sehingga akhirnya pemberian imbuhan itu tidak mencapai matlamat. Saya juga mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengambil kira pendapatan bersih rakyat sebagai antara syarat untuk mendapatkan imbuhan tersebut. Maksud saya, kita jangan melihat gaji kasar mereka di atas slip semata-mata kerana ada di kalangan mereka yang di atas kertas memang gajinya tinggi tetapi disebabkan banyaknya komitmen maka gaji bersih mereka menjadi kurang. Jika benarlah Kerajaan Negeri ingin meringankan bebanan rakyat, perkara ini mesti diberikan perhatian.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mengesyorkan mengenai kajian impak, mengenai keadaan semasa yang berlaku sejak kebelakangan ini. Melalui kajian ini, saya sangat yakin ia akan dapat membantu Kerajaan Negeri dalam merangka serta merancang strategi bagi menghadapi masa depan yang dilihat semakin mencabar. Apatah lagi kesan penularan COVID-19 yang dapatnya cukup serius di seluruh dunia yang telah memberi kesan terhadap pelbagai sektor pertanian, pelancongan dan sebagainya. Dengan pengumuman Kerajaan mengenai pembukaan sempadan negara mulai 1 April nanti, ia sudah tentu menuntut kepada strategi baharu Kerajaan bagi berhadapan dengan keadaan semasa yang lebih mencabar. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar cadangan impak ini akan menggabungkan pelbagai tenaga pakar agar idea-idea mereka dapat kita gunakan bagi membuah hasil kajian yang terbaik untuk negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan juga menyeru agar rakyat memainkan peranan aktif dalam membantu memberikan input dalam tadbir urus Kerajaan Negeri dalam merangka dasar mereka. Ini adalah satu kaedah yang sangat tepat kerana kebersamaan dalam membentuk muafakat antara rakyat dan kerajaan adalah sangat penting sebenarnya. Jika saya boleh katakan bahawa inilah yang dilakukan Kerajaan Barisan Nasional dahulu, yang sentiasa mendengar suara akar umbi, kerana rakyat yang mempunyai kepelbagaian latar belakang, pasti mempunyai idea ataupun input yang baik dan sempurna. Kami dahulu sentiasa bertemu dengan pelbagai lapisan golongan rakyat. Tetapi malangnya tadbir urus Kerajaan Negeri pada ketika itu sentiasa diganggu dengan suara-suara politik yang sangat tidak

berasas. Sebagai pemimpin parti yang berpengalaman dan berprinsip, saya ingin menyatakan bahawa kami turut bersedia untuk menyumbang idea tenaga bagi membantu Kerajaan Negeri demi masa depan Negeri Terengganu kita ini *insya-Allah*. Dan Kerajaan Negeri pula janganlah malu atau segan untuk menggunakan kebolehan dan kepakaran kami untuk membantu Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, meskipun kita sedang menuju ke arah endemik wabak COVID-19, namun kita tidak boleh berada dalam keselesaan. Kerana apa yang bakal berlaku pada waktu mendatang tidaklah kita ketahui. Justeru itu saya ingin mengingatkan kepada Kerajaan Negeri dan kita semua tidak mudah lalai dengan keadaan sekarang yang seolah-olah kita semakin hari semakin bebas daripada wabak tersebut. Betul, *varian* Omicron yang sedang menular dengan hebatnya tidak membawa kesan sampingan yang teruk tetapi apa yang wajar kita fikirkan apakah kita akan ada lagi *varian-varian* baharu yang lebih mengancam selepas ini. Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan agar setiap fasiliti kesihatan perlulah sentiasa bersedia dengan apa juga kemungkinan manakala bagi rakyat pula jangan terlalu seronok dengan keadaan sekarang. Sejujurnya, saya sedih dan terkilan apabila masih ramai lagi di kalangan kita yang mulai melonggarkan pematuhan terhadap *SOP* yang ditetapkan. Pekerja-pekerja di premis makanan misalnya begitu ramai yang memakai *mask* di bawah dagu dan ada pula yang tidak memakai. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar Pihak Berkuasa Kesihatan perlu berterusan mengadakan operasi untuk bagi memantau masalah ini kerana dibiarkan ia mendedahkan masyarakat kepada jangkitan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai perkembangan politik semasa kerana kita adalah orang politik dan kita semua berada sini juga adalah disebabkan politik. Pada fikiran saya berasaskan kepada perkembangan yang berlaku ketika ini Pilihan Raya Umum (PRU) sudah sangatlah hampir menjadi kenyataan. Malah mungkin juga ini merupakan Sidang Dewan Undangan Negeri yang terakhir sebelum PRU ke-15. Bagaimana pun PAS Terengganu telah awal-awal lagi menyatakan bahawa mereka tidak akan membubarkan Dewan Undangan Negeri bersama dengan pembubaran parlimen agar PRU ke-15 diadakan secara bersama sebagaimana sebelum ini. Bagi kami di barisan pembangkang tidak mahu membubarkan DUN mungkin juga membawa kelebihan kepada kami tetapi sebagai pendokong demokrasi kami tidaklah mahu begitu. Saya tidak pasti apakah alasan yang Kerajaan

Negeri pimpinan PAS mengambil keputusan tersebut. Mungkin PAS takut dengan gelombang-gelombang kebangkitan dan kesedaran rakyat kita yang mahu kembali kepada Kerajaan Barisan Nasional yang lebih berpengalaman dan berkebolehan dalam membangun serta memajukan negeri. Bagaimanapun, terserahlah kepada mereka rakyat lebih berhak menilai mengenai perkara tersebut. Namun percayalah bahawa rakyat Terengganu kini sebenarnya tidak sabar untuk melihat pilihan raya berlaku. Ramai juga yang tertanya-tanya mengenai masa depan Muafakat Nasional sama ada di Terengganu ataupun di peringkat Pusat. Malah terdapat pimpinan tertentu sungguh galak membuat pelbagai mengenai nasib Muafakat Nasional dengan memberikan pelbagai gambaran yang negatif kepada kami. Sukacita saya ingin mengumumkan bahawa yang mengambil keputusan untuk meninggalkan UMNO ini adalah menyertai Perikatan Nasional adalah sahabat kita dari PAS. Tetapi pada waktu yang sama mereka mahu Muafakat Nasional bak kata ramai orang bermain banyak kolam. Saya tidak mahu mengulas mengenai pendedahan seorang bekas pemimpin kanan PAS mengenai keputusan menyertai Perikatan Nasional tetapi apa yang hendak saya sampaikan ialah jika kamu lari daripada kami mengapa kami pula mahu disalahkan. Di Terengganu pemimpin kami telah menyatakan pendirian yang sangat tegas mengenai Muafakat Nasional, dan kita semua adalah sedia maklum mengenainya.

Dagang pak malau Dagang merempat
Dagang hamba membujur lalu
Jangan pandang UMNO tak kuat
Nanti tuan mendapat malu

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dengan pembukaan sempadan mulai 1 April nanti sudah tentu memberi impak banyak kelebihan kepada sektor ekonomi dan pelancongan Terengganu kerana sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa Terengganu adalah antara destinasi pelancongan menarik di negara kita. Pelancongan di pulau-pulau peranginan misalnya yang menjadi antara penyumbang utama di Negeri Terengganu, lumpuh selepas aktiviti terhenti sejak setahun lalu. Diharapkan pada tahun 2022, diharapkan memberikan sinar kepada kira-kira 3,000 penggiat pelancongan terutama di Pulau Perhentian, Redang, Kapas yang terjejas teruk sebelum ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ringkaskan Yang Berhormat, masa dah cukup. Buat ringkasan.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Saya ingin juga melahirkan rasa sedih dan dukacita mengenai kebersihan di Terengganu sejak kebelakangan ini. Sebagai Wakil Rakyat Negeri Terengganu, saya sangat terkilan dengan keadaan tersebut apabila ditanya mengenai perkara tersebut oleh sahabat-sahabat yang berkunjung ke sini. Saya tidak tahu di mana silapnya tetapi itulah hakikatnya yang berlaku. Apalah guna bercakap berdegar-degar, kononnya kitalah yang hebat tetapi pada waktu yang sama kita gagal memastikan kebersihan. Akhir sekali saya nak bagi pantun satu Dato' Yang di-Pertua.

Mendungnya langit beratnya awan
Tadahnya tempayan hujan disukat
Hanya Barisan Nasional parti berpengalaman
Memaju Negeri memakmurkan rakyat

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bukit Besi turut menyokong. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Bukit Besi. Saya jemput Wakil Ajil.

YANG BERTHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الحمد لله الذي لم يلد ولم يولد، ولم يكن له كفوا أحد
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ
قال الله تعالى في كتابه الكريم
الذين إذا أصابتهم مصيبة قالوا إنا لله وإنا إليه راجعون
صدق الله العظيم

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-Pegawai Kerajaan dan semua yang memerhatikan sidang Dewan Undangan Negeri pada kali ini. Pertama sekali saya panjatkan rasa syukur kehadiran Allah *Ta'ala* kerana diberi kesempatan untuk kita meneruskan perbahasan dalam suasana dewan yang sangat harmoni, dan pada pagi ini saya ingin meneruskan perbahasan percakapan

sahabat-sahabat daripada Sura, Telemong dan beberapa orang sahabat berkenaan dengan banjir. *Insyah-Allah* saya akan meneruskan perbahasan ini, *nok* cerita hal banjir sahaja rasanya, kerana banjir yang berlaku pada kali ini meninggalkan kesan yang sangat *paroh* kepada struktur sosial dan juga ekonomi penduduk khususnya di Hulu Terengganu, meranapkan kalau tidak 100% pun hampir 100%, meranapkan tempat-tempat menarik untuk industri pelancongan khususnya di Belukar Bukit dan juga Pengkalan Rengas di Menerong. Merosakkan infrastruktur dan juga kesan yang paling besarnya ialah kepada sektor pendidikan, kalau di kawasan saya di Ajil itu, ada tujuh buah sekolah di Hulu Berang, hanya sebuah sekolah sahaja yang tidak terkesan dengan banjir iaitu SK Beris dan paling teruk adalah SK Lubuk Periuk dan juga SK Betong, di Telemong, SK Tapah dan juga SK Sungai Berua, dan banjir yang berlaku baru ini juga menyerlahkan kepada kita semua sikap dan hati budi rakyat Malaysia yang saya boleh letakkan satu *standard* rakyat Malaysia ini sangat prihatin terhadap kesusahan yang dialami oleh rakan-rakan kita sama ada yang berlaku di Johor, yang berlaku di Selangor, seluruh negara pergi bantu dan baru ini kita dapat lihat bagaimana orang luar daripada Terengganu datang membantu rakyat Terengganu sebagai Satu Keluarga Malaysia dan bertepatan dengan Tema Hari Kebangsaan, Malaysia Prihatin. Saya merakamkan penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhinggalah bagi warga Hulu Terengganu kepada semua pihak khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu yang telah menghadiahkan sebuah rumah kepada mangsa yang rumahnya ranap di Kampung Belukar Bukit dan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, EXCO-EXCO serta rakan-rakan YB dan juga Agensi-Agensi Kerajaan. Kalau Wakaf Mempelam, EXCO kita Wakaf Mempelam ini, hari-hari pergi ke Hulu Terengganu. Sekejap pergi Ajil, sekejap pergi Telemong dan sekejap pergi Kuala Berang sehingga saya terfikir adakah itu satu strategi nak menambahkan Wakaf *se* lagi di Hulu Terengganu [*ketawa*] harap-harap kalau jadi pun *takdok* masalah, dan kita lihat bagaimana NGO di seluruh Malaysia yang kalau nak sebut *prabis* memang *banyak*. Saya sangat berterima kasih kepada Yayasan Taqwa dari Kuala Lumpur yang menyumbangkan sejumlah barangan dan juga wang yang banyak, dan NGO Semarak di bawah PAS Perak, SUK Pahang, UBSNT, Muzium Negeri Terengganu yang banyak juga menyumbang, Yayasan Amal, Unit Amal Terengganu, Syarikat-Syarikat Kerajaan Negeri, Terengganu Inc., Golden Pharos, EPIC, TI Properties, PPSB, dan istimewa sekali saya rasa, orang Hulu Terengganu hari itu boleh makan masakan hotel daripada PB Hotel, terima kasih *Chairman* PB Hotel. Daun selasih ikan puyu, terima kasih *thank you*.

Dan juga saya merakam terima kasih yang tidak teringgalah kepada pengkalan hadapan, barisan hadapan dalam operasi banjir terutamanya PDRM, BOMBA, Pejabat Daerah, Majlis Daerah dan teristimewa Angkatan Pertahanan Awam khususnya yang terbabas bersama saya dalam lori masa operasi menghantar bantuan makanan di Kampung Lebok. APM yang bersama dengan saya itu adalah skuad daripada Kuala Lumpur, mereka datang semata-mata untuk membantu kita di Terengganu. Terima kasih yang sangat tidak terhingga dan kesan banjir juga khususnya di Hulu Berang telah merencanakan sebagaimana yang saya sebut diawal tadi industri pelancongan apabila kawasan pelancongan di Belukar Bukit, kawasan pelancongan di Betong yang terkenal dengan *Flight Fishing*, dengan izin ataupun ikan terbang ataupun disebut ikan sikang jangan *saloh sebut tu* bukan ikan singgang, ikan sikang yang sangat menarik perhatian pelancong-pelancong daripada luar negara. Jadi kita mengharapkan ada perancangan daripada pihak Kerajaan khususnya daripada Jabatan Pelancongan dan EXCO pelancongan untuk memulihara dan juga membaik pulih kawasan-kawasan pelancongan yang merupakan satu daripada sumber ekonomi hiliran kepada penduduk tempatan, dan kesan banjir baru ini juga telah merosakkan, telah menyebabkan satu jumlah yang besar rumah-rumah penduduk kampung yang rosak di Telemong, di DUN Telemong, DUN Yang Berhormat Dato' Rozi, 35 buah rumah yang terkesan banjir yang rosak, di Ajil ada 32 rumah dan di Kuala Berang hanya ada sebuah rumah sahaja yang rosak. Kuala Berang ini dia kawasan bandar, kawasan Dr Mamad jadi dia orang-orang kaya *bangkali* rumah dia *gagoh-gagoh* jadi banyak *hok* selamatlah dan keadaan rumah ini perlu diperbaiki segera dan saya telah pun bersama dengan sahabat-sahabat daripada Persatuan Prihatin Anak Watan Terengganu sebuah NGO di Terengganu berpakat telah mengadakan satu perancangan untuk baiki rumah ini secara kami bekal barang dan NGO Prihatin hantar tukang secara sukarela tanpa upah dan kita terima kasih, saya merakam terima kasih kepada penderma-penderma terutama daripada syarikat-syarikat besar milik Kerajaan Negeri yang menyumbang sejumlah wang yang banyak dan *insya-Allah* lepas ini mungkin ada lagi sumbangan wang untuk membaiki rumah dan juga daripada Kerajaan Negeri.

Kesan banjir ini saya rasa perlu diberi fokus berkenaan dengan faktor-faktor dan kesan-kesan banjir yang berlaku yang nampak agak luar biasa, luar daripada kebiasaannya. Kajian perlu dibuat kepada beberapa sekolah seperti Sekolah Kebangsaan Lubuk Periuk yang memang setiap tahun, dua tiga kali,

Lubuk Periuk ini kawasan yang sangat rendah sekolahnya dan kita telah pun mencadangkan kepada Kementerian untuk sama ada membina bangunan-bangunan baru yang lebih tinggi ataupun memindah lokasi sekolah tersebut ke tempat yang lebih selamat untuk mengelak daripada berlakunya gangguan kepada sistem Pendidikan. Saban tahun, dua tiga empat kali setahun yang mengganggu aliran sistem pendidikan dan juga merosakkan perkakas-perkakas pendidikan, alatan-alatan pejabat, buku-buku pelajar dan sebagainya.

Juga saya mengharapkan kajian daripada pihak Kerajaan sama ada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri untuk menaik taraf jalan-jalan daripada Kampung Machang ke Kampung Felde Mengkawang dan juga Kampung Betong yang sentiasa dinaiki air yang menyebabkan sepertimana yang berlaku kepada sekolah, hampir setiap kali berlaku banjir, pelajar-pelajar *tak* boleh *gi* sekolah kerana jalan dinaiki air. Jadi sama ada kita cadangkan Kerajaan menaik taraf jalan-jalan yang terlibat khususnya menghala ke Felde Mengkawang dan juga berkemungkinan membina satu jajaran baru, laluan yang lebih selamat untuk bukan sahaja menyelamatkan sektor pendidikan bahkan sektor ekonomi kerana di Hulu Berang, kita ada dua Felde iaitu Felde Mengkawang dan juga Felde Tersat dan Felcra Betong serta ladang-ladang sawit perseorangan yang memang terganggu setiap kali berlakunya musim banjir.

Kadang-kadang buah duduk atas lori *doh*, nak *gi* hantar kilang tersadai *tak* boleh nak hantar kerana laluan tersekat dan kadang-kadang lebih malang lagi seperti di Kampung Betong dan Belukar Bukit, ketiga-tiga laluan alternatif juga tersekat. Saya ingin sekali lagi, satu perkara lagi menarik perhatian daripada pihak Kerajaan khususnya melalui JKR untuk mempercepatkan proses pembinaan jambatan baru di Kampung Belukar Bukit, di Kampung Belukar Bukit itu, jambatan tak rosak. Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun sudah turun melihatnya, kepala jambatan yang runtuh, *rebih*, jadi saya *dah* beberapa kali berbincang dengan EXCO Infra dan juga dengan JKR untuk membina satu laluan sementara sama ada bentuk untuk jalan kaki dan motor ataupun mungkin bina satu jambatan *bailey bridge* dengan izin, ataupun apa-apa sahaja dalam bentuk yang boleh menghubungkan di antara Kampung Belukar Bukit ke Kampung Betong sebab pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Betong, yang ramainya daripada Kampung Belukar Bukit jarak daripada Kampung Belukar Bukit ke sekolah lebih kurang 1.5 kilometer tetapi oleh kerana terputus hubungan sekarang ini pelajar-pelajar sekolah akan pergi ke Sekolah Kebangsaan Betong dengan melalui jalan alternatif lebih kurang 25 kilometer.

Jadi ini merupakan satu gangguan kepada sistem pendidikan apatah lagi kebanyakan pelajar baru ini, pakaian sekolah, peralatan sekolah, buku-buku sekolah, habis ranap musnah dengan banjir dan kita telah pun menyelesaikan beberapa sekolah termasuklah Sekolah Kebangsaan Betong, hampir pelajar dia 72 orang, hampir semua telah dibantu dengan bantuan sebuah NGO, peralatan sekolah, baju sekolah, pakaian sekolah telah pun dilengkapi. Cuma untuk beberapa sekolah lain lagi, kita masih lagi dalam proses untuk membantu pelajar-pelajar yang di mana peralatan pembelajaran mereka musnah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ringkaskan Yang Berhormat, masa Yang Berhormat dah cukup.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Ringkas cerita saya menyokong, menjunjung kasih, Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan terima kasih di atas semua sokongan daripada semua pihak.

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Ajil, sekarang saya persilakan Wakil Air Putih, sila.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pengamal media, seterusnya para pemerhati sekalian. *Alhamdulillah* setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di atas kurnia-Nya dapat kita semua berada Dewan yang mulia ini, Penggal Kali Kelima, Dewan Undangan Negeri Kali Keempat Belas 2022. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Air Putih merakamkan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyampaikan Titah Ucapan DiRaja mengenai Dasar-Dasar Kerajaan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat

Menteri Besar sempena pembukaan Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Kali Keempat Belas.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada kepimpinan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar atas kejayaan cemerlang dan mentadbir negeri sepanjang lebih kurang empat tahun, khususnya dalam melaksanakan janji-janji yang terdapat dalam manifesto PRU ke-14 yang lalu. Kini Kerajaan telah berjaya melaksanakan hampir 90% daripada janji-janji dalam manifesto pilihan raya yang lepas dan *insya-Allah* saya sangat optimis bahawa baki lagi akan dapat dilaksanakan sepenuhnya, *insya-Allah* dalam tempoh yang masih ada ini. Kita mengalu-alukan sokongan semua pihak kepada Kerajaan yang ada pada hari ini tanpa was-was lagi untuk terus membangun bersama slogan Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, suasana keharmonian kehidupan rakyat di awal tahun 2022 digarap indah oleh Kerajaan selepas penularan wabak COVID-19 yang dijangka reda ke arah keadaan hidup bertambah selesa. Program untuk rakyat terjejas dengan COVID-19 baru-baru ini sedang rancak ditangani melalui beberapa Agensi Kerajaan di bidang seperti bidang Pertanian, para Usahawan oleh YPU dengan pelbagai pinjaman, geran dan pelbagai lagi demi meningkatkan, memulihkan ekonomi rakyat khususnya ke atas isi rumah yang berpendapatan rendah B40 dan berpendapatan sederhana M40. Dan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada menyarankan supaya pihak Kerajaan sentiasa memberi perhatian sepenuhnya kepada golongan yang terkesan dengan penularan COVID-19 yang terkesan dengan kenaikan harga barang makanan yang kian meningkat. Di mana seramai 985 orang miskin tegar dan 26,526 orang adalah golongan miskin. Namun begitu, suasana harmoni ini bertukar suram dan muram akibat musibah banjir di luar musim dan luar biasa besarnya tiba-tiba berlaku melibatkan daerah Kemaman, Hulu Terengganu dan beberapa daerah lagi. Kita baru sahaja reda dengan banjir Monsun Timur Laut di akhir tahun 2021, tiga bulan lepas. *Alhamdulillah* musibah ini dapat ditangani dengan baik oleh kerajaan dan pihak-pihak berkaitan. Saya mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada semua yang terlibat kerajaan, agensi bukan kerajaan, NGO yang sama berganding bahu membantu mangsa yang terkesan. *Alhamdulillah*, bantuan demi bantuan datang mencurah-curah menyantuni mangsa banjir sehingga sekarang.

Pokok peria naik junjung,
Tumbuh merata di hujung tanjung,
Tiba derita rakyat di kampung,
Derita rakyat Kerajaan tanggung.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, merenung kembali apa yang berlaku di kawasan saya, Air Putih misalnya. Tidak peliklah dengan Air Putih sinonim dengan banjir dan ianya menjadi penanda aras banjir di kawasan Kemaman. Kawasan dilanda banjir luar musim pada tahun ini merupakan kawasan yang tidak pernah dilanda banjir. Ini disebabkan oleh beberapa perkara yang biasa-biasa tetapi ia menjadi banjir luar biasa. Suatu ketika kawasan ini ditanam pertanian padi secara besar-besaran dan ada saluran paip tali air untuk aliran air ke kawasan sawah padi itu. Oleh kerana beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan, rakyat tidak lagi menanam padi dan mereka telah mengubah kepada tanaman pisang, nenas dan kolam ikan air tawar. Terdapat beberapa saluran tali air untuk mengalirkan air ke sawah padi suatu ketika dahulu. Tetapi sekarang saluran air itu masih ada dan pintu air keluar masuk masih lagi ada. Kemudian satu aliran sungai untuk menolak mengeluarkan mengalir air ke sungai, anak sungai ni yang menyebabkan berlakunya banjir luar biasa di kawasan tersebut. Saya melihat, saya telah membuat tinjauan bersama masyarakat setempat bahawasanya banjir berlaku disebabkan oleh dua faktor. Yang pertama faktor saluran air, yang kedua itu tidak diselenggara dengan baik. Hampir 80% anak sungai tidak dibersihkan. Dan yang kedua pintu masuk air ke saluran air yang diguna untuk padi dulu tidak diselenggara dengan baik. Saya merayu kepada pihak yang terlibat supaya tindakan segera dapat diambil membersihkan kawasan sungai yang menyebabkan banjir berlaku dan pintu keluar masuk air di saluran air yang ada di tempat tersebut iaitu di Kampung Darat, Sungai Buaya, Kampung Teladas Air Putih.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya mewakili penduduk Kampung Air Putih Teladas mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana meluangkan sedikit masa bersama rakyat setempat di Kampung Air Putih Teladas meninjau suasana pasca banjir baru-baru ini. Kegembiraan penduduk terserlah apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar turun memberi sedikit bantuan dan melahirkan rasa simpati terhadap kesusahan dialami oleh rakyat.

Anak-anak bermain guli,
Main guli tepi perigi,
Terima kasih Dato' Seri,
Kalau boleh datang, datanglah lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Titah Baginda ada menyentuh tentang negara demokrasi di mana demokrasi adalah memberi peluang kepada rakyat memilih iaitu dengan menyertai proses demokrasi secara jujur, secara luhur dan terhormat. Tepat sekali di mana negara kita akan memasuki era baru, era politik di mana anak-anak muda seawal usia 18 tahun diberi hak mengundi dalam PRU yang akan datang. Perlu diingat juga bahawa anak-anak muda seawal ini telah diberi peluang menentukan siapa yang akan mereka pilih memimpin sesebuah kerajaan. Kita semua sedia maklum bahawa negeri dan negara akan maju dan sejahtera apabila rakyatnya mempunyai nilai-nilai insan dan jati diri yang baik. Tanpa dua elemen tersebut, negeri dan negara terdedah kepada ketidakstabilan masyarakat, gejala sosial, penyelewengan dan salahguna kuasa. Peningkatan kes jenayah akan berleluasa. Bagaimana anak-anak muda dapat menentukan perjalanan demokrasi berparlimen berjalan dengan baik sekiranya mereka tidak didedah dengan ilmu dan maklumat.

Justeru saya mencadangkan agar kerajaan mengadakan Kem-Kem Jati Diri atau mengadakan kursus-kursus Pembinaan Insan yang berjadual untuk memantapkan pembinaan sahsiah rohani dan emosi rakyat terutamanya kepada anak-anak muda lepasan SPM. Penekanan kepada penyempurnaan solat, tuntutan solat berjemaah di surau dan di masjid hendaklah ditekankan agar terbentuk budaya mencintai masjid di kalangan anak muda dan rakyat jelata. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Air Putih merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Terengganu khususnya kepada EXCO Pertanian kerana telah memberi bantuan peralatan pertanian kepada masyarakat bandar yang miskin semasa musim COVID-19 baru-baru ini, kerana membekalkan peralatan hidroponik, pasu-pasu, baja dan benih keperluan pertanian sara diri penduduk bandar. Model ini model dan kaedah yang sama ini boleh dilaksanakan secara lebih tersasar kepada anak-anak negeri yang ingin menceburi bidang pertanian dan penternakan demi menjana ekonomi mereka. Tahniah dan terima kasih EXCO Pertanian.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, menyelami keluhan setengah orang muda atau belia yang belum mendapat pekerjaan, sudah tentu mereka ini memerlukan kenderaan asas untuk ulang alik ke tempat kerja dan sebagainya. Mereka kesempitan untuk mendapatkan RM4,000.00 atau RM6,000.00 untuk membeli kenderaan motosikal ini. Institut-institut kewangan seperti bank belum lagi ada menyediakan pinjaman islamik untuk pembelian motosikal. Sudah pasti mereka ini membeli motosikal cara berhutang dan dibayar secara bulanan. Pinjaman sebegini sudah pasti terlibat dengan amalan riba. Justeru itu Air Putih mencadangkan agar Kerajaan mengadakan Skim Pinjaman Khas tanpa riba kepada peminjam pinjaman maksimum RM6,000.00/RM5,000.00 untuk pembelian motosikal kepada mereka pemuda dengan syarat-syarat yang munasabah. Dengan skim ini kita dapat menghindarkan pemuda kita dari perangkap riba. Firman Allah *Ta'ala* dalam surah Al-Baqarah ayat 278-280 bermaksud,

"Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan tinggallah riba yang belum dipungut, jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak meninggalkan sisa riba maka ketahuilah Allah dan RasulNya akan memerangi kamu"

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mengakhiri perbahasan saya pada pagi ini, saya mengambil pendekatan yang dibuat oleh Bukit Besi tadi dengan membaca pantun

Pari-pari terbang ke hulu
Melihat projek zaman dahulu
Negerinya aman rakyat bersatu
Kerajaan pimpinan PAS bertambah maju

Ke Kedai Payang beli baju
Baju dibeli bersama bahu
Kerajaan PAS bertambah maju
Maju daripada Kerajaan BN dulu

Ikan selayang ikan cencaru
Dimasak bersama ikan kerapu
Maju daripada Kerajaan BN dahulu
Rakyat susah dibantu selalu

Merayap rayap si ulat bulu
 Merayap masuk di dalam budu
 Rakyat susah dibantu selalu
 Sokongan kepada Kerajaan PAS tetap padu

Terbang kelulut mencari madu
 Mari hinggap di atas batu
 Sokongan rakyat kepada Kerajaan tetap padu
 Kerajaan bersih lagi bermutu

Pak Uteh menjaja susu
 Susu dijaja merata-rata
 Kerajaan bersih lagi bermutu
 Terengganu Maju Berkat Sejahtera

Air Putih mohon menyokong titah Tuanku.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Wakil Air Putih dengan pantun-pantunnya. Sekarang saya mempersilakan Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil Jabatan serta rakan-rakan media yang dihormati serta dikasihi sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kerana memberi ruang dan peluang kepada saya. Jadi yang pertama sekali saya nak minta Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua beri ruang sedikit kepada saya sebab 3 soalan saya tidak boleh dijawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tidak dijawab itu ada alasannya Yang Berhormat. Tetapi masa memang kita kena jaga.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik. Jadi saya akan rangkum soalan-soalan saya itu dalam perbahasan ini. Sembah kasih atas Titah Tuanku. Titah Tuanku boleh dijadikan panduan kepada Kerajaan Negeri untuk merancang dengan lebih teliti dan lebih bersedia dalam menghadapi kesan ketidaktentuan ekonomi masa hadapan dengan berlakunya peperangan senjata antara Rusia dan Ukraine dan kemudian tambahan pula dengan apa-apa yang berlaku banjir dan sebagainya, dan ini juga akan memberikan kesan yang sangat besar kepada rakyat kita. Jadi hari ini saya bercadang untuk memfokuskan perbahasan saya ini kepada langkah-langkah untuk mengurangi kos sara hidup rakyat kerana saya berpendapat bahawa perancangan dan pengubalan Dasar Kerajaan Negeri mestilah menjurus kepada pengurangan kos sara hidup rakyat di mana ianya memberi manfaat ke atas kualiti kehidupan yang lebih baik buat semua rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, langkah-langkah yang perlu diambil ini perlu menjurus kepada dua matlamat utama iaitu meningkatkan pendapatan rakyat dan mengurangkan kos perbelanjaan rakyat. Dalam langkah pertama, meningkatkan pendapatan rakyat, Kerajaan Negeri telah mensasarkan 20,000 peluang pekerjaan baru kepada anak negeri dalam tempoh 4 tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam Manifesto Pilihan Raya yang lalu. Harapan saya agar Kerajaan Negeri akan berjaya dalam mencapai unjuran tersebut. Namun pihak Kerajaan Negeri sudah pastinya tidak akan berupaya menyediakan peluang pekerjaan ini di jabatan-jabatan Kerajaan. Sudah pastinya kebergantungan kepada pihak swasta termasuk anak-anak syarikat Kerajaan Negeri untuk menyediakan peluang kerajaan yang banyak tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri perlu menambah baik lagi dasar pelaburan sedia ada supaya pelabur lebih berminat untuk melabur di negeri ini berbanding di negeri-negeri yang lain. Insentif-insentif pelaburan yang lebih baik, seperti harga tapak kilang dan lain-lain prasarana mestilah lebih baik keadaannya dari negeri-negeri lain. Untuk merealisasikan perkara ini, ia memerlukan tenaga kerja yang berpengalaman, berpengetahuan dan mesra pelabur di unit ataupun jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk menarik pelabur ke negeri ini. Merujuk kepada Titah Tuanku berhubung Kerajaan Negeri akan menjadikan Revolusi Perindustrian keempat ataupun dengan izin *Industrial Revolution 4.0* sebagai pemacu, patik menjunjung kasih di atas keperihatinan Tuanku berhubung perkara ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat

sekalian, dalam perbahasan pembentangan Bajet Negeri 2022 yang lepas, saya telah pun mencadangkan agar Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada peluang-peluang pekerjaan di bidang teknologi baru dan berpendapatan tinggi yang mulai muncul selaras dengan Revolusi Perindustrian keempat. Selaras dengan Titah Tuanku berhubung penemuan pelbagai teknologi baru yang kompleks seperti automasi, *internet of things*, *big data*, *advance analytics* dan penggunaan robotik sudah pastinya ini akan membuka lebih banyak ruang dan peluang di bidang pekerjaan teknologi baru dan berpendapatan tinggi kepada rakyat. Dalam Titah Tuanku juga ada menyatakan bahawa status pelaksanaan terkini projek ECRL telah mencapai tahap 25.76%. Jadi dalam soal ini, saya ingin juga mendapatkan pencerahan daripada Kerajaan Negeri, apakah status pengambilan balik tanah telah selesai? Kerana saya difahamkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu yang bermesyuarat kali ke 32 tahun 2020 pada 11 November 2020 telah membuat keputusan supaya proses pengambilan balik tanah dan proses permohonan kebenaran merancang ditangguhkan buat sementara waktu. Kenapa dan atas alasan apakah keputusan penangguhan ini dibuat sedangkan projek ini sangat penting kepada perkembangan ekonomi Negeri untuk jangka panjang. Apakah keputusan MMKN tersebut kini telah dibatalkan? Minta penjelasan daripada pihak Kerajaan. Semasa menyaksikan Majlis menandatangani perjanjian persefahaman MOU Pembentukan Konsortium antara Ahmad Zaki Sdn Bhd dengan GPQ Sdn Bhd, MMC Engineering Sdn Bhd dan P Excel Management Sdn Bhd pada 2 September 2020, Menteri Besar Terengganu Yang Amat Berhormat Dato' Seri telah mensasarkan 40% atau sekitar RM3 hingga 4 bilion nilai projek dikhaskan untuk kontraktor tempatan Negeri Terengganu. Saya menggesa Kerajaan Negeri memaklumkan sejauh mana penglibatan kontraktor tempatan dalam projek ECRL terutamanya kontraktor yang berdaftar dengan Dewan Perniagaan Negeri Terengganu. Apakah sasaran yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tercapai? Juga apakah status terkini MOU Konsortium antara Ahmad Zaki Sdn Bhd dengan GPQ Sdn Bhd, MMC Engineering Sdn Bhd dan P Excel Management Sdn Bhd tersebut? Apakah Konsortium tersebut berjaya menjadi payung kepada syarikat tempatan atau sudah berkubur setelah pengharapan menggunung dicanangkan kepada rakyat? Harap Kerajaan dapat memberi pencerahan. Pelaksanaan projek ECRL ini, memang akan memberi kesan yang amat positif atau sebagai *spill over benefit* di sepanjang jajaran landasan ini. Jadi saya haraplah Kerajaan Negeri memandang serius tentang projek ini dan sepatutnya memberikan sepenuhnya manfaat kepada rakyat.

Langkah kedua, mengurangkan kos perbelanjaan rakyat. Saya mencadangkan beberapa tindakan yang perlu Kerajaan Negeri lakukan yang pada pandangan saya ianya berhubung kait dengan langkah mengurangkan kos perbelanjaan rakyat dalam sektor-sektor yang akan saya nyatakan di sini. Pertama sekali sector pertanian saya bersetuju sangat dengan pandangan rakan-rakan kita yang menyentuh tentang pertanian ini. Dalam Titah Tuanku agar dilaksanakan kajian impak atau dengan izin *impact assessment* bagi menghasilkan cadangan-cadangan khusus mengurangkan impak langsung ke atas isi rumah yang berpendapatan rendah (B40) dan yang berpendapatan sederhana (M40). Sehubungan dengan itu, saya berharap Kerajaan Negeri akan buat kajian impak agar kita boleh memastikan bahawa dalam pembentangan bajet baru-baru ini tumpuan yang diberikan kepada sektor pertanian yang bernilai tinggi seperti tembikai, cili, timun, pisang dan seumpamanya dapat kita laksanakan lebih-lebih lagi dengan keadaan keluasan tanah kita yang terhad, rakyat boleh menggunakan kawasan sekitar kediaman mereka untuk memulakan projek pertanian bagi menjana pendapatan dan ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber makanan dari pasaran kerana sekarang ini pun kita dapat maklum bahawa sekarang harga sayur sendiri pun sudah semakin mahal. Jadi sekurang-kurangnya dengan pelaksanaan yang saya sebut dalam Sidang Bajet tempoh hari itu kalau dilaksanakan sekurang-kurangnya dapat mengurangkan bebanan Kerajaan. Lain-lain langkah dalam sektor pertanian yang boleh dilaksanakan adalah seperti mengurangkan kos pengeluaran bahan-bahan mentah kepada industri pemakanan, pertanian, perikanan dan penternakan seperti penghasilan makanan binatang ternakan yang lebih murah dengan memperluas ladang-ladang ragut, mewujudkan kilang-kilang pemprosesan makanan ternakan, mewujudkan pusat pembekalan *input* pertanian seperti baja, penghasilan benih mahupun anak-anak pokok dan seumpamanya. Saya juga nak mencadangkan supaya kita perbanyakkan lagi ladang-ladang penternakan seperti penternakan lembu, ayam, itik yang perlu dibuat secara lebih besar dalam berskala yang besar. Saya pun rasa malu juga Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, bila baru-baru ini dalam surat khabar ada tercatat Terengganu tiada telur. Ini bahaya Dato' Yang Di-Pertua. Jadi kita perlu buat sesuatu...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Telur apa Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ya, Dato'?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Telur apa?

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Telur ayam *la tu* tapi cara dia buat *tu* macam kita *tak dok* telur pulok, bahaya tu Dato' *speaker*. [*Sambil ketawa*] Jadi dengan itu saya berharaplah Kerajaan Negeri akan memandang perkara ini sebagai satu perkara yang serius. Jadi kerana itu perlu kita memperbanyakkan lagi seperti yang saya sebut ladang ternakan, mewujudkan pusat pemprosesan dan pemasaran bekalan daging dan ayam, mewujudkan pusat pengeluaran dan pembiakan benih ikan, udang secara komersial dan selain daripada itu saya juga berharap Kerajaan Negeri juga boleh terlibat secara serius dalam sektor tenaga. Tenaga elektrik boleh berbincang dengan pihak TNB untuk mengurangkan kos penggunaan bekalan tenaga elektrik kepada rakyat Terengganu dan kemudian juga boleh berbincang dengan pihak PETRONAS untuk mendapatkan bekalan gas yang lebih murah kepada pelabur dan juga kepada rakyat negeri. Dalam sektor komunikasi, kita perlu mengadakan kerjasama pihak swasta untuk melengkapkan jajaran jalur lebar yang ada dengan fasiliti *telecommunication tower* dengan izin yang lebih banyak dan meluas untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pembekal-pembekal telekomunikasi dan meminta pihak yang berkenaan mengenakan kos minima kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan tersebut di negeri ini atas kerjasama Kerajaan Negeri.

Saya juga nak mohon supaya Kerajaan Negeri melihat balik berkait dengan kesihatan iaitu Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin kerana saya difahamkan hospital ini hanya menyediakan 200 katil pesakit berbanding cadangan awal adalah 400 katil. Jadi saya mohon Kerajaan Negeri kalau betul-betul bahawa hanya 200 dan 200 lagi kita tidak dapat maklumat agar Kerajaan Negeri mendesak pihak Kerajaan Pusat menunaikan janji seperti mana yang dicadangkan dahulu. Saya juga menerima banyak keluhan pesakit di Hospital Pakar Kuala Terengganu anak syarikat Kerajaan Negeri, TDM Berhad berhubung caj atau bayaran ubatan yang dikenakan kepada pesakit. Kalau bolehlah saya mohon kepada Kerajaan Negeri terutama dari segi ubatan kalau boleh biarlah harga ubatan di hospital kita ini dicaj lebih murah kalau berbanding farmasi luar. Ini sedikit sebanyak akan dapat kita nak membantu

rakyat kita dan akhirnya ada dua perkara yang ingin saya sentuh di sini ialah berkaitan dengan i-Fitri...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, minta laluan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya *dok dang dah ni*. Kalau *dok*, kalau Yang Di-Pertua setuju tambah sikit masa saya *takpe*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan sikit *je...*

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sebab saya cukup-cukup *dah ni*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan sikit *je...*

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Boleh tambah sikit masa saya Dato' Yang Di-Pertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, sila...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kanda Seberang Takir. Ini berkaitan tentang soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ADUN Kijallah *mareng* dulu. Saya pun *check-check* tanya pegawai *dok* tahu *belaka*. Ramai pegawai tu 2016 *ni* pencen *belaka*. Takut Yang Berhormat... apa pernah jadi Menteri Besar masa tu ada sedikit makluman yang berkaitan apa RM25 juta lagi daripada Kerajaan Pusat beri RM70 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): *Ni* lain daripada perbincangan saya *ni* Dato' Yang Di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dia buat pencelahan. Ada maklumat jawab..

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi begini cerita dia berkait dengan Taman Ilmu yang sebenarnya, kenapa Kerajaan Negeri bersetuju membuat penyelesaian di luar mahkamah dulu adalah kerana pada ketika itu KPT (Kementerian Pengajaran Tinggi) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM70 juta untuk membaiki dan juga menaik taraf yang diberi di bawah ASWARA kerana di situ Kementerian Pengajaran Tinggi telah bersetuju menubuhkan kampus ASWARA di Taman Ilmu. Jadi diluluskan sebanyak RM70 juta, jadi dengan syarat Kerajaan Negeri boleh selesaikan dulu apa sahaja permasalahan yang ada pada ketika itu. Jadi kerana itu maka Kerajaan Negeri berbincang dengan pihak POSC-TI untuk menyelesaikan kalau tidak kita akan terlepas dengan RM peruntukan KPT dan Taman Ilmu kita juga tidak akan dapat diwujudkan kampus ASWARA di situ. Jadi sebagai untuk kita nak menyelamatkan kampus ataupun Taman Ilmu ini maka Kerajaan Negeri berunding dengan POSC-TI dan kerana itu jugalah maka Kerajaan Negeri membayar dengan menggunakan duit Kerajaan Negeri sebanyak RM45 juta. Jadi kemudian selepas itu sempatlah pihak KPT mengadakan perasmian dan penubuhan Universiti ASWARA tetapi kebetulan pada ketika itu duit RM70 juta itu belum lagi diturunkan kepada kerana masa itu adalah urusan untuk menyerahkan duit itu adalah nak digunakan untuk pembaikan, untuk menaik taraf, jadi yang itu diuruskan oleh pihak KPT, tapi dalam masa yang sama berlakunya pilihan raya, jadi bila berlaku pilihan raya maka bertukar Kerajaan dan Kerajaan yang baru telah menarik balik kelulusan tersebut dan RM70 juta itu tidak diberi kepada Kerajaan Negeri. Kerana itu saya pohonlah kepada pihak Kerajaan Negeri kerana sebenarnya kelulusan itu sudah ada sebanyak RM70 juta dan juga pelancaran ASWARA pun sudah dibuat jadi kalau bolehlah pihak Kerajaan Negeri menuntut semula RM70 juta itu dan memastikan Kampus ASWARA itu dapat diteruskan dan saya rasa itu adalah salah satu cara untuk kita nak menyelamatkan Taman Ilmu itu. Saya rasa jelas penjelasan saya. Eh... jelas dah tu *dok?*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab apa

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi *dok* timbul baki RM25 juta sebab yang RM45 juta tu dibayar oleh duit Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Makna Kerajaan Terengganu tak dapat lagilah yang RM70 juta.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang RM70 juta kita *tak* dapat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang janji Menteri tu ada bertulis ke macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ada... Yang *tu* kena berurusan dengan pihak... Saya rasa Kerajaan Negeri berurusanlah dengan pihak UPEN *tu*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab saya pernah dengarlah maklum balas apa...

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): *Dok* dia sampai tahap...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Menteri KPT ketika itu bekas Ahli Parlimen Besut. *Ye* kata *ni dok* berkait dengan Kerajaan Pusat, hanya berkait dengan Kerajaan Negeri sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): *Tu* kena rujuk baliklah sebab sehinggakan pada ketika itu kita telah melancarkan ataupun telah ada perasmian Kampus ASWARA pada ketika itu. Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sama-sama.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Boleh saya terus?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tambah satu minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tambah seminit? Saya ada dua perkara *nak* sebut *ni*. Saya diganggu dua tiga empat minit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa pun...

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Cuma saya *nak* sambung sedikitlah berkait dengan i-fitri sebab ada rayuan Yang Berhormat Dato' Seri dan juga Kerajaan berkait dengan syarat keenam dan ketujuh jadi saya kira sepatutnya tak perlu ada syarat beginilah. Yang penting adalah sesiapa sahaja rakyat Terengganu yang mempunyai pendapatan RM2,500.00, RM1,000.00 hingga RM5,000.00 atau RM 2,500.00 ke bawah tidak kira/ah dia sama ada dia penjawat awam ataupun dia kontraktor yang berdaftar kalau dapat dibuktikan ataupun dinyatakan bahawa pendapatan mereka dalam lingkungan tersebut sepatutnya diberi/ah kerana mereka pun dalam keadaan sekarang ini semua seorang dalam keadaan kepayahan walaupun penjawat awam kalau setakat buruh hari ini dia pun susah tiba-tiba dia tak dapat orang lain dapat jadi saya rasa perkara ini harus dipertimbangkan. Dan yang akhir sekali saya mohon juga Kerajaan Negeri dapat membuat pencerahan berkait dengan hutang ataupun pinjaman projek LPT 2 yang asalnya RM1.85 billion. Saya nak tahu apakah status terkini bayaran balik hutang atau pinjaman kerana masa Barisan Nasional memerintah dahulu Kerajaan Pusat telah membuat bayaran dalam bentuk pembinaan jalan di Kijal sebanyak RM180 juta dan Projek Perumahan Mampu Milik dan satu lagi bagaimanakah status royalti minyak di Telaga Bertam kerana JUPEM atau Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah menyatakan bahawa kawasan telaga minyak itu boleh dikira paling hampir sekali adalah Negeri Terengganu. Jadi dan akhir sekali lagi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya juga mengambil kesempatan untuk mendoakan agar Presiden PAS dan juga Ahli Parlimen Marang Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang agar segera diberikan kesembuhan daripada jangkitan COVID-19, semoga beliau tabah untuk menghadapi ujian Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* ini. Jadi saya dengan penuh kesyukuran hari ini menjunjung kasih Titah Tuanku dan menyokong. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Wakil Seberang Takir. Saya kesuntukan masa. Saya akan beri kepada Pengerusi BBC yang terakhir, ketua kawan-kawan kita *tak nak* bercakap kalau *tak dok* saya akan terus kepada Wakil Tepoh sebagai pembahas terakhir. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, rakan-rakan media, hadirin-hadirat yang dirahmati Allah sekalian. *Alhamdulillah* terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin yang telah disampaikan pada hari pertama dengan melakarkan beberapa amanah dan juga beberapa pesanan penting untuk diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu agar kamu berjaya memperolehi taqwa.

Saya mengambil kesempatan pada hari ini dalam tempoh berbaki sepuluh hari pada bulan Syaaban sebelum daripada kita menyambut ketibaan Ramadan Al Mubarak untuk saya mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al Mubarak kepada semua yang berada di dalam Dewan ini dan juga berada di luar sana. Kefarduan ibadah puasa dijanjikan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* untuk menganugerahkan taqwa kepada mereka yang melaksanakannya dengan baik. Teringat apabila berbicara tentang taqwa ungkapan yang telah dibawa oleh Saidina Ali Karromallohu Wajhah di dalam menghuraikan dan memperincikan tentang taqwa kata beliau:

الخوف من الجليل والعمل بالتنزيل والقناعة بالقليل والإستعداد ليوم الرحيل

Taqwa itu ialah merasa takut dan gerun kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang Maha Agung, beramal dengan apa yang terkandung dalam Al-Quran, bersikap *Qona'ah* dengan yang sedikit dan persediaan menuju hari akhirat. Sebenarnya itulah objektif kita dalam melaksanakan ibadah puasa, mendidik dan membimbing diri agar dapat dilahirkan sebagai insan bertaqwa dari madrasah Ramadan, mereka yang berjaya dalam madrasah Ramadan ini juga amat didambakan dalam mewarnai gerak kerja politik di atas muka bumi ini agar setiap langkah yang diambil meletakkan asas dan neraca yang dikupas oleh Saidina Ali Karromallohu Wajhah. Setiap langkah yang diambil oleh kerajaan mestilah di atas paksi *al-khauf min al-Jalil* dengan maksud takutkan kepada yang Maha Berkuasa. Semua usaha pentadbiran diusahakan melandasi *Al-'amal bi al-tanzil* beramal dengan Al-Quran Nur Karim begitu juga menghidupkan sikap di semua peringkat sama ada pihak Kerajaan, ahli yang berhormat termasuklah juga kepada semua pegawai dan rakyat. *Al-Qana'atu bil Qalil* dengan maksud bersikap *qona'ah* dengan sedikit dan seterusnya membuat kepersediaan untuk menghadapi dengan membawa bekalan untuk menghadap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* pada hari akhirat. Itulah yang kita harapkan pada setiap tindak tanduk Kerajaan dalam membimbing rakyat Negeri Terengganu Darul Iman ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tempoh hari kita sama-sama menyaksikan situasi cuaca ekstrem yang melanda negara kita. Terengganu tidak terkecuali apabila menerima hujan lebat yang luar biasa hingga menyebabkan banjir besar berlaku di Hulu Terengganu dan juga di Kemaman, masing-masing Ahli Yang Berhormat kawasan berkenaan telahpun mengupas dan menjelaskan apa yang berlaku. Perubahan situasi ini sangat perlu berada dalam perhatian pihak Kerajaan Negeri dengan menjalinkan kerjasama erat bersama pihak Jabatan Meteorologi bagi memastikan persediaan dan pemakluman secara langsung dalam makluman rakyat dalam masa yang sama tragedi runtuh tanah di bukit-bukit perlu dipantau segera dan dibuat kajian terperinci walaupun yang terlibat itu bukan/ah berada dalam zon kawasan pembalakan. Semua jabatan yang terlibat perlu untuk terus melaksanakan kajian mengambil langkah perlu untuk menghadapi situasi cuaca ekstrem yang melanda pada musim tengkujuh mahupun berada di luar musim tengkujuh.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin berbicara tentang peluang pekerjaan walaupun situasi pasaran pekerjaan dalam tempoh pandemik ini

amat mencabar. Negeri kita *alhamdulillah* masih berupaya mengharunginya dengan baik walaupun serba sukar saya dimaklumkan bagi tempoh 2018 hingga 2021 lebih 14,000 penempatan pekerjaan telah dibuat di negeri ini. Sebahagian besarnya melibatkan penduduk negeri ini sendiri. Di samping itu sehingga 10 Disember 2021 yang lalu dilaporkan masih terdapat lebih 8,000 kekosongan jawatan aktif yang bakal diisi di seluruh negeri ini. Ini adalah hasil usaha bersama semua pihak sama ada kerajaan, pihak swasta dan juga individu perseorangan yang selayaknya mendapat penghargaan di atas pencapaian ini. Namun harus diingat situasi mencabar pasaran buruh ini masih belum reda, kadar pengangguran masih menunjukkan trend peningkatan, purata kadar pengangguran tahunan di negeri ini ialah 3.6%, 3.8% dan 4.1% masing-masing bagi tahun 2019, 2020, dan 2021. Sepanjang tahun ini pula kadar ini diunjurkan antara 4.2% sehingga 4.4%. Oleh kerana itu, kita perlu berwaspada dan perlu meningkatkan proaktif daripada seluruh pihak di peringkat Kerajaan Negeri untuk memastikan kita tidak berdepan dengan situasi yang lebih membebaskan ini. Secara prinsipnya, Kerajaan Negeri perlu memastikan pasaran buruh di negeri ini berkembang positif dengan pertambahan lebih banyak peluang pekerjaan yang baharu. Tenaga buruh yang menganggur di negeri ini mendapat penempatan kerja sama ada di dalam ataupun di luar negeri, kita tidak kisah walaupun berada di luar negeri kerana ia tetap memberikan peluang pekerjaan untuk rakyat. Saya tahu dan saya faham Kerajaan Negeri tidak *claim* bilangan yang dihantar ke luar negeri sebagai menjayakan angka 20,000 yang telah dijanjikan dalam Manifesto. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri tetap berusaha mencari kerja tapi angkanya kita tidak letakkan di bawah angkat 20,000 yang dijanjikan. Inisiatif Kerajaan Negeri membangunkan sistem maklumat pekerjaan akar umbi atau sampai, mewujudkan pusat cari kerja adalah satu usaha yang sangat baik dan diyakini berupaya membantu penduduk di negeri ini dalam mendapatkan pekerjaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri diharap dapat segerakan pelaksanaan inisiatif, menyediakan latihan pemahiran semula dan peningkatan kemahiran secara percuma di Institut Latihan milik Kerajaan Negeri seperti TATIUC dan juga TESDEC yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2022. Dicadangkan juga, supaya inisiatif ini diperluaskan kepada kumpulan sasaran lain seperti pekerja sektor informal dan individu bekerja sendiri yang terjejas. Dalam aspek pelaburan tahun lalu 2021, jumlah nilai pelaburan Terengganu telah meningkat kepada RM3.8 bilion berbanding RM1.9 bilion pada tahun sebelumnya. Walaupun masih jauh untuk kita bersaing dengan Pulau Pinang yang telah

berjaya meningkatkan pelaburan RM76.2 bilion, Kedah sebanyak RM66.2 bilion tetapi sebenarnya Terengganu sudah menghampiri Melaka yang telah berjaya meletakkan nilai pelaburan sebanyak RM3.9 bilion. Dan lebih baik sebenarnya dari Negeri Sembilan yang telah mencapai RM2.9 bilion yang merupakan negeri-negeri yang memiliki struktur ekonomi sepadan dengan Terengganu kalau kita ingin melakukan perbandingan. Malaysian Investment Development Authority atau MIDA juga telah klasifikasikan Terengganu sebagai State With High Investment Value dengan izin, bagi tempoh 2018 sehingga 2021 menerusi hampir 40 projek yang diluluskan sebanyak lebih 6,000 peluang pekerjaan yang disediakan. Kerajaan Negeri diharap dapat menggerakkan strategi yang lebih agresif secara berterusan untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi daripada pelabur asing dan tempatan. Peningkatan pelaburan ini sangat penting sebagai pemangkin untuk pemulihan ekonomi. Justeru, Kerajaan Negeri perlu terus mengenal pasti peluang dalam bidang pertumbuhan baharu seperti Teknologi Maklumat dan Teknologi Digital. Menjalin kerjasama lebih erat dengan industri terutamanya dalam merencanakan Industri Agro Makanan, melonggarkan sekatan dan mengemaskini dasar berkaitan untuk memanfaatkan pembangunan, perdagangan, mengiatkan promosi dan publisiti prospek pelaburan strategik di negeri ini. Saya rakamkan ucapan tahniah buat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah memberikan komitmen membuka pintu dan mempercepat proses buat pelabur semasa Perasmian Taman Perindustrian Kerteh Terengganu (KTIP). Semua pihak yang terbabit hendaklah memainkan peranan dalam menjayakan hasrat ini sama ada di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah, PBT dan semua pihak yang terbabit. Insya-Allah sasaran untuk mencapai nilai pelaburan RM5 bilion pada tahun ini boleh dicapai mudah-mudahan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya telah melihat beberapa ucapan yang disampaikan dan cukup tertarik dengan apa yang disebut oleh Wakil Bukit Besi sebentar tadi berkenaan dengan PAS seolah-olahnya diberikan gambaran menolak Muafakat Nasional dan seterusnya mengambil sikap untuk berpecah. Sebenarnya, perlu ditegaskan kita tidak mengambil sikap yang demikian. Sebab itu, kalau kita melihat kronologi untuk kita kupas, 13 Ogos 2020 satu persetujuan bersama telah dimeterai oleh kedua-dua Presiden Parti dengan meletakkan surat yang bertajuk "Jemputan Kepada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) untuk menyertai Muafakat Nasional" tarikhnya pada 13 Ogos 2020 dan perkara yang agar menarik untuk kita berikan perhatian dalam isu ini adalah setia kawan yang ada pada PAS ketika mana berlakunya usaha

untuk menyingkirkan Perdana Menteri Ke-9, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pada waktu tersebut, apabila usaha-usaha ini dilakukan dan ketika Tun merasai bahawa dia telah hilang sokongan, beliau telah meletakkan jawatan, di saat itu berlakulah usaha jajaran baru untuk membentuk kembali kerajaan yang melibatkan beberapa parti besar ini sehingga akhirnya ketua-ketua parti ini telah pun melakukan persetujuan untuk memberikan sokongan kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk menjadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu tersebut. Ini kronologi yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun kerana ia dirakamkan bergambar penglibatan semua pihak ini. Justeru, dalam tempoh-tempoh tersebut secara ringkas Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apabila usaha untuk memperkukuhkan Muafakat Nasional ini dengan 13 Ogos 2020 bersetuju untuk jemput join sertai Muafakat Nasional. 18 Ogos 2020 Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan menyatakan akar umbi tak setuju jemput BERSATU masuk dalam Muafakat Nasional. Ini adalah kronologi yang berlaku. 11 September 2020, PAS tidak bertanding dalam PRN Sabah bagi memberi laluan kepada rakan Muafakat Nasional dan rakan Perikatan Nasional. 4 Disember 2020, UMNO bertindak melakukan undi tidak percaya di DUN Perak tanpa melakukan sebarang perbincangan dengan pihak PAS. 28 Mac 2021, Perhimpunan Agung UMNO muktamadkan tolak kerjasama dengan BERSATU. 30 September 2021, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bertanya ada lagi ke Muafakat Nasional dan bagitahu UMNO akan bertanding solo dalam pilihan raya. 13 Oktober 2021, Presiden UMNO, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi umum UMNO Barisan Nasional bergerak solo dalam PRM Melaka. Ini adalah kronologi yang berlaku. Justeru, kalau menyalahkan PAS pada hari ini saya kira ia tidak tepat dan PAS tetap memiliki satu sikap yang merendah diri. Kami akui UMNO juga adalah kuat untuk bersaing dengan kita. Walaupun kita masih sayang kepada Muafakat Nasional dan PAS tidak pernah untuk memandang rendah kepada keupayaan UMNO. Tetapi perlu ingat, sekalipun demikian dan itulah yang dirasai oleh UMNO, perlu ingat PAS juga tidak lemah untuk bersaing. PAS tidak terlalu kerdil untuk kita melakukan persaingan tetapi marilah sama-sama kita mencari jalan apakah lagi ruang yang boleh untuk kita pertingkatkan Kerjasama. Paling tidak, hargailah kerajaan dan rakyat Negeri Terengganu pada hari ini dengan kita menjalin hubungan yang baik dan terus mewarnai budaya politik yang lebih baik dan matang untuk melihat kepentingan rakyat diperkasakan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil ruang yang berbaki ini menyuarakan suara dari DUN Tepoh dengan menyatakan beberapa

perkara. Satu, Rancangan Tebatan Banjir Tok Jiring, Batu Rakit Fasa 2. Ia adalah susulan dengan pembinaan Tebatan Banjir Baroh Tok Jiring yang telah menutup aliran air dari Padang Kemunting untuk melalui kawasan tadahan air atau kini Tebatan Banjir Baroh Tok Jiring. Jika Fasa 2 ini mengambil masa yang terlalu lama untuk dimulakan, kesan besar akan ditanggung oleh penduduk yang berada di kawasan Batu Rakit, yang berada dalam kawasan Tepoh.

Yang kedua, Projek Parit Banggol Air Lilih, Teluk Gabus yang melibatkan kawasan DUN Tepoh dan juga DUN Bukit Tunggal. Semua ini berada di bawah peranan pihak JPS dan peruntukan sepatutnya melalui Persekutuan. Saya mohon agar pihak Kerajaan Negeri dapat memainkan peranan agar usaha kedua-dua projek penting ini dapat memastikan kepentingan penduduk dan orang ramai dapat disegerakan.

Yang ketiga, pembangunan susulan Bandar Al-Watiqu Billah atau Bandar Baharu Kuala Nerus. Bagi tujuan merencanakan bandar baharu ini, pihak Kerajaan disaran agar menyegerakan pembinaan jalan dari Kampung Padang Air yang difahamkan sebagai Pembangunan Fasa 2. Sementara itu, perumahan rakyat yang pernah saya sebutkan dalam persidangan yang lalu hendaklah dimulakan walaupun dalam bentuk perumahan bertingkat. Sangat rugi, masjid yang dibina dan telah pun disiapkan tidak dapat difungsikan untuk solat Jumaat dan hanya bertaraf Pusat Islam semata-mata kerana tidak memiliki penduduk. Penempatan yang dikhaskan hanya untuk bangunan pentadbiran sahaja. Agak rugi tanpa dimanfaatkan untuk kepentingan awam yang lain. Menyentuh tentang masjid, saya juga ingin membuat sedikit teguran kepada Hulu Besut supaya dapat melakukan semakan dan juga dapat melakukan kajian berhubung dengan perkembangan meneruskan pembangunan masjid kerana di Besut juga kita telah membina masjid. Soalan "Kerajaan Islam apakah ini" tidak wajar untuk dikemukakan dalam Dewan Yang Mulia ini.

Dato' Yang di-Pertua, begitu juga dengan peniaga-peniaga yang berada di ruang Bandar Baru Kuala Nerus, saya mohon pihak PBT dapat memainkan peranan mencari ruang kepada mereka untuk berniaga. Akhirnya saya menjunjung kasih kepada ucapan Tuanku dan mohon menyokong. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat.

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Wakil Tepoh. *Alhamdulillah* kita telah selesai membuat perbahasan di atas usul

Menjunjung Kasih kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Jadi, saya dah memberi peluang kepada hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat melainkan yang tidak mahu mengambil bahagian. Untuk sesi petang ini *insya-Allah* pihak Kerajaan akan membuat penggulungan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara sidang kita dan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 PETANG.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebagaimana yang saya dah maklumkan dalam sesi sebelum rehat tadi, pada petang ini sampai masanya bagi pihak Kerajaan akan menggulung perbincangan atas Titah ataupun atas usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Jadi, kita nak teruskan persidangan kita ini dengan saya terus mempersilakan dulu Wakil Wakaf Mempelam untuk memulakan penggulungan pada petang ini. Sila.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon untuk memulakan ucapan penggulungan lebih awal daripada kebiasaan. Biasanya mula dengan Yang Berhormat Haji Mohd Norkhuzaini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekali-sekala kita tak ikut nombor Yang Berhormat. Sekali-sekala.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, seterusnya semua pemerhati daripada ketua-ketua jabatan dan wakil, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian. *Alhamdulillah*, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua di atas kesempatan yang telah pun diberikan ini dan saya bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dapat bersama-sama membuat penggulungan yang pertama pada petang ini. Saya ingin menyentuh empat perkara dalam kesempatan yang ada ini.

Yang pertamanya berkenaan dengan undi 18 tahun. Sepertimana yang telah pun diketahui bahawa undi 18 tahun telah pun diputuskan di peringkat Parlimen sebelum daripada ini dan PRN Negeri Johor adalah merupakan pilihan raya yang pertama yang menggunakan pengundi yang berumur 18 tahun ke atas. Apa yang saya ingin tarik perhatian kepada Dewan dan semua adalah secara tinjauan rawak yang kita lakukan dan kita dapati, undi 18 tahun ataupun saluran-saluran yang terdiri daripada undi-undi muda ini sangat kurang penyertaan. Dalam erti kata yang lain, undi muda kurang hadir ke pusat-pusat pengundian dan menyumbang kepada peratusan keluar mengundi yang sangat rendah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, ini berdasarkan kepada pengalaman pilihan raya di Johor baru-baru ini *ke?*

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Seperti yang saya nyatakan tadi, tinjauan rawak *lah*. Tinjauan rawak yang kita lakukan di pusat-pusat pengundian dan juga hasil daripada laporan yang kita dapat daripada petugas-petugas pilihan raya yang mewakili parti. Jadi, sangat kurang. Jadi, ini merupakan sesuatu yang mebingungkan kita dan pun begitu ia bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana ia adalah sesuatu yang pertama kali berlaku dan diadakan di negara kita kerana itu, kita sangat mengharapkan agar usaha yang berterusan di samping usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan sama ada daripada SPR sendiri, yang telah pun mewujudkan pendidikan politik kepada pengundi-pengundi seperti yang telah pernah saya beri jawapan dalam sidang yang lepas dengan penumpuan kepada mahasiswa dan mahasiswi di IPT dan IPTS serta pelajar-pelajar sekolah

menengah di sekolah-sekolah yang ribuan telah pun kita sampaikan penjelasan serta taklimat pada mereka tentang undi 18. Di samping itu juga, usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan menerusi pelbagai program-program juga merencanakan lagi proses-proses penambahbaikan dan juga proses-proses pemberi fahaman kepada pengundi-pengundi muda tentang peranan dan tanggungjawab mereka untuk memilih kerana mereka adalah golongan yang akan mencorakkan Kerajaan yang bagaimana yang mereka nanti akan pilih.

Seterusnya, usaha yang dilakukan juga oleh pihak Kerajaan Negeri tidak ketinggalan dengan beberapa pelaksanaan di antaranya pelaksanaan Program Generasi Muda Terengganu Sejahtera (GMTS) seperti yang juga pernah saya nyatakan sebelum daripada ini, lima peringkat program yang telah pun kita kenal pasti dan telah pun kita lakukan bermula daripada peringkat Tunas yang bermula umur 11 tahun, Didik, Bakat, Elit dan Ikon. Sebanyak lima peringkat yang telah pun kita garis pandu untuk memandu generasi muda dan generasi belia kita. Selain daripada itu, program ADUN Belia yang *insya-Allah* akan bermula pada akhir Mac ini juga adalah merupakan di antara usaha yang dilakukan pihak Kerajaan untuk memberikan pendidikan politik kepada anak-anak muda kita dan *insya-Allah* kita mengharapkan pelantikan dan juga perasmian program ADUN Belia sesi yang kedua pada akhir Mac ini akan dapat memberikan impak yang baik kepada kefahaman politik di kalangan anak-anak muda kerana pada pelaksanaan sesi yang pertama hari *tu*, kita sangat terhalang dengan pandemik COVID-19.

Selain daripada itu juga, dalam bulan Ramadan dan juga selepas daripada sidang DUN ini berakhir, program *jaulah* ataupun program *roadshow* ke daerah-daerah akan dilakukan dengan sesi libat urus yang diadakan secara langsung dengan anak-anak muda termasuk mengenengahkan ikon-ikon belia yang merupakan peserta-peserta dalam Anugerah Belia Negara Tahun 2021 yang lepas; yang akan berkongsi pengalaman dan juga berkongsi pengetahuan serta pengalaman mereka di dalam berusaha untuk menjadi orang-orang yang hebat dalam bidang-bidang yang telah pun kita pertandingkan contohnya dalam bidang perusahawanan, dalam bidang pertanian, dalam bidang kesukarelawanan termasuk dalam bidang kepimpinan dan sebagainya lagi. jadi mereka akan berkongsi segala maklumat-maklumat tersebut kepada rakan-rakan yang seusia dan hampir sebaya dengan mereka supaya mewujudkan perkongsian yang baik. Jadi itu berkenaan dengan isu undi 18 tahun kerana itu

di antara dapatan yang kita juga dapat daripada undi 18 tahun ini adalah bagaimana kefahaman di kalangan belia-belia ataupun remaja yang menganggap politik ini adalah sesuatu yang kotor ataupun politik ini adalah sesuatu yang tidak baik. Jadi, ini adalah peranan kita semua sebagai ahli-ahli politik sama ada daripada pihak Kerajaan ataupun daripada pihak pembangkang ataupun sesiapa sahaja supaya kita menguruskan politik ini dengan baik dan kita tidaklah menggambarkan kepada generasi belia ini dengan sesuatu gambaran yang menakutkan mereka yang mungkin akan memberikan satu persepsi yang menyebabkan mereka akhirnya menjauhi politik dan bertindak untuk tidak melibatkan diri dalam pilihan raya.

Seterusnya, perkara yang kedua yang suka sentuh adalah berkenaan dengan sukan. Sepertimana yang telah kita ketahui, Terengganu adalah merupakan sebuah negeri kuasa sukan yang mana banyak bidang-bidang sukan, disiplin-disiplin sukan yang telah pun kita kuasai dan *alhamdulillah* Majlis Sukan Negeri Terengganu akan terus memberikan komitmen untuk meneruskan penguasaan sukan di negara Malaysia ini, terutamanya dalam berhadapan dengan SUKMA, dan suka saya nyatakan dalam Mesyuarat Lembaga Tertinggi SUKMA yang terakhir yang diadakan pada hari Ahad lepas, mesyuarat telah pun menetapkan tarikh baru SUKMA adalah pada 29 September hingga 8 Oktober yang akan diadakan di Kuala Lumpur dan *insya-Allah* SUKMA 2022 yang akan datang ini, kita Terengganu mengharapkan agar kita akan dapat mempertahankan kejuaraan yang telah pun kita berjaya lakukan pada tahun 2018 yang lalu di negeri Perak Darul Ridzuan.

Seterusnya saya juga suka untuk mengucapkan syabas dan tahniah pada pasukan hoki negeri Terengganu yang kelmarin telah pun muncul sebagai Juara Liga mengalahkan TNB, 3-2. Kali terakhir Terengganu muncul Juara Liga pada 2018 yang lalu. Jadi kelmarin *alhamdulillah* sekali lagi Terengganu berjaya muncul juara dan ini adalah merupakan kejayaan kedua yang dicapai oleh pasukan Terengganu dalam tempoh tiga bulan ini. Dan kita ada satu lagi piala yang kita akan hadapi itulah piala TNB di Kuala Lumpur pada 30 Mac nanti dan *insya-Allah* kita mengharapkan agar atlet-atlet hoki kita akan dapat mengekalkan momentum yang mereka dapat kelmarin dan sekiranya kita berjaya menang pada 30 Mac nanti maka bererti pasukan hoki Terengganu menyapu bersih ketiga-tiga piala yang berprestij dalam sukan hoki di negara Malaysia ini *insya-Allah*. Dan dalam masa yang sama, sekarang ini program atau kejohanan basikal di Terengganu sedang berlangsung dan hari ini adalah

merupakan hari yang ketiga, *stage* yang ketiga dan kita ada *stage* yang keempat dan yang kelima pada esok dan lusa *insya-Allah* lusa hari Jumaat adalah merupakan hari yang terakhir dan sehingga *stage* ketiga ini kita apa nama ni melihat kejayaan yang begitu membanggakan yang dicapai sama ada oleh pasukan bawah 23 tahun atau pun pasukan TSG itu sendiri dan *insya-Allah* mudahan-mudahan sukan berbasikal menjadi sukan utama di Terengganu ini akan dapat terus memberikan berita-berita yang mengembirakan.

Seterusnya, yang ketiga Dato' Yang di-Pertua berkenaan dengan NGO, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih بِرَأْسِ اللَّهِ جَزَاكَ kepada semua NGO-NGO yang ada di Terengganu, yang khususnya dan juga NGO-NGO yang berada di luar Terengganu secara umumnya yang telah pun memberikan suatu bantuan yang begitu hebat dalam isu banjir *besor* berlaku di Kemaman, Hulu Terengganu, di Setiu dan juga di Besut dan juga di Dungun. Yang kuatnya di Kemaman dan juga di Hulu Terengganu. Dan *alhamdulillah* pelbagai NGO boleh dikatakan puluhan NGO-NGO telah pun melakukan kerja-kerja sukarela membantu mangsa-mangsa banjir sama ada memindahkan mangsa, membersihkan mangsa banjir, memberikan bantuan berupa makan minum termasuk peralatan-peralatan seperti periuk, dapur dan sebagainya lagi. Dan Terengganu semestinya adalah sebuah negeri yang sangat terkenal dengan kerja-kerja NGO dan setiap kali berlakunya bencana bukan sahaja di Terengganu bahkan di luar daripada Terengganu. Negeri Terengganu, NGO-NGO Terengganu adalah NGO-NGO yang sangat terkehadapan di dalam kerja-kerja kemasyarakatan, kemanusiaan dan sebagainya lagi. Begitu juga dalam kerja-kerja berkaitan dengan kebajikan di luar daripada hatta di luar daripada Malaysia sekalipun. Sebagai satu contoh dalam program, Terengganu for Yemen yang telah pun diusahakan oleh portfolio Kerajaan Terengganu, kita telah pun berjaya mengutip RM1.3 juta pada minggu lepas, wakil NGO, wakil NGO Yaman telah pun berjumpa dengan saya dan menyerahkan laporan program Terengganu for Yemen yang telah pun mereka lakukan di bumi Yaman walaupun kita tak berjaya untuk sampai ke Yaman tetapi *alhamdulillah* duit-duit yang kita kutip berjaya sampai ke sana dan memberikan manfaat kepada rakyat yang berada di sana. Dan *insya-Allah* begitu lah juga dan juga sekarang untuk pengetahuan Dewan sehingga sekarang NGO-NGO kita masih lagi melakukan kerja-kerja kebajikan mereka di Hulu Terengganu sama ada dalam perkara yang berkaitan pembinaan rumah termasuk yang berkaitan dengan sumbangan-sumbangan dan juga kerja-kerja infra masih lagi dilakukan sehingga sekarang *alhamdulillah*.

Dan yang terakhirnya Dato' Yang di-Pertua, saya lihat apabila sehari dua ini apabila isu pendaftaran I-Fitri mula dibuka kepada rakyat, banyak komen-komen yang kita lihat, dan juga cakap-cakap sama ada daripada kalangan netizen mahupun daripada kalangan rakan-rakan terutamanya belialah yang bertanya tentang dana untuk remaja, dana untuk belia dan juga mahasiswa. Jadi apabila dana I-Fitri ini mula dibuka maka mereka bertanya adakah dana untuk belia, mahasiswa yang berupa *one-off* ini ada atau pun tidak sedangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebenarnya telah pun dalam ucapan belanjawan sebelum daripada ini telah pun menyatakan tentang adanya bantuan tunai, *one-off* RM150.00 yang akan diberikan kepada mahasiswa dan juga yang akan diberikan kepada orang bujang. Kepada mereka yang berumur di antara 18 sehingga 39 tahun daripada kategori bujang dan juga daripada mahasiswa yang semuanya berjumlah 87,200. Ya 87,200 orang *insya*-Allah.

Dan untuk makluman Dato' Yang di-Pertua dan juga Dewan, *insya*-Allah dana Belia dan juga mahasiswa ini akan diiklan atau pun akan diumumkan selepas daripada Hari Raya Aidilfitri bukanlah semasa bulan puasa ni. Selepas daripada Hari Raya Aidilfitri ini, *insya*-Allah berita tentangnya akan diumumkan apabila tiba pada masanya. Jadi oleh kerana itu jangan bimbang dan jangan susah hati kerana memang ini adalah sesuatu yang telah diumumkan dan pasti akan dilaksanakan *insya*-Allah.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja pengulungan yang saya dapat lakukan dan *insya*-Allah segala apa yang telah pun dinyatakan oleh rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan kita berikan perhatian termasuk ada satu daripada Seberang Takir rasanya yang berkenaan dengan futsal untuk makluman, seperti yang telah juga saya lakukan jawapan dalam sidang yang lepas *insya*-Allah pada tahun 2022 kita akan memberikan penumpuan kepada gerak kerja memperbaiki futsal-futsal yang *rosok*. Futsal yang sebenarnya sekarang ini di Terengganu kita ada lebih daripada 139 tempat dalam Negeri Terengganu ni dan kebanyakannya adalah *rosok* dan kita telah pun sebenarnya membuat permohonan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk dana bagi membaikinya tetapi sehingga sekarang masih lagi tidak ada. Walaupun begitu kita juga telah meminta kepada Kerajaan Negeri dan *insya*-Allah pihak UPEN sebenarnya telah pun memperuntukkan sejumlah kewangan dan kita, sebelum daripada sidang DUN ini kita telah juga mengenalpasti beberapa tempat atau beberapa padang futsal untuk kita lakukan proses pembaikan dalam kadar

yang segera dengan penumpuan kita sekarang ini terlebih dahulu setiap satu daerah satu dahulu *insya-Allah* dan sekiranya kita mempunyai kewangan yang lebih barangkali kita dapat tambah lebih daripada itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa itulah pengulungan yang dapat saya lakukan, mudah-mudahan memberi manfaat dan kebaikan kepada kita semua.

أَعْلَمُ وَ اللهُ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Wakaf Mempelam. Saya persilakan Wakil Cukai.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan semua yang hadir pada petang ini. Pertamanya saya berasa bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana pada petang ini dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi, saya diberikan kekuatan kesihatan dan keinginan yang tinggi untuk bersama-sama membawa perubahan serta pembaharuan berterusan bagi Negeri Terengganu. *Insya-Allah* hasilnya nanti dapat dimanfaatkan oleh anak-anak bangsa di masa hadapan.

Pertamanya saya ingin menyentuh intisari Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang secara amnya memfokuskan berkait agenda pembangunan taraf hidup dan ekonomi rakyat. Menyedari *trend* perkembangan ekonomi dunia yang kian menurun dan dijangka semakin terkesan dengan situasi semasa seperti Isu Peperangan Rusia dan Ukraine sedikit sebanyak bakal mengakibatkan impak ekonomi dunia kian teruk dan menjunam. Ianya juga telah mengakibatkan harga komoditi di pasaran dunia meningkat secara mendadak. Justeru itu saya cukup menyokong dan menyambut baik akan saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku agar satu kajian impak merangkumi pelbagai sektor penting ekonomi diwujudkan bagi mengenal pasti impak yang bukan sahaja memberikan kesan kepada sektor ekonomi malahan golongan-golongan yang berpendapatan rendah B40 dan sederhana M40 di negeri kita.

Langkah ini juga dilihat sangat penting demi kemakmuran dan kebajikan rakyat Terengganu khasnya di masa depan yang kita lihat semakin mencabar. Memetik juga penghargaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada barisan agensi kerajaan mahupun swasta serta para NGO, saya juga ingin menzahirkan jutaan penghargaan kepada semua pihak yang cukup prihatin dan telah sama-sama berganding bahu dalam membantu mangsa-mangsa banjir yang cukup terkesan terutamanya di Hulu Terengganu, Kemaman, dan semua daerah-daerah yang lain baru-baru ini. *Alhamdulillah*, gerak kerja bantuan pembersihan telah kita kerahkan juga menerusi agensi-agensi kerajaan, NGO dan GLC dalam membantu mangsa-mangsa banjir ini yang rata-ratanya telah kehilangan dan kerugian harta benda yang cukup banyak. Menerusi agensi seperti Urusetia Belia Sukan Terengganu (UBSNT) dan Pusat-Pusat Khidmat DUN, kerja-kerja pasca banjir ini kita tanggung perbelanjaannya. Terlalu banyak sumbangan juga yang telah kita terima menerusi pelbagai pihak dalam pelbagai bentuk seperti barangan-barangan keperluan mahupun wang ringgit. *Insyallah*, kita akan agihkan dengan secara yang terbaik. *Alhamdulillah*, menerusi NADMA juga kita sediakan peruntukan melebihi RM8 juta kepada setiap KIR yang terkesan dengan bencana banjir baru-baru ini. Bantuan wang ehsan ini dalam proses agihan yang melibatkan mangsa-mangsa banjir di setiap daerah. Apa pun keperluan dan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir ini sentiasa kita pantau dan ambil berat dalam membantu mereka, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, menerusi portfolio saya beberapa isu telah dibangkitkan oleh rakan-rakan kita. Sejak bermulanya sesi perbahasan kelmarin, di antara isu yang cukup panas atau pun viral hangat dan sering diperkatakan pada hari ini ialah berkaitan bantuan i-fitri. Sebelum mengulas panjang, izinkan saya terlebih dahulu untuk merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu dan barisan kepimpinan Kerajaan kerana telah mengumumkan pemberian bantuan i-Fitri istimewa untuk rakyat Terengganu baru-baru ini. Suka saya maklumkan jika tiada aral melintang kita jangkakan agihan i-Fitri ini akan kita laksanakan bermula 17 April 2022. Permohonan secara *online* (atas talian) bolehlah dilakukan menerusi sistem i-bantuan yang telah dihubungkan dengan Sistem Profile Rakyat Terengganu (PRT20). Untuk makluman sehingga kini dalam masa 24 jam i-bantuan ini dibuka permohonan bantuan i-fitri sudah pun lebih daripada 13,000 permohonan yang telah kita terima untuk pertimbangan kelak. Menurut data PRT20, Kerajaan Negeri dijangka membelanjakan sekitar RM56.4 juta bagi agihan bantuan i-Fitri pada tahun ini.

Persoalan yang telah dikemukakan oleh sahabat saya Batu Rakit, Kuala Besut, kita akui penjawat awam adalah golongan yang tidak layak dipertimbangkan bagi insentif ini. Maaf kerana keputusan ini telah mengambil kira para penjawat awam juga bakal menerima insentif Bonus Raya menjelang Aidilfitri ini selari dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar menerusi Belanjawan 2020. Apa pun, segala cadangan dan idea yang telah dikemukakan oleh semua pihak kita akan mengambil kira dan kita pertimbangkan demi kebaikan semua dan rakyat khususnya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengulas berkait persoalan *Second Honeymoon* kendalian Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) dan juga dibangkitkan oleh Kuala Besut kelmarin. *Insyah-Allah* tahun ini kita akan kembali untuk meneruskan program ini setelah ianya tertangguh beberapa tahun akibat daripada pandemik COVID-19 yang melanda. Suka saya maklumkan bahawa program ini merupakan program kerjasama agensi yang melibatkan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Jabatan Kehakiman Syariah dan Lembaga Pertubuhan Penduduk Keluarga dan Negara dimana matlamat program ini adalah untuk melahirkan keluarga yang bahagia dan berkualiti disamping mengurangkan kadar penceraian di awal usia perkahwinan. Saya juga turut tertarik dengan hasrat dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Wanita pada sesi pagi tadi tentang cadangan penubuhan Baitul Iman. Sebuah rumah kebajikan yang akan diwujudkan khas kepada para pesalah wanita. Baitul Iman ini akan berperanan sebagai pusat pemulihan akhlak dan akidah kepada para wanita yang bermasalah. Ianya persis pusat pemurnian akidah yang dipanggil Baitul Iman kendalian Majlis Agama Islam Selangor di Ulu Yam, Selangor. *Insyah-Allah*, kita akan kaji dan lihat dengan lebih terperinci akan cadangan yang telah diutarakan ini untuk melihatkan sehingga kini hanya Baitul Iman di Ulu Yam Selangor ini sahaja yang wujud untuk kemudahan pemulihan akidah kepada wanita-wanita yang memerlukan bimbingan dan panduan akidah ini.

Dato' Yang di-Pertua, sesungguhnya semua perancangan ini memerlukan kerjasama kita semua jika kita sayang kepada negeri kita, usaha ganding bahu antara rakyat dan Kerajaan akan membawa membawa keuntungan pembangunan di masa depan negeri kita. Saya yakin, *insyah-Allah* dengan sikap yang ada kepada majoriti rakyat dan pendekatan yang telah dicipta oleh Kerajaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar serta semangat kerja berpayungkan Maju, Berkat dan Sejahtera, Terengganu kita

akan hebat dan maju sebagaimana hasrat dan perancangan kita, *insya-Allah*. Akhir kata saya menyokong dan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al Sultan. Sekian terima kasih.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Cukai. Sekarang saya minta Wakil Kota Putera untuk membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الحمد لله الذي ارسل رسوله بلهدى ودني الحق ليظهره على الدين كله ولو كره المشركون
اشهد ان لا اله الا الله واشهد ان محمدا عبده ورسوله
سبحانك لا علم لنا الا ما علمتن انك انت العليم الحكيم
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي اَمْرِي وَاخْلُفْ عُقْدَةَ مَنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Dihormati lagi Dikasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, sahabat-sahabat Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan peringkat Negeri dan Persekutuan, wakil-wakil media seterusnya para pemerhati yang mengikuti siaran sidang penggulungan pada petang ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih pada Dato' Yang di-Pertua kerana telah memberikan ruang kepada saya sekali lagi untuk mengisi kekosongan penggulungan ucapan menjunjung kasih Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan. Pertama-tamanya dan selama-lamanya marilah kita mengucapkan syukur kita kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana kita semua masih lagi diberikan rezeki dan terus berada di atas muka bumi Allah ini dengan mengecapi dengan segala nikmat-nikmat walaupun kita semua masih lagi diuji dengan COVID-19. Sekarang ini, *rata riti* kita dapat dengar, malah kadang-kadang orang yang hampir dengan kita dijangkiti oleh virus ini. *Insya-Allah* tidak berapa lama lagi kita akan melangkah ke fasa endemik dengan sekaligus kita akan mengadaptasikan norma baharu dalam kehidupan seharian kita dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sepanjang penelitian saya terhadap ucapan daripada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam ucapan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku Al-Sultan, tidak

ramai yang menyentuh portfolio yang saya dipertanggungjawabkan. Hanya beberapa orang sahaja Ahli Yang Berhormat yang menyentuhnya dalam ucapan mereka sejak semalam. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh portfolio yang dipertanggungjawabkan oleh saya. *Insyah-Allah*, dalam ruang yang diberikan ini saya cuba untuk mengulas dan membuat penerangan apa yang boleh dijelaskan lagi dengan harapan ianya akan menjadi input yang baik untuk kita semua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada ADUN Sura yang telah mengetengahkan dalam ucapannya peranan T-HRDC dengan menyatakan angka yang telah diberikan peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu sekarang ini, dan juga mengetengahkan sasaran untuk tahun ini suatu jumlah yang kita sasarkan dan *insyah-Allah* kita yakin akan dapat mencapainya dengan baik, *insyah-Allah*. Usaha ini bukanlah suatu perkara yang mudah yang memerlukan komitmen dan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi membuahkannya suatu hasil yang bernilai ini. Saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan syabas dan tahniah dan jutaan terima kasih kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial ataupun PERKESO Negeri Terengganu yang telah begitu komited dalam melaksanakan tanggungjawab bersama dengan Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan dalam bidang sumber manusia ini. Yang Berhormat ADUN Jertih dalam ucapannya ada menyatakan bahawa statistik ataupun jumlah pekerjaan yang kerajaan berikan agak mengelirukan kerana masih ramai lagi rakyat yang menganggur walaupun statistik jumlah pekerjaan yang Kerajaan laporkan agak tinggi. Untuk menjawab kekeliruan Yang Berhormat ADUN Jertih ini, suka saya memberi penerangan sedikit dari mana asasnya statistik ataupun angka ini diambil.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, usaha sama yang telah terjalin antara Kerajaan Negeri melalui T-HRDC dengan Kerajaan Persekutuan, melalui pertubuhan Keselamatan Sosial, PERKESO Negeri Terengganu, melalui satu MOU yang telah ditandatangani pada 3 April 2021 yang lalu telah membolehkan Kerajaan Negeri mendapat kerjasama penuh PERKESO dalam membekalkan data-data pasaran buruh yang berkaitan untuk tujuan analisa dan perancangan program ataupun inisiatif secara lebih berkesan. Sebelum kewujudan T-HRDC, kita menggunakan data pengangguran yang dibekalkan oleh Jabatan Statistik Malaysia atau DOHSM bagi mengukur keadaan pasaran buruh negeri. Dalam keadaan tersebut, data yang diberikan itu tidak hidup ataupun data mati,

ataupun disebut bukannya *live data* dengan izin. Ianya agak sukar bagi Kerajaan Negeri untuk merancang hala tuju perancangan untuk mengatasi masalah pengangguran. Apabila T-HRDC telah wujud, kami melihat terdapat keperluan data yang lebih terperinci dan komprehensif bagi memahami keadaan pasaran buruh negeri dengan lebih baik. Ini membolehkan Kerajaan Negeri membuat langkah intervensi yang berkesan dan cekap. Tetapi melalui *system MyFuturejobs* yang dimiliki oleh PERKESO, Kerajaan mampu melihat keadaan *demand and supply*, dengan izin pasaran buruh mengikut pecahan negeri, daerah serta bidang-bidang yang terperinci. Data ini yang bersifat *live data*, sekali gus menggambarkan keadaan sebenar seperti bursa pasaran buruh semasa. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Jertih, dengan data ini pihak kerajaan dapat melihat secara telus, secara *live* mengikut permintaan semasa. Proses terperinci ini, bermula dari pendaftaran temuduga, diterima bekerja dan mula bekerja, semuanya ada laporan dalam sistem yang telah dibangunkan. Jadi tidak timbullah kekeliruan angka statistik yang telah diketengahkan. Cuma dengan angka itu tidak bermakna kita telah menyelesaikan semua penempatan atau menyelesaikan isu pengangguran dalam negeri kita yang tercinta ini.

Dato' Yang di-Pertua apa yang ada pada data ini yang kita kongsi bersama oleh PERKESO adalah sangat komprehensif. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, apabila pendaftaran daripada rakyat negeri kita berdaftar dengan PERKESO, untuk menyatakan mereka ini memerlukan peluang pekerjaan, di situ telah menambahkan pengetahuan kita, siapa yang betul-betul sedang mencari kerja dan siapa yang juga untuk mencari penempatan baru daripada perkerjaan yang dia sekarang. Selepas daripada itu, apabila mereka ini datang ke program ataupun temuduga-temuduga, mereka ini *mengupdatekan* status mereka dalam *MyFuturejobs*, untuk melayakkan mereka ini mendapat elaun yang telah ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan yang turun melalui PERKESO. Jadi, syarat yang telah dikemukakan setiap rakyat kita yang berdaftar dengan *MyFuturejobs* dan telah melepasi temuduga tiga kali atau lebih, mereka layak mendapat elaun sebanyak RM300. Kemudian, kalaulah dia dapat kerja, mereka pula layak mendapat elaun sebanyak RM400 yang dinamakan elaun mendapat kerja. Kemudian apabila dia memulakan kerja, mereka ini pula layak untuk mendapat satu lagi elaun yang dinamakan elaun mobiliti kepada pekerja ini, jadi peluang ini kebanyakan rakyat kita ingin mengambil peluang dan dengan *updatenya* ataupun dengan mereka melaporkan keadaan semasa mereka dengan sendirinya kita dapat maklumat-maklumat itu melalui *MyFutureJobs*. Jadi itulah yang saya maksudkan tadi bahawa kita mendapat data yang hidup

hari ini dan semalam sudah barang pastinya akan berbeda data tersebut kerana hari ini dan semalam berbeza pendaftaran di dalam *MyFutureJobs*, jadi data inilah yang telah dikongsikan oleh Kerajaan Negeri dan kita dapat menganalisa bukan setakat daripada daerah mana, bukan setakat dia meneliti kekosongan kerja tetapi ia juga dapat kita ketahui apakah *qualification* ataupun kelayakan yang rakyat kita ini ada. Jadi ini juga dapat menjawab kepada persoalan daripada Yang Berhormat Wakil Telemong, yang menyatakan nak tahu jawatan apa dan kelayakan apa yang ditawarkan oleh pihak majikan dan peluang pekerjaan itu ada. *Insyah-Allah*, THRDC akan membekalkan data-data yang terperinci ini dan kita akan pameran di setiap pejabat-pejabat daerah dan Pusat-pusat Khidmat Masyarakat DUN untuk pengetahuan di peringkat akar umbi, *insya-Allah*. Kerajaan Negeri mempunyai *access* kepada *grassroots* iaitu kerjasama terus di peringkat JPJK melalui satu kekuatan ini merupakan suatu kekuatan dan kelebihan yang ada pada Kerajaan Negeri. Kekuatan ini digunakan sepenuhnya melalui THRDC untuk memaksimumkan pendaftaran golongan sasaran dalam ekosistem data pasaran buruh ini. Ini membolehkan keadaan sebenar pengangguran di negeri ini diukur seterusnya menjadi maklumat kepada Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan program ataupun inisiatif seperti yang telah dilaksanakan pada tahun 2021.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini pendaftaran pencari kerja rakyat Terengganu melalui kempen-kempen yang telah dibuat kita mempunyai datanya, yang boleh saya kongsi di sini. Pada tahun 2019, melalui *MyFutureJobs* hanya 1,116 orang sahaja yang berdaftar dengan *MyFutureJobs* bagi mendapatkan peluang pekerjaan. Pada tahun 2020, 13,768 orang telah berdaftar untuk mencari peluang pekerjaan, tetapi selepas THRDC diwujudkan dan diperkasakan pada tahun 2021 seramai 29,201 orang telah berdaftar dengan *MyFutureJobs* untuk mencari peluang pekerjaan dan sehingga kini pada tahun 2022 Februari seramai 1,875 telah berdaftar. Keseluruhannya untuk Negeri Terengganu telah mempunyai data sebanyak 45,860 orang. Data ini bukanlah bermakna semuanya orang menganggur tetapi peluang yang diberikan di dalam *MyFutureJobs* ini adalah peluang rakyat kita mencari pekerjaan walaupun mereka sedang bekerja sekarang ini tetapi nak cari peluang pekerjaan yang lebih baik. Bila kita mempunyai data yang sebegini besar, inilah yang disebutkan kalau kita sebutkan dalam IR 4.0 penggunaan data *internet of things* adalah *big data* adalah satu perkara yang sangat-sangat penting untuk kita *digest* untuk kita analisis dan data seperti inilah yang sedang ada berada di THRDC dan kita boleh mengeluarkan maklumat-

maklumat terperinci selepas daripada ini *insya-Allah*. Peningkatan pendaftaran dalam *MyFutureJobs* ini akan membolehkan THRDC menjalankan aktiviti *outreach* pekerjaan rakyat secara lebih bersasar kepada individu-individu tertentu mengikut bidang, taraf jawatan dan sebagainya. Di samping itu keberadaan rakyat Terengganu dalam ekosistem data ini juga membolehkan segala bantuan Kerajaan yang disediakan di peringkat Persekutuan boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Negeri Terengganu. Melalui usaha penyampaian maklumat yang melibatkan semua pihak dalam Urus Setia Pekerjaan Negeri Terengganu telah berjaya menyampaikan bantuan-bantuan kepada rakyat Terengganu. Izinkan saya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua untuk berkongsi berapakah banyak peluang peruntukan yang telah diturunkan kepada rakyat Negeri Terengganu sepanjang pandemik yang kita lalui daripada tahun 2020 sehingga sekarang. Dalam program subsidi upah 3.0 rakyat Negeri Terengganu mendapat manfaat sebanyak RM84 juta, saya *figure out* sahaja tidak pada *detail*. Program Subsidi Upah 4.0 sebanyak RM34.9 juta telah dapat dimanfaatkan oleh rakyat Negeri Terengganu. SIP PRIHATIN 1.0 sebanyak RM1.05 juta telah dapat manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu, *hiring incentive* 2.0 sebanyak RM16 juta, *hiring incentive* 3.0 sebanyak RM1.7 juta dan KerjayaGig sebanyak RM23,800.00. Keseluruhan rakyat Negeri Terengganu telah mendapat manfaat daripada peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM138,594,693.68. Jadi dengan angka ini juga boleh menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Wakil Air Putih yang bertanya bagaimanakah bayaran insetif Kerajaan Persekutuan boleh diturunkan kepada rakyat Negeri Terengganu, jadi kita boleh perincikan perkara ini dengan lebih objektif, jadi saya menyerulah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat agar dapat memanjangkan informasi berkaitan pendaftaran kepada sistem *MyFutureJobs* ini kepada rakyat di kawasan masing-masing kerana ia banyak manfaatnya. Saya ulang sekali lagi bahawa untuk bagi yang menganggur elaun yang disediakan oleh Kerajaan berjumlah RM1,200.00 iaitu tiga, empat, lima yang saya sebutkan tadi, RM300.00 bagi orang yang mencari kerja berdaftar dengan *MyFutureJobs*, daftar dan dia *interview* tiga kali dan lebih dia layak dapat RM300.00, kemudian daripada *interview* itu dia dapat kerja, dia dapat RM400.00. Ini dia tidak kerja lagi *ni*. Dia menganggur. Dapat RM400.00 campur RM300.00 jadi RM700.00 dan apabila dia dapat kerja tadi, dia mula kerja di syarikat tersebut, dia dapat lagi mobiliti akaun sebanyak RM500.00. RM1,200.00 kepada penganggur adalah suatu benda yang besar dan perkara ini ramai lagi anak-anak muda kita di kampung-kampung, di kawasan kita yang

tidak tahu. Mereka masih lagi berpelesiran dan tidak mengambil kesempatan ini yang sedang ditawarkan oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini, saya ingin menyebut bahawa program yang kita laksanakan yang terdekat ini untuk peluang pekerjaan kepada rakyat kita, yang dinamakan *Outreach* Kesejahteraan Pekerjaan Rakyat Jamin Kerja @ Gerbang Kerjaya bersama dengan Karnival Usahawan Terengganu (KUAT) di Dataran Drawbridge Kuala Terengganu pada 24 hingga 28 Mac ini. Jadi, kepada anak-anak muda yang baru tahu, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru tahu dan mengetahui ada ramai anak-anak muda yang mencari pekerjaan, saya merayu untuk berikan maklumat ini dan mereka boleh datang ke Dataran Drawbridge Kuala Terengganu untuk mendapat insentif yang saya sebutkan tadi. Dalam program itu nanti, kita telah mendapat komitmen daripada tujuh syarikat yang akan mewakilkan petugas atau pekerja mereka untuk datang *interview* terus kepada anak-anak muda kita datang *interview* dan pengalaman kita lebih daripada 60% yang akan diteruskan beri jaminan ataupun kelulusan untuk bekerja apabila program seperti ini dilakukan. Yang lebih membanggakan lagi, daripada tujuh syarikat besar ini, lima daripadanya adalah syarikat yang berada dalam Negeri Terengganu. Juga menjawab soalan Jertih semalam, adakah kita ini menjadi dasar Kerajaan yang saya sebut *dah* semalam untuk mengeluarkan, bawa orang-orang ataupun rakyat kita ke luar negeri kita, bekerja di sana, tidak. Kita mempunyai platform yang ada di THRDC dan kita mengalu-alukan kepada mana-mana syarikat yang mempunyai peluang pekerjaan untuk bersama-sama Kerajaan Negeri memilih rakyat kita untuk mendapat peluang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan isu kenaikan harga barang. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam ucapan mereka melahirkan kebimbangan terhadap kenaikan harga barang yang tidak terkawal mutakhir ini. Walaupun umum telah mengetahui punca berlaku semua ini adalah kerana ekonomi dunia dan ianya lebih parah lagi apabila berlakunya peperangan antara Rusia dan Ukraine. Jika peperangan ini berpanjangan, kesan kenaikan harga barang akan semakin parah. Kerajaan Negeri bersama dengan KPDNHEP, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bergerak seiring untuk menutup ruang-ruang supaya tiada peniaga ataupun pemborong mengambil kesempatan di atas keadaan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia, pemantauan daripada pihak KPDNHEP sentiasa bergerak dari masa ke semasa bagi memastikan ianya tidak berlaku

perkara yang salah laku itu. Sehingga akhir 2021, sebanyak 11 kertas siasatan telah dikeluarkan di bawah Seksyen 11, pelanggaran subperenggan (iii), Perintah Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan, penentuan harga maksimum menjual melebihi harga borong, maksimum dengan nilai kompaun sebanyak RM3,800.00 manakala 4 kertas siasatan telah dikeluarkan di bawah Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011; kesalahan mencatut dengan nilai kompaun sebanyak RM7,500.00. Rentetan daripada itu, beberapa langkah proaktif pihak Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pengimport-pengimport barangan tertentu bagi menawarkan harga barangan dengan kadar yang lebih murah daripada harga pasaran sebenar. *Insya-Allah*, menjelang perayaan Aidilfitri nanti, Kerajaan akan menganjurkan suatu karnival jualan daging beku import dengan harga yang rendah. *Insya-Allah*, tarikh dan lokasi akan dimaklumkan nanti. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada syarikat anak Terengganu yang bergiat dalam bidang *pengimportan* daging beku ini, yang sanggup bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri bagi meringankan bebanan rakyat menjelang hari raya nanti. Saya sangat mengharapkan agar lebih banyak lagi usahawan-usahawan anak-anak Terengganu mengambil inisiatif yang sama bagi meringankan bebanan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Jertih juga ada menyebut mengenai sistem *parking* yang baru diperkenalkan di Daerah Besut. Saya ingin menyentuh sedikit kerana saya telah diberikan tanggungjawab untuk memantau sistem ini di daerah Besut. Sistem *parking* yang dinamakan 'Smart Besut' ini dan saya sangat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jertih, sesuatu yang baru akan menyebabkan *gegey* sekejap tetapi *insya-Allah* dengan penerangan yang berterusan, ianya akan diterima baik oleh rakyat Besut. Apa yang saya ingin nyatakan ataupun menarik perhatian Dewan yang mulia ini, ada cadangan agar disediakan lot *parking* percuma kepada OKU, Orang Kelainan Upaya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkara ini telah dipersetujui dan di peringkat akhir pelaksanaannya oleh Majlis Daerah Besut. Pihak Majlis Daerah Besut dan syarikat pelaksana telah mengenal pasti 17 lot ataupun petak *parking* yang akan dikhususkan kepada golongan OKU di Daerah Besut. Setakat ini, Majlis Daerah Besut telah menerima 14 OKU yang telah berdaftar bagi mendapatkan kemudahan ni, *insya-Allah*. Berita gembira ini harus disambut baik oleh rakyat Besut atas kecaknaan daripada pihak Kerajaan pada golongan OKU.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Besut yang menyatakan dalam ucapan beliau tidak bersetuju dengan gelaran kepada UMNO umpama itik patah kaki. Bagi saya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, gelaran ini sebenarnya sinis budaya Melayu bagi menyedarkan pihak yang terkena sindiran. Tidak timbul isu gelaran itu sangat sebenarnya. Sepatutnya, apabila ada sindiran seperti itu, UMNO buat semakan kepada dirinya sendiri, bukan melenting ataupun melatah tidak tentu *pasal*. Malah memburukkan lagi, menjadikan penyebab untuk memutuskan Muafakat Nasional. Bagi yang berfikiran matang...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Salah *tu*, salah. Bukan penyebab tapi kita *ni doh kalu* betul Islam, janganlah duduk kata ke orang. Macam Hulu Besut katalah. Kita nak bawa nilai-nilai murni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Okey, terima kasih Yang Berhormat. Jadi tidak timbul isu gelaran itu sangat sebenarnya. Sepatutnya apabila sindiran itu, UMNO buat semakan pada dirinya, bukan melenting ataupun melatah tidak tentu *pasal*. Bagi yang berfikiran matang, sepatutnya apabila ada sindiran sinis seperti ini, cepat-cepat cermin balik diri dan perbetulkan. Bagi saya sindiran ini sangat sesuai dan paling ringan diumpamakan dengan itik patah kaki itu. Dunia melihat keadaan sebelum ini, bagaimana sikap UMNO kepada PAS apabila dalam keadaan yang...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Doh guane patohnya?* Kalau patah *dok* ringan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dia bagi laluan *dok*?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok* tahulah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat bagi laluan *dok*?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Takpe*, dia nak mencelah itu tidak apa tapi setakat itu *je lah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Hor*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Saya akan teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab kata ringan, *patoh* ringan. Duduk *spital* kalau *patoh ni*. *Dok* boleh *gerok*. Ringan *guane?*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Duduk dulu Yang Berhormat. Duduk dulu. Dengar biar *ambe*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dia *mitok*, dia *mitok*, dia *mitok*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ringan *ke dok* ringan *ke*, jangan kata *kokrang*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Masalahnya, bila *dok* habis lagi perbahasan, *duk gomo laluh...*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Masalahnya kata *kokrang*. Eh, kata *kokrang ni* comel *ke?* *Dok* comel Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Ringan, *dok* ringan pun, *dok* comel kata ke orang ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat *dok* rajin kata ke orang?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok*, *dok* kata. Saya puji *sokmo* Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Kita ada video *hok duk* kata ke orang.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hok ane tu?*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Adalah, kita ada video.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hok ane hor?*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Hok cakak baru ni ah.*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hok cakak mane?*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Hok cakak dalam PAU baru ni.*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Saloh ke betol hok saya kate.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Dok betol ah.*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Kat mane hok salah?*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Dakpe, kita bincang balik hok tu.*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Kat mane hok salah? Hok dok betol kat mane? Cer kabo ke saya. Hok kate saya dok betol.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakpelah.* Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang terhormat. Ni. Kita balik tajuk asal. Balik tajuk asal.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang di-Pertua. *Hok kate saya kate dok betol kat mane. Biar dia kabo hok mane salah.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Dakpe. Nanti kita betol.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakpe hok tu, Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat duduk dulu.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Dunia melihat keadaan sebelum ini bagaimana sikap UMNO kepada PAS apabila kalah dalam PRU ke-14. Enam ataupun tujuh Pilihan Raya Kecil, PRK berlangsung, PAS menjadi teman yang utama dalam membantu PRK tersebut. Dan selepas menang, berkumandanglah lagu "Terima kasih" "Terima kasih" kepada PAS. Itu berlaku apabila mereka dalam keadaan kelemahan. Ketika lemah, tetapi selepas agak selesa sedikit, maka macam-macam alasan lapuk dikeluarkan. Seolah-olah tak ada jasa langsung PAS kepada UMNO. Bagi saya perumpamaan yang diberi sebagai itik patah kaki ini.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok eh. Hok ni saya dok brape puah hati Dato' Yang di-Pertua. Cara cakak ni tuduh ni saya dok brape puah hati. Rase lapuk ape sreme ni nape. Nape?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Kene tanye.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Duduk *bakit* balik.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Sape yang cuba nok main dua kolam ni. Eh di akhirat takdok kaki sbeloh dalam syurga, takdok kaki sbeloh dalam neraka. Kalu syurga, syurga, kalu neraka, neraka. Dokleh main dua kolam ni. Takdok. Kalu baik, baik. Kalu jahat, jahat. Takdok kate saya nok duk sbeloh beloh baik, sbeloh beloh jahat. Dokleh. Nok duduk kaki sbeloh syurga, kaki sbeloh neraka takdok.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat duduk...

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Betol ke dok mase lemah tu mitok tolong PAS. Terima kasih. Terima kasih kepada PAS.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Mitok tolong PAS guane.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih. Terima kasih kepada PAS.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Doh kalu PAS wak molek kita memang ucap terima kasih. Tapi kalu PAS nok maing nok lari, maing nok dua kolam, maing nok selamat saje, dok betol. Dok. Jangan perbesorkan benda ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat duduk dulu, duduk dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ni cara ni cara nok baloh ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dakpelah. Tadi masa Yang Berhormat kawan-kawan kita bercakap kang banyok gangguan.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dok. Ni panjang ni, panjang. Brase macam nok baloh ni. Cara cara, cara nok baloh dan cakak pon dok betol.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dakpelah. Kita tahang telinga pulok.

YANG BERTHORMAT HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Duduk duduk dulu ah Batu Rakit eh...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Masalohnye cakak benda yang dok betol.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat. *Dengor* dulu. Duduk dulu saya *nok* bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab tu saya bangun. *Kalu betol* saya senyap je.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kalau *standing orders* *kalu* saya bercakap *kene* duduk dulu. Duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Kate doh* saya ni orang baik. Saya *dengo hok* Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tapi yang jadi *masalohnye hok cakak nung dok* betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakpe dakpe*. Sekarang ni giliran Kerajaan *floor* dia. Yang Berhormat duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok betul* Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakpe dakpe dakpe*. *Dengo* dulu. Orang politik *kene* tahan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hok dok betul dakpe*. Saya *bengong* sikit ni. Saya *bengong kalu dok betul dakpe* ni. *Dok betul dok leh ah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Bukan. Orang politik dia *kene* tahan. *Kene* kebal. Sebab tu *ade* pepatah kata kalu takut dilambung *ombok*, jangan *berumoh* di tepi pantai.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya tahan. Tapi saya *nok* perbetulkan. *Hok bace nung dok betul*. Sebab tu saya bangun. *Kalu betol* saya *dok* bangun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok. Betol. Same jugok. Same jugok* mase Wakil-Wakil kawan-kawan kita bercakap, Yang Berhormat Hulu Besut bercakap, sini *rilek je*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab *betol*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mana Yang Berhormat tahu *betol*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab *betol*, sebab tu diam. Ni sekarang ni saya bangun ni kerana saya rasa *dok betol*.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Orang tahu *doh cakak*. Orang *dok* bising *pon*. Senyap je dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tu orang kata *kene kebal*.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Dok kebal duduk ah*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Eh senyap *guane*.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Kebal dok linge tu*. Duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya bangun kerana apa yang diucapkan *dok betol*.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Doh hok ye cakak tu betol dok*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok betol ah ni*.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Itik *patoh* kaki biasa *ah*. Pelik *apenye*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tadi Hulu Besut *cakak* tadi mungkin *betol*. Sebab tu tuan-tuan *dok* bangun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ye.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Betol dok betol tu* terpulanglah kepada sesiapa yang menilai. Sini bukan tempat perbahasan. Bukan tempat perbahasan yang kita kata *hok ni betol hok ni dok betol*. Terpulanglah pada masing-masinglah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab tu saya bangun sebab saya rase *dok betol*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang ni *floor* kerajaan, *kalu* dia *dok* beri laluan, *dok boleh ah*. Dia tak beri laluan Yang Berhormat. Habis setakat *tu je* kita. Okey. Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Takpelah*. Cuma saya bangun mengatakan bahawa tidak *betol*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakpelah*. Tu pendapat Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih *ah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Ke nok* panjang lagi. Jadi *ah kalu takmboh baloh*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak boleh. Ni *floor* Kerajaan ni Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat tak boleh nak *over role* ni. Dia tengah bercakap. *Ikot* pandai dia nak bercakap macam *mane*. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Ahh gitu*. Makna boleh cakap la.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok*. Maksud dia, giliran dia sekarang.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Mase* saya 15 minit *tu nok kate* macam-macam ke Dato' Yang di-Pertua boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak berbangkit. Sebab tu saya dah beri pingat. Saya baca ayat Al-Quran *doh*. Saya sebut Hadis *doh*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ha. Baca kena amal. Bukan setakat baca sahaja. Tidak amal, *dok buat, dok betol*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Itu bukan setakat satu peringatan. Okey. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Bertenang sikit Batu Rakit. *Mitok* bertenang sikit. *Kalu nok blawang bleh blawang*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok*. Bertenang *doh*.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): *Seroh* ke *Speaker* la. *Molek ah tu*. *Seroh* kepada *Speaker*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey. Sila. Sila sambung Yang Berhormat. Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Sikit je. Sikit je.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Pahni* kita *nok* minum air bersama *pulok*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Hok* panjang tu kerana ada gangguan la.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Teruskan. Teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang di-Pertua, saya ingin sambungkan sedikit lagi apa yang *nok sudoh*. Saya nak mengisahkan bagaimana sebut itik patah kaki tu. Lembut je.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ulang lagi. Dato' Yang di-Pertua ulang *agi maing patoh patoh*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Doh bakpe* Yang Berhormat Batu Rakit itik ke yang *brase* hati sangat tu. *Ohh* sibuk ke dia *ah*. *Biase ah patoh* kaki tu. *Biase je patoh* kaki itik. *Bakpe* yang *brase* hati *ngat*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dia *biase je*. Dia *biase* lagi daripada *kapir mengkapir ni* ringan lagi *hok ni*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok soh ah* Yang Berhormat. *Dok soh ah*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): لا إله إلا الله
Dalam Al-Quran sebut *banyak* lagi.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Doh ye ah*. *Betol doh*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

أَضَلُّهُمْ بَلْ كَالْأَنْعَامِ أَوْلَيْكَ

Tuhan sebut dalam Al-Quran mereka tu macam binatang *ternok*. Binatang *ternok* ni kambing lembu itik masuk blake.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Betol doh. Hok ni ringan lagi. Saya faham. Kita ni takmboh baloh Dato' Yang di-Pertua.*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Takmboh baloh guane.*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dato' Yang di-Pertua.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok. Bukan masalah baloh. Ini giliran dia bercakap, biar dia bercakap dulu.*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Bagilah orang jawab pulok giliran dia cakap. Kita dok jawab pon. Ikot panda dia nok cakap mende.*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Sebab deme takdok.*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Bila orang jawab sibuk pulok dia.*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Sebab deme takdok.*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Allah. Deme doh tahan telinga. Nok tu jadi tu sangat. Wakil rakyat sangat.*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Eh. Bukan dok tahang. Saya tahang. Takdok masalah.*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Doh tahang dengo lah* giliran orang *cakak*. Dia *cakak* kita *dengo* je.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab saya kata *dok betol*. Sebab tu saya bangun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Doh dakpe* lah. Yang Berhormat *kate dok betol dakpe lah*. Kita *dengo* dulu. *Dengo* dia *cakak* dulu. *Dokkang* setiap *patoh* dia *cakak* kita *nok* ganggu *sokmo*. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ketika lemah bersama-sama dengan PAS dan dalam PRK selepas menang, berkumandang ucapan terima kasih, terima kasih kepada PAS. Tetapi selepas daripada agak selesa sedikit, macam-macam perkara disebut kepada PAS seolah-olah tidak ada langsung jasa PAS kepada UMNO. Bagi saya perumpamaan yang diberikan sebagai itik patah kaki itu satu perumpamaan yang paling berhemah. Kalau tengok kepada sikap yang ditunjukkan itu, sepatutnya sesuai menggunakan perumpamaan melayu yang lebih masyhur iaitu bagai melepaskan anjing tersepit. Tapi kami tidak menggunakan pepatah itu. Ini *point* saya *nye*. Duk *pitah tengoh* jalan. Makna kita ada lagi perkataan yang lebih teruk lagi kita boleh kalau sebut kalau dengan sikap UMNO sekarang ni.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebut ah. *Cer* sebut *hok* teruk *agi*. *Cer* sebut. *Dok eh*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Tapi kami mengambil meletakkan itik patah kaki. Itu yang saya katakan suatu perkataan yang agak berhemah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebut *hok* teruk *agi* tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat. Dia *nok abih doh*. *Nok abih doh*, dia nak *landing* dah. Cukup, cukup, cukup. Teruskan. Teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok eh. Sebut ah hok teruk agi tu.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Insyah-Allah* kami bertekad selepas pilihan raya nanti, bukan setakat memberikan sebelah sana duduk sebelah sini, tetapi kita akan pastikan bekerja keras untuk mengurangkan kerusi yang ada di sebalik sana. *Insyah-Allah.*

Di atas robohan Kota Melaka
Pantang melayu menyerah kalah
Biarlah sayonara diucapkan atau dikata
Kami tetap dengan agenda penyatuan ummah

Mari bersama kita berakit
Berakit menuju ke Pulau Paya
Teguh bersatu laksana bukit
Terengganu Maju Berkat Sejahtera

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dengan ini saya sepertimana rakan-rakan sahabat-sahabat yang lain juga memohon menyokong dan menjunjung kasih Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan.

والله أعلم
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih Wakil Kota Putera di atas penggulungan. Yang Berhormat Batu Rakit saya *dok seke gok*. Dari segi *napok hebak*, tapi dalam bab ni jadi manja sangat. Lambat orang sebut, jadi *latoh* selalu. Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menangguhkan persidangan ini sehingga pukul 4 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.40 PETANG

PUKUL 4.10 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sekarang saya persilakan Wakil Kuala Berang untuk menyambung penggulungan bagi pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Seri, Dato'- Dato', Yang Berhormat EXCO dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan, rakan-rakan media, semua pemerhati *online* dan *offline*. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk menggulung perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri yang Ke 14. Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tahu berkaitan tentang beberapa perkara di bawah portfolio saya.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya nak tanya sikit, Yang Berhormat Kuala Berang dia nak cakap pasal itik dok? Ada nak cakap pasal itik dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, awal sangat. Yang Berhormat biar

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tanya dulu, tanya dulu, kalau dia nak cakap pasal itik saya nak sedia kolam

ANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakpe dakpe* sekarang giliran dia. Biar dia cakap dulu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat. Teruskan, teruskan...

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Pertama, terima kasih kepada Yang Berhormat Sura, memaklumkan berkaitan hakisan iaitu yang berlaku di Pantai Teluk Lipat Dungun, berhampiran dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Jadi, untuk makluman kita bersama pihak JPS Malaysia telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 500,000.00 untuk kerja-kerja jangka masa pendek. JPS Daerah Dungun sedang menyediakan dokumen sebut harga dan skop kerja masih lagi di peringkat perbincangan sama ada *beach nourishment* sepanjang 100 meter ataupun *rock revetment*. Jadi masih dalam perbincangan. Pelaksanaan Projek Pemuliharaan Muara Sungai Dungun dengan kos sebanyak RM250 juta juga akan menyelesaikan masalah hakisan di kawasan berkenaan *insya-Allah* dan kerja-kerja *beach nourishment* merupakan salah satu skop kerja dalam projek tersebut. Tender telah diiklankan dan taklimat tapak akan dibuat pada 24 Mac nanti. Projek Pemuliharaan Muara Sungai Dungun ini telah diluluskan di dalam RMK yang Ke-11 lagi iaitu dalam RP4 tahun 2020. Kos projek ialah RM250 juta. Jadi saya mengharapkanlah dengan selesainya projek ini akan menyelesaikan masalah hakisan tadi.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Jertih memaklumkan berkaitan dengan isu hakisan di Sungai Jertih berhampiran dengan Masjid Pakistan. Bagi mengatasi masalah hakisan di Sungai Jertih ini, terutama di kawasan berhampiran dengan Masjid Pakistan satu cadangan projek pemuliharaan sungai di Bandar Jertih, Besut telah dimohon melalui Rancangan Malaysia yang Ke 12, RMK 12 *rolling plan* yang ke 3 dengan kos sebanyak RM35 juta. Skop kerja yang terlibat adalah membina struktur pelindung kepada tebing Sungai Besut dan Sungai Jertih dan menaikkan Sungai Jertih dan membina denai sungai. Status terkini cadangan projek ini adalah telah disenaraikan dalam sistem MyProjek dan dijangka akan dibentangkan kepada EPU pada bulan Jun 2022 nanti. Jadi *short listed*, kita harap akan dapat menyelesaikan projek dan dapat menjaga Masjid Pakistan di Jertih nanti.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Batu Rakit, *ha ni baru sapa*, memaklumkan bahawa hakisan sentiasa berlaku di kawasan yang sama. Yang Berhormat Batu Rakit memohon pihak Kerajaan meneliti kajian yang telah dilaksanakan. Kawasan yang terlibat adalah di Kampung Kolam, Pengkalan

Maras dan juga di Kampung Pok Nong sebagaimana yang disebut semalam. Jadi untuk makluman kita dan makluman Yang Berhormat Batu Rakit satu kajian projek pengawalan hakisan pantai di Kuala Nerus Terengganu telah dilaksanakan pada tahun 2020 iaitu 7 Januari dan telah disiapkan kajian tersebut pada 6 Februari 2021. Hasil daripada kajian yang dilaksanakan berlaku pergerakan pasir ke bahagian utara dengan kuantiti sebanyak 300,000 meter padu setahun, menyumbang kepada hakisan yang teruk di kawasan Mengabang Telipot. Berdasarkan kajian berkenaan sebagai langkah penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah hakisan yang berlaku di Kuala Nerus, satu projek pengawalan hakisan pantai di pantai Kuala Nerus telah diluluskan oleh Kerajaan *Federal* dalam RP3 RMK11 dulu dengan peruntukan RM90 juta. Cadangan pelaksanaan projek ini akan melibatkan pembinaan skopnya ialah pemecah ombak dan penambakan pantai, pembinaan *break water* bermula dari Mengabang Telipot iaitu di hadapan Warung Pok Nong sehinggalah ke Sungai Tuan Nik belakang INSTEP. Projek ini telah selesai peringkat penyediaan rekabentuk secara terperinci dan dijangka akan melalui proses tender sebelum pertengahan tahun ini, *insya-Allah*. Jadi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia pada masa ini telah melantik perunding bagi menjalankan kajian dan menyediakan pelan pengurusan pantai bersepadu *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP) bagi menyediakan pelan pembangunan yang mampan termasuklah menilai kaedah menangani isu hakisan pantai di Negeri Terengganu. Pelan ISMP dijadualkan akan siap pada tahun 2023 tahun hadapan.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih. Dato' Yang di-Pertua, saya nak ucap terima kasih. *Hok molek, molek jugak, hok dok molek...*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Kita sayang Batu Rakit *ni*. Seterusnya, terima kasih kepada Yang Berhormat Seberang Takir, berkaitan dengan status pengambilan projek ECRL kita, pengambilan tanah, jadi untuk pengetahuan kita bersama penswastan Seksyen 4 dan Seksyen 8 bagi pengambilan balik jajaran utama telah diselesaikan di seluruh Negeri Terengganu. Untuk makluman kita, proses pembicaraan di Daerah Dungun dan Kemaman telah selesai. Manakala bagi Daerah Marang sekarang ini sedang berlangsung. Pembicaraan bagi daerah Kuala Nerus dan Kuala Terengganu

akan bermula pada April tahun ini dan dijangka Setiu dan Besut bermula pada Mei tahun ini juga. Jadi kita harap dengan pengambilan balik tanah ini AKAN selesai. MMKN pernah menangguh sementara keputusan pengambilan tanah ini berikutan Kerajaan Negeri pada waktu itu masih dalam proses rundingan bersama dengan pihak MOT (*Ministry of Transport*), MRL, CCCC, berkenaan dengan penglibatan kontraktor tempatan dan perkara-perkara teknikal lain, jalan masuk ke tapak stesen, *connectivity mode* dari stesen Kuala Terengganu ke Bandar Baru Bukit Besar dan melibatkan pekerja tempatan. MMKN telah menarik balik keputusan tersebut pada bulan November tahun lepas. Berkaitan dengan penubuhan konsortium GPQ AZRB dan juga Konsortium P-Excel dengan MMC Corporation, Kerajaan Negeri mengambil langkah untuk memenuhi beberapa kriteria persaingan untuk mendapatkan kerja-kerja kontrak yang ditawarkan oleh projek ECRL ini. Konsortium berperanan sebagai payung kepada sub kontraktor, terutama kontraktor-kontraktor tempatan agar penglibatan kontraktor tempatan ini dapat dicapai sebagaimana sasaran. Walau bagaimanapun, setelah beberapa siri rundingan dan penyertaan daripada konsortium ini membida beberapa projek tetapi sehingga hari ini konsortium ini masih belum dapat memenangi apa-apa tawaran daripada projek tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat juga kontraktor tempatan kita yang menjadi sub kontraktor kepada pembida yang berjaya yang mendapat kontrak bagi melaksanakan projek ini.

Seterusnya, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Besut. Kuala Besut ada *dok [Sambil ketawa]* Yang Berhormat Kuala Besut mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengenalpasti dan merancang pembangunan TOD bagi projek ECRL agar ianya seimbang dengan pelaksanaan projek. Bagi perancangan cadangan pembangunan di sepanjang jalan dan di sekitar stesen ECRL, perunding yang dilantik oleh PLAN Malaysia Putrajaya sedang membuat kajian bagi mencadangkan bentuk pembangunan yang bersesuaian untuk dibangunkan. Sesi libat urus telah dilaksanakan oleh perunding bersama beberapa agensi perancang pelaksana pembangunan peringkat negeri. Dijangka hasil kajian akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri pada pertengahan 2022 ini. Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah untuk mengenalpasti lokasi-lokasi tanah kerajaan terlebih dahulu yang bersesuaian dengan stesen tersebut iaitu lebih kurang 10km radius kepada stesen. Pelbagai jenis pembangunan yang boleh dilaksanakan seperti *Transit Oriental Development* (TOD) tadi, hub logistik dan perindustrian dan sebagainya. Bagi cadangan pembangunan TOD, lapang lokasi tanah kerajaan

telah dikenal pasti dengan jarak daripada stesen sekitar 1.1km sehinggalah 1.5km dan dianggarkan keluasan tanah kerajaan tersebut keseluruhannya berjumlah 523 hektar. Cadangan ini telah dibentang kepada Jawatankuasa Perancang Negeri pada tahun 2021. Pelan Induk Pembangunan dan akan disediakan setelah hasil kajian daripada PLAN Malaysia Putrajaya disiapkan sepenuhnya.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengkalan Berangan, memohon pencerahan berkaitan perancangan Kerajaan dalam memastikan rakyat menerima manfaat daripada segi ekonomi berkaitan pelaksanaan projek ECRL. Ramai yang minat ECRL ini. Perancangan Kerajaan agar rakyat menerima manfaat ekonomi di sekitar stesen adalah membangunkan kawasan stesen dengan kaedah tadi iaitu TOD tadi, hub logistik dan sebagainya. Buat masa sekarang kajian sedang dijalankan oleh PLAN Malaysia Putrajaya bagi mengenal pasti potensi kawasan tersebut dan mencadangkan kaedah pembangunan yang sesuai yang akan dilaksanakan nanti. Kerajaan Negeri akan menyediakan *master plan* pembangunan di kawasan stesen dan akan bekerjasama dengan pihak swasta bagi membangunkan kawasan tersebut. Yang Berhormat Pengkalan Berangan juga memohon Kerajaan menilai kembali pengorbanan rakyat yang kehilangan harta dan punca pendapatan yang terlibat dengan pengambilan balik daripada pelaksanaan projek ECRL. Secara asasnya, setiap harta milik individu yang terlibat dengan projek ECRL seperti tanah dan bangunan akan dibayar pampasan setimpal sebagaimana harga pasaran. Projek ini merupakan infrastruktur pengangkutan yang akan memberi manfaat yang lebih besar kepada rakyat dan ekonomi Negeri Terengganu dalam jangka masa pendek dan panjang.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Jertih dan Kuala Besut yang membangkitkan berkaitan masalah tekanan air di Besut baru-baru ini. Satu ketika baru-baru ini memanglah berlaku masalah air sedikit di Besut tapi sekarang ini sudah selesai. Kawasan yang mengalami masalah tekanan air rendah yang kritikal di daerah Besut adalah di Zon Kluang dan Pulau Perhentian. Punca utama berlakunya masalah tekanan air rendah adalah disebabkan paras tangki pengimbang iaitu yang terletak di Bukit Puteri Baru berada paras tidak normal iaitu hanya 0.4m berbanding kapasiti penuhnya 7m. Paras normal tangki berkenaan biasanya 4.5m. Selepas kajian dibuat, SATU akan memasang *booster pump* bagi meningkatkan paras tangki pengimbang di Bukit Puteri tersebut. Jadi dianggarkan kosnya dalam RM500,000.00 yang akan

diberi oleh pihak Kerajaan dan pihak SATU untuk menyelesaikannya. Untuk satu lagi projek berkaitan dengan Besut ini iaitu loji rawatan air Bunga SATU yang telah lama berhenti operasinya akan diaktifkan semula dengan bajet daripada bawah KPLB sebanyak RM8 juta untuk menambahkan 18mlb lagi air bersih untuk kawasan berkenaan. *Insyah-Allah* perkara ini akan dapat mengatasi masalah air di Besut.

Seterusnya, berkaitan Kuala Besut lagi ini. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut berkaitan dengan mengurangkan impak banjir sama ada perancangan pembangunan, tebatan banjir ataupun pembangunan sistem saliran. Ini secara umumlah. Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri telah merangka perancangan jangka pendek dan panjang untuk mengurangkan impak banjir dengan melaksanakan penyelenggaraan secara berkala berkaitan dengan pelaksanaan projek tebatan banjir termasuklah kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan kawasan-kawasan yang teruk akibat impak banjir tersebut. Untuk makluman kita bersama baru-baru ini dalam RP yang ketiga ini JPS telah memohon 18 projek untuk negeri kita dan angkanya RM1 billion lebih dan untuk di Besut ini sahaja saya suka menyebutkan bahawa pertamanya projek rancangan tempatan banjir Bukit Puteri, Besut berjumlah RM40 juta kemudian Pelan Induk Saliran Mesra Alam daerah Besut RM2.7 juta. Projek pengawalan hakisan pantai Pulau Perhentian, Pulau Perhentian Kecil berjumlah RM5 juta dan projek pemeliharaan sungai di bandar Jertih berjumlah RM35 juta *so* ada empat projek yang kita mohon dalam RP3 Rancangan Malaysia yang ke-12. *Kalu lulus hok ni sedap lah kita dok* dan untuk makluman kita juga projek baharu dalam pelaksanaan di Negeri Terengganu ini pertamanya projek di muara Sungai Merchang RM43 juta, projek di Setiu di Mangkuk RM150 juta, projek RTB Kemasik berjumlah RM60 juta. Semuanya akan dilaksanakan pada tahun ini. Seterusnya projek dalam penyediaan dokumen *tender* di negeri kita iaitu projek PLSB Sungai Kemaman di tebatan banjir Kemaman ini Fasa 1 *hok ni* RM300 juta lebih, projek sistem tebatan banjir dan sistem pencegahan hakisan di UMT dan juga projek tebatan banjir di Terengganu Utara dan kawasan sekitar. Jadi sudah tentu banyak projek-projek daripada JPS yang akan dilaksanakan di negeri kita nanti. Seterusnya *banyak sikit nampok ni* Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua *pasal banyak* soalan. Terima kasih Yang Berhormat Buluh Gading memaklumkan isu berkaitan tali air kawasan pertanian yang tidak diselenggara yang menyebabkan berlaku banjir di kawasan kampung tersebut. Tali air pertanian untuk makluman kita adalah bertujuan untuk mengairkan kawasan penanaman padi namun demikian perubahan guna tanah telah

menyebabkan tali air ini dijadikan sebagai sistem saliran terutamanya di kawasan pertanian yang tidak lagi aktif. Jadi bagi tujuan penyelenggaraan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 pada tahun ini tahun 2022 dan kerja-kerja akan dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang ditetapkan dan mengikut keutamaan di negeri ini. Kerajaan *Federal* pun melalui MAFI telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM400,000.00 bagi kerja-kerja penyelenggaraan tali air untuk kawasan yang aktif bertanam padi sahaja jadi peruntukan ini akan digunakan sewajarnya dan tidak kepada yang tidak bertanam padi untuk makluman kita. Seterusnya..

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua minta laluan sikit nak kepastian semula..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila-sila Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Maksudnya aliran tali air ke kawasan yang tidak lagi diusahakan tanaman masih di bawah tanggungjawab pertanian untuk selenggara dengan peruntukan negeri begitu.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ya.. ya

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Makna hok pusat tu memang dia tak..

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): MAFI hanya untuk tanaman padi sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Ya

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): *So* mana-mana yang tidak tanam padi tidak termasuk di bawah peruntukan MAFI

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Negeri *dok*

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Untuk negeri untuk padi ini tidak ada padi bergantung. Sekiranya ada tanaman kontang ke apa masih di bawah Kerajaan Negeri

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Kalau tidak ada tanaman langsung?

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Kalau tidak ada langsung di bawah negeri juga tetapi bawah agensi lain

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Itu yang saya nak pasti itu, kalau tidak jadi ke sana pun tak tahu ke sini tidak tahu akhirnya tergantung.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ya *Insyallah*

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Itu persoalan saya nak mintak pencerahan biar ada penyelesaian

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Okay mungkin di bawah Pejabat daerah ataupun di bawah PPT masing-masing tapi tidak di bawah JPS

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Tidak lagi di bawah JPS

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Tidak lagi bertanam padi ataupun tanaman kontang. Okay terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat panjang lagi dok

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Empat orang lagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh sebab saya nak pastikan Wakil daripada Alur Limbat boleh share sama masa pada petang ini.

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Okay saya cuba Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Yang Berhormat Rantau Panjang memohon agar Kerajaan menyediakan prasarana asas di kawasan RTB yang telah diluluskan. Kerajaan Negeri mengambil maklum berkaitan dengan ketiadaan prasarana di Kawasan RTB dan sentiasa merancang

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Rantau Panjang ke Rantau Abang?

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Rantau Abang ini.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebut Rantau Panjang *sakning*

YANG BERHORMAT Dr. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ya minta maaf sebenarnya Rantau Abang kita sayang ke abang kita. Menyediakan RTB yang telah dibuka kepada rakyat walau bagaimanapun kekangan peruntukan membataskan penyediaan prasarana ini dan pembangunan perlu dilakukan secara berfasa bagi memenuhi keperluan bakal penghuni di RTB. Namun begitu selain peruntukan Kerajaan Negeri, Kerajaan *Federal* juga turut menyediakan peruntukan bagi pembangunan infrastruktur awam seperti jalan, bekalan air dan bekalan elektrik di kawasan-kawasan baru di luar bandar melalui KPLP. Yang Berhormat Ajil, terima kasih berkaitan dengan kajian untuk menaik taraf jalan Kampung Felda Mengkawang dan FELCRA Betong yang sentiasa berlaku banjir kerana kawasan tersebut agak rendah. JKR bersedia untuk membuat kertas cadangan bagi menaik taraf jalan Kampung Felda Mengkawang bagi jalan FELCRA Betong pihak pemilik iaitu FELCRA boleh memohon kepada JKR bagi menyediakan kertas cadangan berkenaan. Yang Berhormat Ajil juga memohon mempercepatkan pembinaan jalan dan jambatan di Belukar Bukit. Hari ini pun kita masih ada mesyuarat berkaitan dengan ini dan bagi penyelesaian jangka pendek. Tadi hari *ni dah* letak barang-barang besi dan sebagainya iaitu kita *nak* buat titian untuk laluan pejalan kaki, berbasikal dan motosikal dan kita *retoklah retok* boleh angkat. *Insyallah* dalam masa kita beri tempoh seminggu ini akan siaplah. Bagi pembinaan jambatan kekal yang mana kita tahu *embankment* dah rosak kita perlu satu kajian daripada *consultant* kita akan bina jambatan yang apa ini tambahan jambatan yang baru di sana. Seterusnya Tepoh juga ada membangkitkan berkaitan dengan Tok

Jiring Fasa Dua dan juga Banggol Air Leleh di Kuala Nerus. Projek RTB Tok Jiring Fasa Dua dan projek sistem saluran Banggol Air Leleh merupakan beberapa projek yang menjadi keutamaan kepada negeri kita dan telah dimohon RP yang ketiga baru-baru ini dan kedua-dua projek ini telah di *key in* ke dalam sistem *MyProject* jadi bagi apa ini kita harapkanlah projek ini akan dapat diluluskan pada bulan Jun nanti. Seterusnya ada sedikit lagi iaitu ADUN Air Putih membangkitkan berkaitan dengan anak-anak sungai dan pintu air iaitu Skim Padi di Sungai Buaya yang tidak diselenggara samalah seperti tadi jadi bagi tujuan penyelenggaraan sungai pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air telah memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan sungai untuk mengurangkan risiko banjir. Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri telah membuat perancangan pelaksanaan bagi peruntukan tersebut mengikut keutamaan dan akan diperhalusi isu yang dibangkitkan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut memperuntukkan peruntukan tahunan yang dilaksanakan berdasarkan kesesuaian skop dan peruntukan ditetapkan mengikut keutamaan. Jadi Skim Air Putih tidak lagi aktif ditanam padi sejak 10 tahun yang lalu dan hanya terdapat tanaman kontan sahaja yang diusahakan. Bagaimanapun, pintu air tersebut diselenggara oleh pihak JPS mengikut keperluan. Sungai Buaya adalah antara anak-anak sungai di kawasan Air Putih yang mana mengalir ke skim padi di Air Putih. Saya rasa itulah beberapa perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan portfolio saya. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkannya dan saya juga menyokong di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTITAH DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kuala Berang atas penggulungan tadi. Dan saya nak minta sekarang *ni* Wakil Alur Limbat menggulung bagi pihak Kerajaan yang terakhir petang *ni* dan minta berhenti sebelum pukul 5.00 *lah*, kalau tidak kita perlu Notis lanjutkan masa, sila.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
 وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan seterusnya semua yang hadir pada hari *ni*. Terima kasih kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam sesi penggulungan Menjunjung Kasih Titah Tuanku sempena Sidang DUN Mesyuarat Pertama Penggal Kelima di dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Kajian yang dijalankan oleh Tourism Malaysia 2020 sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun 2020 dilaksanakan. Negeri Terengganu telah menerima pelancong yang tertinggi di Pantai Timur iaitu peningkatan sebanyak 165%. *Trend* penginapan di hotel Terengganu pada tahun 2021 terus menunjukkan peningkatan sehingga 80% sejak pergerakan rentas negeri dibenarkan pada 11 Oktober 2020. Dari segi peluang pekerjaan kepada anak tempatan, peluang pekerjaan kepada anak tempatan terus wujud susulan Fasa Pemulihan Pandemik COVID-19, pelbagai sektor pekerjaan dalam industri pelancongan ditawarkan selaras dengan pembukaan semula aktiviti-aktiviti berkaitan pelancongan contohnya dalam aktiviti penginapan dan makanan serta minuman yang menawarkan sebanyak 2,515 peluang pekerjaan. Selain itu, sebanyak 522 pekerjaan direkodkan dalam aktiviti perdagangan, borong dan runcit - statistik sehingga 10 Disember 2021.

Bagi statistik pelancongan domestik, pada tahun 2020 terpilih mengikut negeri, data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan Terengganu merupakan negeri yang mempunyai purata bilangan menginap hari antara yang tertinggi di negara ini. Penginapan di hotel di Terengganu menunjukkan peningkatan sehingga 80% sejak pergerakan rentas negeri dibenarkan pada 11 Oktober lepas. Maklumat melalui Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Terengganu, November 2021, saya bagi contoh untuk tahun 2021, Paya Bunga (PB) Hotel untung sebelum cukai RM3.2 juta. *Ni* banyak lagi sebenarnya hotel lain di Terengganu mencapai keuntungan. Menerusi data daripada THRDC bermula daripada Januari 2021, peluang pekerjaan dalam aktiviti penginapan dan makanan serta minuman menawarkan sebanyak 2,515.

Kemudian untuk makluman Dewan, pembinaan Kenyir Hotel 8 tingkat *insya-Allah* di Pulau Poh dijangka beroperasi menjelang Jun ini *insya-Allah* dan akan menawarkan lebih daripada 100 peluang pekerjaan. Selain itu, kesan pembangunan Pulau Poh juga akan mewujudkan hiliran segmen pelancongan kepada industri IKS yang akan menawarkan peluang pekerjaan baru. *Alhamdulillah* minggu lepas kita mengadakan Karnival Beautiful Terengganu di Pulau Poh dan mendapat sambutan yang sangat baik. Merujuk kepada beberapa persoalan antaranya berkaitan dengan Program CBT - Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community Based Tourism*) adalah merupakan alat pembangunan masyarakat yang menguatkan keupayaan masyarakat luar bandar untuk menguruskan sumber pelancongan di samping memastikan penyertaan masyarakat setempat. CBT yang dilihat sebagai produk pelancongan yang mempunyai kekuatan berasaskan pelancongan ekologi, pelancongan budaya, pelancongan pengalaman, pelancongan tani, pelancongan makanan dan lain-lain semestinya akan membantu masyarakat setempat di dalam menjana pendapatan, kepelbagaian ekonomi tempatan dan keusahawanan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kebudayaan setempat, pengekalan jati diri bangsa yang berteraskan kesenian, kebudayaan dan warisan. Bagi tujuan membangun dan mengekalkan CBT yang telah diiktiraf, sembilan langkah telah dikenalpasti bagi mengelakkan ianya sebagai program-program *one-off* sahaja iaitulah menilai keperluan masyarakat dalam kesediaan untuk pelancongan, mendidik dan menyediakan masyarakat untuk pelancongan, mengenal pasti dan mewujudkan jawatan kepimpinan tempatan, menyediakan dan membangunkan organisasi masyarakat, membangunkan perkongsian, mengamalkan pendekatan bersepadu, merancang dan membentuk produk berkualiti, mengenal pasti permintaan pasaran dan membangunkan strategi pemasaran dan melaksanakan serta memantau prestasi.

Selain daripada mengenal pasti program CBT di daerah-daerah, kita juga memantau program tersebut termasuk memberi khidmat nasihat, mengadakan bengkel hala tuju CBT dan lawatan pembelajaran, membantu aktiviti promosi di media cetak, elektronik dan media sosial. Penganjuran acara dan juga bantuan kewangan. Pada tahun 2021 sahaja sebanyak RM379,000.00 telah pun disalurkan kepada 22 lokasi CBT di seluruh Negeri Terengganu bagi tujuan program pengindahan. Bagi Daerah Besut, sebanyak 5 CBT telah dikenalpasti pada fasa pertama 2021 dan salah satunya adalah di Bukit Bubus. Antara acara utama di Bukit Bubus ialah aktiviti luncur udara paragliding adalah merupakan

aktiviti sukan utama di Bukit ini dan mampu menarik minat pelancong dalam dan luar negara terutama penggemar sukan lasak kerana ianya telah diiktiraf oleh MSAF dan merupakan lokasi paragliding yang mempunyai pemandangan yang tercantik kerana kalau kita pergi ke Bukit Bubus ini, di sebelah Bukit Keluang *tu* di Besut, di mana adanya pantai di depannya lautan dan juga bukit. Bukit Bubus yang semakin dikenali pada masa kini telah membuka ruang ekonomi tambahan seperti aktiviti sukan sampingan dan juga gerai jualan di sekitar kawasan tersebut. Pelbagai program telah diadakan di Bukit Bubus diantaranya ialah *Terengganu International Paragliding Competition 2017* dengan izin, yang berjaya menarik 74 orang peserta daripada 38 negara, *Merdeka Fun Fly 2017*, *Discovery Paragliding 2020* dan *Discovery Paragliding Beautiful Terengganu 2020* dan pada tahun ini *insya-Allah* kita akan menganjurkan dalam Calendar of Event (CoE) kita dengan izin Terengganu Air Festival 2022.

Perancangan seterusnya ialah membina kiosk jualan, menaik taraf laluan dan pelbagai *infrastructure*, *insya-Allah* kita akan adakan di sana dan ada soalan berkenaan dengan Pantai Pachakan dan juga Pantai Teluk Bayu di Kuala Besut. Pantai ini telah menjadi tempat tumpuan pengunjung setelah dibangunkan secara gotong-royong oleh komuniti setempat dan antara tarikannya adalah keindahan pesisir pantai, bangsal rehat, gerai jualan dan aktiviti permainan kanak-kanak dan ianya telah termasuk di dalam perancangan Jabatan Pelancongan Negeri dan juga Pejabat Daerah Besut dalam menjadikan kedua-dua lokasi tersebut sebagai produk CBT di daerah Besut bagi Fasa Yang Kedua 2022. Walau bagaimanapun, usaha memperkenalkan pantai tersebut sebagai produk CBT daerah telah terganggu kerana kerosakan infra utama di Pantai Pachakan dan Pantai Teluk Bayu akibat hakisan ombak yang berlaku baru-baru ini. Tumpuan akan diberikan terhadap kerja baik pulih *insya-Allah* antaranya baik pulih jalan supaya sebarang perancangan sama ada dari agensi kerajaan mahupun komuniti setempat dapat dilaksanakan sebaik-baiknya sebelum diiktiraf sebagai Program CBT di daerah Besut. Soalan seterusnya..

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, nak ucap terima kasih juga.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey. Saya cepat sikit kerana masa.. *Insya-Allah* sempat *kot*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, banyak lagi benda nak bercakap?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Hor* boleh. ada lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa, jangan gaduh. Kalau ada benda yang nak bercakap..

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya cuba habis sebelum.. sebelum pukul 5.00, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kalau masih belum cukup masa, saya akan minta sambung esok.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak apalah, saya cuba habis petang ni *jugaklah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, sila.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan daripada YB Kemasik, berkenaan dengan aduan kerosakan di PINTAR Kemasik berkaitan komputer dan capaian internet. Masalah kerosakan komputer dan capaian internet telah diselesaikan sebenarnya yang mana BPTM (Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat) telah menyediakan sembilan buah komputer baru.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Nak buat pindaan sikit. Bukan *rosok, dongle wireless takdok*.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Hor* ya, ya. Saya *dok* habis jawab lagi. Jadi kita dah sediakan sembilan komputer baru sebab sebelum ni memang ada masalah komputer dan capaian internet telah

dinaik taraf dari Streamix kepada Unifi dengan kelajuan 100 MBPS. Bagi sambungan komputer yang tak dapat *connect* dengan WiFi, Kerajaan Negeri sudah pun mengambil langkah segera dengan pembelian *USB Dongle*. Jadi, proses pengagihan *insya-Allah* selesai pada awal April 2022. Kemudian bagi soalan daripada Yang Berhormat Jertih, bagi Negeri Terengganu di bawah JENDELA Fasa 1, sebanyak 112 struktur komunikasi baharu akan dibina di seluruh Negeri Terengganu maksudnya 1142 stesen pemancar akan dinaiktaraf kepada liputan 4G LTE dan 55,643 premis akan diliputi gentian optik dan dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung tahun 2022. Sehingga suku yang keempat tahun 2021, sebanyak 37 struktur pemancar baharu telah siap dan 1042 struktur pemancar telah dinaik taraf kepada liputan 4G LTE demi memastikan kesalinghubungan liputan rangkaian 4G yang bakal menggantikan secara tetap liputan rangkaian 3G yang akan ditutup. Sebenarnya, sepatutnya ditutup penghujung tahun 2021. Bagi liputan talian tetap sebanyak 28,222 premis telah diliputi gentian optik yang mampu memberikan liputan internet yang lebih pantas dan stabil berkelajuan sehingga *Gigabits Per Second* (GBPS). Pelaksanaan inisiatif ini telah menyumbang kepada peningkatan peratusan liputan rangkaian 4G di kawasan berpenduduk di Negeri Terengganu kepada 96.21% kepada suku keempat tahun 2021. Setelah semua projek di bawah Pelan JENDELA Fasa 1 siap, dijangka peratusan liputan jalur lebar mudah alih 4G akan mencapai 96.9% bagi kawasan berpenduduk di Negeri Terengganu.

Merujuk kepada soalan YB ADUN Jertih berkenaan masalah liputan capaian internet di Kampung Raja Besut, peratusan capaian liputan mudah alih 4G di kawasan berpenduduk di kawasan Besut merangkumi Kuala Besut, Kota Putera, Jertih dan Hulu Besut sehingga suku yang keempat tahun 2021 adalah 94.74% dan sasaran SKMM sebanyak lapan menara akan tersedia apabila Projek JENDELA Fasa 1 selesai pada akhir 2022 sebagaimana berikut:-

Telah siap: Yang pertama, PPRT Kampung Belauh. "Betul *dok* sebut tu, takut *saloh*". (ketawa). Kampung Belauh, yang kedua Kampung Keruak, yang ketiga Kampung Pok Sik, yang keempat Kampung Seberang Baroh.

Dalam Pelaksanaan JENDELA 1: Kampung Tok Raja, Kampung Padang Lindung, Alor Selingsing, Kampung Gong Jelutong.

Sebelum bermula Program JENDELA, ketersediaan infra gentian optik di daerah Besut yang mempunyai sambungan terus ke premis adalah sebanyak 6178

buah manakala setakat suku keempat tahun 2021, kini 8440 premis telah mempunyai sambungan terus gentian optik dan sasaran sehingga Disember 2022 sebanyak 10,560 premis akan tersedia dengan sambungan terus gentian optik ini.

Manakala bagi peratus capaian liputan mudah alih 4G di kawasan berpenduduk di Besut sebelum Program JENDELA adalah 82.61% manakala sehingga suku yang keempat tahun 2021 peratusan telah meningkat kepada 94.74% dan dijangka capaian ini akan terus meningkat kepada 95.84% apabila Projek JENDELA Fasa 1 siap sepenuhnya. Jadi saya tak bacalah semua fakta ini. Kesimpulannya *insya-Allah* Kerajaan melalui SKMM dan juga pelbagai pihak yang berkait antaranya Terengganu Communication Sdn. Bhd. dan juga Telco-telco yang ada kita bersedia sebenarnya untuk membangunkan Negeri Terengganu dari segi infra dan *insya-Allah* kita akan cuba pastikan semua masyarakat di Terengganu sama ada di bandar, luar bandar dan juga pusat-pusat pelancongan akan tersedia perkhidmatan internet dengan berkelajuan tinggi *insya-Allah* di masa akan datang. Sekian sahaja,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih wakil Alor Limbat atas penggulungan yang terakhir pada petang ini dan memenuhi masa yang saya *mintak*. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan persidangan kita kepada hari esok, 24 Mac 2022 pada pukul 9.30 pagi dan untuk itu marilah sama-sama kita membaca Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.54 PETANG

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Datuk Haji Nawī bin Mohamad, PMW.,SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN.,AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
YB Dato' Haji Shahidan bin Embok, DPMT., PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
YBM Tengku Seri Bijaya Raja, PSD., DPMT., SMZ., DNS., KAT., BCM., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan persidangan Dewan pada pagi ini, marilah sama-sama kita membaca Ummul Quran Al-Fatihah.

Mesyuarat pada pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini iaitu 24 Mac 2022:

1. Yang Berhormat Wakil Tepoh
2. Yang Berhormat Wakil Batu Buruk
3. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
4. Yang Berhormat Wakil Sura
5. Yang Berhormat Wakil Buluh Gading

6. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
7. Yang Berhormat Wakil Manir
8. Yang Berhormat Wakil Jertih
9. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
10. Yang Berhormat Wakil Langkap
11. Yang Berhormat Wakil Bandar
12. Yang Berhormat Wakil Air Putih
13. Yang Berhormat Wakil Ajil
14. Yang Berhormat Wakil Kemasik
15. Yang Berhormat Wakil Wanita

Oleh kerana persidangan pada hari ini merupakan persidangan yang terakhir, saya mengharapkan kerjasama daripada semua Yang Berhormat untuk menggunakan masa dengan sebaik-baiknya. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Tepoh untuk memulakan sesi soal jawab Soalan Lisan pada pagi ini.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 1 -

Mohon dinyatakan rancangan dan usaha Kerajaan Negeri dalam menggiatkan penternakan unggas terutamanya bagi menyokong bekalan ayam dan telur ayam dalam pasaran tempatan supaya mencukupi untuk menampung permintaan di negeri ini.

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Ladang ayam di Terengganu ada 128 ladang yang menghasilkan kira-kira 3,327,600 ekor ayam bagi satu pusingan atau 17,070,588 ekor ayam setahun dengan kadar lima pusingan pengeluaran setahun. Bagi tahun 2021 sebanyak 30,722 metrik tan ayam yang dihasilkan daripada ladang-ladang ini berbanding keperluan sebenar ayam di Terengganu, kira-kira 42,880 metrik tan. Jadi, SSL ayam di Terengganu pada kadar 64.18%. Terengganu belum mempunyai ladang ayam penelur, bukan Terengganu tidak ada telur dan keperluan telur ayam negeri kita sebanyak kira-kira 465,000,192 biji setahun. Kuatnya orang

Terengganu makan telur yang dibekalkan daripada ladang ayam penelur daripada luar Terengganu.

Di antara langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk memajukan ternakan ayam ialah yang pertama membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Telaga Papan, Setiu dan TKPM Mengabang Bakong di Kuala Nerus sebagai Zon Penternakan Unggas yang dilengkapi dengan infrastruktur asas antaranya jalan dan bekalan elektrik. Maka Kerajaan mengalu-alukan pihak pelabur *ahlan wasahlan, welcome* untuk sama-sama memanfaatkan lot-lot tanah yang ada di Telaga Papan dan di Mengabang Bakong untuk dibina ladang-ladang ternakan unggas dengan kadar pajakan yang sangat berpatutan. Yang kedua, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah melaksanakan Enakmen Perladangan Unggas bagi pembangunan ladang yang lebih sistematik dan pengeluaran ayam dapat ditingkatkan melalui pengurusan ladang yang lebih baik. Yang ketiga, penyaluran subsidi kepada penternak ayam pedaging berdaftar. Mengambil kira pengeluaran daripada Februari sehingga Jun 2022 dengan kadar antara 30 sen hingga 60 sen per kilogram ayam yang dikeluarkan dan subsidi ini diharap mampu untuk menyerap sebahagian daripada kos kenaikan makanan ternakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang pertama: Menjelang Ramadan, dalam tempoh terdekat ini, bagaimanakah persediaan pihak Kerajaan agar bekalan ayam, telur dapat mencukupi untuk kegunaan umat Islam dan juga rakyat Negeri Terengganu yang kita jangka bila masuk sahaja bulan Ramadan, penggunaannya mungkin berganda berbanding dengan biasa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih atas keprihatinan Tepoh. Kerajaan Negeri telah membuat penyelarasan terbaik bersama dengan KPDNHEP untuk *nak* memastikan bekalan bahan-bahan keperluan asas seperti ayam, telur dan keperluan-keperluan lain, *insya-Allah* mencukupi menjelang Ramadan dan mampu mengawal dari segi kadar kenaikan harga. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Batu Buruk.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan saya nombor 2 –

Pelabuhan Cendering merupakan Pelabuhan gah di Terengganu semasa era kegemilangan sekitar 1990 an. Namun fungsi pelabuhan ini semakin pudar ekoran pendaratan yang semakin menurun. Apakah status terkini penambahbaikan dan pembangunan pelabuhan ini?

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih adinda daripada Batu Buruk. Pelabuhan LKIM Cendering yang pernah melalui zaman kegemilangan dalam sekitar tahun 90-an, dalam masa lima tahun kebelakangan ini telah mengalami pengurangan mendadak dari segi pendaratan bot-bot nelayan sekitar kira-kira 40% pengurangan. Di antara isu utama ialah kerana pemendapan pasir yang menyebabkan kawasan Pelabuhan menjadi cetek. Bot laut dalam memerlukan kedalaman minima sekitar 5 meter untuk berlabuh sedangkan kedalaman Pelabuhan Cendering telah berkurangan kepada sekitar 3 meter dan ada kawasan-kawasan pelabuhan yang tertimbus terus dengan pasir sehingga boleh dijadikan padang bola sepak pantai. Pemendapan pasir ini berpunca daripada *breakwater* dengan izin, atau benteng pemecah ombak yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan pasir boleh masuk ke kawasan pelabuhan. Di antara tindakan jangka pendek yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ialah Kerajaan telah melantik konsesi pasir dan konsesi ini juga telah menerima kontrak Projek Pengawasan Hakisan Pantai di Marang daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air dan dijangka proses penggalian, pengerukan pelabuhan ini akan bermula dalam masa terdekat *insya-Allah*. Dalam masa yang sama untuk memperkuat lagi Kerajaan telah mengangkat Cadangan Projek Pembangunan dan Pemerksaan Pelabuhan LKIM Cendering dan telah dimasukkan sebagai *priority* nombor satu dalam senarai Keutamaan Projek-projek Negeri Sepuluh Senarai dalam permohonan RP-3 RMK-12 yang telah diangkat kepada Kerajaan Persekutuan dan Peruntukan yang diperlukan untuk projek pembangunan dan pemerksaan pelabuhan ini kira-kira RM100,000,095.00 juta yang melibatkan komponen untuk menaik taraf *breakwater*, pembinaan *breakwater* baru dan juga menaik taraf beberapa infrastruktur dan utiliti yang ada di pelabuhan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan: Walaupun Pelabuhan Cendering ini berada di dalam DUN Batu Buruk kalau ikut secara zahirnya tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi kita semua maklum pelabuhan ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Jadi, soalannya sejauh manakah komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mengembalikan kegemilangan pelabuhan perikanan ini?

YANG BERTHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, benar sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Batu Buruk. Pelabuhan Cendering ini ada *ayoh* dia dan *ayohnya* adalah Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana rakyat kita di Terengganu yang mengambil manfaat daripada kewujudan pelabuhan ini, maka Kerajaan Negeri bekerjasama dan berkolaborasi secara rapat dengan Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan isu lapuk yang telah lama berlanjutan. Isu Pelabuhan Cendering ini menjadi di antara topik utama yang kita bincangkan dalam kunjungan-kunjungan hormat yang terakhirnya pada November 2021 kepada Yang Berhormat Menteri MAFI dan ekoran daripada itu pada 24 Januari 2022, Yang Berhormat Menteri MAFI telah turun untuk meninjau situasi sebenar yang sebelum itu telah didahului oleh rombongan daripada Unit Perancang Ekonomi untuk melihat situasi dan keperluan sebenarnya dan *insya*-Allah kita meyakini kerjasama di antara negeri dan pusat kita mampu mengembalikan semula kegemilangan Pelabuhan Chendering sebagaimana era kegemilangan pada awal 90-an dulu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Seberang Takir.

YB DATO' SERI DR. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya ni berkait *jugok* dengan soalan yang sebelum ni iaitu soalan yang pertama, terima kasih.

Apakah status terkini projek Aquapolitan yang berkonsepkan Sea

Felda di Kampung Seberang Pak Abu, Seberang Takir yang telah diluluskan Kerajaan Pusat sebelum ini?

YANG BERTHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Seberang Takir. Soalan berkaitan dengan Projek Aquapolitan Kuala Nerus. Selepas daripada Mesyuarat Sidang Dewan Undangan Negeri Penggal Ketiga pada Ogos 2020 ekoran daripada isu yang dibangkitkan oleh Seberang Takir, satu mesyuarat penyelarasan telah dibuat antara Kerajaan Negeri yang melibatkan UPEN, PTG, Pejabat Daerah Kuala Nerus, JKR, JPS, Jabatan Perikanan, LKIM, SUK Perumahan, PMINT bersama dengan ECER. Rumusan daripada mesyuarat ini ECERDC melaporkan Projek Aquapolitan Kuala Nerus telah ditamatkan pada tahun 2019 ekoran daripada isu-isu yang tidak dapat diselesaikan dan isu-isu ini bukan isu yang bersabit dan berkait dengan Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri memberikan komitmen dan kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan projek ini. Isu ini adalah isu di antara ECERDC dengan Kerajaan Persekutuan. Ekoran daripada pembatalan ini maka SUK Perumahan telah mencadangkan untuk dibina perumahan, projek perumahan di atas sebahagian daripada tapak tanah cadangan projek dan cadangan ini telah diluluskan oleh Kerajaan untuk Projek Perumahan Bercampur termasuklah pembinaan 67 rumah mampu milik untuk perpindahan penduduk yang terlibat dengan *Corniche Road Terengganu City Centre*. Bagi Kawasan projek di tepi sungai Kampung Seberang Pak Abu dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk dibina sebuah jeti perikanan dengan matlamat mewujudkan kompleks perikanan baru bagi menggantikan Kompleks Perikanan Pulau Kambing yang sekarang ni sudah terlalu sesak untuk menampung pendaratan dan pergerakan bot-bot nelayan.

Dan satu bengkel untuk merealisasikan cadangan ini telah diadakan dan Kerajaan Negeri telah meminta supaya ECERDC melihat aspek ini secara serius yang kita fokus ialah komponen-komponen asas kepada sebuah kompleks perikanan di antaranya jeti, *cold room*, kilang air batu dan sebagainya kerana cadangan yang terlalu ideal dalam Projek Aquapolitan Kuala Nerus dengan kos lebih daripada 300 juta akhirnya tidak dapat dilaksanakan. Biarlah cadangan projek itu dalam bentuk infra-infra asas tapi akhirnya kita dapat laksanakan supaya ia menjadi satu pemangkin kepada pembangunan industri perikanan kita, menggantikan Kompleks Perikanan di Pulau Kambing yang ada sekarang ini. Terima kasih.

YB DATO' SERI DR. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ni. Sayang^{lah} Dato' Yang di-Pertua sebab saya nak betulkan balik kenyataan menyatakan RM300 juta. Bukan RM300 juta, RM180 juta yang telah diluluskan melalui ECER dan malangnya sudah ada kelulusan untuk membina 500 unit rumah untuk nelayan. Jadi bermakna kita akan dapat membantu 500 keluarga miskin apabila melaksanakan projek ini dan projek ini pun telah dipecah tanah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu. Dan projek itu dan duit dah turun pada ECER dan projek yang pertama adalah melaksanakan projek perumahan 500 unit rumah yang dilaksanakan melalui Kerajaan Negeri dan juga melalui ECER. Jadi sayanglah kalau maknanya dengan konsep yang telah dibuat dan projek ini merupakan projek yang pertama di dunia dan boleh membantu menyelesaikan masalah 500 keluarga yang sudah pasti akan memberikan banyak peluang-peluang pekerjaan. Soalan saya, ada atau tidak hasrat Kerajaan untuk merayu lebih-lebih lagi dengan pertukaran pentadbiran pusat sekarang ni yang bukan lagi Perdana Menteri yang lama sebab yang dibatalkan dahulu Perdana Menteri yang lama dengan Menteri Kewangan yang lama dengan harapan Perdana Menteri yang baru dan dengan Menteri Kewangan yang baru *kot-kot* dapat dipertimbangkan semula untuk dilaksanakan projek ini yang saya kira kalau dilaksanakan ini adalah yang pertama di dunia. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, hasrat Seberang Takir adalah hasrat kita bersama. Begitu juga yang kita lontarkan kepada ECERDC dalam mesyuarat penyelarasan. Sebaik-baiknya dan seboleh-bolehnya kita *nok* supaya projek ini dilaksanakan tetapi bukan hanya projek ECERDC malah banyak lagi projek-projek lain yang diistilahkan kelulusan hanya ada tapi duit *tarak* mari. Inilah situasi yang berlaku dan kerana itulah kita mintak ECERDC menjayakan satu projek dengan skala yang lebih kecil. Skala yang lebih kecil ni pun kalau berjaya dijayakan, kita sudah sangat bersyukur dan berterima kasih. Dan kekurangan daripada projek itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi akan ditampung oleh Kerajaan Negeri dengan pembinaan perumahan bercampur serta perumahan rumah mampu milik, dalam masa yang sama PERMINT juga ada cadangan di atas sebahagian daripada tanah tapak projek itu untuk di bina projek perumahan juga yang sebahagiannya diperuntukan untuk kakitangan awam. Dalam masa yang sama projek-projek perumahan nelayan yang lain sedang dilaksanakan di beberapa daerah. Bermakna perumahan nelayan adalah keutamaan kita tetapi oleh kerana ada

perkara-perkara yang berada di luar daripada bidang kuasa kita maka inilah keputusan yang ada sekarang ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya jemput Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama-

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi membantu rakyat melalui Program Kad Sejahtera. Apakah impak yang telah dinikmati oleh rakyat melalui program ini serta kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan sehingga tahun 2021?

YANG BERHORMAT Dr. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):

وَبَرَكَاتُهُ اللَّهُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ السَّلَامُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Rakan-rakan Berhormat, Ketua-Ketua Kerajaan dan Para pemerhati sekalian. Terima kasih Wakil Sura. Wakil Sura ingin tahu Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi membantu rakyat melalui Program Khas Sejahtera. Apa yang ingin didapatkan maklumat tentang apakah impak yang telah dinikmati rakyat melalui program ini serta yang keduanya berapa kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri sehingga tahun 2021.

Untuk makluman Yang di-Pertua dan ahli Dewan semuanya, impak kepada rakyat boleh kita bahagikan kepada tiga. Inilah yang menjadikan asas kepada kita menyatakan dalam manifesto kita untuk Pilihan Raya Ke-14 yang lalu. Antaranya ialah kesan atau impak kepada peserta atau pemegang kad Sejahtera, sesuai dengan dasar *Primary Health Care* yang dinyatakan bahawa antara komponennya ialah untuk kita membuat pengesanan awal, *early diagnosis and the form treatment*. Jadi dengan adanya *access* rakyat yang golongan kurang, pendapatan rendah ini ke klinik-klinik swasta yang dikira seluruh negeri ada klinik swasta ini. Lebih daripada 100 buah klinik seluruh Negeri Terengganu daripada Besut sampai ke Kemaman. Dengan itu golongan yang berpendapatan rendah yang biasalah golongan yang rentan juga pelbagai

penyakit yang selama ini mungkin lewat ke Hospital Kerajaan kerana mungkin kerana jarak, yang kedua masa menunggu yang agak lama dan sebahagian besar daripadanya orang-orang yang sudah warga emas yang sudah banyak penyakit maka mereka ini sukar untuk menunggu lama dan pergi ke tempat yang jauh. Oleh itu, dengan adanya kad sejahtera ini mereka boleh mendapatkan rawatan yang segera di klinik-klinik yang berdekatan dengan kediaman masing-masing. Maka dengan itu, kos rawatan juga yang ditanggung oleh Kerajaan akan berkurangan kerana bila mendapatkan rawatan di peringkat awal ini biasanya dia cepat sembuh dan kos ubat pun tidak begitu besar, tapi sekiranya dia mendapat rawatan yang telah dua tiga hari seminggu sakit baru nak ke hospital, kemungkinan penyakit dah makin teruk, kemungkinan juga kena masuk hospital ataupun rawatan pesakit luar pun dengan kos ubat yang lebih banyak dan kos yang lebih tinggi. Itu antara manfaat utama yang akan diperolehi oleh golongan berpendapatan rendah yang memiliki kad sejahtera ini. Yang keduanya juga kita boleh memberi, mendapatkan kerjasama daripada pihak klinik swasta dalam sama-sama memberi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di Negeri Terengganu yang terbaiklah *insya-Allah* dan juga boleh menjana ekonomi setempat. Bila mereka dapat pelanggan baru, dengan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan, ekonomi tempatan itu akan meningkat. Pendapatan klinik akan meningkat dan mereka mungkin boleh belanja dengan lebih banyak di kawasan mereka, sama ada di kedai runcit, beli bahan mentah dan sebagainya. Yang ketiganya dari segi kakitangan klinik kerajaan hari ini kita tahu sebahagian besar daripada pusat-pusat kesihatan dan juga hospital kita *overload*. Terlalu ramai pesakit yang membebankan, bebanan yang besar kepada kakitangan dan juga pesakit sendiri akan menunggu lama untuk menyelesaikan ataupun berjumpa dengan doktor kerana faktor pesakit melebihi kapasiti biasa sesebuah pusat kesihatan ataupun hospital-hospital kerajaan.

Dengan kita sebahagian besar atau sebahagian daripada pesakit telah mendapat rawatan di klinik swasta maka di sana kita mengurangkan bebanan ini kepada klinik-klinik kerajaan jadi kerajaan hospital juga kakitangannya akan merawat pesakit yang lebih yang kurang, buat tidak sempurna yang bilangan yang berkurangan dan juga kos yang ditanggung ubat-ubatan juga akan berkurangan. Itu antara impak yang langsung yang diperolehi oleh pada pemegang kad sendiri oleh pengusaha klinik ataupun doktor swasta dan juga pihak kerajaan sendiri. Serampang tiga mata, semua dapat manfaat secara langsung dan juga tidak langsung. *insya-Allah*, disamping juga menjana

ekonomi setempat bagi peniaga-peniaga tempatan. Yang keduanya tentang kos. Setakat ini setelah dilancarkan 2019 sehingga kini 2021, kos yang ditanggung oleh kerajaan oleh Kad Sejahtera ini ataupun mereka yang telah mendapat rawatan di klinik swasta yang dibiayai oleh kerajaan ialah RM5,060,037.00 yang kita tengok ada peningkatan penambahan dari tahun ke setahun. Pada tahun 2019 RM364,000.00 lebih, tahun 2020 RM1.1 juta, 2021 RM3.6 juta. Jadi menunjukkan satu sambutan rakyat sendiri makin meningkat dari tahun ke tahun. Inilah satu, saya kira satu kejayaan dan juga manfaat yang diperolehi oleh rakyat Negeri Terengganu dengan terlaksananya Manifesto PRU 14 berkenaan dengan Kad Sejahtera ini. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi penghargaan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana usaha untuk membantu rakyat kita dalam mendapatkan rawatan perubatan. Soalan tambahan saya: Sehingga Disember 2021, seramai 10,120 orang telah menerima Kad Sejahtera ini. Jadi sejauh manakah dapatan pihak kerajaan terhadap penerima Kad Sejahtera ini. Kad Sejahtera yang diberikan kepada penerima digunakan sebaik-baiknya oleh penerima tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT Dr. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Dato' Yang di-Pertua dan sekalian Ahli Yang Berhormat dan para pemerhati, menjawab soalan daripada Sura, kita sebenarnya telah mengeluarkan Kad Sejahtera 20,000 kepada penerima sehingga kinilah 20,000 penerima sebagaimana yang kita sasarkan dalam manifesto kita dan *insya-Allah* kita akan tambah lagi bila keadaan kewangan mengizinkan, sehingga kini kita dapati saya ambil setahun *doh* bermula daripada Mac 2021 sehingga Februari 2022 telah berlaku sebanyak 50,198 transaksi. Maknanya sudah 20,198 orang dalam tempoh setahun mendapat rawatan di klinik swasta, bermakna dengan sendirinya pihak pusat kesihatan ataupun kemudahan pusat kesihatan ataupun pusat kemudahan kerajaan telah berkurangan kehadiran 25,000 orang ini telah ke klinik swasta. Di situ nampak beban yang dikurangkan yang ditanggung oleh pusat-pusat kesihatan dan hospital kerajaan yang telah melibatkan sejumlah bayaran RM2,878,707.22. Ini menunjukkan bahawa bajet kita setahun RM10 juta tapi yang belanja hanya RM2.8 juta. *Insya-Allah*, bila kita tengok *trend* peningkatan ini, jadi saya rasa tahun 2022 ini mungkin kita boleh capai dengan

kadar yang lebih tinggi lagi. Saya harapkan pihak Kerajaan akan terus memberi peruntukan yang secukupnya untuk dua tahun yang mendatang *insya-Allah* dan semoga rakyat Terengganu akan terus dijaga dari segi kesihatan yang lebih baik khususnya di musim COVID-19 ini supaya tidak ramai nanti yang terlantar di hospital. Ataupun yang terpaksa tidak bekerja kerana mendapat penyakit yang sukar dirawat dan juga akan mengambil masa cuti yang panjang dengan adanya rawatan yang segera ini *insya-Allah* perkara itu kita akan dapat kurangkan dan kita akan dapat memberi ruang yang lebih baik kepada golongan B40 ini mendapat rawatan dan juga dari segi ekonomi mereka. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Buluh Gading kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor satu-

Sehingga kini berapakah bilangan PINTAR yang terdapat di seluruh negeri dan apakah perkhidmatan yang disediakan kepada rakyat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan daripada Buluh Gading bertanya berkenaan dengan bilangan PINTAR. Sekarang ini terdapat 39 buah Pusat Internet Akses Rakyat PINTAR. Di mana yang terakhir PINTAR Redang yang ke 39 yang telah dirasmikan 31 Januari 2022 yang lalu dan perkhidmatan PINTAR yang pertama e-Perkhidmatan Kerajaan, e-Government, permohonan bantuan dan perkhidmatan atas talian agensi-agensi Kerajaan MAIDAM, Bantuan Baucar Perlindungan, MySalam, Pusat Mencapai Maklumat seperti maklumat kerajaan, ilmu dan berita yang soheh dan yang terbaru kita proses i-Fitri, i-bantuan dan juga PRT untuk kemudahan rakyat. Yang kedua e-Pembelajaran, e-Learning sebagai contoh PdPR, persidangan video atas talian, peperiksaan atas talian, seterusnya e-Dagang, e-Commerce untuk memudahkan perniagaan atas talian kepada rakyat, Pusat Komunikasi iCity, Latihan asas ICT dan teknologi digital, pusat didikan penggunaan internet dengan selamat seterusnya pembayaran bil setempat, pembayaran bil utiliti TNB, ASTRO, UNIFI, pembelian tambah nilai e-

Wallet, prabayar, Pembayaran Pinjaman Mara, AEON , PTPTN, Deposit Tunai, Tabung Haji, BSN, AGRO Bank. Kerjasama semasa PINTAR bersama agensi XOX, TM, i-MITS dan kerjasama akan datang *insya-Allah*, PINTAR akan bersama agensi THRDC, PERKESO, SSM, SATU, Terengganu Express, YPU. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya: Berapakah kekerapan pengunjung atau jumlah pengunjung ke Pusat Internet Akses Rakyat (PINTAR) yang disediakan oleh kerajaan ini? Adakah ia mendapat sambutan yang baik, daripada rakyat dan dimanfaatkan semaksimanya khususnya dikalangan masyarakat setempat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Buluh Gading. Jumlah pengunjung sepanjang tahun 2021 adalah seramai 23,371 orang selaras dengan keadaan semasa di dalam fasa peralihan ke endamik. Kadar kehadiran pengunjung menunjukkan peningkatan positif di mana kadar pengunjung pada Februari 2022 seramai 1,832 orang dibandingkan dengan Februari 2021 hanya 1,225 orang, peningkatan sebanyak 607 orang persamaan 33% dibandingkan Februari tahun 2021 dan 2022. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Boleh saya celah satu soalan. PINTAR ini kat mana *ni* PINTAR *ni*? Bangunan PINTAR *ni*?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Dok kan dok tahu carilah*, dalam DUN setiap DUN ada satu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Oh, setiap DUN ada satu, ke tapak Bestari.com dulu?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dia asal penubuhannya pada tahun 2001 yang kita buat di masjid-masjid beberapa buah antaranya dalam DUN Alur Limbat, Rhu Rendang, kemudian baru *lah* wujudnya Bestari. Lepas Bestari kita *upgrade* kepada PINTAR dengan pelbagai

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tapak Bestari.com dulu *lah*?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sebelum Bestari kita ada dah akses *internet* yang kita buat. Jadi bukan Bestari yang pertama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, *start* zaman saya yang dulu, *start* zaman saya jadi EXCO dulu, macam yang disebut tadi, lama *doh* bukan baru.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Lepas *tu* ada berapa buah komputer setiap PINTAR ini?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kita sudah *upgrade* tahun lepas 10 buah, yang baru semua sekali PINTAR.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat sekalian, saya jemput Wakil Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu-

Sila sebutkan jumlah pengunjung yang datang ke Muzium Bukit Besi sejak dibuka sehingga sekarang dan sejauh manakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan muzium tersebut memandangkan Bukit Besi adalah wilayah yang mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Bukit Besi. Soalan yang berkait dengan Muzium Bukit Besi, untuk pengetahuan Muzium Bukit Besi merupakan Muzium Bukit Besi yang memaparkan sejarah perlombongan bijih besi terbesar di Asia Tenggara yang mula dibuka untuk awam pada 15 Oktober 2021. Muzium tersebut menghimpunkan koleksi khazanah dan maklumat lengkap mengenai perlombongan bijih besi di kawasan Bukit Besi yang pernah beroperasi hampir 60 tahun bermula tahun 1916. Soalannya jumlah pengunjung yang sejak dibuka kepada umum, Muzium Bukit Besi telah merekodkan kedatangan seramai 19,000 pengunjung bermula 15 Ogos 2021 sehingga 18 Februari 2022. Pelbagai program promosi telah dilakukan menerusi

kerjasama antara Jabatan Pelancongan Negeri dan KETENGAH dalam usaha mempromosikan dan mengetengahkan Bukit Besi sebagai destinasi pelancongan yang memaparkan sejarah kegemilangan aktiviti perlombongan bijih timah pada suatu ketika dahulu. Selain daripada itu, promosi di media perdana juga giat dijalankan bagi promosi rakaman seperti dokumentari, tempat-tempat percutian bersejarah Bukit Besi, di siaran TV seperti RTM dan juga TV OKEY, sekian.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Soalan tambahan: Apakah perancangan Kerajaan Negeri sebab benda ini benda baru kan, jadi apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi promosi sebab pada saya kehadirannya memang peringkat awal ini memang menggalakkan tetapi buat masa ini memang nampak *slow* sikit. Jadi, apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk masa-masa yang akan datang?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Insyaa-Allah*, oleh kerana Muzium Bukit Besi ini terletak di kawasan KETENGAH, kami akan sentiasa bekerjasama dengan pihak KETENGAH untuk memajukan Muzium Bukit Besi dan kita yakin oleh kerana muzium ini dia ada tarikan tersendiri, dia ada peminat tersendiri dan juga Bukit Besi ini memang tempatnya agak dikira pedalamanlah, walau bagaimanapun kita akan tingkatkan promosi antaranya sebagaimana yang kita sebut *insyaa-Allah*, kita akan terus bersiaran di TV perdana, TV OKEY dan juga melalui medium terkini Facebook, Twitter dan seumpamanya *insyaa-Allah* termasuklah Tik Tok yang mendapat sambutan yang luar biasa daripada masyarakat sekarang ini. Kita akan teruskan melalui Jabatan Pelancongan dan juga melalui KETENGAH, *insyaa-Allah* kita akan bekerjasama.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Silakan Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya No 1 –

Sehingga kini berapakah bilangan menara telekomunikasi terdapat di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalnya adalah berapakah bilangan menara telekomunikasi terdapat di Negeri Terengganu. Sehingga suku keempat tahun 2021, terdapat 1,483 struktur telekomunikasi sedia ada di seluruh Negeri Terengganu yang telah memberikan capaian liputan 4G di kawasan berpenduduk sebanyak 96.21%. Melalui Projek JENDELA Fasa 1, sebanyak 75 lagi tambahan menara baharu akan dibina dan jangka beroperasi pada penghujung Julai 2023, menjadikan keseluruhan menara sebanyak 1558 menara telekomunikasi di Negeri Terengganu. Dengan pertambahan 75 menara baharu, peratus capaian liputan 4G bagi kawasan berpenduduk di Negeri Terengganu akan meningkat kepada 97.26%. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, masalah Telco ini adalah satu masalah yang berpanjangan dan dia bukan zaman Kerajaan *ni je ade*. Sebelum-sebelum ni pun, masa kita orang *duk* belah sana pun memang kita timbulkan isu-isu berkaitan dengan Telco ini dan ia masalah yang berpanjangan. Mari zaman kita ni, kita cuba lagi perbetulkan dan kita cuba mengasak pihak-pihak Kerajaan, pihak EXCO supaya lebih berdaya saing dalam mengengahkan perkembangan yang lebih baik kepada pemancar-pemancar yang berkaitan dengan Telco ini. Jadi, soalnya apakah pihak Kerajaan mempunyai data tentang berapakah bilangan stesen-stesen pemancar yang sedia ada dan apakah stesen pemancar yang sedia ada itu telah dinaik taraf kepada liputan ataupun kita panggil liputan 4G dan apakah ada rancangan untuk menambah baik ataupun menambah bilangan menara baru bagi meningkatkan lagi mutu liputan telekomunikasi di Negeri Terengganu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Wakil Manir. Sebenarnya, semalam saya *dah* jawab dalam penggulungan sebahagian daripada soalan tersebut di mana pihak Kerajaan Negeri sebagaimana saya jawab tadi Projek Jendela Fasa Pertama, 75 lagi tambahan yang menjadikan 1,558 menara telekomunikasi dan *insya-Allah* sebaik sahaja selesai fasa pertama akan ada fasa kedua, fasa ketiga. Kita sebenarnya sehingga 2021, Disember kalau mengikut perancangan daripada MCMC, mereka akan menaik taraf sepenuhnya, hampir sebenarnya yang telah berjaya hampir 100% daripada 3G kepada 4G maknanya semua menara boleh menampung internet bukan sahaja talian telefon di seluruh Negeri Terengganu.

Walau bagaimanapun, kita sedar untuk memenuhi keseluruhan Negeri Terengganu, terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman, untuk maklumannya sememangnya MCMC mereka bukan sahaja membina menara di kawasan bandar tetapi mereka juga memfokuskan di kawasan-kawasan pedalaman. Walaupun di suatu tempat hanya ada 5 atau 3 buah rumah sahaja ataupun di kawasan pelancongan misalnya yang terbaru kita telah membina menara telekomunikasi di Pulau Tenggol walaupun tiada berpenghuni tetapi ada 3 buah chalet di situ pemiliknya dan juga di kawasan pedalaman di Tasik Kenyir. Yang terbaru kita *insya-Allah* tahun ini di Santuari Kelah, bagi sesiapa yang pergi ke Santuari Kelah sekarang ini memang mereka tak dapat menghubungilah dengan 3G pun *takde*, 4G pun *takde*. Menara sedang dibina, *ni* usaha yang sedang dibuat sebenarnya untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan isu telekomunikasi di seluruh Negeri Terengganu dan *insya-Allah* yang terbaru kalau fasa yang seterusnya kita pergi bukan sahaja kepada 4G tetapi 5G yang berkaitan dengan fiberisasi yang sekarang ini bukan sahaja kita berbincang, merancang tetapi *insya-Allah*, Terengganu juga akan merasai 5G, liputan yang lebih meluas dengan kelajuan yang lebih laju, *insya-Allah*. Sekian.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada satu soalan tanya. Boleh tak nyatakan daripada 1,558 itu, pecahan ikut daerah sebab kita, ialah kita nak juga ke 5G, tapi 4G pun kadang-kadang tak *complete molek* lagi, kalau ada taburan mengikut daerah itu boleh maklum juga kepada kita. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Data ini saya minta notis, data ada, cuma ada sedikit masalah apabila *diupgrade* 3G ke 4G kerana liputannya ada gangguan tetapi telah diselesaikan oleh pihak MCMC dan sedikit tambahan, bukan sahaja menara ini diusahakan oleh pihak MCMC Suruhanjaya Komunikasi tetapi kita ada satu syarikat Terengganu Communication (TCOMM) di mana TCOMM lebih kepada menara komersial di kawasan-kawasan bandar dan MCMC menumpukan di kawasan-kawasan pedalaman dan sehingga kini ada, kita telah lebih 20 menara yang telah kita buat di kawasan bandar dengan kerjasama telco yang ada di negara kita. *Alhamdulillah* sehingga kini pihak *telco* telah memberikan kerjasama yang sangat baik dan memang kita tak dapat nafikan sehingga hari ini masih ada kawasan-kawasan yang belum mendapat liputan dan *insya-Allah* dalam kita

sudah ada senarai panjang untuk kita selesaikan sebaik sahaja kita selesai fasa yang pertama, JENDELA fasa pertama kita akan teruskan untuk seterusnya dan di mana kita, capaian 4G bagi kawasan berpenduduk bagi di Negeri Terengganu sebenarnya telah meningkat 97.26%, satu angka dah agak tinggi sebenarnya. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Jertih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan kedua-

Berapakah keluasan projek pertanian di Lembah Bidong, Setiu dan berapa syarikat yang sedang aktif beroperasi?

YANG BERTHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Wakil Jertih. Kawasan pertanian Lembah Bidong di Setiu seluas 1,528 hektar, lebih kurang dan ada 19 syarikat yang sedang beroperasi sekarang ini.

BIL	PROJEK/SYARIKAT	LUAS (HEKTAR)
1	Tanaman Lada hitam oleh McCormick Global Ingredients (M) Sdn Bhd	617.65
2	Tanaman Kelapa Sawit oleh Ladang Rakyat Sdn Bhd	173.45
3	Tanaman Rumput Napier oleh Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn Bhd (TADC)	100
4	Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Rhu Tapai Dalam TKPM Rhu Tapai sekarang ini sedang beroperasi 16 syarikat dan 23 individu	637.71

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada *dok* tanah yang kita beri kepada usahawan ataupun syarikat yang tidak diusahakan? Kalau ada berapa keluasan dan yang kedua ada *dok* lagi lokasi yang masih kosong yang boleh dipohon oleh usahawan atau syarikat? Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Setakat ini memang kita buat pemutihan secara serius untuk *nak* memaksimumkan dari segi peratusan kadar guna tanah, kerana itulah di antara langkah besar yang diambil oleh Kerajaan Negeri ialah pemutihan untuk TKPM Rhu Tapai, pemajak-pemajak ataupun penyewa-penyewa yang tidak produktif dan tidak mengusahakan tanah kita telah buat proses penamatan kemudian kita masukkan peserta-peserta baharu yang produktif menggantikan yang tidak produktif dan sekarang ini di TKPM Rhu Tapai masih terdapat kira-kira 40 lot lagi yang masih kosong dan kita jemput pelawa rakyat kita ataupun syarikat-syarikat yang berminat untuk mengusahakan terutamanya tanaman kontan di kawasan TKPM Rhu Tapai dengan kadar sewa yang sangat rendah berbanding dengan negeri-negeri lain, yang di luar daripada kawasan TKPM Rhu Tapai di Lembah Bidong kita sedang selesaikan isu-isu penerokaan haram dengan pemberian LMS terutamanya yang melibatkan kawasan tanah di mana Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan pembangunan buat masa ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Wakil Rantau Abang kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya ialah soalan nombor satu-

Dalam zaman IR 4.0 sekarang ini, apakah usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam persediaan untuk bersaing sama dalam zaman IR 4.0 ini.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan dan juga ADUN Rantau Abang. Soalannya dalam zaman IR 4.0 sekarang ini, apakah usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam persediaan untuk turut sama berada dalam zaman IR 4.0 ini.

Usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam persediaan untuk turut sama berada dalam zaman IR 4.0 adalah Kerajaan Negeri telah menubuhkan Terengganu Advance Joint Digital Intelingence Development Corporation (TAJDID), yang mana menjadi payung bagi pelaksanaan semua projek dan program kerajaan dan bukan kerajaan, pelaksanaan semua projek dan program Kerajaan Digital Terengganu. Dua projek yang telah dilaksanakan dalam menyokong ke arah zaman IR 4.0 adalah pemasangan *artificial intelligence*, AI CCTV, bagi tujuan pemantauan dan kawalan keselamatan pengunjung bagi satu pecutan semangat ke arah pendigitalan dan pemasangan *traffic light*, *smart traffic light* di persimpangan Jalan Sultan Ismail bagi mengawal aliran *traffic* yang teruk di waktu kemuncak. Selain itu, Kerajaan Negeri turut dalam proses pembangunan Taman Maya AI yang mana menjelang 2030, *insya-Allah* kita bercita-cita untuk menjadi pemimpin terkemuka dalam pembangunan dan pelaksanaan AI yang berskala tinggi dalam sektor utama yang bernilai tinggi dan relevan dengan warga dan perniagaan di Terengganu. Taman AI secara progresif akan mengenalpasti projek AI Terengganu dalam sektor utama yang berimpak tinggi khususnya dari segi ekonomi dan sosial dengan menggunakan kaedah kitaran inovasi. Projek-projek ini akan membimbing pelaburan dalam penyelidikan AI, menjana permintaan dalam sektor utama untuk membangunkan bakat dan keupayaan di Negeri Terengganu dan juga membimbing Terengganu membina infrastruktur digital sokongan dan juga kita telah melancarkan tiga pelan strategik.

1. Pelan strategik Pendigitalan Pejabat SUK 2021-2025, baharu sahaja kita lancarkan beberapa minggu yang lalu dengan kerjasama MAMPU.
2. Pelan Induk Kerajaan Digital PINTAR Terengganu 2021-2030
3. Pelan Strategik Taman Maya AI Terengganu 2021-2025.

Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih atas jawapan. *Alhamdulillah* telah pun wujud Taman Maya *Artificial*

Intelligence dan ini banyak memberi manfaat kepada masyarakat, terutama sekali peluang-peluang pekerjaanlah jadi soalan saya ialah: Selari dengan kewujudan Taman Maya Artificial Intelligence AI ini, apakah peluang pekerjaan yang akan diwujudkan kepada rakyat Terengganu? Yang kedua apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memperkasakan penggunaan-penggunaan teknologi digital ini agar rakyat tidak ketinggalan dalam pembangunan digital yang akan bersaing di tempat lain. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, selari dengan kewujudan Taman Maya AI, di antara peluang khususnya dalam bidang AI dan 4IR ini adalah yang pertama, *drone pilot, drone pilot* di bawah Taman Pelancongan AI dan Taman Pertanian AI akan memberikan perkhidmatan kepada sektor pelancongan dan juga pertanian sebagai contoh seperti pembajaan menggunakan *drone*. Seterusnya *AI engineer, IOT engineer, blockchain engineer, autonomous vehicle engineer, AI for business developer, data scientist*. Ini sebagai contoh dan *insya-Allah* kita akan bangunkan peluang-peluang pekerjaan yang sebagaimana kita sebut. Langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memperkasakan penggunaan teknologi digital adalah yang pertama Terengganu Pay, seiring dengan pelaksanaan Kerajaan Digital, Kerajaan Negeri menerusi BPTM, BPTM ini adalah Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat. Kerajaan Negeri telah membangunkan satu gerbang pembayaran secara *online* yang dikenali sebagai *Terengganu Pay*. Bagi pembayaran bil-bil Kerajaan Negeri, pembayaran ke atas pelbagai bil dapat dibuat hanya melalui satu transaksi dengan caj satu perkhidmatan yang minima.

Yang kedua ialah *Cashless Society*. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Bank Negara cawangan Terengganu, kita telah memperkenalkan dan melaksanakan *Cashless Society* di beberapa tempat. Yang pertama kita telah melancarkannya di Pulau Redang (*Cashless Redang*), di Pasar Payang (*Cashless Pasar Payang*), UNISZA (Universiti Sultan Zainal Abidin), *Cashless UNISZA, alhamdulillah* mendapat sambutan yang menggalakkan, yang sangat baiklah di kalangan peniaga dan juga rakyat yang mana pada hari ini sebanyak 329 peniaga telah menerima pembayaran secara atas talian dengan menggunakan *QR Code, Duit Now*. Kerajaan Negeri dengan sokongan Bank Negara Malaysia cawangan Terengganu dan institusi kewangan berhasrat untuk melancarkan semula Program Transformasi Digital di Pasar Payang pada tahun ini, *insya-Allah* dalam

waktu terdekat bagi membolehkan 100% peniaga di Pasar Payang menggunakan pembayaran secara atas talian.

Untuk makluman Ahli Mesyuarat, Pasar Payang juga telah menjadi penanda aras bagi pelaksanaan Transformasi Digital di kalangan peniaga di pasar awam di Malaysia. *Insyah-Allah* dalam waktu yang terdekat kita akan membuat perasmian dan kita jangka *insyah-Allah* 100% peniaga di Pasar Payang menggunakan pembayaran secara atas talian. Sekian.

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, sikit nak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya dok faham I R, I R ni, *mende ape?* Isteri remaja ke *mende ape?* I R, banyak sangat istilah saya *dok* tahu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Common* doh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Apa dia?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Revolusi Industri 4.0 jadi...

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Industri *mende?*

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Gini ah* balik buka internet *ah*.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Dok*, saya *dok* faham, *kabolah* selalu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dia dah sebut dah tadi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):
Mende ape? Dok berapa dengor?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Industrial Revolution.*

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Oh revolution...*

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Royak doh kang tadi...*

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):
Dakyoh cakap banyak. Kabo jelah. Dok I R I R. Isteri remaja ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Doh dia common doh guna Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Dang lagi. Sekarang saya jemput Wakil Langkap. Tak dok ke? Saya tiada maklumat. Setiausaha? Ada maklumat? Tak dok? Okey, takpelah. Tak dok takpelah. Kita terus jelah. Tapi saya harap semua Ahli Yang Berhormat yang berkeuzuran, ada masalah, sila maklum, ini memudahkan pengurusan dalam Persidangan. Seterusnya saya jemput Wakil Bandar.*

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan pertama-

Kenapa Kerajaan Negeri menjadikan kempen tahun semarak dakwah 2022? Apakah aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dan akan disusun?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payung):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar serta seluruh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan. Soalan daripada DUN Bandar, kenapa Kerajaan Negeri menjadikan Kempen Tahun Semarak Dakwah 2022? Apakah aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dan akan disusun dan dilaksanakan? Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk melancarkan dan

pelancarannya akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada 30 Mac, ini dan kempen ini diadakan di atas tujuan untuk mengembalikan semula kesedaran ummah ini, hasil daripada situasi yang menjejaskan pengamalan ataupun menjejaskan aktiviti-aktiviti pengamalan, beragama, berkebajikan dan berbagai-bagai lagi apabila kita berhadapan situasi Pandemik COVID-19 dengan harapan usaha ini akan menyemarakkan semula aktiviti-aktiviti dakwah dalam masjid, di luar masjid, dalam Negeri ini.

Yang kedua akan memberikan semangat dan kesedaran yang lebih besar kepada masyarakat. Lanjutan juga hasil daripada *statement* ataupun lahir daripada Titah yang diungkapkan oleh ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, yang telah disampaikan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) tentang kebimbangan rakyat muslim Negeri Terengganu yang agak kurang dalam memakmurkan rumah-rumah Allah dengan harapan kempen ini akan menyedarkan, mengembalikan semangat umat Islam negeri ini kepada pengamalan-pengamalan beragama, berakhlak dan berkebajikan, *insya-Allah*. Walaupun pelancarannya akan diadakan pada 30 Mac ini, sebagai pendahuluan kita telah melaksanakan beberapa Program Semarak Dakwah ini seperti Bulan Penghayatan Ibadat Solat dan *Street* Dakwah yang kita turun ke pasar-pasar raya untuk bertemu dengan rakyat agar mereka memakmurkan rumah Allah dan beramal dengan tuntutan-tuntutan agama. Waktu yang sama juga *insya-Allah* Ihya' Ramadan yang telah disusun oleh Jabatan Hal Ehwal Agama dan beberapa agensi lain yang saya telah rangka *insya-Allah* 500 program *online* yang akan disusun sepanjang bulan Ramadan ini, disamping Program Kembara Dakwah, Sembang Santai Remaja, radio dan berbagai-bagai lagi dan kami harap *insya-Allah* program dakwah ini akan mendapat sambutan, sokongan daripada semua pihak agar kita hidup beragama, Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera, *insya-Allah*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila-sila.

YANG BERTHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Boleh saya minta sedikit komenlah setakat program yang telah dijalankan, bagaimana Yang Berhormat melihat sambutan orang ramailah kepada program yang telah dilaksanakan? Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payung): Terima kasih Yang Berhormat Bandar. Sebagaimana yang saya sebut, kita akan lancar

pada 30 Mac ini walaupun demikian, beberapa program yang telah kita dahulukan seperti Bulan Penghayatan Ibadat Solat, kita Kempen Solat Subuh Berjemaah, dan kita Kempen Tutup Aurat mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat kita dan memang kita tahu masyarakat kita ini sudah masyarakat beragama hanya kita mahu menyemarakkan aktiviti-aktiviti seumpama ini agar mereka jangan terjejas walaupun berhadapan dengan apa sahaja isu dalam kehidupan mereka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Air Putih.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1-

Selepas dua tahun pandemik menyebabkan pekerjaan dan sumber pendapatan rakyat terjejas. Trend sebelum ini menunjukkan kadar pengangguran semakin bertambah. Apakah data terkini kadar pengangguran bagi tahun 2021 dan bagaimana pencapaian Terengganu berbanding kadar pengangguran Malaysia?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Air Putih. Dato' Yang di-Pertua, soalan daripada Air Putih berkisar kepada kadar pengangguran Negeri dan kadar yang terkini. Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia sejak tahun 2019 telah memberikan kesan yang negatif terhadap sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan di seluruh dunia. Negeri Terengganu tidak terkecuali menerima kesan negatif ini terutama terhadap kadar pengangguran yang semakin meruncing apabila Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan di seluruh Malaysia. Untuk makluman Sidang Dewan Yang Mulia, sejak tahun 2012, Negeri Terengganu telah mencatatkan kadar peningkatan pengangguran daripada tahun ke tahun sebagaimana berikut;

Tahun	Kadar Pengangguran Negeri (%)	Kadar Pengangguran Nasional (%)
2012	2.9%	3.0%
2013	3.4%	3.1%
2014	4.1%	2.9%
2015	4.0%	3.1%
2016	4.2%	3.4%
2017	4.5%	3.4%
2018	4.8%	3.3%
2019	3.5%	3.3%
2020	4.1%	4.5%
2021	4.1%	4.8%

Sekian terima kasih.

YB AB. RAZAK BIN IBRAHIM (WAKIL AIR PUTIH): Terima kasih Yang Berhormat Kota Putera. Soalan tambahan saya pertama: Dato' Yang di-Pertua, dalam ucapan penggulungan Yang Berhormat semalam, ada Yang Berhormat nyatakan berkenaan elaun inisiatif SIP Prihatin. Bagaimanakah cara untuk menggalakkan lagi anak-anak muda kita untuk merebut peluang ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Air Putih. Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan inisiatif SIP Prihatin ini, apa yang saya sebutkan dalam penggulungan semalam, adalah satu galakan untuk anak-anak muda yang menganggur ataupun yang tiada pekerjaan ini, mengambil peluang terhadap peluang ataupun cadangan tawaran daripada Kerajaan bagi mereka bukan setakat untuk mengisi kekosongan ataupun memberi peluang-peluang pekerjaan, tetapi diberi elaun khas yang saya sebutkan semalam sebagai tiga, empat, lima. Saya suka untuk ulang sekali lagi kerana ini adalah inisiatif ini masih lagi berada dan kena rebut peluang ini. Iaitu untuk yang berdaftar dengan MYFutureJobs, dan dia hadir temuduga tiga ataupun lebih temuduga, mereka dapat elaun daripada Kerajaan sebanyak RM300.00. Dan jika sekiranya dia dapat peluang pekerjaan itu, dia dapat RM400.00. Dan jika selepas dia melaporkan diri di syarikat yang menawarkan kerja itu, dia dapat lagi elaun RM500.00. Jadi *totalnya* ataupun jumlah keseluruhan tawaran daripada

Kerajaan kepada anak-anak muda ataupun pencari-pencari kerja ini RM1,200.00 tanpa mula bekerja lagi. Jadi peluang ini kita pihak Kerajaan melihat ramai lagi yang tidak mengetahui. Jadi dalam program-program, kita akan banyakkkan lagi program-program yang sepertimana yang sebutkan iaitu kita turun ke bawah, kita turun ke daerah-daerah untuk memberikan penerangan dan kita memanggil sekali syarikat-syarikat itu untuk bersama-sama dengan Kerajaan memberikan peluang dan terus memberi tawaran kerja kepada mereka. Jadi kita juga menggunakan saluran melalui JPKK, melalui Pejabat-pejabat Daerah, melalui JPKK untuk mewar-warkan keadaan ini. Jadi saya sekali lagi mengharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat turunkan maklumat ini ke DUN ataupun kawasan masing-masing. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara sidang kita pada pukul 11.05 minit pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI

PUKUL 11.07 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Ada satu dua perkara yang saya nak beri peringatan kepada Ahli Yang Berhormat tapi oleh kerana masih ramai yang tak masuk lagi, saya sebut selepas pada inilah. Kita masih lagi dalam sesi penggulungan oleh pihak Kerajaan selepas yang terakhir daripada Wakil daripada Alur Limbat membuat penggulungan tentang kelmarin. Jadi untuk seterusnya saya jemput Wakil Jabi untuk membuat penggulungan. Sila.

YANG BERTHORMAT Dr. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَسُوقُ الْمَاءَ إِلَى الْأَرْضِ الْجُرُزِ فَنُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا تَأْكُلُ مِنْهُ أَنْعَامُهُمْ وَأَنْفُسُهُمْ أَفَلَا يُبْصِرُونَ

Dan apakah mereka tidak memerhatikan kami menggerakkan (awan yang mengandungi) air ke bumi yang tandus, lalu kami tumbuhkan (dengan air hujan itu) tanam-tanaman yang dimakan oleh binatang ternak dan dimakan oleh kamu sendiri. Maka, apakah mereka tidak memerhatikannya.

Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Jabi menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan merafak sembah takzim atas perhatian ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada sektor pertanian. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Buruk yang mengulas tentang kebijaksanaan Nabi Yusuf *alaihissalam* mengendalikan sumber makanan Negara Mesir berhadapan dengan musim kemarau panjang. Inilah teori *food security* di dalam Al-Quran. Ketika ketiadaan makanan, maka orang yang mempunyai makanan adalah orang yang paling kaya dan bukannya mereka yang memiliki simpanan emas atau perak. Bencana di zaman moden yang mengancam sumber makanan bukan hanya kemarau dan banjir malah termasuk peperangan, wabak pandemik, sekatan ekonomi dan sebagainya. Saya pernah berada di Iraq selama 6 tahun, 1993 hingga 1999. Dalam tempoh sekatan ekonomi PBB selepas daripada Perang Teluk 1991, rakyat mereka tetap ada makanan walaupun disekat daripada laut, darat dan udara oleh US dan sekutunya kerana polisi Kerajaan Saddam Hussein ketika itu yang menitikberatkan pertanian dan penternakan untuk pengeluaran makanan. Malah bekalan asas makanan seperti gandum, beras, minyak masak, susu bayi diagihkan secara percuma bulanan kepada semua rakyat Iraq.

Dato Yang di-Pertua, *priority* dasar-dasar Kerajaan ialah kepentingan umum sama ada kepentingan ekonomi ataupun kepentingan keperluan asas. Keperluan asas manusia selepas daripada kesihatan ialah makanan kerana itulah pergerakan rantai makanan tidak boleh terhenti. Walau situasi apapun yang dilalui oleh negeri, negara dan dunia. Kerajaan Negeri telah berusaha keras supaya petani, penternak, nelayan kekal tabah dan cekal berhadapan dengan situasi serba sukar ini jangan sampai mereka berputus asa untuk berusaha lantaran kerana fenomena kejatuhan harga, kesukaran wang pasaran, bencana alam, wabak penyakit dan pelbagai sekatan lagi. Susah senang ini biarlah kita lalui bersama.

Dato' Yang di-Pertua, program-program dalam Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu 2019-2023, disasarkan untuk menjadi satu solusi memajukan ekonomi rakyat melalui sektor pertanian dengan objektif besar untuk meningkatkan *food security* negeri. Kerajaan Negeri bekerja dengan satu hala tuju yang jelas, sama ada hala tuju jangka pendek atau jangka panjang dan bukannya kita kerja ikut terlintas secara ad-hoc. Perancangan yang jelas dan kerja secara berpasukan adalah kunci kita mampu menyiapkan 45 projek dan menyempurnakan 93 program dalam tempoh 12 bulan pelaksanaan Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021 yang menjadi sebahagian daripada pengisian Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu 2019-2023.

Dato' Yang di-Pertua, Yang berhormat Batu Buruk, Hulu Besut dan Seberang Takir membangkitkan isu kenaikan *input* pertanian seperti makanan ternakan dan baja. Untuk makluman dewan, tanaman jagung bijirin yang menjadi antara bahan asas pengeluaran makanan ternakan kurang berjaya di Terengganu disebabkan oleh faktor cuaca dan kadar kelembapan yang tinggi. Jagung bijirin memerlukan cuaca panas kering yang tidak kita dapati di Terengganu tapi kita ada kelebihan sumber lain sebagai bahan mentah makanan ternakan seperti PKE, Palm Kernel Extract dengan izin dan ikan baja sebagai sumber protein.

Dato' Yang di-Pertua, berhadapan isu kenaikan harga berkenaan ternakan lebih setahun yang lepas, Kerajaan Negeri telah panggil pihak-pihak terlibat terdiri daripada pengilang, KPDNHEP, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Persatuan penternak dan lain-lain pihak berkepentingan untuk kita melihat punca dan mencari solusi ke arah kepada isu ini. Rumusan daripada perbincangan tersebut banyak faktor-faktor kenaikan harga makanan ternakan berada di luar daripada bidang kuasa negeri dan makanan ternakan bukan barang kawalan yang boleh dikawal harga oleh KPDNHEP. Maka, penyelesaiannya dengan cara kita berdasarkan situasi di negeri kita. Di Terengganu kita ada kilang makanan ternakan yang dioperasikan oleh Koperasi Peserta FELCRA Berhad (KPFB). Tetapi sebelum ini tidak dimanfaatkan sebaiknya oleh pengilang dan penternak. *Under utilize* dengan izin. Maka, suatu penyelarasan bersama di antara Kerajaan Negeri, KPFB, Persatuan Penternak dan pihak berkepentingan telah diadakan bagi meminimalkan impak kenaikan sumber harga makanan ternakan dan memaksimumkan manfaat daripada kewujudan kilang KPFB di Gong Badak kepada penternak negeri ini. Kerajaan Negeri melalui JPV kita telah bantu KPFB dari segi kepakaran formula makanan ternakan. Kerajaan menjadi *mediator*

yang menghubungkan KPFB dengan persatuan-persatuan penternak dan pihak-pihak lain. Hasilnya penternak mendapat bekalan makanan dengan kualiti yang setanding tetapi harga yang lebih murah berbanding bekalan makanan daripada luar Terengganu. Dalam masa yang sama, Kerajaan sedang berbincang dengan pihak GLC negeri dengan kerjasama swasta bagi pembinaan sebuah lagi kilang makanan ternakan di Bukit Khor di Marang, sebidang tanah telah diluluskan bagi tujuan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tambahan kepada perancangan ini, pembangunan tanah rizab padang ragut sebagai padang ragut rakyat supaya penternak mempunyai kawasan cerut rumput yang mencukupi dan mengurangkan pergantungan kepada sumber dedak. 70 ekar padang ragut telah dibangunkan di semua daerah pada tahun 2021 dengan keluasan 10 ekar di setiap daerah kecuali di Kuala Terengganu. Kita juga agihkan mesin *chopper* supaya dapat digunakan untuk menghancurkan beberapa sumber makanan alternatif antaranya batang jagung, rumput *Napier*, pelepah sawit dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Buluh Gading membangkitkan isu binatang ternakan yang berkeliaran. Untuk makluman Dewan, lembu, kambing, kerbau dan yang sewaktu dengannya yang dilepas bebas tidak dikira sebagai suatu kaedah ternakan dan bukannya di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar maka JPV menyerahkan sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil apa sahaja tindakan penguatkuasaan yang selayaknya. Berkaitan penyelenggaraan tali air pertanian yang juga dibangkitkan oleh Wakil Buluh Gading, memang benar dengan peruntukan kepada sektor pertanian yang agak terhad, Kerajaan memfokuskan kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf sistem perparitan dan saluran di kawasan pertanian yang aktif dan produktif sebagai keutamaan. Dalam proses pelaksanaan ini, banyak kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan secara CSR Tani untuk menjimatkan kos. Pelaksanaannya jabatan-jabatan menyediakan jentera, menyediakan peralatan, petani setempat *pakat* keluar sama-sama bergotong-royong dan saya rasa sangat berterima kasih kalau sekiranya pejabat ADUN bersama dengan JPKK setempat juga boleh memikirkan kaedah alternatif yang sama. Komitmen Kerajaan untuk menyelesaikan isu tali air terbiar ini, Kerajaan akan memanggil satu mesyuarat penyelarasan melibatkan PBT, Pejabat Daerah, JPS, Jabatan Pertanian dan lain-lain supaya tidak lagi berlaku saling lepas tangan atau saling berharap.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Kuala Besut menyentuh tentang penggunaan teknologi dalam industri pengeluaran makanan. Ya, memang di Terengganu penggunaan teknologi sedang diaplikasikan di negeri kita. Antara contohnya, dalam sektor padi penggunaan *drone* untuk tabur benih dan kerja-kerja meracun, yang kedua penggunaan pH meter bagi mengukur kadar penggunaan kapur di petak sawah, yang ketiga penggunaan LCC - *Leaf Colour Chart* melalui aplikasi dalam telefon pintar untuk mengukur penentuan kadar baja nitrogen, yang keempat perataan sawah menggunakan teknologi *laser*, yang kelima automasi dalam sawah padi antaranya penggunaan *transplanter*, baller dan pedang *slancer*, yang keenam pengesanan perosak dan penyakit tanaman secara aplikasi *online*, yang ketujuh dalam sektor buah-buahan dan sayur-sayuran penggunaan aplikasi telefon untuk penanaman secara fertigasi boleh kontrol di hujung jari untuk kerja-kerja penyiraman dan pembajaan. Tanaman fertigasi ada di rumah kita, ada di pejabat sampai masa menyiram kita boleh siram, sampai masa membaja kita boleh baja.

Dalam sektor perikanan, program pemodenan dan mekanisasi *vesse*/ tangkapan ikan dilaksanakan di bawah Dana Jaminan Makanan. Semasa Ucapan Belanjawan 2021, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM150 juta bagi tujuan pembiayaan Program Pemodenan *Vesse*/ Dan Mekanisasi Peralatan. *Alhamdulillah* Terengganu menerima sejumlah RM19,560,090.00 sejak program ini diperkenalkan dan telah memberi manfaat kepada seramai 48 orang nelayan. Di antara objektif program ini ialah pembangunan industri perikanan pantai menerusi program pemodenan *vesse*/ dan menggalakkan penggunaan peralatan mesra alam dan moden, yang kedua kita nak buka peluang kepada nelayan tradisi daripada Zon A dan Zon B, menaik taraf dan memodenkan *vesse*/ dengan mekanisasi peralatan tangkapan yang lebih efisien dan yang ketiga menggalakkan *vesse*/ untuk beroperasi di zon yang lebih jauh dan bertukar peralatan daripada peralatan tradisional kepada peralatan komersial.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Sura, Wakil Ajil dan Wakil Telemong menyentuh tentang bencana banjir dan kerugian yang dihadapi oleh mangsa-mangsa. Untuk makluman Dewan, kerugian kepada sektor pertanian, penternakan, perikanan dan industri makanan dalam kejadian banjir yang luar biasa yang berlaku pada Februari lepas mencecah lebih RM12.9 juta. Semua data-data mangsa terlibat telah dikemaskini dan penyaluran bantuan sagu hati

melalui Tabung Bencana Pertanian Negeri Terengganu berjumlah kira-kira RM750,000.00 telah diluluskan dan akan disalurkan segera. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri turut berusaha untuk mendapatkan Dana Bantuan Bencana Pertanian daripada Kerajaan Persekutuan memandangkan jumlah kerugian yang perlu ditanggung adalah agak besar untuk disantuni kesemuanya oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Jertih inginkan penjelasan bagaimana 2,000 peluang pekerjaan McCormick diwujudkan. Sektor perladangan lada hitam memerlukan ramai pekerja terutamanya kerja-kerja penuaian yang masih menggunakan tenaga manusia secara manual. Dalam masa yang sama, McCormick akan membina sebuah kilang pemprosesan yang menjana tambahan peluang pekerjaan. Dari segi pecahan kategori guna tenaga yang diperlukan, pengurusan 21 orang, teknikal dan penyelia 90 orang, jualan dan perkeranian 20 orang, pekerjaan dan ladang 1,300 orang pekerja tetap dan 1,000 orang pekerja sementara dengan jumlah keseluruhan 2,441 orang. Fasa pertama, McCormick telah mengambil seramai 59 orang pekerja tempatan dan akan masuk dalam masa terdekat lagi seramai 88 orang. Kerajaan Negeri melalui TADC dengan konsep *contract farming* mewujudkan *skim outgrower* dengan penyertaan petani tempatan seluas 50 hektar yang dibahagikan 2 hektar kepada setiap peserta, di sini mampu menambah lagi peluang pekerjaan dan mengembangkan kepakaran secara teknologi *transfer* kepada pekerja tempatan. Tambahan lagi Kerajaan memperuntukkan tanah seluas 50 hektar kepada TADC untuk ditanam rumput Napier bagi dijadikan baja kompos dalam proses pemulihan tanah di ladang McCormick yang mampu menyediakan puluhan lagi peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Jertih juga ingin tahu peranan TADC dalam memajukan sektor pertanian Terengganu sebagaimana yang didakwa oleh Jertih, TADC tidak ada modal. Untuk makluman Dewan, TADC yang kami ambil alih pengurusannya pada Oktober 2018, ketika berstatus sebuah syarikat kod warna biru, warna biru maknanya di bawah lagi daripada warna merah dan bersedia untuk digulung. *Alhamdulillah* kita telah berjaya pulihkan sehingga sekarang ini berada pada kod warna kuning dan *insya-Allah* mampu bertukar hijau. Antara peranan besar yang dijayakan oleh TADC;

1. Menyelesaikan isu pemasaran hasil pertanian ketika PKP 1.0 pada Mac 2020.

2. Memulihkan Projek Rimbunan Kasih, Rantau Abang. Untuk makluman Dewan, Projek Rimbunan Kasih ada di beberapa negeri, hanya Rimbunan Kasih Rantau Abang sahaja yang berjaya dipulihkan.
3. Projek Pembangunan Tanah Terbiar di RTB Pengkalan Aman, Permaisuri dan RTB Kampung Rahmat di Langkap.
4. Mengendalikan *skim outgrower*, penglibatan petani tempatan dalam projek penanaman lada hitam McCormick.
5. Memulihkan reban ayam di Bukit Lawang di Setiu.
6. Penanaman nenas MD2 di Kampung Pak Kancil di Setiu.
7. Projek penanaman ubi keledak secara berkelompok bersama dengan belia Kampung Banggol.
8. Projek penanaman kelapa di Kampung Banggol.
9. Pemulihan pusat pembenihan ikan marin di Rhu 10, dan
10. TADC diamanahkan untuk menguruskan dana sejumlah RM30.44 juta dari pakej Jaminan Keselamatan Makanan di bawah MOF yang telah dimanfaatkan untuk pembangunan Pusat Pengumpulan Hasil Tani di Telaga Papan.

Yang kedua, Pusat Pengeluaran Benih Kelapa Hibrid di Limau Nipis. Yang ketiga, Pusat Semaian Anak-Anak Pokok di Kampung Pak Kancil. Yang keempat, Pembangunan Tanaman Napier. Yang kelima, Projek Pengandaan Kambing Tenusu di Kampung Bari dan yang keenam, penternakan lembu secara semi fidlot di Kampung Pak Kancil. Sebahagian daripada projek-projek yang sedang dilaksanakan ini, ada dicadangkan oleh Wakil Seberang Takir, *alhamdulillah* kami telah beberapa langkah ke hadapan. Terima kasih Wakil Seberang Takir atas cadangan.

Wakil Bandar menyentuh berkenaan dengan isu pembangunan tanah terbiar. Tahun 2020, Kerajaan Negeri telah menubuhkan *Task Force* Pembangunan Tanah Terbiar dan sehingga 2021 keluasan tanah terbiar yang dikenal pasti di Negeri Terengganu berjumlah 8,263.05 hektar. Sebanyak 1,122.09 hektar telah berjaya dibangunkan daripada tahun 2008 sehingga tahun 2021 dengan pelbagai tanaman melibatkan tanah terbiar di semua daerah. Untuk rekod, Terengganu ialah negeri yang kedua terbaik selepas Pahang dari segi kejayaan memajukan tanah terbiar.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bermula tahun 2021, Kerajaan Negeri telah bersetuju menyediakan insentif bagi penyediaan infrastruktur asas di

kawasan tanah terbiar seperti sistem pengairan, pagar, jalan dan lain-lain berjumlah 20,000 per hektar dengan peruntukan RM500,000.00 yang disalurkan melalui Jabatan Pertanian. Seramai 33 orang pengusaha menerima manfaat yang melibatkan keluasan tanah 53.14 hektar yang telah ditanam dengan tembikai, durian, betik, pisang dan nenas. Tahun 2022, Kerajaan Negeri menasarkankan untuk membangunkan seluas 100 hektar lagi tanah terbiar dan peruntukan sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi memastikan lebih ramai pemilik dapat memajukan tanah mereka.

Sasaran ini juga sedang dilaksanakan dengan *pilot project* Pembangunan Tanah Terbiar yang dilaksanakan secara bersepadu di RTB Pengkalan Aman dan RTB Kampung Rahmat yang sebelum ini tidak pernah dibangunkan oleh pemilik, *insya-Allah* akan ditanam dengan tanaman Musang King dan Mempelam Harum Manis melibatkan kos RM1.2 juta dari Kerajaan Negeri. TADC merupakan *anchor company* yang menyewa tanah daripada pemilik, membangunkan infrastruktur asas dan peserta-peserta yang merupakan pemilik tanah menjadi Ahli Koperasi kepada projek ini di samping bekerja dengan TADC dan tentu sekali ada halangan-halangan tertentu yang perlu kita lalui kerana takrif tanah terbiar ialah tanah orang yang ada pemilik bukan tanah kerajaan. Bila kita berhadapan dengan pemilik-pemilik tanah ada pelbagai ragam dan kerenah yang perlu kita lalui dan selesaikan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Seberang Takir dan Wakil Telemong mencadangkan tumpuan projek pertanian yang memberikan hasil segera jangka pendek dan rakyat yang tak bertanah boleh turut bertani untuk mengurangkan kos hidup seharian. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita ada Projek Kebuniti ringkasan daripada Kebun Komuniti yang dilaksanakan bagi membantu mengurangkan kos sara hidup, memberi peluang pekerjaan kepada penduduk bandar dan pinggir bandar serta membantu dalam menjamin keselamatan makanan. Projek Kebuniti diperkenalkan mulai dari pada tahun 2020, Terengganu menerima peruntukan RM250,000.00 dan konsep program ini mengguna pakai kaedah penanaman sama ada secara konvensional, sistem hidroponik, sistem fertigasi dan lain-lain kaedah penanaman yang bersesuaian.

Program Kebuniti 2.0 diteruskan lagi pada tahun 2021 dengan peruntukan sebanyak RM1.33 juta disalurkan kepada Terengganu daripada Kerajaan Persekutuan. Peningkatan peruntukan sehingga 180% ini menunjukkan Kerajaan Persekutuan turut bersama memberikan sokongan dan galakan

kepada perjalanan Tahun Pertanian Terengganu 2021. Bersempena dengan itu, seramai 2,500 orang pemohon individu dan 55 komuniti di seluruh negeri telah mendapat manfaat menerusi Program Kebuniti 2.0 dengan pengagihan kit pertanian bandar. Tahun 2022, Program Kebuniti tidak diteruskan lagi tetapi Kerajaan ada peruntukan RM600,000.00 untuk program pertanian bandar yang menyamai objektif Kebuniti yang disasarkan akan mampu memberi manfaat kepada 1,204 orang peserta.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dengan amanah yang dipikul ini *insya-Allah* kami akan terus bekerja. Fokus kami untuk fahami isu sebenar rakyat, cari solusi permasalahan daripada puncanya, letakkan keutamaan yang betul dalam bertindak, utamakan program dan projek yang memberi manfaat langsung kepada rakyat sekalipun ia tidak kelihatan *gah*, kerja secara berpasukan dengan pengarah dan hala tuju yang jelas dan akhirnya terus fokus dengan matlamat besar dan abaikan kemuncup dalam perjalanan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Wakil Jabi mohon menyokong, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Jabi yang telah membuat penggulangan bagi pihak Kerajaan. Seterusnya, saya jemput Wakil Bukit Payung.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payung):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،
أَمَّا بَعْدُ

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الَّذِي أَنْزَلَ فِيهِ الْقُرْآنَ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْقُرْآنَ شَهْرُ رَمَضَانَ

Maksudnya, bulan Ramadhan diturunkan padanya al-Quranul Karim hidayat petunjuk kepada manusia penjelasan dan keterangan-keterangan kepada sekalian manusia.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, pegawai-pegawai, para pemerhati yang saya hormati lagi saya kasih sekalian. Saya hanya mahu menyebut dan memberikan tambahan

sokongan terhadap ucapan beberapa orang rakan Yang Berhormat di dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan. Yang Berhormat Tepoh mengajak kita agar sentiasa menghayati Ramadhan agar kita dilahirkan sebagai insan yang bertaqwa kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Yang Berhormat Pengkalan Berangan mengajak kita semua juga khususnya Kerajaan Negeri mengambil perhatian tentang pemerkasaan kerja-kerja dakwah dan program-program penghayatan Islam secara menyeluruh dan lengkap di masjid dan seluruh peringkat. Saya menyambut baik pandangan-pandangan yang begitu dan ia selaras dengan apa yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan masyarakat *madani* dan insan *rabbani* di Negeri Terengganu ini sehingga Negeri Terengganu ini terus maju, berkat dan sejahtera, *insya-Allah*. Oleh kerana itulah, saya mengajak diri saya dan Yang Berhormat seluruh pimpinan negeri dan rakyat agar kita sama-sama menghidupkan *Ramadan* kali ini dengan aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah dirangka oleh Allah, yang disusun oleh nabi kita Muhammad ﷺ agar ia menjadi bekalan bagi memperkukuhkan *taqwa* kita dan juga bekalan untuk kita bertemu dengan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. *Insya-Allah*.

Perkara yang kedua, saya juga mahu memberi pandangan tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Hulu Besut dalam bentuk sindiran tentang status kerajaan ini. Adakah kerajaan ini Kerajaan Negeri Islam kerana masjid yang dikatakan tidak dibina sepanjang kepimpinan PAS, tidak dilakukan ataupun tidak dibina di Besut. *Itulah* yang saya dengar Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya harap siapa sahaja boleh menegur kerajaan ini, boleh mengkritik kerajaan ini, boleh memberi pandangan apa sahaja tentang kerajaan ini. Jangan kita mengkritik sehingga kita berbohong, jangan kita menegur sehingga kita menipu, jangan kita marah sehingga kita menjadi *plawok*. Bukan *biawok*, *plawok*. Kerana mengikut apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan selaras dengan kehendak penguasa agama, di bawah bayangan dan naungan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan agar kita memakmurkan masjid, maka Kerajaan Negeri mengambil komitmen dan kerjasama yang penting dalam membina masjid-masjid yang baru, yang sewajarnya bermula tahun 2018 sehingga 2022, kita membina dan menyiapkan sebuah masjid di Kampung Mengabang Lekor, Kuala Nerus, RM6.9 juta. Membina dan menyiapkan sebuah masjid dan lain-lain kerja berkaitan di Pekan Ajil, Hulu Terengganu, RM10.6 juta. Membina baru Masjid Kampung Bukit Tanah Jabi, Besut, RM3.5 juta. Membina dan menyiapkan sebuah masjid di Kampung Mak Lagam, Kemaman,

RM6.9 juta. Membina baru Masjid Langgar, Hulu Terengganu, RM5.7 juta. Membina baru Masjid Bujal, Kemaman, RM350,000.00. Di Besut, masjid yang baru dan sedang dalam pembinaan Daerah Besut, Masjid Kampung Bukit Tanah sebagaimana yang saya sebut tadi. Masjid Kampung Amir dibina bermula daripada Februari 2021, Masjid Kampung Alor Lintah mula dibina 24.6.2020. Kemajuan kerja 100% siap dan penyerahan projek 26.1.2022.

Penilaian Islam bukan kerana banyaknya masjid. Penilaian Islam ialah berasaskan pengamalan terhadap Islam itu sendiri. Memakmurkan rumah-rumah Allah. *Ini/ah* yang sedang kita usahakan dan kita semarakkan untuk mengajak masyarakat bukan sahaja membina masjid, membaiki masjid, membesarkan masjid tetapi meramaikan dan memakmurkan rumah-rumah Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Dengan harapan *insya-Allah*, masjid-masjid yang sudah terbina dipenuhi oleh pengunjung-pengunjungnya *insya-Allah* dan saya rasa itulah *respond* yang ringkas yang saya harap sesuatu ucapan yang hendak disebut perlu diteliti dengan sebaik mungkin walaupun tuan dia *takdok* dalam dewan ini. Tidak semangat nak ulas Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tapi saya harap apa yang saya sebut ini perlu difahami dan sampai kepada rakyat bahawa Kerajaan Negeri Terengganu ini memang komitmennya tinggi dalam memperkasakan Islam dan kita akan perkukuhkan Islam kerana negeri ini Undang-undang Tubuhnya di bawah *Itqanul Muluk bi Ta'dilil Suluk*. Rujukannya jelas disebut yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun.

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Yang Berhormat, sekejap.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payung): Allah.
Wassalamualaikum *doh*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Sekejap, sekejap je.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Yang Berhormat Dato' jangan berhenti lagi. Saya *nok celoh* Yang Berhormat Bukit Payung, kalau saya beri cadangan sikit, bulan puasa ni kita buat *qiamullail*

sekali, jemput sebelah sana, jemput sebelah sini, kita duduk di masjid supaya kita tahu pembangunan *ni* bukan saja pembangunan masjid tapi pengisian *tu*. Kalau Yang Berhormat Bukit Payung boleh pertimbangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: (ketawa)

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payung): *Insyallah*. Terima kasih. *Dah* memang kita rancang dan kita beritahu *dah*, termasuk program saya sendiri saya beritahu *dah* Pejabat Agama, saya akan turun ke setiap daerah kuliah subuh dan saya minta sama *qiamullail*, *Insyallah*. Kita akan susun sebab tu kali ini kita buat Bulan Penghayatan Ibadat Solat bukan di waktu maghrib tapi kita pilih subuh dan termasuk *qiamullail* di Tanjung Sabtu baru ni kita mula dan *insyallah*, itu bukan tuntutan kerajaan tapi tuntutan agama yang perlu diamalkan oleh kita semua *insyallah*.

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih Wakil Bukit Payung. Seterusnya saya menjemput Wakil Bukit Tunggal membuat penggulungan bagi pihak kerajaan. Silakan.

YANG BERHORMAT Dr. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَأَخْلِلْ عِقْدَةَ مِنِّ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai kerajaan, para pemerhati yang dikasihi sekalian. Pertamanya saya memanjatkan setinggi kesyukuran kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana masih diberi kesempatan untuk sama-sama menjunjung kasih atas Ucapan Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Watiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada hari Isnin yang lalu sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Keempat Belas. Suka saya mengambil beberapa inti pati daripada

ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terutamanya berkaitan dengan Model Pembangunan TOD (*Transport Orientation Development*) yang merangkumi komponen perumahan, komersial dan industri disarankan perlu direncanakan sebaik mungkin dan bersegera. Ini berkaitan dengan pembinaan ECRL dan juga sudah tentu berkaitan juga dengan LPT kita. Untuk itu, suka saya maklumkan di sini ialah Kerajaan Negeri telah mengambil perjalanan untuk memanfaatkan LPT2 kita dan juga ECRL yang menjadi penghubung utama kita dengan negeri di pantai barat. Antaranya ialah rancangan kita untuk membina Bandar Baharu Lestari di dua Exit LPT iaitu di Exit Kuala Terengganu-Gemuruh, yang kita namakan *insya-Allah* Bandar Lestari Bukit Seraya dan juga Exit Kuala Dungun, Bandar Lestari Durian Mentangau. Ini melibatkan juga dengan isu-isu pengajian tinggi Islam. Yang ketiganya kita akan memajukan Bandar Baharu Kerteh Jaya dengan pembinaan perumahan bercampur di tanah seluas 200 ekar yang akan melibatkan 1,812 unit rumah yang seperti kita maklum Kerteh Jaya berdekatan dengan stesen ECRL Kemaman dan juga *exit* LPT 2. Ini antara beberapa perkara yang telah kita ambil perjalanan dan *insya-Allah*, ada lagi perancangan-perancangan untuk fasa yang berikutnya untuk bandar-bandar lestari yang lain. Kita mengambil juga tentang pembinaan menyiapkan Bandar Baru Bukit Besar, *insya-Allah* juga merupakan *superline* ataupun *exit* untuk ECRL. Seterusnya, dari segi perumahan, disebut juga perumahan rakyat. Kita bila kita buat versi tiga e-Perumahan, kita *dah* menerima permohonan seramai 35,454 pemohon sedangkan pada versi satu dan dua, ada senarai 132,000. Ini antara pemutihan yang telah kita buat, sebenarnya, yang benar-benar pada pandangan kita, apabila kita buka semula itu, adalah hanya 35,454 pemohon sahaja yang benar-benar memerlukan rumah. Jadi, selarilah dengan apa yang kita sasarkan iaitu untuk penggal ini kita akan membina, siap *tu* belum tentulah, mungkin lambat dua tahun, tiga tahun. Kita akan terus membina sehingga mencapai *target* 20,000 untuk penggal ini dan penggal depan *insya-Allah*, bila kita beri mandat lagi, kita akan bina pulak 20,000 maka selesai permohonan yang kita ada 35,000 itu, lebih *doh* rumah kita bina untuk generasi yang akan datang, *insya-Allah*. Setakat ini, kita *dah* bina dalam perancangan dan siap dan sedang dalam pembinaan, 18,619 unit, tidak termasuk dua lagi projek baru yang kita sedang berunding dengan pihak pemaju. Kita ada dua tempat lagi, satu di Dungun, satu di Batu Rakit sebelum *retired* saya akan jawab nanti. Di Kuala Nerus kita kira ada 1,005 unit lagi. Maka, jumlah yang akan dalam tangan kita, yang sudah siap, yang dalam pembinaan dan yang perancangan kita *dah* 19,624 unit iaitu mencapai 98% daripada *target* kita, 20,000 unit. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan banyak terima kasih, tidak

terhingga kepada pegawai-pegawai yang telah memberi kerjasama, bersungguh-sungguh saya tengok kerja Kuala Lumpur-Terengganu, Kuala Lumpur-Terengganu cari pelabur sehingga kita dapat mencapai tahap ini. Tanpa kerjasama pegawai sudah tentu saya tidak mampu untuk menawarkan sebegitu besar angka yang boleh dikatakan kalau A++ *lah...* 98% ini *dah* kira A campur, ia satu kejayaan yang besar. Begitu juga dengan manifesto-manifesto yang lain. Kita sudah capai 18 manifesto daripada 20. Dua lagipun Bandar Baru Lestari dan Pusat Pengajian Tinggi dalam proses, *insya-Allah* tahun ini akan dapat kita buat pecah tanah paling kurang, maka kita akan capai 100%, *insya-Allah*. Ini juga kerjasama pegawai. Tahniah dan terima kasih tidak terhingga yang saya nak sebutkan, rakam pada Dewan yang mulia ini kepada para Pegawai-pegawai Kerajaan.

Yang kedua dan disebut juga oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkaitan dengan kita akan berpindah daripada fasa pandemik kepada endemik tentang COVID-19 ini. Duli Yang Maha Mulia Tuanku memperingatkan kita tentang Duli Yang Maha Mulia merasa kebimbangan terhadap perkembangan terkini COVID-19 yang menunjukkan *trend* peningkatan sejak penularan varian Omicron ini. Memang benar, kita berpindah ini bukan kerana kes semakin berkurangan bahkan kalau dilihat *trend* kes kita masih lagi, seluruh negara lebih daripada 20,000 sehari. Terengganu pun pernah mencapai 1,000 lebih. Dua, tiga hari lepas, 500 lebih, masih keadaan yang tinggi kita *punya* jangkitan tetapi hanya dari segi *severity* ataupun keparahan kes itu berkurangan. Kes masuk hospital tidak ramai dan kurang kes-kes kematian. Jadi maknanya, dari segi fasiliti kesihatan, kita boleh menampung kes-kes yang sekiranya terpaksa dimasukkan ke hospital. Oleh itu, kita terpaksa hidup dalam endemik ini bermaksud kita hidup bersama-sama dengan virus ini dalam masyarakat yang tidak tahu siapa sebenarnya yang positif di sebelah kita, rakan kita. Kita tidak kenal sebab ia sudah tidak macam dahulu, bila positif kita akan buat *active case detection*, dengan izin, tetapi sekarang tidak lagi. Ini antara perkara yang kita semua kena betul-betul jaga dan perlu kejujuran kepada kita semua untuk mengelakkan daripada kita dijangkiti dan menjangkiti orang lain. Antaranya, kita perlu mematuhi SOP yang biasa seperti yang kita telah tetapkan. Bila keluar rumah, kita pastikan kita memakai *mask*. Ini antara pelindung kita daripada mendapat jangkitan daripada COVID-19 dan juga selalu cuci tangan untuk mengelakkan daripada jangkitan melalui sentuhan tangan kita pada partikel-partikel atau *droplet droplet* yang jatuh di perabot ataupun apa-apa perkeralah yang kita sentuh semasa kita keluar daripada rumah kita. Yang penting di sini ialah

kejujuran yang saya maksudkan ialah kita mengamalkan penilaian sendiri yang disebut TRIIS (T.R.I.I.S). Ini semua *dah* tahu *tapi* saya perlu *peringat*, ini sangat penting oleh kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyebut maka perlu saya *peringatkan* secara *detail* kepada Ahli Dewan dan yang berada di luar Dewan juga iaitu kita *test* buat ujian ke atas diri kita sendiri. Segera lakukan ujian pengesanan COVID-19, sendiri sekiranya kita ada alami simptom, ada selesema, sakit kepala, demam, sakit urat, sakit tubuh, kita *test* sendiri dengan menggunakan *saliva test* yang paling murah dan paling mudah. Sekiranya kita dapati kita positif, jangan tipu diri kita sendiri, jangan tipu keluarga kita, jangan tipu orang lain. Segera kita buat *report*, lapor keputusan ujian pengesanan di MySejahtera. Lapor terus, dan kita dengan sendirinya *isolate*, iaini kuarantin sendiri sekiranya kita sudah positif tadi dan patuhilah perintah WHO dan oleh Kementerian Kesihatan iaitu kuarantin di rumah masing-masing. Seterusnya, kita *inform*, maklum kepada kontak rapat sekiranya positif, kawan sekerja kita, anak-beranak kita, suami, isteri kita, anak-anak kita bahawa kita telah positif maka kita elakkan daripada berhubung dengan mereka dalam tempoh kuarantin yang ditetapkan untuk kita. Yang kelimanya *sick* iaitu dapatkan rawatan segera sekiranya kita mengalami gejala yang makin teruk. Mungkin pada hari pertama kita hanya selesema sikit-sikit, hari kedua mungkin batuk-batuk, akhirnya rasa sesak nafas, maka kita kena segera mendapatkan rawatan di klinik yang terdekat. Bagi yang B40, kita boleh pergi klinik swasta dengan Kad Sejahtera. *Insya-Allah*, benda ini telah sebutkan tadi. Ini perkara-perkara perlu kepada kejujuran dan kerjasama kita sendiri. Jadi, Kerajaan boleh buat peraturan bermacam-macam tetapi kalau tanpa kerjasama daripada orang ramai maka sudah tentulah perkara ini tidak akan tercapai dan kita nak mengurangkan kes dalam masyarakat juga tidak akan berjaya. Itu perkara yang sangat penting untuk kita fahami bersama.

Seterusnya, suka saya *nak* respon kepada beberapa perkara yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan, tidak silap saya daripada 18 orang Ahli Dewan yang berucap, 10 telah menyentuh berkaitan dengan portfolio saya ini, Batu Buruk, tentang pandemik dan endemik saya dah ulas tadi. Sura memohon supaya dibina perumahan di kawasan beliau, kawasan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Sura, kita ada rancangan, cadangan dalam proses perundingan kita dan *insya-Allah* akan dibuat mesyuarat pada 10 haribulan 4 nanti iaitu Satu Projek Rumah Mampu Milik di Bukit Tebuk yang melibatkan 465 unit yang akan kita bina di Bukit Tebuk dalam masa yang terdekat, *insya-Allah*. Buluh Gading ada menyebut tentang status terkini Bandar Baru Lestari. Bandar

Baru Lestari, Bukit Seraya khususnya, sekarang kita sudah dalam proses perundingan antara Kerajaan, UPEN dengan pemaju yang menunjuk minat, menyatakan minat untuk melabur dalam Bandar Baru Lestari ini, kita buat konsep keswastaan. Apa yang menjadi isunya ialah pihak pemaju sudah tentu bila melabur, dia mahu mendapat keuntungan maka dia ada komponen-komponen yang dia *nak* dan kita, Kerajaan ada komponen-komponen penting yang kita *nak* untuk rakyat. Sekolah, masjid, pasar dan sebagainya. Ia *nak* untuk kita selaraskan supaya *win-win*. Kerajaan dapat *nak* untuk beri kepada rakyat supaya perkhidmatan kita, pemaju juga dia melabur dia mahu mendapatkan pulangan hasil daripada pelaburan. Di peringkat akhir kita berbincang *insya*-Allah saya jangka akan selesai pada selepas raya nanti, kita boleh buat pecah tanahlah untuk di Bukit Seraya *insya*-Allah. Ini juga adalah kerjasama yang saya tengok kerja-kerja di pihak UPEN, di pihak PMINT, TI, Terengganu Inc. beri kerjasama yang cukup padu, naik Kuala Lumpur turun Terengganu bincang dengan pemaju untuk cari pemaju yang sanggup untuk melabur di Bandar Baru Lestari kita ini. Tahniah semua.

Seterusnya disebut juga tentang binatang ternakan berkeliaran. Ini, memang isu ini serba salah kita dibuatnya. Kalau kita tangkap, kita kena marah. Tangkap denda, tangkap denda. Ini antara perkara yang, untuk makluman Ahli-ahli Dewan sekalian. Dato' Yang di-Pertua, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telah menerima Kertas Cadangan Penswastaan Tangkapan Haiwan yang berkeliaran dari sebuah syarikat bumiputera. Satu sesi perbincangan akan diadakan *insya*-Allah pada 29 Mac 2022 di antara MBKT dan syarikat tersebut yang mesti diperhalusi dari segi undang-undang dan sebagainya. Buat masa sekarang Majlis Bandaraya Kuala Terengganu menjalankan aktiviti penangkapan haiwan merayau seperti mana yang saya lapor di sini. Sehingga September 2021, 16 ekor lembu telah ditangkap dan ditebus oleh tuan dia dengan jumlah RM17,760.00 ini denda *dok* sedap *la ni*. Kena marah di orang. *Beleber* besar panjang kita. Yang di lelong sebanyak 5 ekor lembu dengan jumlah RM4,155.00, kambing 13 ekor ditangkap dan ditebus dengan nilai RM4,185.00 dan kambing merayau untuk bulan 2 baru ini 7.02.2022, 4 ekor yang ditangkap. Jadi kita buat kerja tangkap menangkap *ni* tapi *gitulah* orang marah macam-macam, kena *beleber*, maki-hamunlah. Ini pun satu hal tapi kita memandangkan bahaya tu tetap buat juga. Dan cabaran untuk menangkap lembu bukan mudah *jugok* nak *tembok dok* boleh. *Nok* kena *berkas* lembu maklumlah mengancam nyawa juga tuan-tuan, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Seterusnya, disebut tentang babi masuk kampung *hok* ni pun satu hal. [*gelak*] Memanglah kita dah mengacau di kawasan apa yang dipanggil environment dia, kawasan dia dah dikacau oleh manusia dia dah keluar masuk kampung tapi itulah cara yang paling selamat kita pakai jerangkap babi tapi masalah sekarang sedia tanya orang Cina *bakpe* tak *boh* ambik *jugok*, diberi percuma pun tak *boh jugok* babi *ni*. Akhirnya kena bunuh dalam *tu*. Itupun kita orang terpaksa bunuh dia pun susah *jugok*. Siapa yang *nok* alih babi *ni* dan termasuknya juga ditanya oleh Jertih, sebenarnya telah buat beberapa tindakan kalau di Jertih *ni* dan di daerah Besut telah menjalankan operasi bersepadu penangkapan babi liar pada 15 dan 16 Julai 2022 bertempat di Kampung Paya Rawa, Kampung Keluang, Kampung Tembila dan Kampung Gong Bayor bersama dengan ADUN Kota Putera pun hadir PDRM, PERHILITAN, RELA, JKKK dan sebagainya. Jadi 6 ekor babi ditangkap 98 ekor anjing dan 8 ekor kera. Semua kena binatang. Dia pun *nok* hidup *jugok* tapi itu *lah* bila mengacau, kita akan ambik tindakan bukan kita berdiam diri mengikut keadaan semasa. Parking di Bandar Jertih yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jertih telah dijawab oleh rakan saya iaitu Jertih, betul *lah tu* apa yang dicakap itu memang OKU ni kita bagi percuma yang mendaftar dengan kita. Jangan bimbang Yang Berhormat Jertih, *insya*-Allah.

Kemasik mengulas tentang SDG. Adakah dia amalkan dalam kita punya PITAS. Senarai SDG kita ada 17 sebenarnya yang ditetapkan oleh PBB, 17 *Sensible Development Growth* kita *ni* dengan izin. Kalau saya boleh baca satu persatu di sini, yang antara inisiatif yang kita ambil dalam PITAS 2030 ini selari ataupun tidak dengan SDG,

1. Tiada kemiskinan, *no poverty*. Ini antara program-program kebajikan kita dan juga peluang pekerjaan yang kita dapatkan untuk rakyat kita supaya tidak ada kemiskinan dalam negeri kita. Itu program-program yang berterusan.
2. *Zero hunger*. Kelaparan sifar. Kelaparan sifar juga banyak aktiviti-aktiviti bantu-bantuan kebajikan daripada JKM, daripada MAIDAM, daripada ADUN-ADUN kawasan sendiri banyak kita beri untuk memastikan tidak ada rakyat kita yang kelaparan.
3. Kesihatan yang baik dan kesejahteraan *good health* ini. Inilah kita buat kad Sejahtera, wad kelas tiga percuma.
4. Kualiti pendidikan Jabatan Islam Terengganu menubuhkan Pusat Tafaqquh Fi Din Tok Syeikh Duyung, Penubuhan SRIDI, SMIDI dan lain-lain.

5. Kesaksamaan *gender*. *Gender equality* dengan izin. Dasar wanita Terengganu telah dibuat pembudayaan komuniti surirumah, kiosk pemasaran produk ibu tunggal.
6. Air bersih dan sanitasi. *Clean water and sanitization*. Dalam PITAS kita ke Lembaga Sumber Air Terengganu, LAUT sebagai pelaksana kepada Enakmen Sumber Air Terengganu.
7. Tenaga mampu milik dan bersih, *renewable energy*. Bila dah tubuhkan Jawatankuasa Teknologi Hijau Negeri, Loji dan Kuasa Solar di Merchang contohnya.
8. Pekerja yang sesuai dan penubuhan ekonomi. *Good job and economy growth*. Terdapat *Outreach* Pekerjaan Rakyat Terengganu dengan kerjasama GLC Negeri dan Pertubuhan Pusat Cari Kerja Terengganu.
9. Industri inovasi dan infrastruktur. Terdapat Pelancaran Terengganu Industry Made (TMADE) pembangunan *economic accelerator project* (EAP) di kawasan Kemasik. Inisiatif *high speed broadband*, pelancaran Pelan Strategik Terengganu Digital dan lain-lain lagi.
10. Mengurangkan ketidaksamaan. *Reduce Inequality*. Pelaksanaan Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021, Tabung Usahawan Terengganu (TUGAS), Program *Grown Big Usahawan*.
11. Bandar dan komuniti yang mampan serta Universities and Communities, inilah rancangan kita untuk Bandar Lestari Terengganu sejahtera, Projek Perumahan i-Rahman dan sebagainya. *Insyah-Allah* Bandar Lestari ini memang kita akan *insyiah-Allah* kita akan mulakan pada tahun ini tapi untuk siapkan mungkin dalam tiga fasa perlu dalam mungkin lima enam tahun untuk siapkannya. Untuk melihat benda ini menjadi realiti, *insyiah-Allah* berikan mandat kepada PAS untuk terus mentadbir Terengganu untuk masa-masa yang akan datang. Sampai bila-bilalah *insyiah-Allah*. Banyak ni benda kita buat untuk kebaikan rakyat ni. Jadi kalau kita tidak sambung akan terbengkalai sebagaimana sejarah-sejarah yang lalu pertukaran Menteri Besar projek ditinggalkan, buat projek baru. Berlakulah macam-macam kerugian dan pembaziran duit rakyat Negeri Terengganu. *Insyiah-Allah* kita akan teruskan selagi kita diberi mandat untuk memimpin Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman ini. *Insyiah-Allah*.
12. Penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab. *Responsible consumption* dengan izin. Perancangan penggunaan pelan penggunaan sisa pepejal dan mercu tanda Terengganu bersih. Ini dalam proses kita

- nak menyediakan sesuatu kawasan seluas 300 ekar untuk tapak pengurusan sistem pepejal Negeri Terengganu.
13. Tindakan iklim *Climate action* Pembangunan Pelan Induk Pengurusan Empangan Sungai secara bersepadu, pemantauan bulanan aliran parit-parit, penyediaan dan pelaksanaan pelan pengurusan garis panduan bersepadu ENSP dan lain-lain.
 14. Kehidupan bawah air *Life Below Water* di bawah pertanian buat penambahan tukun tiruan, labuh unjang, pelepasan benih kepada umum, Kempen Pantai Bersih.
 15. Kehidupan di darat *Life On Land*. Mengekalkan kawasan perhutanan di Terengganu sebanyak 5%. Ini nak mengekalkan prestasi CFF, *Centre Forest Farm* untuk laluan atau kehidupan binatang-binatang liar ini. Ia sekarang ini nampaknya gangguan terlalu besar sehingga harimau Malaya pun dah keluar dari kawasan dia sedangkan harimau Malaya ini antara haiwan yang kita nak *conserve*, nak kita selamatkan daripada kepupusan. Terengganu dah tinggal beberapa ekor *doh*, saya ingat *dok* sampai 10 ekor *doh* ada harimau Malaya ni. Baru ni merayau di Paka *dang* bunuh tu. Ini sangat-sangat dilarang. Kita boleh tangkap dan kita hantar balik ke dalam hutan *insya-Allah* [*gelak*]. Sebabnya nak pupus dah tu dan seluruh negara kurang 200 ekor harimau Malaya di seluruh negara dan ia menjadi ikon kita harimau ni tapi ia pun nak pupus juga. Sebab itu ada satu Jawatankuasa Khas peringkat Pusat untuk pastikan kita dapat menyelamatkan Harimau Malaya kita ini, *insya-Allah*.
 16. Keamanan keadilan dan institusi teguh. Menambahbaikkan sistem dan infrastruktur Mahkamah Syariah dalam proses.
 17. Kerjasama demi matlamat, *partnership for the goals*, pemeraksanaan konsep budaya politik matang, dan sejahtera dan perancangan pembangunan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan juga antara pihak kerajaan dan pembangkang. *Ha* ini yang kita amalkan sekarang. Sebab itu kita nak baik, semua orang bukan dengan UMNO sahaja, BERSATU pun kita baik, dengan PR, semua yang bangsa kita. Kita mahu aman damai hidup bersatu padu untuk membangun negara bersama-sama, *insya-Allah*. Jangan *baloh-balohlah* benda kecil-kecil ini. Kita lupakanlah, buang yang keruh, ambil yang jernih. "Biduk berlalu, kiambang bertaut" memang ada benda-benda yang kita hidup ini rumahtanggapun ada benda yang kita setuju, tak setuju tapi kita tengok apa matlamat kita. Kita tengok *big picture*, *insya-Allah* kita akan

selamat. Kita ada tolak ansur dalam kehidupan ini. *Takdok balohlah, insya-Allah.*

Seterusnya berkaitan dengan Kuala Besut. Kebersihan tempat pelancongan, *insya-Allah* kita akan pertingkatkan lagi walaupun telah diisytiharkan 10 bandar pelancong terbersih di Asian. *Insya-Allah*, kita akan pertingkatkan lagi, memang dalam proses kita. Batu Rakit mohon projek perumahan kawasan Batu Rakit. Alhamdulillah, Batu Rakit, kita telah ada projek, *insya-Allah*, akan direalisasikan dalam masa terdekat iaitu Projek Kampung Telaga Dua Batu Rakit dan kawasan seluas 26.06 hektar anggaran 540 unit, ini 540 orang akan dapat rumah dijamin Rumah Mampu Milik di Batu Rakit, *insya-Allah*. Kita tak tinggal, kawasan kampung kita, BPMS, Budaya Politik Matang Sejahtera. Pembangkang ke kita tak buat. Semua rakyat kita sama. Kita bagi keutamaan kepada semuanya. Cuma dia ada giliran-giliran dia tertentu yang kita kena tengok keperluan semasalah. Bukit Besi, teks SOP COVID-19 telah sebut kebiasaan pun telah sebut.

Dan yang sembilan, Seberang Takir, dengan hospital pengajar UNiSZA, kenapa 200 katil? Memang projek ini 400 katil, Yang Berhormat. Cuma fasa pertama buat 200, 200 katil dahulu. Nanti saya tengok maklumat. Dan fasa kedua akan bermula. Dijangka fasa kedua ini tahun 2024 apabila fasa pertama telah beroperasi dengan sepenuhnya. KPT memaklumkan UNiSZA perlu memohon dalam RPRMK untuk peruntukan fasa kedua dalam proses kitalah. Dan apabila telah beroperasi dalam 200 katil dahulu, jalan dengan selamat, 2024 kita akan mulakan pula dengan fasa kedua 200 katil lagi, jumlahnya menjadi 400 katil. *Insya-Allah.*

Akhirnya Tepoh. Tepoh memohon untuk buat di Bandar Baru Kuala Nerus, katanya bandar ini tidak ada orang. Betullah. Cuma Pusat Pentadbiran, ada Pusat Islam satu, tapi rumah orang tak ada. Jadi nak sembahyang tak cukup oranglah, tak cukup ahli kariah untuk sembahyang di situ. Maka kita dah berunding dan telah ada syarikat sebenarnya, kita buat pilihan sedang kita mengkaji latar belakang kewangan syarikat ini, iaitu untuk membina 468 unit rumah jenis A, pangsapuri B RMM jenis B 684 unit, pangsapuri jenis C 120 unit, rumah teres dua tingkat 256 unit dan rumah berkembar dua tingkat 20 unit. Ini satu pembangunan yang besar. Melibatkan lebih daripada 1000 unit rumah akan dibina di Bandar Baru Kuala Nerus. Tentang ruang niaga Bandar Baru Kuala Nerus, *Insya-Allah*, sekarang ini kita akan ambil tindakan melalui MBKT

dan juga Pejabat Daerah supaya di situ ada tempat yang kita benarkan peniaga-peniaga tidak lagi dia berniaga di merata-rata, saya cakap satu tempat yang khusus untuk menyelamatkan keadaan kecantikan bandar baru dan juga tidak menghalang orang ramai peniaga-peniaga untuk mendapatkan dan mencari peluang mencari rezeki masing-masing *insya-Allah*. Saya rasa saya sudah respon kepada 10 di Dewan yang bawa yang telah menimbulkan dalam ucapan masing-masing. Saya ucap terima kasih dan tahniah di atas kecaknaan tentang portfolio saya dan harap terus maju ke depan dengan perancangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan yang sudah tentunya kejayaan ini adalah kejayaan kita semua Kerajaan rakyat Terengganu Darul Iman. Sekian.

وَبَرَكَاتُهُ اللَّهُ وَرَحْمَةُ عَلَيْهِمُ السَّلَامُ وَالْهُدَايَةُ التَّوْفِيقُ وَبِاللَّهِ

Saya menyokong Titah Ucapan Diraja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Wakil Alur Limbat di atas penggulungan yang telah dibuat tadi. Sewaktu kita mula masuk dalam persidangan, lepas rehat ini saya ada sebut saya nak berikan sedikit peringatan cuma oleh kerana pada waktu itu belum ramai yang masuk jadi saya ambil masa sikitlah. Sebelum saya jemput Wakil Paka kerana ada teguran pada saya berkait dengan perjalanan sidang terutamanya kelmarin pada saya tidak tak kata *bolok* sangat sebab persidangan kita ini sumber kuasanya ialah *Standing Orders*. Saya tidak minta tapi kuasa dalam *Standing Orders* itu banyak diberikan kepada Yang di-Pertua ataupun Speaker Dewan. Secara peribadi saya lebih suka menggunakan kuasa budi bicara yang kita boleh bertolak ansur yang kita boleh orang kata tidak terlalu *strict* sangat tapi macam mana pun oleh kerana Dewan Negeri telah meletakkan satu visi untuk menjadikan Dewan Negeri ini sebagai Dewan Negeri yang terunggul di Malaysia. Selain daripada program-program dan juga perkara-perkara yang boleh menambah nilai dari segi prestasi Dewan kita ini. Kita tidak dapat tidak memerlukan kerjasama daripada Ahli-Ahli Dewan. Oleh sebab itu saya harap perkara-perkara yang jelas dalam *Standing Orders* perlu dipatuhi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya memang tidak suka dari segi membazirkan masa dalam perkara-perkara yang tidak perlu. Dari segi hak memang dalam *Standing Orders* disebutkan secara jelas umpamanya dalam perkara yang saya selalu sebut 47 A, seseorang ahli yang boleh mengganggu ataupun mana mencelah ahli yang lain sewaktu dia berucap memang saya harap ahli yang sedang bercakap yang sedang berucap tadi mahu beralah di atas permintaan daripada Ahli Berhormat yang lain, itu satu perkara. Yang kedua apabila Yang

di-Pertua Dewan bercakap maka Ahli-Ahli Dewan yang lain yang sedang bercakap mesti serta merta duduk juga isu berkenaan pertikaian dalam soal pertikaian yang dihubungkan dengan soal pematuhan umpamanya dalam sebut Perkara 47 mana-mana Ahli Dewan yang dianggap terpesong daripada peraturan maka Yang di-Pertua boleh mengarahkan supaya ahli berkenaan untuk duduk. Begitu juga dalam soal memutuskan suatu pertikaian sama ada ahli berkenaan patuh ataupun tidak maka kuasa muktamadnya diberikan kepada Yang di-Pertua Dewan. Jadi begitu juga satu lagi dalam perkara 125 (2) yang akhir ini dalam *Standing Orders* kita ini keputusan Yang di-Pertua Dewan apabila berlaku pertelingkahan tentang tafsiran maka keputusan muktamad diberikan oleh Yang di-Pertua Dewan. Sebab itu saya katakan saya gunakan kuasa budi bicara. Tapi, kadang-kadang saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menguji kesabaran saya. Ada masanya saya akan menggunakan peruntukan-peruntukan yang saya sebutkan tadi demi untuk memastikan perjalanan sidang kita ini akan berjalan lancar. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Paka untuk membuat pengumuman.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ

Yang dihormati Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pemerhati dan juga saudara-saudari yang dihormati sekalian. Saya mengambil kesempatan ini dalam Ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku Sultan sempena pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Keempat Belas. Untuk memberi *respond* pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang portfolio di bawah saya. Antaranya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sura, iaitu menyentuh tentang keperluan untuk menambah baik prasarana Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu di Dungun, pihak Kerajaan sebenarnya pada tahun 2021 sebelum ini, telah membaik pulih bumbung Asrama Darul Abu Bakr dengan kos RM40,000.00 dan sudah selesai permasalahan tersebut. Juga memperuntukkan peruntukan untuk membaik pulih tangki kumbahan juga telah selesai dan untuk tahun 2021, 2022 pihak Yayasan Terengganu dengan peruntukan CBK telah memperuntukkan RM100,000.00 untuk membaik pulih bumbung asrama pelajar, bilik guru, kelas

akademik, surau, bilik warden dan juga pejabat. Juga, penyelenggaraan dan baik pulih tangki kumbahan serta tandas 6 buah asrama pelajar dengan kos RM111,000.00 dan pihak Yayasan Terengganu juga dalam proses cadangan pembinaan bangunan asrama baru untuk pelajar tingkatan 1 dan 3 yang akan menelan belanja lebih kurang RM500,000.00, di bawah peruntukan UPEN dan proses awal untuk melantik juruukur tanah bagi kerja-kerja ukur topografi untuk penjanaan *layout* pelan dan juga bangunan, dan memang kita akuiilah sebahagian besar bangunan yang diguna pakai itu masih lagi bangunan lamalah, peninggalan lama sejak UiTM Dungun lama dulu. Tetapi inilah, perancangan akan kita buat bangunan baru untuk lebih selesa kepada pelajar-pelajar kita. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sura yang membangkitkan isu ini.

Yang Berhormat Buluh Gading menyentuh tentang berkait pembinaan Mahkamah Syariah di Kemaman. Memang sepatutnya kita sudah selesai untuk mewujudkan bangunan mahkamah ini, tapi sekarang baru diambil perjalanan walaupun Mahkamah Tinggi kita sudah sepatutnya ada tiga iaitu mahkamah di Kuala Terengganu, Kemaman dan juga di Besut, dan hakim pun dah sedia ada cuma melibatkan bangunan. Jadi, terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah meluluskan peruntukan bagi membina bangunan Mahkamah Tinggi Syariah di Kemaman dan pada tahun 2020 telah diluluskan sebidang tanah iaitu PT14186 seluas 12,164 meter persegi di kawasan Bandar Baru Kijal, Kemaman untuk dijadikan tapak Kompleks Mahkamah Tinggi Syariah Kemaman, dan Kerajaan Negeri juga telah meluluskan kos pembinaan sebanyak RM10 juta bagi pembinaan bangunan Kompleks Mahkamah Tinggi Syariah di Kemaman itu. JKR baru selesai membuat pembentangan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu pada 16 Mac baru-baru ini yang dimuktamadkan dari segi reka bentuk bangunan dan juga anggaran kos pembinaan. Dimaklumkan sebab tanah itu di kawasan sebelah BOMBA itu memerlukan proses rawatan tanah dan mengambil masa 12 hingga 18 bulan, jadi lama *pulok*. Jadi pihak Jabatan Kehakiman mungkin akan mengangkat pilihan, sebab ada lagi tanah bekas Mahkamah Rendah sekarang itu mungkin boleh digunapakai untuk mengurangkan koslah, sebab dijangkakan RM10 juta peringkat awal itu sepatutnya boleh selesai *doh*. Tapi dengar kata JKR nak angkat lebih kurang dalam RM28 juta *pulok [ketawa]* kita tengoklah macam mana, *insya-Allah*. Tapi *doh*, pihak Kerajaan Negeri memang *doh* bagi komitmenlah untuk

menyelesaikan isu pembangunan Mahkamah Tinggi di Kemaman dulu, lepas pada tu baru gi di Besut, *insya-Allah*.

Berkait dengan Mahkamah Rendah Syariah Setiu, memang kita mengarahkan supaya diambil perjalanan untuk membina Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu yang masih lagi menumpang di rumah kedai di simpang *traffic light* itulah, yang mengganggu perjalanan mahkamah sendiri, pada tahun 2022 ini sudah diluluskan lot 3089 di Mukim Tasik Setiu. Keluasan 4,817 meter persegi lebih kurang 1.2 ekar dan UPEN bersama JKR dan agensi yang berkaitan sedang mengambil perjalanan untuk reka bentuk dan *insya-Allah* kita harap di bajet akan datang akan disenaraikan untuk Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu. Di samping semua bangunan mahkamah rendah di daerah-daerah lain masih lagi menggunakan bekas Jabatan Agama Daerah masing-masing, jadi memang kalau kira dari segi pembangunan dan sebagainya tidak sesuai dan *insya-Allah* itu dalam perancangan Kerajaan Negeri untuk *upgradelah* kesemua bangunan-bangunan tersebut agar lebih sesuai dan selayaknya sebagai mahkamah.

Tentang KQT disebut, saya rasa sudah diberi maklumat perkara ini, cuma kita buat sementara dulu di kuarters Kompleks Kastam Pengkalan Gawi sebab kita sedia maklum memang untuk menyiapkan keperluan menyiapkan bangunan tapak kekal itu memerlukan masa yang panjanglah, dan sebagai Kolej Universiti yang kita perlukan ini dia banyak syarat-syarat dia untuk diangkat status dia sebagai Universiti jadi kita perlu memulakan khususnya melibatkan penawaran, kursus melibatkan ijazahlah di kompleks baru kita ini sendiri.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wanita juga menyentuh tentang perihal *hiwalah*, kes *hok* bekas suami *hok culas* bayar nafkah setelah diputuskan di mahkamah, saya rasa melibatkan pegawai kerajaan pun *dok* berbangkit mana dia boleh potong gaji, ini melibatkan individu orang meniaga, kerja sendiri dan sebagainya, *hok nilah* biasa *culas* ni. Tapi saya rasa beberapa hari yang lalu Perdana Menteri telah mengumumkan kerjasama dengan pihak bank, peguam dan sebagainya untuk memotong nafkah itu *direct* daripada pihak bank sendiri. Jadi, pihak kita di Kehakiman Syariah sendiri melalui Bahagian Sokongan Keluarga telah bertemu dengan Jabatan Undang-Undang, Bank Negara yang diadakan pada 14 Mac 2019. Sebenarnya sudah diambil perjalanan lama *doh* berkait isu permasalahan ini. Seterusnya pada 11 Jun 2019 satu perbincangan bersama Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang Jabatan

Peguam Negara BSK, BNM bagi membincangkan proses tersebut. Jadi satu Rang Undang-Undang bagi meminda jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 telah diluluskan dan diwartakan pada 10 Februari 2021. Jadi pindaan tersebut memansuhkan pematuhan penzahiran maklumat di bawah hiwalah iaitu pemindahan hutang dengan penghutang penghakiman kepada pihak ketiga, jadi termasuk juga melibatkan perintah mahkamah termasuk juga perintah Mahkamah Seksyen serta diperluaskan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Jadi berdasarkan pewartaan pindaan akta tersebut sebarang perintah hiwalah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di mana-mana peringkat telah boleh dilaksanakan. Di JKSM juga telah mengeluarkan satu garis panduan, manual melalui Arahan Amalan No 10, tahun 2020 dan telah diterima pakai di peringkat Mahkamah Syariah Negeri dan telah dimasukkan sekali garis panduan bagaimana suatu proses hiwalah itu boleh dilaksanakan. Namun begitu bagi tujuan pelaksanaan sebenar hiwalah, di semua peringkat mahkamah ini satu bentuk penyelarasan teknikal di peringkat dasar perlu dibuat terlebih dahulu untuk pelaksanaan dan penguatkuasaan di peringkat Mahkamah Syariah, jadi perkara tersebut dalam proses tindakan buat masa ini, jadi untuk makluman Kerajaan Negeri dulu telah meluluskan peruntukan kewangan bagi tabung dan juga termasuk MAIDAM untuk kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah sebelum dia dapat nafkah jadi mereka ini boleh gunapakai duit tersebut untuk membantu permasalahan yang melibatkan khususnya melibatkan anak-anak. Jadi kita rasa tak berbangkit, anak-anak yang terbiar, isu yang melibatkan pengabaian nafkah inilah dan kita dalam proses mengemaskinikan mewujudkan takaful bagi anak-anak yang terabai melibatkan keputusan Mahkamah Syariah ini khususnya kepada suami-suami yang orang panggil *maknga* dalam menunaikan tuntutan nafkah.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Minta maklumat sikit Yang Berhormat, adakah dia boleh menggantikan *Ta'min Hadhanah* yang pernah disebut dalam Sidang yang lalu? *Ta'min Hadhanah*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, betul la. *Ta'min Hadhanah* itu merupakan dalam masih lagi dalam proses jadi *insya-Allah* kita harap ada beberapa cadangan-cadangan untuk jangka masa panjang bagi tabung itu diguna pakai khususnya melibatkan anak-anak yang terabai dalam isu nafkah melibatkan keputusan Mahkamah Syariah ini, terima kasih.

Juga berkait tentang Pusat Pemulihan Akhlak yang kita cadangkan iaitu Pusat Pemulihan Akhlak dan juga Pusat Permurniaan Akidah Negeri Terengganu di mana telah mendapat kelulusan bajet semasa Sidang Dewan Undangan Negeri Kali Keempat Belas iaitu pada 25-29 November 2018. Jadi telah dilakukan usaha-usaha yang diseliakan oleh Mahkamah Syariah ke arah penubuhan tersebut dan lawatan-lawatan pun sudah dibuat kepada pusat-pusat yang sedia ada dengan hasrat untuk mewujudkan cadangan pusat rehabilitasi oleh Mahkamah Syariah Terengganu ini. Jadi mesyuarat penyelarasan pun sudah dibuat pada 14 Januari 2022 dan juga telah membentangkan projek dan juga modul operasi oleh Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu dengan kerjasama penguatkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Jadi penubuhan pusat tersebut dicadangkan dibina di atas tanah PT 33272 di Mukim Pulau Kerangga, Marang, dekat penjara Marang. Jadi, tambahan pula isu ini telah dibincangkan dan sekarang ini kita menunggu JKR untuk membentangkan kerangka model pusat pemulihan akhlak sebab yang di Selangor dia asing jauh antara lelaki dan perempuan, kita pun hasil tinjauan kita kemungkinan kita akan buat setempat tapi untuk memisahkan antara dua la, dan juga termasuk apa orang panggil *hok* laki nak jadi orang puan ini *payah* juga, kita nak *bubuh* kat orang puan dia orang laki, jadi nak *bubuh* kat orang laki, kan ada diapa-apakan, jadi kita masih lagi dalam perbincangan lagi itu. Kalau tidak kena buat tiga pula berat la, ataupun Wakil Kijal ada cadangan, dia biasa mahir bab ini.

YANG BERHORMAT DATO' SERI Dr. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang di-Pertua kita panggil Sajat la, Sajat..

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *hok* tu, aduh *payah* pula nak gi Australia kita. Jadi sekarang ini kita masih lagi tunggu tu, jadi tanah sudah ada jadi tinggal lagi untuk kita tunggu orang panggil kerangka ataupun model pembangunan la, modul itu *insya-Allah* akan diseliakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah dengan kerjasama daripada penguatkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Yang terakhir berkait tentang program wanita dalam isu-isu STEM apa sebagainya, saya rasa perkara ini sebenarnya tidak berbangkit isu gender dan sebagainya dalam islam sebab perkara ini kadang-kadang dia terbawa-bawa daripada perjuangan *feminism* di barat, menuntut hak *woman* boleh berhenti dan sebagainya itu benda yang berlaku berdasarkan latar belakang di baratlah, tapi dalam islam rasa tak berbangkit dalam menuntut ilmu *مُسْلِمٌ كُلٌّ عَلَىٰ فَرِيضَةٍ الْعِلْمِ طَلَبُ* Menuntut ilmu adalah fardhu ke atas lelaki dan perempuan. Masalah kepimpinan pun *وَالْمُؤْمِنَاتُ وَالْمُؤْمِنُونَ*

أُولِيَاءَ بَعْضُهُمْ Antara lelaki dan perempuan saling memimpin antara satu sama lain. Sejarah sirah pun kita rasa *dok* berbangkit, banyak contoh-contoh yang ada, Jadi dalam hal ini isu ini cuma termasuk juga di Terengganu kita ini saya rasa tidak ada isu-isu yang melibatkan diskriminasi wanita kita memberi ruang peluang yang sama rata kepada anak Negeri Terengganu dan sebagainya hatta kepada yang bukan melayu pelbagai bangsa dan juga warna kulit sebagainya, begitu juga yang melibatkan STEM, jadi saya *dok* tahu apa ADUN Wanita ambil mana, jadi macam orang puan sikit, persoalan kita dalam Yayasan Terengganu masa kita bincang-bincang isu yang melibatkan SPC, Skim Pelajar Cemerlang dan beberapa anugerah kita tengok orang puan ramai pada orang laki, kita rungging *hok* tu, *guane* ni kata kan apa *hok* yang ramai cemerlang tu orang puan. Sepatutnya kita kena buat bincang *hok* lelaki pula ini *pulok napok* masalah *dok* berbangkit dah *hok* wanita inilah. Begitu juga pelajar-pelajar melibatkan STEM inilah, cuma perkara ini dihadapi oleh kebanyakan IPT yang melibatkan teknikal, kejuruteraan dan sebagainya sebab zaman kita sekolah dulu cikgu wajibkan ambil sains, *mu* sastera, zaman sekarang ini pilihan. Jadi ramai pelajar-pelajar ini kurang untuk memilih aliran STEM jadi perlukan kempen tapi bukan untuk wanita sahajalah untuk semua. Saya

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Yang Berhormat mungkin saya buat boleh buat sedikit pencerahan. sebenarnya isu ini dibincangkan juga dalam Sidang Parlimen yang melibatkan kurangnya penglibatan wanita berbanding dengan lelaki dalam bidang STEM, jadi saya cuma melontarkan supaya adanya galakan dan sokongan daripada semua pihak untuk wanita memilih bidang STEM ini berbanding dengan bidang-bidang yang lain, apatah lagi wanita sekarang ini lebih banyak menceburi bidang TVET dan sebagainya jadi itulah saya mengharapkan satu sokongan semua pihak sebenarnya untuk wanita memilih STEM sebab kebanyakan wanita ini kadang-kadang memilih bidang yang berlainan sepertinya kedokteran dan sebagainya jadi benda ini yang itulah yang saya cadangkan supaya kerjasama semua pihak sebenarnya dan juga turut dibincangkan dalam Sidang Parlimen yang lepas, baharu sahaja lagi.

والله أعلم

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasihlah, *insya-Allah* tapi sepanjang kita lihat khususnya bidang-bidang mediklah perubatan ramai pelajar-pelajar yang kita hantar itu dari kalangan pelajar wanitalah dan hari ini saya rasa bahagian *medic* ini orang puan belaka

conquer ini. Kalau kita *duk* Kertih lah, Yang Berhormat Kijal pun ada situ, kadang-kadang naik pakai *coverall* tapi bawah topi tengok pakai jilbab, *khabat* lening, di kawasan *oil and gas* jadi ramai jurutera-jurutera Ir kita pun dari kalangan wanitalah jadi saya rasa kita pun *dok* beri halangan dan sebagainya memberi ruang berdasarkan merit la, takleh la kata *nok* kuota 30% orang puan *dokleh gok* mestilah berdasarkan orang panggil keupayaan, kemahiran orang panggil yang boleh ditawarkan setandinglah dengan orang-orang lain jadi orang puan pun *takleh* amik kesempatan sebab dia wanita dia kena masuk *line* VIP suku, *dok* boleh lah. Sama saja kita bagi ya antara rakyat kita Terengganu kita. Ke guana ADUN Kijal?

Saya ingin menyentuh sedikit la tentang pandangan berkait dengan sahabat kita daripada Wakil Batu Rakit. Berasap *mareng nok maroh* sangat kes itik. Dia seorang cikgu, *wang*. Seorang guru. Biasalah beri tamsilan, beri contoh, beri perumpamaan. Kalau kira dalam sejarah Islamlah dulu-dulu, *bakpe* banyak cerita-cerita berkait binatang ini. Dulu tugas *amar makruf nahi mungkar ni*, tegur *ni*, kena tegur, tapi sampai satu peringkat, ada pemerintah-pemerintah yang zalim, yang mengunci mulut supaya *dokleh* bercakap, jadi terpaksa ulama-ulama cerita dalam bentuk binatang-binatang, mana ada binatang cakap, *wang*? Jadi binatang-binatang ini bercakap, tegur-menegur sebenarnya mereka adalah untuk memberi nasihat atau memberi peringatan kepada pemimpin-pemimpin. Jadi dalam hal ini, begitu *jugok* PAS sendiri-sendiri sejak tahun 1951. Mengambil pendekatan demokrasi walaupun dengan berbagai-bagai halangan yang dihadapi, jadi saya rasa pemimpin PAS ini ada yang dibunuh, ada sejarah dia. Isu Memali sebagainya pernah dituduh sebagai komunis, Lubuk Merbau dan sebagainya. Samad Gul pernah di *katok*, pernah dibuang daerah, pernah di penjara, berbagai-bagai kalau kira nak berasa hati, orang PAS *ni lame* lagilah. Tapi setiap kali berlaku isu-isu tertentu orang menghulurkan tangan, PAS bersedia. Peristiwa orang panggil 13 Mei, walau dalam keadaan mana pun PAS boleh terima, tapi ditendang keluar. Bila berlaku Tun Mahathir dipecat daripada UMNO, PAS beri *platform* dia untuk menyatakan apa yang ingin dinyatakan. Zaman Ku Li, Semangat 46, Anwar Ibrahim, dan sebagainya, begitulah yang terbaru ini. Jadi kadang-kadang orang kata *pulok*, berapa kali nak masuk lubang *bewok mung* dia kata. Tapi itulah yang dianjurkan dalam Islam. وَإِنْ جُنْحُوا لِّلسَّلَامِ فَأَجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ. Jika orang *dah* menghulur tangan perdamaian, sambutlah tangan tersebut, dan serahlah, bertawakallah kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Jadi orang kata kena tipu *kang, takpe* kita berserah kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. وَإِنْ يُرِيدُوا أَنْ يَخْدَعُوكَ فَإِنَّ حَسْبَكَ اللَّهُ. Jika ada orang

yang ingin menipu kamu, serahlah urusan itu kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, وَالَّذِي أَيْدِيكَ بِئْسَ رَءُوفًا رَءُوفًا وَيُؤْتِيكَ مِنْ حَيْثُ تَشَاءُ وَيُؤْتِيكَ مِنْ حَيْثُ تَشَاءُ Allah Ta'ala yang akan menguatkan kamu, mengukuhkan kamu dengan pertolonganNya, khususnya kepada mereka-mereka yang beriman kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Jadi kadang-kadang dalam PAS ini biasa *dah* orang panggil jadi kambing hitam. Sebagaimana pepatah Arab berkata *واشد تكلي ظلمني, وبكى كى ضربني*. Dia pukul kita, dia *katok* kita, *pahtu* dia nangis. Jadi orang tengok, *mu katok* dia dah dia nangis, padahal dia *katok* kita, tapi dia buat pandai nangis. Jadi nak kata *waner?* Dia memaki kita, tapi dia mengadu. Begitulah dalam suasana seperti ini. Jadi PAS dianggap sebagai khianat dan sebagainya. Saya rasa dalam Terengganu sendiri pun begitu. Panggil Ketua Perhubungan kita pun ada, saya pun antara pimpinan Terengganu juga, sempat sekali *je* pertemuan, selepas pada itu *dok* berminat bertemulah. Jadi sahabat ada seorang BERSATU *tu* mudah, sampai hari ini kita mengadakan beberapa kali mesyuarat dan sebagainya. Kalau nak ungkit kesilapan-kesilapan lama *dok selesaian pah sudohang*. Tapi kita melihat agenda untuk menyatukan kita. Memang itu dianjurkan oleh Islam. Tapi cuma dalam PAS ini begitulah. Kita terikat dengan dasar kita Islam. Memang kadang-kadang payah sikitlah, sukar sikitlah. Sebab dasar kita itu kadang-kadang orang *dok* bertahan mana, lari sebab kita kukuh dengan dasar kita. Menang kalah itu bukan hal, PAS ini sejak 51 lagi banyak kalah pada menang. Jarang-jarang sekali *je* menang. Tapi kita *dok* rasa sebab dasar kita *إِمَّا النَّصْرُ وَإِمَّا الشَّهَادَةُ*. Menang *sokmo tak dok* istilah kalah kecuali kita lompat, kita berhenti, itu dikira kalah. Selagi mana kita istiqamah *insya-Allah* kita dapat, sama ada kita menang atas dunia ataupun mati syahid, makna kena mati dan sebagainya pun tetap dikira sebagai kemenangan di sisi Islam. Sebab itu dalam hal ini, ialah kita sedia maklumlah apa yang diumumkan oleh Timbalan Presiden UMNO sendiri antara dasar-dasarnya, dia kata *hok* mana bertanding, menang, dia tanding *ah* situ. Memanglah untuk Pahang, Kelantan sebagainya UMNO banyak tanding kemungkinan dia *kekallah*, tapi bila Terengganu, Kedah, Kelantan, saya pun pernah cakap Yang Berhormat ADUN Kijal jadi kita *ni* status quo. Jadi *hok* ada menang *hok* PAS ni menang *ah*. Balik *nung hoktu* tanding *hok* ada *ah*. Memanglah dia kata dah bila UMNO *nok* boleh *pulok?* Tapi itulah orang panggil ruang ataupun perbincangan yang sedia ada. Jadi kalau *nok* itu semula tu memang 32 lawan 32 *ah*. Jadi balik asal^{lah} pula, jadi *dok* timbul sepatutnya hal-hal seperti itulah. Dalam hal ini, begitu juga yang disebut, saya rasa saya pun *dok* tahu *bakpe* Wakil Batu Rakit berasa hati sangat isu itik patah kaki *ni wang*. Sebab sebelum pada itu, veteran UMNO sendiri kata orang lain jangan *ajor* itik berenang. Makna UMNO *ni* dah lama, kita akuilah. UMNO ni lama, parti

lama berpengalaman memerintah. Jadi jangan *ajor* itik berenang. Jadi Presiden sebutlah itik ada *time* patah kaki kita rawat. Jadi bila dah *segor molek*, *ye* berenang lari *dok duli doh wang*. *Tu kate ikut saya kita melih je*. [Ketawa] Gulai, kari sedap *or*. Makan dengan pulut kuning. Jadi sebenarnya perumpamaan-perumpamaan *ni* dalam Quran pun banyak supaya kita boleh ambil pengajaran, iktibar. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sendiri sebut:

فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ إِنْ تَحْمِلَ عَلَيْهِ يَلْهَثُ أَوْ تَتْرُكُهُ يَلْهَثُ ذَلِكَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَبُوا بآيَاتِنَا
فَأَقْصُصْ الْقِصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Allah *Ta'ala* sendiri pun perumpamaan mereka contoh seperti anjing, kerja *mung tu holor* pun dia jelir lidah *jugok*, *mu dokwi* pun dia jelir lidah *jugok*. Yang demikian itu merupakan contoh, perumpamaan, misal bagi kaum yang membohongi ayat-ayat kami. فَأَقْصُصْ Ceritakanlah, beritahu, *royak* kisah-kisah ini لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ. Moga-moga kita boleh mengambil iktibar, boleh mengambil pengajaran, jadi hikmah di sebalik itu sebenarnya banyak pengajaran-pengajaran yang boleh kita kongsi, mengambil pengiktibaran. Jangan kita larikan daripada matlamat sebenarnya, jadi janganlah dimangsakan PAS ini sebagai kambing hitam, akibatnya hasrat kita untuk meletakkan matlamat untuk perpaduan itu akhirnya akan jadi gagal. Sekadar itu sahaja pandangan ucapan saya, saya menyokong Ucapan Titah Tuanku Sultan.

وَبَرَكَاتِهِ اللَّهُ وَرَحْمَةً عَلَیْكُمْ وَالسَّلَامُ وَكَم مَالِی عِظَیْمَالِ وَاسْتَعِزُّوا بِاللَّهِ هَذَا فِی وَكَلِّ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Wakil Paka di atas penggulungan yang dibuat sebentar tadi. Sekarang sampai masa yang kita tunggu, saya nak jemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Wakil Rhu Rendang bagi menutup penggulungan bagi pihak Kerajaan. Silakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ تَسْتَعِينُ

وَالظُّلْمَ بَيْنَ عَلِيٍّ ذِي النُّوْرِ وَاللَّيْلَةِ عَدُوِّ لَوْلَا لَمْ يَسُدَّ تَقْوِيمَ الْعَاقِلِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, pegawai-pegawai kerajaan, pemerhati dalam dewan, semua pendengar, tua, muda di alam maya yang saya hormati sekalian. *Alhamdulillah* kita bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di atas kesempatan yang diberikan kepada kita semua untuk sama-sama berada dalam Dewan Yang Mulia ini, dengan suasana yang penuh harmoni dan sejahtera. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang bernas dan menarik untuk diteliti oleh Kerajaan serta dipertimbangkan bagi mencapai matlamat Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera. Pelbagai soalan yang ditimbulkan dalam Dewan ini telah dijawab oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri semasa sesi penggulungan. Ada sebenarnya yang telah dijawab dalam Soalan Lisan, Soalan Tambahan, dan Soalan Bertulis dan ada juga yang merupakan soalan yang berulang dari sidang-sidang yang lepas dan telah dijawab di waktu yang lalu yang semuanya ada di dalam *Hansard* Dewan yang boleh dirujuk secara digital oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, para wartawan dan rakyat seluruhnya.

Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu rakyat Negeri Terengganu dalam berhadapan dengan bencana banjir baru-baru ini. Musibah yang tidak kita jangka. Banjir besar yang luar biasa. Terima kasih terutamanya kepada penduduk-penduduk kampung, JPKK, Ahli-ahli Yang Berhormat, Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Parti-parti Politik, NGO, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah melakukan lawatan singkat pada 2 Mac yang lalu kira-kira tiga minggu yang lalu, Yang Berhormat Menteri-menteri, Ketua-ketua Agensi dan Pegawai Kanan Persekutuan dan semua pihak sama ada rakyat Terengganu sendiri ataupun rakyat Malaysia yang telah sama-sama membantu mangsa-mangsa banjir di Negeri Terengganu. Semoga Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sahaja yang membalas jasa tuan-tuan dan dengan ganjaran yang berlipat kali ganda. Marilah kita sama-sama berdiri dan memberikan tepukan sebagai tanda penghargaan dari Negeri Terengganu. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu ada mengesyorkan untuk Kerajaan Negeri melakukan Kajian Impak ataupun *Impact Assessment* dengan izin dengan mengambil kira perkembangan ekonomi global. Perkara ini turut dibahaskan oleh Yang Berhormat Batu Buruk, Hulu Besut, Kuala Besut, Bukit Besi dan Seberang Takir. *Insya-Allah*, menjunjung kasih di atas Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan maka Kerajaan Negeri melalui UPEN dan TSIS akan melakukan kajian tersebut bagi berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi global yang secara langsung memberikan kesan kepada Negeri Terengganu. Strategi *Blue Ocean* sudah tentunya akan digarap oleh pentadbiran kerajaan ini untuk meletakkan pemulihan ekonomi Negeri Terengganu dan rakyatnya di landasan yang betul dalam masa yang singkat.

اللَّهُ بِإِذْنِ

Yang Berhormat Seberang Takir juga ada menyentuh tentang isu hutang Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana jawapan saya sebelum ini dalam sidang yang lepas jumlah tuntutan balik adalah sebanyak RM1.85 billion. Dan Kerajaan Persekutuan telah membayar balik sebanyak RM418.5 juta dalam bentuk projek iaitu projek LPT3 Awana Kijal yang berjumlah RM118.5 juta dan projek perumahan mampu milik RM100 juta dan pendahuluan tunai RM200 juta. Jumlah yang masih berbaki adalah sebanyak RM1.43 billion. Untuk jumlah ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk mendapatkan bayaran balik hutang ini secara pembayaran tunai dan bukannya melalui pembangunan projek-projek di Negeri Terengganu. Sebagaimana jawapan saya yang lalu dalam sidang yang lepas, pihak kerajaan telah melakukan beberapa siri perbincangan dan perundingan termasuklah respon dan jawapan yang diterima oleh pihak kerajaan daripada kementerian pada Oktober tahun lalu yang saya kategorikan sebagai *code-end-code* tidak produktif. Dan juga pernah saya jelaskan dalam sidang yang lepas. Walaupun begitu, kini kita sudah ada petanda yang lebih positif hasil daripada komunikasi yang terakhir antara pihak kerajaan dengan kementerian, saya sendiri dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan di mana *insya-Allah* perbincangan antara Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya sendiri untuk penyediaan kertas kabinet mengenai isu hutang LPT2 akan diadakan pada 28 Mac nanti di Putrajaya, *insya-Allah*. Sama-sama kita berdoa agar keputusan yang terbaik untuk Terengganu dapat dicapai.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih juga saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersetuju dan menyokong keputusan kerajaan untuk tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri sehingga tamat tempoh penggal. Dan inilah juga harapan kita untuk peringkat Kerajaan Persekutuan. Keputusan ini dibuat untuk memastikan Kerajaan Negeri dapat memberi fokus kepada isu-isu rakyat yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Tambahan pula kita bakal memasuki fasa endemik selepas ini. Malah kita juga tidak mahu mengheret rakyat terlibat dengan pendekatan politik yang tidak menguntungkan mereka. Semalam saya telah menerima satu memorandum yang diserahkan oleh sekumpulan mahasiswa. Iaitu Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS) cawangan Terengganu yang menyokong keputusan kerajaan ini. Mereka menyatakan bahawa anak muda terutamanya pengundi muda sudah muak dengan tindakan politik berkepentingan yang tidak berkesudahan. Jangan sampai kita semua ahli politik menjadi punca terhakisnya keyakinan rakyat terutamanya anak-anak muda yang cintakan keamanan, kesejahteraan dan perpaduan. Selari dengan hasrat ini, maka Kerajaan Negeri akan lebih responsif terhadap keperluan libat urus dan suara generasi muda dalam dasar Kerajaan Negeri Terengganu. *Insya-Allah* saya sendiri akan turun menyantuni dan mendengar sudut pandang mereka walau di mana jua. Ruang dan peluang yang selayaknya akan diwujudkan supaya partisipasi golongan muda dan sudah tentunya golongan yang tidak berparti ini untuk lebih memahami dan seterusnya memberikan idea-idea mereka untuk kepentingan negeri dan negara secara umumnya. Adalah penting untuk kita semua fahami bahawa penyertaan dalam politik adalah tanggungjawab sebagai seorang muslim dan peranan rakyat dalam sebuah negara demokrasi tanpa mengira umur dan latar belakang sosial ekonomi mereka.

Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersependapat dengan Yang Berhormat Bandar dan Telemong bahawa formula yang terbaik untuk kestabilan politik negeri dan negara adalah dengan adanya penyatuan antara orang melayu Islam. Kita sedar bahawa tonggak kestabilan pada Malaysia dan Terengganu adalah kesatuan orang melayu Islam. Maka tidak dapat tidak, kita mesti berusaha bersama-sama bagi menyatukan atau mengurangkan perselisihan antara parti-parti politik ini. Malah penyatuan ini mesti bersifat inklusif dan bukannya eksklusif serta terhad kepada pihak-pihak tertentu atau hanya satu dua parti politik sahaja. Semakin ramai dan semakin besar kelompok melayu Islam yang kita jalinkan, semakin kukuh dan kuatlah

kestabilan negara. Apa jua status muafakat nasional yang kita dokongi mesti *lah* tidak meresahkan dan membebaskan rakyat yang baru sahaja hendak bernafas dengan cengkaman COVID-19. Saya juga berharap apa jua yang berlaku janganlah kita memperjudikan keharmonian dan kesejahteraan rakyat di kampung yang telah kita kecap sebelum ini. Rakyat kita sudah mula mengenali dan selesa dengan politik matang dan sejahtera dan saling tolong menolong tanpa mengira warna politik. Perkara ini perlu dikekalkan walau apa jua yang terjadi.

Biar ribut melanda,
Biar ombak menerpa,
Biar badai menyapa,
Nasib rakyat jangan dialpa.

Dengan penuh rendah diri saya ingin merayu agar kita semua mengingati kembali. Ya sememangnya kita ini manusia yang mudah lupa untuk kita mengingati kembali keperitan yang ditanggung oleh rakyat selama 22 bulan pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan. Mengingati Kembali episod kegelojohan kerajaan 22 bulan yang berseteru dengan agensi dan pegawai kerajaan. Dan percubaan kerajaan mereka untuk mengganggu pelbagai institusi yang ada dalam negara kita dan seribu macam perkara yang telah berlaku. Di atas keperitan dan kelemahan kerajaan 22 bulan itu *lah*, kerajaan mereka, yang mereka bina itu terlerai runtuh dan dari situ kita dapat duduk bersama dalam sebuah Kerajaan Persekutuan. PAS, Barisan Nasional, Bersatu dan parti-parti lain dari Sabah dan Sarawak sehingga telah membentuk sebuah kerajaan yang baharu. Tanpa mereka yang melompat keluar dari Kerajaan Pakatan Harapan yang menjadi sandaran dan penyebab di waktu itu, kita mungkin tidak akan mengecapi kerajaan baharu selepas kerajaan 22 bulan. Adalah tidak manis, adalah tidak elok, di waktu susah masa bertungkus lumus, masa berperit, masa berjuang untuk melakukan perubahan dan membina negara, di waktu itu kita dapat merendahkan diri untuk bekerjasama. Dan selepas berjaya, kita mula melupakan mereka, kita tinggalkan mereka yang berkorban iaitu mereka yang menjadi pencetus pertukaran Kerajaan baharu itu. Ia tentunya dalam perjalanan ini kita semua ada tercedera di sana sini, kadang kala ada di antara kita terkasar, *bengkeng*, bengis pada waktu yang kritikal ini. Apa pun yang berlaku tidak ada alasan untuk kita semua, parti-parti yang ada yang membentuk kerjasama di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk tidak boleh duduk bersama dan berbincang bagi merungkai dan mencari titik persamaan.

Masalah tidak akan selesai sampai bila-bila sekiranya kita sibuk membahas noktah perbezaan. Pada tahun 1946, Almarhum Burhanuddin al-Hilmi telah menulis, di atas robohan Kota Melaka kita bangunkan jiwa merdeka, bersatu padulah segenap baka, membela hak keadilan pusaka.

Pantun saya pada hari ini,

Naik bot pergi ke Pengkalan,
Pergi mencari kayu gaharu,
Di atas runtuhan 22 bulan,
Kita bina negara baharu.

Kerajaan baharu kita usaha,
Rakyat berpadu negara sejahtera,
Marilah kita terus berusaha,
Kita dirikan umat sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum melabuhkan bicara, sempena bulan Ramadhan yang bakal tiba suka untuk saya ucapkan selamat menghidupkan Ramadhan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat Terengganu. Marilah sama-sama kita memanfaatkan bulan yang mulia ini dengan melakukan sebanyak mungkin amal kebaikan dan terus berdoa agar Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* melindungi kita semua dari musibah dan bencana yang kita tidak mampu menghadapinya.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan, pertanyaan, percambahan, pemikiran disepanjang sidang DUN ini dijalankan. Penghargaan setingginya juga kepada semua *frontliners* di luar sana di saat kita menghadapi pandemik, anggota-anggota keselamatan, semua pegawai-pegawai Kerajaan, Bentara Dewan, penyedia makanan minuman kita dan semua yang terlibat bagi memastikan sidang kita ini dapat berjalan dengan lancar dan sempurna. Dan, dengan itu saya menyokong dan menjunjung kasih Titah Duli Yang Mulia Sultan Negeri Terengganu. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Alhamdulillah dengan penggulungan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tadi selesailah sudah penggulungan bagi pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya sekarang ini buka kepada undian-

Usul ini kemudian diharapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

TANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Tangguhan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya persidangan dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya tangguhkan Dewan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian selama empat hari kita bersidang. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih terutama kepada wira-wira yang tak didendangkan, *unsung heroes* seperti yang telah disebutkan tadi di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan sama ada peringkat Negeri, Persekutuan. Khusus kepada kakitangan Pejabat Dewan Negeri, pihak media yang sentiasa melaporkan berita dengan baik, pihak keselamatan dan semua sekali yang tak sempat saya sebutkan satu persatu. Sekarang, saya tangguhkan persidangan dewan ini ke satu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan untuk itu sama-samalah kita membaca tasbih Kaffarah dan Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN ADA JAM 1:00 PETANG.